

**METODOLOGI TARANNUM AL-QURAN MENURUT BACAAN  
MUSTAFA ISMA'IL (M. 1978) DAN PENGARUHNYA  
DI MALAYSIA**

**KHALID BIN ISA**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**METODOLOGI TARANNUM AL-QURAN MENURUT BACAAN  
MUSTAFA ISMA,,IL (M. 1978) DAN PENGARUHNYA  
DI MALAYSIA**

**KHALID BIN ISA**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**METODOLOGI TARANNUM AL-QURAN MENURUT BACAAN  
MUSTAFA ISMA, JL (M. 1978) DAN PENGARUHNYA  
DI MALAYSIA**

**ABSTRAK**

Kajian ini memfokuskan kepada seorang tokoh tarannum al-Quran yang masyhur di seluruh dunia iaitu Shaykh Muṣṭafā Ismā, jl. Perbincangannya berkenaan dengan metode-metode bacaan tarannum al-Quran dan pengaruhnya di Malaysia. Objektif utama kajian adalah untuk menjelaskan secara ilmiah berkenaan tarannum al-Quran dan manhaj-manhajnya di Malaysia, mendedahkan latar belakang Shaykh Muṣṭafā Ismā, jl, mengkaji metode-metode di dalam bacaan tarannum beliau dan menganalisa pengaruhnya di Malaysia. Bentuk kajian yang dilakukan ialah melalui perpustakaan dan lapangan. Hasil kajian mendapati bahawa tarannum al-Quran merupakan sunnah Rasulullah (s.a.w) yang telah terbukti dengan beberapa hadis sahih. Manhaj tarannum al-Quran di Malaysia terbahagi kepada dua bahagian, iaitu tarannum Arab *Hijāzī* dan Arab *Miṣrī*. Dari segi metode bacaan beliau pula boleh disimpulkan kepada empat perkara utama iaitu tarannum, suara, tajwid dan *qirā'āt*. Realitinya, bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā, jl telah mempengaruhi sebahagian besar masyarakat di Malaysia. Kajian ini meneliti pengaruh tersebut dalam dua aspek utama iaitu dalam bidang penulisan dan di kalangan bacaan qari dan qariah. Akhirnya, kajian ini merumuskan bahawa pengaruh dalam bidang penulisan dapat dikesan melalui beberapa karya dan artikel yang tersebar luas di Malaysia. Pengaruh yang kuat bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā, jl terhadap bacaan qari dan qariah adalah berpunca daripada guru tarannum yang terawal iaitu Hj. Ahmad Mat Som Pergau yang merupakan anak murid kepada Shaykh Muṣṭafā Ismā, jl. Beliau telah menerapkan

dalam pengajaran tarannum kepada murid-muridnya mengikut *uslūb* atau *ṭarīq*  
Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl.

University of Malaya

**METHODOLOGI OF TARANNUM AL-QURAN ACCORDING TO THE  
RECITATION BY MUSTAFA ISMA,IL (D. 1978) AND ITS INFLUENCE  
IN MALAYSIA**

**ABSTRACT**

This research focuses on Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl, an eminent figure in *tarannum al-Quran*. The discussion relates to the methods of *tarannum al-Quran* recitation and its influence in Malaysia. The main objectives of this research were to scientifically clarify the *tarannum al-Quran* and its *manhaj* in Malaysia, to unfold the background of Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl, to study the methods in his *tarannum* recitation and to analyse his influence in Malaysia. The research was conducted through references from library and on-site study. The findings of the research exhibited that *tarannum al-Quran* is a *Sunnah* from Rasulullah (s.a.w) which has been evidenced based on several *hadith sahih*. *Tarannum al-Quran manhaj* in Malaysia can be divided into two parts; which are *Hijāzī* Arabic *tarannum* and *Miṣrī* Arabic *tarannum*. In term of recitation methods, it could be concluded that there are four main items involved: *tarannum*, voice, *tajwid* and *qirā'āt*. In reality, the recitation of Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl has influenced majority of the community in Malaysia. A comprehensive research on the influence of his recitation on two main aspects; which are writing and recitation among *qari* and *qariah*, has been conducted. Eventually, it can be summarized that the influence in writing could be recognized through several works and articles scattered all around Malaysia. The strong influence of Muṣṭafā Ismā,īl's recitation on the recitation of *qari* and *qariah* stemmed from the earliest *tarannum* scholar, Hj. Ahmad Mat Som Pergau who was a student of Muṣṭafā Ismā,īl. He has

instilled in his *tarannum* teaching to his students to follow the *uslūb* or *ṭarīq* of Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl.

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, kesyukuran kepada Allah (S.W.T) di atas limpahan kurnia dan inayahNya penulis berjaya menyiapkan tesis ini, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w) penghulu sekalian nabi.

Pertama sekali penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia tesis ini iaitu Prof. Madya Dr. Mustaffa Abdullah dan Dr. Muhammad Lukman Ibrahim yang telah banyak membantu, memberi idea, tunjuk ajar, membimbing, pandangan dan dorongan kepada penulis dalam menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Dato<sup>”</sup> Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff yang merupakan mantan Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), pensyarah-pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Hadith iaitu Dr. Khadher Ahmad (Ketua Jabatan al-Quran dan al-Hadith), Dr. Sedek Ariffin, Dr. Monika @ Munirah Abdul Razzak, Prof. Madya Dr. Faisal Ahmad Shah di atas pandangan dan komentar bagi menambah baik tesis ini.

Seterusnya buat sahabat-sahabat seperjuangan pegawai-pegawai masjid terdiri di kalangan imam dan bilal masjid-masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang banyak menyuntik semangat dan mendoakan kepada penulis dalam menyempurnakan kajian ini.

Akhir sekali, khusus buat isteri yang tercinta Ifadilah Ismail di atas sokongan dan dorongan yang diberikan. Kemudian buat anak-anak yang menjadi sumber inspirasi Abi moga-moga menjadi anak yang soleh dan solehah iaitu Muhammad Khir Zuhaili, Nur Insyirah Safwah dan Nur Imanina, terima kasih di atas pengorbanan dan kasih sayang kalian curahkan selama ini.

Harapan penulis agar hasil usaha ini dikira sebagai amal soleh di sisi Allah  
(S.W.T). Semoga kita semua mendapat rahmat Allah (S.W.T), Amin..

Sekian, wassalam

Khalid bin Isa  
(IHA 120057)  
Jabatan al-Quran dan al-Hadith,  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.

10 Ogos 2019 M  
9 Zulhijjah 1440 H

## ISI KANDUNGAN

| TAJUK                           | HALAMAN |
|---------------------------------|---------|
| ABSTRAK                         | iv      |
| ABSTRACT                        | vi      |
| PENGHARGAAN                     | viii    |
| ISI KANDUNGAN                   | x       |
| SENARAI JADUAL                  | xvii    |
| SENARAI RAJAH                   | xix     |
| SENARAI KEPENDEKAN              | xx      |
| JADUAL TRANSLITERASI            | xxii    |
| SENARAI LAMPIRAN                | xxv     |
| <br><b>BAB:     PENDAHULUAN</b> |         |
| 1.   PENGENALAN                 | 1       |
| 2.   LATAR BELAKANG KAJIAN      | 1       |
| 3.   MASALAH KAJIAN             | 7       |
| 4.   PERSOALAN KAJIAN           | 9       |
| 5.   OBJEKTIF KAJIAN            | 10      |
| 6.   DEFINISI TAJUK             | 10      |
| 7.   SKOP KAJIAN                | 14      |
| 8.   KEPENTINGAN KAJIAN         | 14      |
| 9.   ULASAN KAJIAN LEPAS        | 16      |

|                              |    |
|------------------------------|----|
| 10. METODOLOGI KAJIAN        | 39 |
| 10.1 Metode Pengumpulan Data | 39 |
| 10.2 Metode Analisa Data     | 41 |
| 11. SISTEMATIKA PENULISAN    | 44 |

**BAB 1:    TARANNUM AL-QURAN DAN MANHAJ-MANHAJNYA  
          DI MALAYSIA**

|                                                                           |    |
|---------------------------------------------------------------------------|----|
| 1.1    PENDAHULUAN                                                        | 46 |
| 1.2    DEFINISI TARANNUM AL-QURAN                                         | 47 |
| 1.2.1 Bahasa                                                              | 47 |
| 1.2.2 Istilah                                                             | 55 |
| 1.3    SUMBER ILMU TARANNUM                                               | 57 |
| 1.4    SEJARAH PERKEMBANGANNYA                                            | 59 |
| 1.5    PANDANGAN ULAMA TENTANG HUKUMNYA                                   | 68 |
| 1.5.1 Golongan Pertama: Mengharuskan Bertarannum Dalam<br>Bacaan al-Quran | 68 |
| 1.5.2 Golongan Kedua: Melarang Bertarannum Dalam Bacaan al-Quran          | 74 |
| 1.5.3 <i>Tarjīh</i>                                                       | 78 |
| 1.6    MANHAJ-MANHAJ ILMU TARANNUM AL-QURAN DI MALAYSIA                   | 80 |
| 1.6.1 Pembahagian Tarannum al-Quran                                       | 80 |
| 1.6.2 Tarannum Yang Masyhur                                               | 83 |
| 1.6.3 Istilah-Istilah Ilmu Tarannum                                       | 92 |
| 1.6.4 Suara                                                               | 94 |

|       |                                               |     |
|-------|-----------------------------------------------|-----|
| 1.7   | TOKOH-TOKOH TARANNUM YANG MASHYUR DI MALAYSIA | 97  |
| 1.7.1 | Hj. Ahmad Mat Som Pergau                      | 98  |
| 1.7.2 | Tan Sri Dato“ Hj Hassan Hj. Azhari            | 102 |
| 1.7.3 | Datuk Paduka Hj. Nik Jaafar Hj. Nik Ismail    | 107 |
| 1.8   | KESIMPULAN                                    | 115 |

## **BAB 2: PENGENALAN SHAYKH MUŞTAFĀ ISMĀ‘ĪL DAN BENTUK BACAAN TARANNUM BELIAU**

|        |                                                |     |
|--------|------------------------------------------------|-----|
| 2.1    | PENDAHULUAN                                    | 117 |
| 2.2    | RIWAYAT HIDUP SHAYKH MUŞTAFĀ ISMĀ‘ĪL           | 118 |
| 2.2.1  | Nama Dan Kelahiran                             | 118 |
| 2.2.2  | Gelaran ( <i>Laqab</i> )                       | 118 |
| 2.2.3  | Latar Belakang Keluarga                        | 119 |
| 2.2.4  | Adik-Beradik                                   | 119 |
| 2.2.5  | Sifat, Akhlak Dan Perwatakan Peribadi          | 120 |
| 2.2.6  | Perjalanan Pengajiannya                        | 121 |
| 2.2.7  | Perkahwinan                                    | 126 |
| 2.2.8  | Perjalanan Beliau Dalam Dunia Tilawah al-Quran | 127 |
| 2.2.9  | Keistimewaan Dan Kelebihan                     | 132 |
| 2.2.10 | Guru-Gurunya                                   | 135 |
| 2.2.11 | Anak-Anak Murid                                | 137 |
| 2.2.12 | Rakan-Rakan Seangkatan                         | 142 |
| 2.2.13 | Sumbangannya                                   | 148 |
| 2.2.14 | Pujian                                         | 150 |

|                                                     |     |
|-----------------------------------------------------|-----|
| 2.2.15 Anugerah Dan Kurniaan                        | 154 |
| 2.2.16 Meninggal Dunia                              | 154 |
| 2.3 BENTUK DAN <i>TURĀTH</i> BACAAN TARANNUM BELIAU | 155 |
| 2.3.1 Bacaan Tarannum <i>Aṣlī Mujawwad</i>          | 157 |
| 2.3.2 Bacaan Tarannum <i>Murattal</i>               | 166 |
| 2.4 KESIMPULAN                                      | 169 |

### **BAB 3: METODE-METODE BACAAN TARANNUM SHAYKH MUṢṬAFA ISMĀʿĪL**

|                                           |     |
|-------------------------------------------|-----|
| 3.1 PENDAHULUAN                           | 172 |
| 3.2 KRITERIA-KRITERIA BACAAN TARANNUM     | 173 |
| 3.2.1 <i>Marātib al-Tilāwah</i>           | 173 |
| 3.2.2 Bacaan Bertadabbur                  | 175 |
| 3.2.3 Bacaan Berlahjah „ <i>Arabiyyah</i> | 177 |
| 3.2.4 <i>Uslūb al-Qirāʾah</i>             | 185 |
| 3.3 METODE PENGGUNAAN TARANNUM            | 188 |
| 3.3.1 Tarannum Tersusun                   | 188 |
| 3.3.2 Tarannum Pelbagai                   | 190 |
| 3.3.3 <i>Ḥarakāt</i> Dalam Tarannum       | 192 |
| 3.3.4 Tarannum Permulaan Dan Penutup      | 196 |
| 3.3.5 <i>Quflah</i>                       | 196 |
| 3.3.6 Penyesuaian Tarannum Dengan Ayat    | 196 |
| 3.3.7 <i>Intiqāl al-Maqām</i>             | 201 |
| 3.3.8 <i>Takrīr</i>                       | 202 |
| 3.3.9 <i>Wuṣlah al-Mumāthalah</i>         | 203 |

|                                          |     |
|------------------------------------------|-----|
| 3.4 METODE SUARA DALAM TARANNUM          | 204 |
| 3.4.1 Suara Pelbagai                     | 204 |
| 3.4.2 <i>Tabaqāt</i> Suara               | 206 |
| 3.4.3 Sifat Suara                        | 207 |
| 3.4.4 Tangga Suara                       | 209 |
| 3.4.5 <i>Burdah</i>                      | 209 |
| 3.4.6 <i>Ikhtilāl al-Laḥn</i>            | 210 |
| 3.5 METODE TAJWID DALAM TARANNUM         | 211 |
| 3.5.1 <i>Isti,ādah</i>                   | 211 |
| 3.5.2 <i>Basmalah</i>                    | 213 |
| 3.5.3 Makhraj Dan Sifat Huruf            | 215 |
| 3.5.4 Hukum-Hukum Tajwid                 | 219 |
| 3.5.5 <i>Waqf wa al-Ibtidā'</i>          | 231 |
| 3.6 METODE <i>QIRĀ'ĀT</i> DALAM TARANNUM | 239 |
| 3.7 KESIMPULAN                           | 247 |

#### **BAB 4: PENGARUH BACAAN TARANNUM AL-QURAN SHAYKH MUṢṬAFĀ ISMĀ'ĪL DI MALAYSIA**

|                                                            |     |
|------------------------------------------------------------|-----|
| 4.1 PENDAHULUAN                                            | 250 |
| 4.2 PENGARUH SHAYKH MUṢṬAFĀ ISMĀ'ĪL DALAM BIDANG PENULISAN | 251 |
| 4.2.1 Pengaruh Kepada Karya-Karya                          | 252 |
| 4.2.2 Pengaruh Kepada Artikel-Artikel                      | 271 |
| 4.2.3 Kesimpulan                                           | 278 |

|                                                                          |     |
|--------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.3 PENGARUH SHAYKH MUṢṬAFĀ ISMĀʿĪL TERHADAP QARI DAN QARIAH             | 279 |
| 4.3.1 Qari Dan Qariah Yang Terpilih                                      | 280 |
| 4.3.2 Pengaruh Kepada Pengajian Dan Pengamalan Qari dan Qariah           | 281 |
| 4.3.2.1 Kesimpulan                                                       | 308 |
| 4.3.3 Pengaruh Kepada Bacaan Qari Dan Qariah                             | 310 |
| 4.3.3.1 Analisis Bacaan Qari-Qari                                        | 311 |
| 4.3.3.2 Analisis Bacaan Qari-Qariah                                      | 329 |
| 4.3.3.3 Perakuan Pakar Di Malaysia Terhadap Bacaan Qari Dan Qariah       | 340 |
| 4.3.3.4 Kesimpulan                                                       | 340 |
| 4.4 KESIMPULAN                                                           | 342 |
| <br><b>BAB 5: PENUTUP</b>                                                |     |
| 5.1 PENGENALAN                                                           | 343 |
| 5.2 RUMUSAN KAJIAN                                                       | 343 |
| 5.3 CADANGAN                                                             | 347 |
| 5.3.1 Cadangan Kepada Agensi Kerajaan Dan Swasta                         | 347 |
| 5.3.2 Cadangan Kepada Intitusi-Intitusi Pengajian Tinggi Awam Dan Swasta | 348 |
| 5.3.3 Cadangan Kepada Qari Dan Qariah                                    | 349 |
| 5.3.4 Cadangan Kepada Masyarakat                                         | 350 |
| 5.3.5 Cadangan Kepada Pengkaji Seterusnya                                | 350 |

|                    |     |
|--------------------|-----|
| <b>BIBLIOGRAFI</b> | 352 |
| Al-Quran           | 352 |
| Buku Bahasa Arab   | 352 |
| Buku Bahasa Melayu | 358 |
| Tesis              | 361 |
| Latihan Ilmiah     | 362 |
| Jurnal             | 363 |
| Kertas Kerja       | 364 |
| Majalah            | 365 |
| Temu bual          | 365 |
| Laman Sesawang     | 366 |

## SENARAI JADUAL

|            |                                                                                           |     |
|------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Jadual 1:  | Penganugerahan Tan Sri Dato <sup>™</sup> Hj Hassan Hj.Azhari                              | 106 |
| Jadual 2:  | Rakaman Bacaan Tarannum <i>Aṣḥī Mujawwad</i> 30 juzuk<br>Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl           | 157 |
| Jadual 3:  | Rakaman Bacaan Tarannum <i>Aṣḥī Mujawwad</i><br>Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl dalam bentuk mp3   | 159 |
| Jadual 4:  | Rakaman Bacaan Tarannum <i>Aṣḥī Mujawwad</i><br>Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl dalam bentuk video | 165 |
| Jadual 5:  | Rakaman Bacaan Tarannum <i>Murattal</i> 30 Juzuk<br>Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl                | 166 |
| Jadual 6:  | Contoh Aplikasi <i>Ḥarakāt</i> Dalam Bacaan Shaykh Muṣṭafā<br>Ismā,īl                     | 193 |
| Jadual 7:  | Sifat Suara Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl                                                        | 208 |
| Jadual 8:  | Perbandingan <i>Ṭarīq al-Shāṭibiyyah</i> Dan <i>Ṭarīq al-Jāzārīyyāh</i>                   | 225 |
| Jadual 9:  | Contoh Bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl Pada Manhaj Qirā'āt<br>Hamzah Riwayat Khalaf         | 246 |
| Jadual 10: | Contoh Bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl pada manhaj Qirā'āt<br>Nāfi' Riwayat Warsh           | 247 |
| Jadual 11: | Analisis Metode Bacaan Qari Ustaz Hj. Hasan Musa                                          | 312 |
| Jadual 12: | Analisis Metode Bacaan Qari Ustaz Hj. Abdul Rahim Ahmad                                   | 314 |
| Jadual 13: | Analisis Metode Bacaan Qari Ustaz Hj. Md Hussin Mohd Yunus                                | 316 |
| Jadual 14: | Analisis Metode Bacaan Qari Ustaz Hj. Che Yahaya Daud                                     | 318 |
| Jadual 15: | Analisis Metode Bacaan Qari Dato <sup>™</sup> Hj. Ahmad Faizul Ghazali                    | 320 |
| Jadual 16: | Analisis Metode Bacaan Qari Ustaz Hj. Amir Rahman Abbas                                   | 322 |

|                                                                                                     |     |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Jadual 17: Analisis Metode Bacaan Qari Ustaz Hj. Muhammad Anuar<br>Ghazali                          | 324 |
| Jadual 18: Analisis Metode Bacaan Qari Dr. Anuar Hasin                                              | 326 |
| Jadual 19: Analisis Metode Bacaan Qari Ustaz Hj. Wan Ainudin Hilmi<br>Abdullah                      | 328 |
| Jadual 20: Analisis Metode Bacaan Qariah Hjh. Faridah Hj. Mat Saman                                 | 330 |
| Jadual 21: Analisis Metode Bacaan Qariah Hjh. Rahmas Abdullah                                       | 332 |
| Jadual 22: Analisis Metode Bacaan Qariah Hjh. Syarifah Khasif Fadzilah<br>Syed Mohammad Badiuzzaman | 334 |
| Jadual 23: Analisis Metode Bacaan Qariah Hjh. Nor Azrah Ayub                                        | 336 |
| Jadual 24: Analisis Metode Bacaan Qariah Hjh. Normalina Alias                                       | 338 |

## SENARAI RAJAH

|          |                                             |     |
|----------|---------------------------------------------|-----|
| Rajah 1: | Metodologi Kajian                           | 43  |
| Rajah 2: | <i>Ṭabaqāt</i> Suara                        | 96  |
| Rajah 3: | Bentuk Bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl        | 171 |
| Rajah 4: | Kriteria Bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl      | 249 |
| Rajah 5: | Metode-Metode Bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl | 249 |
| Rajah 6: | Salasilah Guru Di Kalangan Qari Dan Qariah  | 309 |

## SENARAI KEPENDEKAN

|         |   |                                                      |
|---------|---|------------------------------------------------------|
| a.s     | : | „Alayh al-Salam                                      |
| bil.    | : | bilangan                                             |
| b.      | : | bin                                                  |
| bt.     | : | binti                                                |
| cet.    | : | cetakan                                              |
| D.      | : | Died                                                 |
| Dr.     | : | Doktor                                               |
| Ed.     | : | Editor                                               |
| ed.     | : | edisi                                                |
| et. al. | : | buku yang mempunyai empat pengarang atau lebih       |
| H       | : | Hijrah                                               |
| Ibid    | : | Ibidem (rujukan berturut)                            |
| j.      | : | jilid                                                |
| JAKIM   | : | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia                      |
| JAWI    | : | Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| JAHEIK  | : | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan               |
| juz.    | : | juzuk                                                |
| KUIS    | : | Kolej Universiti Islam Selangor                      |
| M       | : | Masihi                                               |
| M.      | : | Meninggal/Mati                                       |
| no.     | : | nombor                                               |
| Prof.   | : | Profesor                                             |
| r.a     | : | <i>Raḍiya Allāh „Anh</i>                             |

|        |   |                                    |
|--------|---|------------------------------------|
| r.ah   | : | <i>Raḍiya Allāh „Anhā</i>          |
| s.a.w  | : | <i>Ṣalla Allāh „Aayh wa Sallam</i> |
| S.W.T  | : | <i>Subḥānah Wa Ta,,ālā</i>         |
| terj.  | : | terjemahan                         |
| t.t    | : | tanpa tarikh                       |
| t.p    | : | tanpa penerbit                     |
| t.t.p  | : | tanpa tempat percetakan            |
| UKM    | : | Universiti Kebangsaan Malaysia     |
| UM     | : | Universiti Malaya                  |
| UniSZA | : | Universiti Sultan Zainal Abidin    |
| USIM   | : | Universiti Sain Islam Malaysia     |

## JADUAL TRANSLITERASI

### 1. HURUF

| HURUF ARAB | HURUF LATIN | CONTOH | TRANSLITERASI |
|------------|-------------|--------|---------------|
| أ، ء       | A , ‘       | أولئك  | Ulā‘ik        |
| ب          | B           | باب    | Bāb           |
| ت          | T           | ترجم   | Tarjim        |
| ث          | Th          | ثورة   | Thawrah       |
| ج          | J           | جنة    | Jannah        |
| ح          | Ḥ           | حافظ   | Ḥafīẓ         |
| خ          | Kh          | خالد   | Khālīd        |
| د          | D           | دورة   | Dawrah        |
| ذ          | Dh          | ذلك    | Dhālik        |
| ر          | R           | روح    | Rūḥ           |
| ز          | Z           | زيتون  | Zaytūn        |
| س          | S           | سيرة   | Sīrah         |
| ش          | Sh          | شك     | Shak          |
| ص          | Ṣ           | صيف    | Ṣayf          |
| ض          | Ḍ           | ضيوف   | Ḍuyūf         |
| ط          | Ṭ           | طبع    | Ṭaba,,        |

|    |      |                         |                                      |
|----|------|-------------------------|--------------------------------------|
| ظ  | Z    | ظلال                    | Zilāl                                |
| ع  | „    | عبد                     | „Abd                                 |
| غ  | Gh   | غير                     | Ghayr                                |
| ف  | F    | فرقان                   | Furqān                               |
| ق  | Q    | قرءان                   | Qur‘ān                               |
| ك  | K    | كتاب                    | Kitāb                                |
| ل  | L    | لبس                     | Labis                                |
| م  | M    | مسجد                    | Masjid                               |
| ن  | N    | نور                     | Nūr                                  |
| و  | W    | وقف                     | Waqf                                 |
| هـ | H    | همزة                    | Hamzah                               |
| ي  | Y    | يوم                     | Yawm                                 |
| ة  | H, T | العربية/ مشكاة المصابيح | Al-„Arabiyyah/<br>Mishkāt al-Maṣābiḥ |

## 2. VOKAL PENDEK

| HURUF ARAB | HURUF LATIN | CONTOH | TRANSLITERASI |
|------------|-------------|--------|---------------|
| اَ         | A           | فعل    | Fa,ala        |
| إِ         | I           | سلم    | Salima        |
| أُ         | U           | كتب    | Kutiba        |

### 3. VOKAL PANJANG

| HURUF ARAB | HURUF LATIN | CONTOH     | TRANSLITERASI |
|------------|-------------|------------|---------------|
| أ ، إ      | Ā           | قال ، يسرى | Qāl , Yusrā   |
| ي          | Ī           | قيل        | Qīl           |
| و          | Ū           | يقول       | Yaqūl         |

### 4. DIFTOG

| HURUF ARAB | HURUF LATIN | CONTOH | TRANSLITERASI |
|------------|-------------|--------|---------------|
| أُ —       | AW          | قول    | Qawl          |
| يُ —       | AY          | ويل    | Wayl          |
| وُ —       | UWW         | غلو    | Ghuluww       |
| يَ —       | IY , Ī      | عربي   | „Arabiy / i   |

## SENARAI LAMPIRAN

|                                                           |     |
|-----------------------------------------------------------|-----|
| Lampiran 1 : Gambar Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl                | 370 |
| Lampiran 2 : Gambar Pakar Tarannum Dan Tajwid Di Malaysia | 371 |
| Lampiran 3 : Gambar Qari Dan Qariah Yang Dikaji           | 373 |
| Lampiran 4 : Perakuan Pakar Tarannum Malaysia             | 380 |
| Lampiran 5: Biodata Qari-Qari Yang Dikaji                 | 382 |
| Lampiran 6: Biodata Qariah-Qariah Yang Dikaji             | 397 |
| Lampiran 7 : Soalan Temubual Biodata Qari Dan Qariah      | 406 |

## BAB: PENDAHULUAN

### 1. PENGENALAN

Tesis ini mengkaji tentang metode-metode bacaan tarannum al-Quran Shaykh<sup>1</sup> Muṣṭafā Ismāʿīl dan pengaruhnya di Malaysia. Perbincangan awal dalam kajian ini ialah penulis menjelaskan secara ilmiah tentang ilmu tarannum itu sendiri dan membincangkan tentang manhaj-manhaj yang diamalkan di Malaysia. Kemudian disusuli dengan memperkenalkan personaliti sebenar Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Selain itu, kemuncak kepada perbincangan tesis ini ialah penulis mendokumentasikan metode-metode bacaan tarannum al-Quran Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan seterusnya membuktikan bahawa beliau mempunyai pengaruh yang kuat di Malaysia.

Dalam bab ini, penulis menggarapkan tajuk-tajuk penting yang merupakan gambaran kepada kajian ini. Ia meliputi pengenalan, latar belakang kajian, masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi tajuk, skop kajian, kepentingan kajian, ulasan kajian lepas, metodologi kajian dan akhir sekali sistematika penulisan.


### 2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Ilmu tarannum merupakan suatu ilmu seni yang perlu dipelajari secara khusus melalui *talaqqī mushāfahah*<sup>2</sup>. Realitinya dengan bertarannum boleh mencapai suatu bacaan al-Quran yang terbaik iaitu bacaan “*tartīl*”, seperti firman Allah (S.W.T):

---

<sup>1</sup> Penulis memilih menggunakan ejaan perkataan “Shaykh” mengikut bahasa arab (شيخ).

<sup>2</sup> *Talaqqī* merupakan perkataan bahasa arab yang bermaksud berjumpa manakala *musyāhafah* pula bermaksud daripada mulut ke mulut. Hasil daripada gabungan dua perkataan ini, maka ianya bermaksud mempelajari al-Quran secara mulut ke mulut iaitu daripada mulut seorang guru kepada mulut anak murid. Dengan kata lain mengikut istilah yang digunakan pada masa kini iaitu mempelajari al-Quran secara *face to face* (bersemuka) bersama guru yang mahir. Menurut Datuk Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail pula *Mushāfahah* ialah satu sistem penerimaan bacaan al-Quran yang teliti dari mulut guru yang muktabar. Lihat *Makalah Dakwah*, Unit Dakwah & Informasi, Masjid



Terjemahan: Dan bacalah al-Quran secara *tartil*

Ayat di atas menunjukkan satu perintah oleh Allah (S.W.T) kepada umat Islam supaya membaca al-Quran secara *tartil*. Kalimah *tartil* ini telah ditafsirkan oleh ulama dengan pelbagai penafsiran, di antaranya:

1. Imam al-Shāfi, <sup>3</sup> (150-204 H) menukulkan bahawa makna *tartil* ialah meninggikan dan memperelokkan suara.<sup>4</sup>
2. Imam al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-,<sup>5</sup> Asqalānī<sup>5</sup> (773-852 H), Shaykh „Alī al-Ṣābūnī<sup>6</sup> (1930 H) dan Imam al-Ghazālī<sup>7</sup> (450-505 H) memberikan makna *tartil* ialah

---

Abidin (Masjid Negeri) Kuala Terengganu, bil. 10/20 April 2012. Lihat juga Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawa'id al-Tarannum*, cet. 5 (Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, 2012), 157. Dan Lihat „Abd al-Salām Muqbil al-Majīdī, *Talaqqī al-Nabiyy al-Fāz al-Qur'ān al-Karīm* (Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 2000), 129.

<sup>3</sup> Imam al-Shāfi, <sup>3</sup> adalah imam mazhab yang ketiga mengikut susunan tarikh kelahiran. Beliau ialah Muḥammad bin Idrīs bin al-, Abbās bin Uthmān bin Shāfi, bin al-Sā'ib bin „Abd Allāh bin „Abd Yazīd bin Hāshim bin al-Muṭalib bin „Abd al-Manaf bin Quṣay al-Qurasyiyy. Keturunannya bertemu dengan keturunan Rasulullah (s.a.w) iaitu melalui datuknya „Abd al-Manaf. Beliau lahir di kota Ghazzah Palestin pada tahun 150 H dan tarikh inilah yang termasyhur di kalangan ahli sejarah. Imam al-Nawawī berkata: Imam al-Shāfi, <sup>3</sup> dilahirkan pada malam Imam Abū Ḥanīfah meninggal dunia. Imam al-Shāfi, <sup>3</sup> banyak menyusun dan mengarang kitab-kitab. Mengikut sebahagian ahli sejarah bahawa beliau menyusun 13 buah kitab dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti ilmu fiqh, tafsir, usul, sastera dan lain-lain. Antara karangan beliau ialah *al-Risālah* (Usul fiqh), *al-Umm* (Fiqh) dan lain-lain. Beliau meninggal dunia di Mesir pada tahun 204 H. Lihat al-Imām Abū Zakariyā Muḥyi al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī, *al-Majmū*, *Sharḥ al-Muḥadḥab* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 2005), 1: 11, 13 dan 15.

<sup>4</sup> Al-Imām Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi, <sup>3</sup>, *al-Umm* (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā, 2001), 2: 195.

<sup>5</sup> Beliau juga merupakan ulama Shafī, <sup>3</sup> yang tersohor terutama dalam bidang hadis. Beliau ialah Aḥmad bin „Alī bin Muḥammad bin Muḥammad bin „Alī bin Maḥmūd bin Aḥmad bin Ḥajar al-Kinānī al-, Asqalānī. Beliau masyhur dengan nama Ibn Ḥajar al-, Asqalānī. Beliau lahir di Mesir bulan Sya'ban pada tahun 773 H bersamaan 1372 M dan meninggal dunia pada tahun 852 H bersamaan 1449 M. Beliau juga ulama yang banyak mengarang kitab, di antara karya-karya beliau yang terkenal ialah *Faṭḥ al-Bārī Sharḥ al-Bukhārī*, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Lisān al-Mizān*, *Ta, jil al-Manfa,ah*, *Taqrīb al-Tahdhīb*, *al-Durar al-Kāminah* dan lain-lain. Lihat al-Imām al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar al-, Asqalānī, *Faṭḥ al-Bārī Sharḥ al-Bukhārī*, cet. 1 (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2000), 1: 19 dan 20.

<sup>6</sup> Nama lengkap beliau ialah Muḥammad „Alī bin „Alī bin Jamīl al-Ṣābūnī. Dilahirkan di Ṣābūn salah sebuah bandar Syiria Aleppo pada tahun 1930. Beliau merupakan seorang ulama yang terkenal dengan keluasan dan kedalaman ilmu serta sifat warak. Beliau seorang ulama tafsir al-Quran yang paling menonjol di era moden. Dengan keilmuan beliau dalam ilmu tafsir, beliau telah dianugerah sebagai Tokoh Islam Antarabangsa Dubai tahun 2007. Selain itu, beliau juga

membaca al-Quran dengan menjelaskan sebutan huruf-huruf dan perlahan-lahan agar lebih memahami maknanya.<sup>8</sup>

3. Imam Ibn al-Jazari<sup>9</sup> (751-833 H) *menaqalkan* daripada kata-kata Sayyidina „Alī bin Abī Ṭālib (r.a) dalam kitabnya al-Nashr:

الترتيل تجويد الحروف ومعرفة الوقوف

---

merupakan ulama yang banyak mengarang kitab-kitab, antara kitabnya yang masyhur ialah *Ṣafwah al-Taḥāsīr* (Tafsir al-Quran), *Rawāʿi*, *al-Bayān Fī Tafsīr al-Qurʿān* (Tafsir Ayāt Ahkām), *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr* (Tafsir al-Quran), *Mukhtaṣar Tafsīr al-Tabarī* (Tafsir al-Quran) dan lain-lain. Lihat Zulhasni Mat Resat, *Syeikh Muhammad Ali as-Sabuni*, laman sesawang Raudhah al-Muhaddithin dicapai 16 Oktober 2018, <http://zulhusnimatresat.blogspot.com/2014/02/syeikh-muhammad-ali-as-sabuni.html>. Lihat juga “Terjamah al-Shaykh Ali al-Sabuni”, laman sesawang Multaqā Ahl al-Ḥadīth dicapai 16 Oktober 2018, <https://www.ahlalhddeeth.com/vb/showthread.php?t=106282>.


<sup>7</sup> Imam al-Ghazali adalah tokoh ulama sufi yang terkenal. Beliau ialah Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ghazālī al-Ṭūsī al-Faqīh al-Shāfiʿ. Beliau dilahirkan pada 450 H dan meninggal dunia pada tahun 505 H. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Imam al-Ghazālī iaitu nisbah kepada kampung tempat kelahirannya yang bernama Ghazālāh yang terletak di pinggir bandar Ṭūs di dalam wilayah Khurasān Parsī Irān. Beliau juga digelar sebagai Abū Ḥāmid yang bererti bapa kepada Ḥāmid iaitu nisbah kepada nama anaknya. Selain itu beliau digelar juga dengan *Hujjah al-Islām* iaitu suatu gelaran kehormatan yang diberikan kepadanya kerana kejutuan dan kekuatan hujjahnya di dalam agama Islam. Beliau juga seorang ulama yang tidak lekang dengan menyusun dan mengarang kitab-kitab dalam pelbagai bidang seperti feqah tasawuf akhlak dan lain-lain yang menjadi rujukan kepada umat Islam. Di antara kitab-kitabnya yang masyhur ialah *Ihyāʾ „Ulūm al-Dīn*, *al-Basīṭ*, *al-Wasīṭ* dan lain-lain. Lihat Imam al-Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān al-Dhahabī, *Siyar Aḥlām al-Nubalāʾ*, cet. 3, (Bayrūt: Muʿassasah al-Risālah, 1985), 19: 322 dan 324. Imam al-Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān al-Dhahabī, *Tahdhīb Siyar Aḥlām al-Nubalāʾ* (Bayrūt: Muʿassasah al-Risālah, 1991), 2: 491. Al-Shaykh Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsamī al-Dimasyqī, *Mawḍiʿah al-Muʿminīn Min Ihyāʾ „Ulūm al-Dīn* (Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, t.t), 11.

<sup>8</sup> Al-Imam al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar al-„Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ al-Bukhārī*, 9: 111. Al-Shaykh Muḥammad „Alī al-Ṣābūnī, *Ṣafwah al-Taḥāsīr*, cet. 1 (Kaherah: Dār al-Ṣābūnī, 1997), 441. Al-Imam Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Ihyāʾ „Ulūm al-Dīn* (al-Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2004), 1: 363.

<sup>9</sup> Imam al-Jazari merupakan seorang ulama yang masyhur digelar sebagai Shaykh *al-Qurrāʾ*. Beliau ialah Abū Khayr Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad „Alī bin Yūsuf al-Jazari al-Dimasyqī al-Shīrazī al-Shāfiʿī. Lahir di Damsyiq Syiria pada malam Sabtu selepas solat tarawih tanggal 25 Ramadhan pada tahun 751 H bersamaan 30 Februari 1350 M. Beliau meninggal dunia di Syirazi pada hari Jumaat 9 Rabiʿul Awal 833 H pada usia 82 tahun. Beliau telah menghasilkan lebih 80 karya dalam pelbagai bidang pengajian seperti *qirāʾāt*, Ulum al-Quran, Hadis, Feqah dan lain-lain. Namun yang paling masyhur ialah dalam bidang ilmu *qirāʾāt* dan tajwid di antaranya *al-Tamhīd fī „Ilm al-Tajwīd*, *Ṭayyibah al-Nashr fī al-Qirāʾāt al-„Ashr*, *al-Nashr fī al-Qirāʾāt al-„Ashr*, *Uṣūl al-Qirāʾāt*. Lihat Syams al-Dīn Abū Khayr Muḥammad bin Muḥammad bin „Alī bin ibn al-Jazari al-Dimasyqī al-Shāfiʿī, *Taqrīb al-Nashr fī al-Qirāʾāt al-„Ashr* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 2002), 5-11. Lihat juga Dr. Nabīl bin Muḥammad „Alī Ismāʿīl, *al-Imām Ibn al-Jazari Wa Juhūduhu fī „Ilm al-Qirāʾāt*, cet. 1 (Riyāḍ: Dār Ibn Ḥazm, 2002), 17.

Terjemahan: *Tartīl* ialah tajwid huruf dan mengetahui tempat-tempat waqaf.”<sup>10</sup>

4. Imam Ibn Kathīr<sup>11</sup> (700-774 H), Imam al-Qurṭubī<sup>12</sup> (600-671 H) dan Imam al-Shawkānī<sup>13</sup> (1173-1250 H) telah mendefinisikan *tartīl* ialah membaca dengan perlahan-lahan supaya dapat memahami al-Quran dan bertadabbur ayat-ayatnya.<sup>14</sup> Sepertimana Firman Allah (S.W.T).



Al-Isrā’ 17: 106

<sup>10</sup> Imam Shahāb al-Dīn Abū Bakr bin Aḥmad bin Muḥammad bin Muḥammad ibn al-Jazarī al-Dimasyqī, *Sharḥ Tayyibah al-Nashr fī al-Qirā’āt al-Ashr*, cet. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2000), 34.

<sup>11</sup> Beliau ialah Ismā’īl bin ‘Umar bin Kathīr bin Daww bin Kathīr al-Qurasyī al-Dimasyqī al-Shāfi’i. Beliau dilahirkan di Mijdal sebuah kampung di luar kota Buṣrā, terletak di sebelah timur Damsyik sekitar pada tahun 700 H. Beliau berguru dengan shaykh-shaykh yang muktabar seperti Ibn Taymiyah, al-Mizzi, Ibn Qayim, al-Dhahabī, Ibn Hajar al-Asqalānī dan lain-lain. Beliau juga banyak menyusun dan mengarang kitab-kitab dalam pelbagai bidang ilmu, antaranya *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aīm* (Tafsir), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (Sejarah), *Ikhtisār Sirah al-Nabawiyyah* (sirah) dan lain-lain. Beliau meninggal dunia pada tahun 774 H bulan Februari 1373 M di Damsyik. Lihat al-Ḥāfiẓ Abū al-Fidā’ Ismā’īl bin Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, cet. 1 (Kaherah: Dār al-Taḳwā, 1999), 7 dan 8.

<sup>12</sup> Beliau merupakan seorang ulama tafsir yang masyhur dan telah menjadi rujukan ramai di kalangan alim ulama terhadap ilmunya. Beliau ialah Imam Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Bakr bin Farḥ al-Anṣāriy al-Khazrajīy al-Andalusīy al-Qurṭubī al-Mālikī. Dilahirkan di Cordova Andalusia, Spanyol. Tarikh kelahiran beliau tidak di ketahui dengan tepat, namun setengah ahli sejarah mengatakan bahawa beliau lahir sekitar tahun 600 H. Beliau juga di antara ulama yang banyak yang menghasil karya-karya seperti *al-Jāmi’, li Aḥkam al-Qur’ān*, *al-Tadhkirah fī Aḥwāl al-Mawtā wa Umūr al-Ākhirah* dan sebagainya. Beliau meninggal dunia di Mesir pada malam Isnin pada 9 Syawal tahun 671 H. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣāriy al-Qurṭubī, *al-Jāmi’, li Aḥkām al-Qur’ān* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2002), 1: 6. Lihat juga Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣāriy al-Qurṭubī, *Tafsir al-Qurtubi*, terj. Prof Dr. Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Prof Dr. Mahmud Hamid Uthman (Jakarta: Pustaka Azzam, 2010), XV dan XVIII.

<sup>13</sup> Beliau ialah Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Shawkānī al-Ṣan‘ānī. Dilahirkan pada 1173 H di kampung Shawkān dan dibesarkan di San‘ā dan meninggal dunia pada 1250 H. Beliau merupakan seorang imam mujtahid pembela sunnah dan penghancur bid‘ah. Beliau juga mempunyai karya-karya dalam pelbagai disiplin ilmu, di antaranya ialah *Faṭḥ al-Qadīr* (Tafsir), *Nayl Awṭār* (Feqah), *Irsyad al-Fuhul* (Usul Fiqh), *al-Faṭḥ al-Rabbānī* (Fatwa) dan lain-lain. Lihat Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Shawkānī, *Faṭḥ al-Qadīr*, cet. 4, (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 2007), 5.

<sup>14</sup> Al-Imam Abū al-Fidā’ Ismā’īl bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aīm* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2003), 4: 522. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣāriy al-Qurṭubī, *al-Jāmi’, li Aḥkām al-Qur’ān* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2002), 10: 34. Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Shawkānī, *Faṭḥ al-Qadīr*, 1545.

Terjemahan: Dan al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan supaya  
Engkau membacakannya kepada manusia dengan lambat, tenang  
dan Kami menurunkannya secara beransur-ansur.

5. Imam al-Ṭabarī<sup>15</sup> (224-310 H), al-Jalālayn<sup>16</sup> (791-864 dan 849-911 H) dan al-Nasafī<sup>17</sup> (701) menyatakan maksud *tartīl* ialah bacalah al-Quran dengan perlahan-lahan dan menjelaskan huruf-huruf serta panjangkan *ḥarakat-ḥarakat madnya*.<sup>18</sup>

<sup>15</sup> Beliau ialah Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Khālīd bin Kathīr Abū Ja,ḥfar al-Ṭabarī. Dilahirkan pada tahun 224 H di Āmul dan wafat di Baghdād pada tahun 310 H. Beliau merupakan seorang ulama yang susah untuk dicari ganti dengan keilmuannya yang tinggi. Banyak meriwayatkan hadis, luas dalam bidang penukilan, mentarjih riwayat-riwayat, sejarah tokoh dan umat terdahulu. Beliau juga seorang ulama yang banyak mengarang kitab, di antaranya ialah *Jāmi*., *al-Bayān* „*An Ta'wīl 'Ayy al-Qur'ān* (Tafsir), *al-Jāmi*., *fī al-Qirā'āt* (Qirā'āt) dan lain-lain lagi. Lihat Abū Ja,ḥfar Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi*., *al-Bayān* „*An Ta'wīl 'Ayy al-Qur'ān*, cet. 1 (Kaherah: Ḥijr, 2001), 11, 40, 42 dan 46.

<sup>16</sup> Jalālayn adalah dinisbahkan kepada dua orang nama Jalāl yang mengarang kitab ini iaitu Shaykh Jalāl al-Dīn al-Maḥallī dan Imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. Nama penuh Shaykh Jalāl al-Dīn al-Maḥallī ialah Jalāl al-Dīn al-Maḥallī Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin Aḥmad bin Hāsyim. Al-Maḥallī dinisbahkan kepada tempat asalnya al-Maḥallah al-Kubrā di sebuah bandar sebelah barat Kaherah, Mesir. Beliau dilahirkan di Kaherah Mesir pada 791 H dan meninggal dunia pada 864 H. Beliau begitu terkenal dalam bidang Feqah, Tafsir, Usul, Ilmu Kalam, Nahu dan Mantiq. Nama penuh Imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī pula ialah Jalāl al-Dīn Abū al-Faḍl „Abd Raḥmān bin al-Kamāl bin Abī Bakar bin Muḥammad bin Sābiq al-Dīn bin al-Fakhr „Uthmān bin Nāẓir al-Dīn Muḥammad bin Ṣayf al-Dīn Khudrī ibn Najm al-Dīn Abū Ṣalāh Ayūb bin Nāṣir al-Dīn Muḥammad bin Hammam al-Khudayrī al-Ḥāfiẓ al-Suyūṭī al-Shāfi,ī. Beliau dilahirkan di Kaherah pada bulan Rejab tahun 849 H selepas maghrib dan beliau meninggal dunia pada tahun 911 H. Beliau adalah di antara tokoh ulama yang terkenal dalam pelbagai bidang terutama bidang Tafsir, Fiqh, Tasauf, Hadis, „Ulum al-Quran, Nahu dan sebagainya. Beliau telah banyak menyumbangkan dalam dunia ilmu dengan mengarang karya-karya seperti *Itqān fī „Ulūm al-Qur'ān* (ulum al-Quran), *al-Jāmi' al-Saghīr* (Hadis), *Tārīkh al-Khulafā'* (Tarikh) dan lain-lain. Lihat Shaykh Jalāl al-Dīn al-Maḥallī dan Imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Tafsīr al-Jalālayn* (Kaherah: Dār al-Tawfiqiyah, 2015), 6-15.

<sup>17</sup> Beliau ialah „Abd Allāh bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī. Digelar sebagai Abū al-Barakāt dan Ḥafīẓ al-Dīn. Berasal dari sebuah kampung yang bernama Idhaj yang terletak di antara dua buah bandar Khuzaystan dan Aṣḥāhān. Tarikh kelahiran beliau tidak diketahui dan tidak dicatat. Beliau meninggal dunia pada tahun 701 H menurut sesetengah pendapat ulama. Imam al-Nasafī juga banyak menghasilkan karya-karya pelbagai bidang di antaranya *Madārik al-Tanzīl wa Haqā'iq al-Ta'wīl* (tafsir), *Tafsīr al-Nasafī* (tafsir), *Faḍā'il al-A,ḥmāl* (Fiqh) dan lain-lain. Lihat Abū al-Barakāt „Abd Allāh bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, cet. 1 (Bayrūt: Dār al-Kalim al-Ṭayyib, 1998), 9-12.

<sup>18</sup> Abū Ja,ḥfar Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi*., *al-Bayān* „*An Ta'wīl 'ay al-Qur'ān*, cet. 1, (Kaherah: Ḥijr, 2001), 23: 362. Aḥmad bin Aḥmad al-Sāwī al-Miṣrī al-Khulwatī al-Mālikī, *Hāsiyah al-Sāwī* „*Alī Tafsīr al-Jalālayn* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2011), 4: 347. Abū al-Barakāt „Abd Allāh bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, 3: 555 dan 556.

6. Al-Samarqandī<sup>19</sup> (310-375 H) telah *menaqalkan* daripada kata al-Ḍaḥāk bahawa *tartīl* ialah bacalah al-Quran huruf demi huruf.<sup>20</sup>
7. Shaykh Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaylī<sup>21</sup> (1351-1436 H) menyatakan bahawa “*tartīl*” pada ayat tersebut ialah bacalah al-Quran secara perlahan-lahan di samping memperjelaskan dan menyempurnakan huruf-hurufnya serta menghayati maknanya. Dengan cara yang demikian, dapatlah ditingkatkan pemahaman dan penghayatan terhadap al-Quran. Beliau menegaskan juga bahawa bacaan secara *tartīl* adalah hukumnya wajib. Seorang yang membaca al-Quran mestilah membacanya dengan *tartīl* kerana bacaan *tartīl* adalah bacaan Rasulullah (s.a.w).<sup>22</sup>

---

<sup>19</sup> Beliau adalah seorang alim besar yang mempunyai banyak ilmu umpama lautan dan beliau juga terkenal dengan seorang ahli sufi yang zuhud. Keilmuan beliau dalam pelbagai bidang seperti ilmu tasawuf, feqah, tafsir, hadis, usuluddin, lughah, falsafah, dan sebagainya. Gelaran yang sangat sinonim diberikan kepada beliau ialah al-Faqīh dan Abū al-Layth. Nama penuh beliau ialah Naṣīr bin Muḥammad bin Ahmad bin Ibrāhīm al-Samarqandī. Kelahiran beliau tidak diketahui secara tepat, akan tetapi kebanyakan ulama menyatakan beliau dilahirkan sekitar pada tahun 301-310 hijrah di Samarqan iaitu di sebuah bandar Khurasan. Khilaf di kalangan ulama pada menentukan tahun kewafatannya, kebanyakan ulama bersepakat bahawa tarikh kematian beliau ialah pada bulan Jamadil Akhir tahun 375 hijrah. Ini telah di naqalkan juga oleh Imam al-Dhahabī Rahimahullah. Beliau juga seorang ulama yang banyak memberi sumbangan kepada umat Islam iaitu dengan penulisan kitab-kitab. Terdapat banyak karya-karya beliau dalam pelbagai bidang. Di antaranya ialah *Baḥr al-ʿUlūm* (Tafsir), *Tanbīh al-Ghāfilīn* (Tasawuf), *al-Fatāwā al-Fiqhiyyah* (Fatwa). Lihat Abū al-Layth Naṣīr bin Muḥammad bin Ahmad bin Ibrāhīm al-Samarqandī, *Tafsīr al-Samarqandī Baḥr al-ʿUlūm*, cet. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1993), 6-12. Lihat juga Naṣīr bin Muḥammad bin Ahmad bin Ibrāhīm al-Samarqandī, *Tanbīh al-Ghāfilīn*, cet. 1 (Kaherah: al-Thaqāfī, 2003), 4.

<sup>20</sup> Abū al-Layth Naṣīr bin Muḥammad bin Ahmad bin Ibrāhīm al-Samarqandī, *Tafsīr al-Samarqandī Baḥr al-ʿUlūm*, 416.

<sup>21</sup> Beliau ialah Wahbah Muṣṭafā al-Zuhaylī dan digelar dengan „Ubādah sempena nama salah seorang anaknya yang bernama „Ubādah. Beliau dilahirkan pada 28 Syawal 1351H bersamaan 6 Mac 1932 M di perkampungan Dir „Aṭiyyah, satu perkampungan di pekan Qalamun daerah al-Nabk iaitu di pinggir Kota Dimasyq yang jaraknya 89 KM menuju ke arah Hims. Lihat Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Tokoh Islam 1, Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili* (t.t: Dar al-Syakir Enterprise, t.t), 12.

<sup>22</sup> Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-ʿAqīdah wa al-Syarīʿah wa al-Manhaj* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1998), 192. Lihat juga Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsir Munir*, terj. Persatuan Ulama Malaysia, cet. 1 (Batu Caves: Zafar Sdn. Bhd., 2004), 221 dan 222.

8. Menurut Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail<sup>23</sup> (1936 M) pula mengatakan bahawa *tartīl* mempunyai empat unsur utama iaitu tarannum, tajwid, suara dan *lahjah* arab.<sup>24</sup>

Berdasarkan kepada pendapat ulama-ulama tersebut, maka dapat disimpulkan bahawa tarannum adalah termasuk daripada bacaan *tartīl* kerana terdapat pembuktian yang jelas pada bacaan *tartīl* itu seperti membaca al-Quran dengan perlahan-lahan mengikut kaedah hukum-hukum tajwid, meninggikan dan mengelokkan suara, menggunakan pelbagai irama lagu dan bertafakur terhadap makna-makna ayat.

Hal tersebut jelas menunjukkan bahawa tarannum amat penting dalam pembacaan al-Quran. Justeru, perlu diingat juga bahawa tarannum atau lagu-lagu al-Quran tidak sama dengan irama-irama lagu yang lain. Bahkan tarannum al-Quran mempunyai ciri-ciri dan metode-metode yang tersendiri. Gaya atau metode tarannum dalam pembacaan al-Quran mestilah selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh para ulama supaya tidak menjadi haram.

### 3. MASALAH KAJIAN

Kajian yang membicarakan tentang ketokohan dalam ilmu tarannum, realitinya penulisan atau penyelidikan yang jarang sekali dikaji. Apatah lagi berkenaan dengan metode-metode dan pengaruhnya dalam pembacaan al-Quran. Namun, adalah satu perkara yang amat merugikan sekiranya ilmu ini tidak diterokai dan tidak diberi

---

<sup>23</sup> Beliau ialah salah seorang guru yang masyhur amat disegani dan hakim tarannum peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa di Malaysia. Beliau masih lagi aktif sekarang ini menyumbangkan tenaga dengan mengajar, membentang kertas kerja, seminar dan kursus-kursus yang berkaitan dengan tarannum al-Quran. Beliau juga telah melahirkan ramai anak murid yang berjaya memenangi dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa, antaranya Ustaz Hj. Yahaya Daud, Ustaz Hj. Abdul Rahim Ahmad, Ustaz Hj. Mohamad Hj. Yusof, Hj. Muhammad Hussin Yunus dan lain-lain.

<sup>24</sup> Hj. Nik Jaafar Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 155.

pendedahan yang sewajarnya. Sedangkan ia memberi manfaat yang besar kepada umat Islam seluruhnya.

Dengan kesedaran perkara tersebut, maka penulis telah memilih seorang tokoh yang sangat masyhur iaitu Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl nama yang tidak asing lagi dalam bidang tarannum al-Quran. Tokoh ini didapati mempunyai pengaruh yang kuat di Malaysia malah di seluruh dunia. Beliau juga begitu popular di kalangan qari dan qariah yang mana telah menjadikan bacaan tarannum beliau sebagai asas rujukan utama dan telah menjadi *role model* terhadap masyarakat di Malaysia.

Kajian mengenai metode bacaan tarannum beliau secara terperinci setakat ini belum ada. Begitu juga dari sudut pengaruh bacaan beliau tidak ada lagi yang dibuktikan secara dokumentasi.

Jika ditinjau, rata-rata masyarakat tidak mengetahui apabila ditanya tentang siapakah sebenarnya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl? Bahkan yang amat mendukacitakan lagi apabila persoalan ini diajukan kepada guru-guru tarannum, para qari dan qariah, maka ternyata mereka sendiri tidak mengetahuinya, hanya sekadar mengenali nama beliau dan pandai meniru gaya bacaannya sahaja. Justeru, sepatutnya penyelesaian dalam isu ini perlu ditangani dengan mengkaji dan menyelidiki kemudian memberi pendedahan mengenai latar belakang Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl secara terperinci.

Pada hakikatnya, ilmu tarannum yang diajar oleh guru-guru tarannum di Malaysia adalah banyak berpaksikan kepada gaya bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl berbanding gaya bacaan shaykh-shaykh yang lain. Cuma, yang menjadi permasalahannya apabila pengajaran metode-metode atau gaya bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl hanya diajar dalam bentuk praktikal sahaja. Setakat ini tidak ada yang didokumentasikan dalam bentuk penulisan. Sedangkan perkara tersebut amat

penting untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dalam pengajian ilmu tarannum terutamanya kepada guru-guru tarannum, qari dan qariah, golongan-golongan akademik dan peminat-peminat tarannum mengikut gaya bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā,ḥl.

Begitu juga dari sudut pengaruh bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā,ḥl bahawa tidak ada lagi yang dapat membuktikan bagaimanakah bentuk atau keadaan yang dikatakan bacaan beliau yang mempunyai pengaruh yang besar di Malaysia. Hanya sekadar sebutan dimulut sahaja dan tidak mengemukakan dengan bukti-bukti yang bertulis. Justeru, hal ini sepatutnya diberi pencerahan dan kesedaran kepada masyarakat di Malaysia terutama di kalangan qari dan qariah yang menyertai tilawah al-Quran saban tahun, bahawa sistem pengajian ilmu tarannum dan pengamalan sebenarnya selama ini adalah sebahagian besar terpengaruh daripada metode-metode bacaan tarannum Shaykh Muṣṭafā Ismā,ḥl.

Berdasarkan kepada permasalahan di atas, maka kajian ini dilakukan bagi menjawab semua permasalahan tersebut. Metodologi dan pengaruh merupakan topik utama bagi mengkaji kepada bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā,ḥl.

#### **4. PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini secara umumnya untuk membuat penyelesaian beberapa persoalan yang penting, iaitu:

1. Adakah tarannum al-Quran merupakan sunnah Rasulullah (s.a.w) dan bagaimanakah manhaj-manhaj tarannum al-Quran yang telah diamalkan di Malaysia?

2. Bagaimanakah personaliti dan latar belakang Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang sebenar?
3. Bagaimanakah metode-metode bacaan beliau dalam ilmu tarannum al-Quran?
4. Sejauh manakah pengaruh bacaan tarannum al-Quran beliau di Malaysia?

## **5. OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilakukan adalah untuk mencapai tujuan-tujuan berikut:

1. Menjelaskan secara ilmiah berkenaan ilmu tarannum dan manhaj-manhaj tarannum al-Quran di Malaysia.
2. Mendedahkan latar belakang Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan ilmu tarannum al-Quran dalam dunia Islam.
3. Mengkaji dengan lebih terperinci berkaitan dengan metode-metode di dalam bacaan tarannum beliau.
4. Menganalisa berkenaan pengaruh bacaan tarannum al-Quran Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl di Malaysia.

## **6. DEFINISI TAJUK**

Penulis akan menghuraikan beberapa maksud istilah tajuk kajian ilmiah ini supaya tidak menjadi kekeliruan atau salah faham. Penulis telah memilih tajuk kajian yang menjadi pokok perbincangan ialah: **“Metodologi Tarannum al-Quran Menurut Bacaan Muṣṭafā Ismāʿīl (M. 1978) Dan Pengaruhnya Di Malaysia”**.

**Metodologi-** Metodologi berasal daripada bahasa Inggeris (method) yang bermaksud sistem, aturan atau kaedah.<sup>25</sup> Menurut Kamus Dewan, “metodologi” bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.<sup>26</sup>

Terdapat beberapa perkataan dalam bahasa arab yang berhampiran dengan pengertian metode iaitu *uslūb*, *manhāj* atau *minhāj*. *Uslūb* bererti cara membentuk, cara menggunakan sesuatu atau cara-cara tertentu untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Manakala *manhaj* atau *minhaj* bererti jalan, cara atau kaedah.<sup>27</sup> Seperti firman Allah (S.W.T):

﴿لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شَرْعَةً وَمِنْهَاجًا﴾

Al-Mā'idah 5: 48

Terjemahan: Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti).

Justeru, metodologi yang pengkaji maksudkan dalam kajian ilmiah ini adalah merangkumi sistem, cara atau kaedah yang digunakan oleh Shaykh Muṣṭafa Ismā'īl dalam bacaan tarannum al-Qurannya.

**Tarannum al-Quran-** “Tarannum” merupakan suatu ilmu yang membincangkan tentang lagu-lagu dalam bacaan al-Quran dengan suara yang merdu

<sup>25</sup> Shahrezad Ibrahim, et al., *Kamus Dwibahasa*, ed. Ke-4, cet. Ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002), 759.

<sup>26</sup> *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2010), 1030.

<sup>27</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, cet. 2 (Kuala Lumpur: Universiti Malaya (UM), 2004), 1 dan 2.

dan elok didengar dan tidak melanggar kaedah-kaedah hukum tajwid.<sup>28</sup> Lagunya seperti *bayyātī*, *nahāwand*, *rast* dan lain-lain. Ilmu ini mesti dipelajari secara *talaqqī musyāfahah* dengan guru-guru tarannum al-Quran.

“Al-Quran menurut pengertian bahasanya” ialah nama terbitan yang diambil daripada perkataan *qara*”a (قَرَأَ) dengan makna mengumpulkan dan menghimpun. *Qirā*”ah (قِرَاءَة) bererti menghimpun huruf-huruf dan kata-kata dalam satu ungkapan kata yang indah. Al-Quran asalnya sama dengan *qirā*”ah (قِرَاءَة) iaitu *qara*”a (قَرَأَ), *qirā*”atan (قِرَاءَاتٍ) wa *qur*’ānan (قُرْآنًا) yang bermaksud bacaan.<sup>29</sup> Ini adalah bersesuaian dengan firman Allah (S.W.T) dalam al-Quran:

﴿لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۚ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَانصِتْ لَهُ ۚ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ۚ﴾  
﴿ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ۚ﴾

Al-Qiyāmah 75:16-19

Terjemahan: Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendakkan cepat menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadamu menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu. Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril a.s), maka bacalah menurut

<sup>28</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus & Dr. Adnan Mohamed Yusoff, *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, cet. 1 (Kuala Lumpur: Meteor Doc, Sdn. Bhd., 2008), 2.

<sup>29</sup> Al-Shaykh Muḥammad Sayyid Ṭanṭawī, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1998), 13. Lihat juga Majma, al-Turāth al-Lughah al-‘Arabiyyah, *al-Muḥjam al-Wasīṭ*, (Turkiyyah: Maktabah al-Islamiyyah, t.t ), 2:722. Lihat juga Zulkifli Hj. Mohd Yussof, *Kunci mengenal al-Quran* (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1996), 2.

bacaannya itu. Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan).

“Al-Quran menurut istilah” pula ialah bermaksud Kalam Allah (S.W.T) yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) melalui malaikat Jibril (a.s), ia disampaikan kepada kita secara mutawatir, serta arahan membacanya dalam solat dan luar solat sebagai ibadat.<sup>30</sup>

**Muṣṭafā Ismā‘īl-** Beliau ialah salah seorang tokoh tarannum yang sangat masyhur di seluruh dunia. Beliau dilahirkan di sebuah perkampungan Mīt Ghazal Markaz al-Sanṭah Muḥāfazah al-Gharbiyyah, Ṭanṭa Mesir pada 17 Jun tahun 1905 M bersamaan 1323 H dan meninggal dunia pada tahun 1978 M bersamaan 1398 H. Tokoh tersebut digelar sebagai *qārī Awwal al-Misr, Imām al-Qurrā’, Amīr al-Qurrā’* dan *Qārī al-Awwal fī al-.,,Aam*.<sup>31</sup>

**Pengaruh-** Menurut Kamus Dewan, “pengaruh” bermaksud kuasa yang terbit daripada orang atau benda dan meninggalkan kesan ada pada orang lain.<sup>32</sup>

---

<sup>30</sup> Mannā,, al-Qaṭṭān, *Mabāḥith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, (Bayrūt: Muassasah al-Risalah, 1997), 21. Lihat juga Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr fī al-.,,Aqḍah Wa al- Syarī‘ah Wa al- Manhaj*, 1:13. Lihat juga Ustaz Ahmad Sonhadji Muhammad, *Tafsir al-Quran di Radio*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 1997), 1:17.

<sup>31</sup> Dr. Maḥmūd Hamdī Zaqqūf (Wazir Awqāt al-Majlis al-.,,A’lā li al-Massy’ūn al-Islāmiyyah Jumhūriyyah al-Miṣr), *Salsilah al-Mawsū‘ah al-Islāmiyyah al-Mutakhaṣṣaṣah (3) Mawsū‘ah A.,,ām al-Fikr al-Islām*, (Kaheerah: t.t.p , 2004), 1064.

<sup>32</sup> *Kamus Dewan*, 1172.

## 7. SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada metodologi bacaan al-Quran Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dengan gaya tarannum *aṣlī mujawwad*.<sup>33</sup> Penilaian dan penelitian bacaan beliau merujuk melalui bahan-bahan yang terdapat dalam penulisan karya-karya, bentuk rakaman video, mp3 yang terdapat dalam internet. Selain itu, berdasarkan juga maklumat-maklumat daripada pakar-pakar dan guru-guru tarannum yang masyhur di Malaysia.

Kajian difokuskan juga kepada pengaruh bacaan tarannum al-Quran Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dari dua aspek utama iaitu pengaruh beliau dalam penulisan dan pengaruh terhadap qari dan qariah yang terpilih di Malaysia.

## 8. KEPENTINGAN KAJIAN

Pada pengamatan penulis, kajian ini amat penting dilakukan dengan melihat kepada beberapa aspek utama, iaitu:

1. Aspek Pertama: Untuk meleraikan dan memperjelaskan tentang perselisihan, kekeliruan dan kesamaran yang berlaku di kalangan masyarakat bahawa isu tarannum tidak dibolehkan dalam pembacaan al-Quran bahkan ada yang menolak secara total dengan menyatakan tarannum merupakan perbuatan bid'ah. Namun, kajian ini menjelaskan secara terperinci dengan mendatangkan hujah-hujah yang disokong oleh dalil-dalil hadis bahawa tarannum merupakan tuntutan dalam Islam.

---

<sup>33</sup> Iaitu bacaan berlagu atau bertarannum dengan suara yang tinggi, dengan pengolahan suara yang baik, menyempurnakan hak-hak sebutan makhraj dan sifat huruf, menjelaskan baris, cermat dan mengikut martabat *al-tahqiq*. Lihat Ahmad bin Ahmad bin Muḥammad, 'Abd Allāh al-Ṭawīl, *Fann al-Tarīl Wa 'Ulūmuh*, (al-Madinah al-Munawwarah: Majma', al-Malik Fahd, 1999), 179.

2. Aspek kedua: Penulis juga menyedari bahawa ilmu tarannum amat penting dan perlu dipelajari oleh masyarakat kerana terdapat banyak kelebihannya. Antaranya ialah tarannum merupakan suatu ilmu yang merangkumi konsep tadabbur, menititberatkan tentang hukum tajwid, suara, *faṣāḥah* dan sebagainya. Tidak dinafikan masyarakat sekarang ini sudah pun mempunyai kesedaran untuk mempelajari ilmu tarannum. Mereka mengetahui bahawa dengan mempelajari ilmu tersebut dapat membaca al-Quran dengan lebih baik.
3. Aspek ketiga: Untuk menonjolkan kepada masyarakat tokoh besar dalam dunia tarannum al-Quran yang amat sukar dicari. Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl terdapat banyak kelebihan-kelebihan yang Allah (S.W.T) anugerahkan kepada diri beliau yang tidak ada pada manusia lain. Kehebatan beliau dari segi *burdah-burdah* yang amat menarik, suara yang merdu, *lahjah*, kefasihan, bacaan tarannum al-Quran dengan bermacam-macam *qirā'āt*. Sehingga bacaan tarannum beliau telah diiktiraf oleh para lujnah *Qurrah* Mesir, Iran, Saudi, Malaysia dan umumnya di dunia. Namun dengan secara tidak langsungnya dapat dijadikan pembelajaran dan pengajaran ilmu tarannum al-Quran kepada golongan qari-qariah, pengkaji-pengkaji, penuntut-penuntut dan masyarakat umum.
4. Aspek keempat: Berdasarkan kepada metodologi bacaan tarannum Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl. Secara umumnya kita dapati para qari dan qariah di Malaysia banyak menggunakan metode-metode daripada bacaan tarannum beliau. Bacaan tarannum Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl tidak ada tandingnya dengan qari-qari yang lain. Jadi, amat rugi jika kaedah yang ada pada seorang tokoh ini tidak diguna pakai dalam pembacaan al-Quran. Maka menjadi tanggungjawab penulis untuk

mendedahkan metodologi-metodologi dan kriteria-kriteria dalam bacaan tarannum beliau untuk rujukan masyarakat.

5. Aspek kelima: Untuk mendedahkan kepada masyarakat mengenai pengaruh bacaan tarannum Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Secara sedar atau pun tidak, pada realitinya kaedah ilmu tarannum yang diajar oleh guru-guru yang mahir merupakan satu kemestian dengan menggunakan gaya atau *uslūb* bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl malah menjadi satu kebanggaan jika seorang qari atau qariah itu dapat mengalunkan gaya bacaan tarannum seperti *uslūb* beliau. Namun, penulis cuba melihat beberapa sudut pengajian dan pengamalan di Malaysia mengenai pengaruh bacaannya.

## 9. ULASAN KAJIAN LEPAS

Mengenai kajian lepas, penulis telah membuat tinjauan kepada penulisan-penulisan atau kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Ia bertujuan untuk menjelaskan kedudukan penyelidikan semasa dan kaitan dengan khazanah ilmu yang sedia ada. Selain itu juga, bertujuan untuk melihat samada kajian ini telah dikaji atau pun tidak. Antara bahan tinjauan yang menjadi tumpuan kepada penulis ialah merangkumi tesis-tesis ilmiah, karya-karya, artikel-artikel dan kertas-kertas kerja yang membincangkan berkaitan dengan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan juga bahan-bahan yang membincangkan tentang tokoh tarannum, topik tarannum al-Quran, metodologi dan pengaruh dalam bidang tersebut.

### **Perkembangan Pengajian Tarannum al-Quran Di Malaysia**

Terdapat sebuah tesis Ph.D hasil kajian Anuar bin Hasin yang bertajuk “*Barāmij Tanmiyah „Im al-Tarannum Fī Māliziyyā: Dirāsah Taḥlīliyah Taṭbīqiyyah „Ā*

*Maṣlaḥah al-Shu'ūn al-Islāmiyyah al-Mālīziyah*” tahun 2017.<sup>34</sup> Kajian ini memberi fokus kepada pembangunan yang berlaku di Malaysia melalui program-program yang dikelolakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui pelbagai program untuk meningkatkan prestasi para qari dan qariah dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama. Bab pertama membincangkan tentang ilmu tarannum, bab kedua kepentingan JAKIM sumbangannya terhadap bidang al-Quran di Malaysia, bab ketiga tentang kajian kepada program-program pembangunan seni tarannum di Malaysia di bawah kelolaan JAKIM dan manfaatnya, bab keempat pula tentang kajian lapangan terperinci tentang keberkesanan program-program pembangunan seni tarannum di Malaysia. Hasil kajian ini didapati bahawa peningkatan yang signifikan pada kemahiran peserta selepas menyertai program-program tersebut di dalam empat bidang utama iaitu tajwid, tarannum, suara dan kelancaran bacaan. Keputusan ini menunjukkan bahawa program-program telah memberi kesan yang baik terhadap peningkatan mutu bacaan qari dan qariah yang menyertai Majlis Tilawah al-Quran.

Sebuah artikel jurnal berjudul “*Pengajian Tarannum Sebelum Dan Semasa Era Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman*” oleh Shafiza Safie, Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, Khader Ahmad Dan Hamdi Ishak. Artikel ini membincangkan biodata ringkas Datuk Hjh. Faridah binti Mat Saman dan pengajian tarannum sebelum dan semasa era beliau. Secara kesimpulan umum artikel ini ialah terdapat perubahan

---

<sup>34</sup> Anuar bin Hasin, “*Barāmiḥ Tanmiyah ,Ilm al-Tarannum Fī Mālīziyā: Dirāsah Taḥlīliyah Taṭbīqiyyah ,Alā Maṣlaḥah al-Shu'ūn al-Islāmiyyah al-Mālīziyah*”, (Tesis Kedoktoran Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017).

yang berlaku pada pengajian tarannum al-Quran zaman era beliau dapat melahirkan golongan qari dan qariah yang berkualiti berbanding sebelumnya.<sup>35</sup>

Kemudian, sebuah artikel diterbitkan dalam Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, Pengajian Islam dan Sain Sosial, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), bil. 13 tahun 2016 (Julai) yang bertajuk "*Perkembangan Pengajian Tarannum al-Quran Di Terengganu Pada Zaman Pra-Merdeka Sehingga Tahun 2014*", oleh Najmiah binti Omar dan Zulkifli @ Md. Yaakub bin Mohd Yusuf. Tulisan tersebut secara umumnya membincangkan faktor-faktor kemasukan ilmu tarannum al-Quran di Terengganu, pendidikan di Malaysia sebelum abad ke-20 dan perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Terengganu.<sup>36</sup>

Sebuah artikel jurnal berjudul "*Perkembangan Ilmu Tarannum al-Quran Di Malaysia*", oleh Khalid bin Isa, Prof. Madya Dr. Mustaffa bin Abdullah dan Dr. Lukman bin Ibrahim. Artikel ini telah secara umumnya membincangkan tentang faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia. terdapat dua aspek utama iaitu sejarah dan kesan Majlis Tilawah al-Quran dan pusat-pusat pengajian di Malaysia.<sup>37</sup>

Selain itu, sebuah artikel jurnal yang bertajuk "*Faktor-Faktor Kejayaan Qari Negeri Terengganu Dalam Kesenian Lagu al-Quran*", oleh Najmiah binti Omar, Fatimah binti Ismail, Tasnim binti Abdul Rahman dan Nik Nor Azeah binti Nik

---

<sup>35</sup> Shafiza Safie, Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, Khader Ahmad Dan Hamdi Ishak, "*Pengajian Tarannum Sebelum Dan Semasa Era Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman*", *Al-Turath Journal Of al-Quran And al-Sunnah*, Jabatan al-Quran Dan al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 3, no. 1 (2018).

<sup>36</sup> Najmiah binti Omar dan Zulkifli@Md. Yaakub bin Mohd Yusuf, "*Perkembangan Pengajian Tarannum al-Quran Di Terengganu Pada Zaman Pra-Merdeka Sehingga Tahun 2014*", *Jurnal Pengajian Islam dan Sain Sosial*, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNIZA), 13 (Julai 2016).

<sup>37</sup> Khalid bin Isa, Prof Madya Dr. Mustaffa bin Abdullah dan Dr. Lukman bin Ibrahim, "*Perkembangan Ilmu Tarannum al-Quran Di Malaysia*", *Jurnal ILIM*, 7 (2015).

Azman. Artikel ini menyentuh secara ringkas berkenaan latar belakang tujuh orang qari dan menganalisis faktor-faktor kejayaan mereka. Rumusannya ialah terdapat tujuh faktor utama yang menjadi tunjang kepada kejayaan qari negeri terengganu iaitu mempunyai motivasi dan bakat, belajar dengan guru yang pakar, mempunyai strategi belajar yang tersusun, mempelajari rentak qari mesir, penguasaan suara yang baik, menjaga aspek *ikhtilāl al-lahn*, *wuṣlah* dan *burdah* serta mengajar tarannum.<sup>38</sup>

### **Pengaruh Dan Pengamalan Tarannum al-Quran Di Malaysia**

Sebuah tesis Ph.D yang bertajuk “*Tarannum al-Quran Melalui Ṭarīq al-Syāṭibī: Kajian Terhadap Pengamalannya Dalam Kalangan Qari-Qari Kelantan Ke Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Malaysia Antara Tahun 1990-2005*” oleh Muhammad Lukman bin Ibrahim.<sup>39</sup> Menerusi kajian ini, beliau telah membincangkan mengenai ilmu tarannum dan *ṭarīq* al-Shāṭibī yang dipraktikkan di dalam majlis tilawah al-Quran di Malaysia. Beliau telah menemukan perkaitan yang jelas bahawa pembacaan tarannum al-Quran dengan menggunakan *ṭarīq* al-Shāṭibī di Kelantan khususnya dan Malaysia amnya. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama mengenai pendahuluan yang merangkumi tentang justifikasi penulisan. Bab kedua membincangkan tentang ilmu tarannum al-Quran. Bab ketiga membahaskan tentang *ṭarīq* al-Shāṭibī dan perkara khilafīyyah antara *ṭarīq*. Bab keempat membincangkan tentang pengamalan bacaan tarannum melalui *ṭarīq* al-Shāṭibī di kalangan qari-qari negeri kelantan antara tahun 1990-2005 dan bab kelima adalah penutup. Di antara dapatan kajian beliau keseluruhan qari tarannum di

<sup>38</sup> Najmiah binti Omar, Fatimah binti Ismail, Tasnim binti Abdul Rahman dan Nik Nor Azeah bt. Nik Azman, “*Faktor-Faktor Kejayaan Qari Negeri Terengganu Dalam Kesenian Lagu al-Quran*”, *Jurnal Sains Insani* Universiti Sains Malaysia (USIM), 2, no. 1 (2017).

<sup>39</sup> Muhammad Lukman bin Ibrahim, “*Tarannum al-Quran Melalui Ṭarīq al-Syāṭibī: Kajian Terhadap Pengamalannya Dalam Kalangan Qari-Qari Kelantan Ke Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Malaysia Antara Tahun 1990-2005*” (Tesis Kedoktoran Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

Kelantan khususnya dan ummnya Malaysia adalah beramal dengan *ṭarīq* al-Shātibī. Ini disebabkan oleh pengamalan, pembelajaran dan kesan secara tidak langsung dari Majlis Tilawah al-Quran. Namun terdapat juga kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki dalam beramal dengan *ṭarīq* al-Shātibī.

Terdapat satu kajian yang berkaitan dengan pengaruh tarannum yang hampir dengan tajuk kajian penulis iaitu kajian yang dilakukan oleh Wan Hilmi bin Wan Abdullah yang berjudul "*Pengaruh Tarannum Qari-Qari Mesir Terhadap Qari-Qari Malaysia*".<sup>40</sup> Kajian ini membincangkan ciri-ciri tarannum qari-qari mesir yang mempengaruhi bacaan al-Quran oleh qari-qari di Malaysia dalam aspek *Uslūb al-Adā'* dan *Fann al-Ṣawt*. Kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama yang membincangkan tentang pendahuluan kajian. Bab kedua membincangkan mengenai konsep tarannum al-Quran dan kepentingannya. Bab ketiga membahaskan tentang sejarah perkembangan tarannum di Mesir. Bab keempat membincangkan mengenai kaedah pengamalan tarannum qari-qari mesir. Bab kelima membincangkan mengenai ketokohan qari-qari di Malaysia dan ciri-ciri tarannum mereka. Seterusnya bab keenam adalah penutup dan rumusan kajian. Hasil dapatan kajian beliau ialah tarannum qari-qari Mesir sangat berpengaruh serta memberi kesan terhadap qari-qari di Malaysia. Perbezaan kajian ini dengan kajian penulis ialah kajian ini difokuskan secara umum tentang pengaruh qari-qari di Mesir terhadap tiga orang qari di Malaysia dan tidak membincangkan metodologi bacaan. Adapun bagi kajian penulis, fokus diberikan secara khusus kepada seorang tokoh qari sahaja iaitu Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, seterusnya membahaskan metodologi dan pengaruh bacaanya di

---

<sup>40</sup> Wan Hilmi bin Wan Abdullah, "*Pengaruh Tarannum Qari-Qari Mesir Terhadap Qari-Qari Malaysia*", (Tesis Ijazah Sarjana, Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Selangor, (2014).

Malaysia dalam dua aspek utama iaitu terdapat dalam penulisan dan melihat pada 14 orang bacaan qari dan qariah.

Terdapat juga sebuah artikel yang boleh dikatakan hampir dengan tajuk kajian penulis, iaitu artikel yang beretajuk "*Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl: Pengaruhnya Terhadap Sistem Pengajian Dan Pengamalan Tarannum Di Malaysia*", oleh Anuar bin Hasin. Artikel tersebut telah membincangkan secara ringkas biodata *Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl* dan secara umum tentang pengaruh *Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl* terhadap pengajian dan pengamalan di Malaysia. Jika dibandingkan dengan kajian penulis, jelas menunjukkan perbezaannya. Penulis mengkaji tentang biodata dan metodologi bacaan tarannum *aṣlī mujawwad Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl* secara datail. Kemudian menganalisis kepada dua bentuk pengaruh iaitu dalam bidang penulisan dengan memfokuskan kepada karya-karya dan artikel-artikel seterusnya pengaruh terhadap di kalangan qari dan qariah yang terpilih di Malaysia.<sup>41</sup>

### **Tokoh Tarannum al-Quran Dan Sumbangannya**

Kajian peringkat sarjana yang berkaitan dengan tokoh tarannum al-Quran yang jauh berbeza dengan kajian penulis, antaranya kajian yang telah dilakukan oleh penulis sendiri iaitu Khalid bin Isa yang bertajuk "*Tan Sri Dato" Haji Hassan Azhari: Sumbangannya Dalam Ilmu Tarannum al-Quran Di Malaysia*".<sup>42</sup> Kajian ini membincangkan secara terperinci tentang sumbangan seorang tokoh tarannum al-Quran di Malaysia yang banyak menyumbangkan jasa dan pengorbanan dalam

---

<sup>41</sup> Anuar bin Hasin, "*Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl: Pengaruhnya Terhadap Sistem Pengajian Dan Pengamalan Tarannum Di Malaysia*", Kertas Kerja Koleksi Persidangan, Transformasi Penyelidikan Dalam Bidang Pengajian Islam, Bahagian Ijazah Tinggi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur (2012).

<sup>42</sup> Khalid bin Isa, "*Tan Sri Dato" Haji Hassan Azhari: Sumbangannya Dalam Ilmu Tarannum al-Quran Di Malaysia*" (Tesis Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, 2011).

menyebarkan ilmu al-Quran terutamanya dalam bidang tarannum iaitu Tan Sri Dato<sup>43</sup> Hj. Hassan Azhari. Kajian ini dibahagi kepada lima bab utama. Dimulai dengan bab pendahuluan yang memperkenalkan latar belakang kajian. Disusuli dengan bab pertama membahaskan mengenai ilmu tarannum al-Quran dan perbincangannya. Bab kedua membincangkan mengenai perkembangan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia. Bab ketiga membincangkan mengenai biografi Tan Sri Dato<sup>43</sup> Hj. Hassan Azhari. Bab keempat membincangkan mengenai sumbangan Tan Sri Dato<sup>43</sup> Hj. Hassan Azhari dalam ilmu tarannum al-Quran di Malaysia. Bab kelima pula tentang rumusan dan saranan. Hasil dapatan kajian ini, bahawa Tan Sri Hassan Azhari merupakan tokoh tarannum al-Quran yang terulung di Malaysia kerana beliau telah banyak memberi sumbangan dalam perkembangan ilmu tersebut.

Seterusnya kajian yang bertajuk *“Haji Ahmad Bin Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan”*, oleh Wan Fakhru Razi bin Wan Mohamad.<sup>43</sup> Kajian ini memfokuskan kepada ketokohan Hj. Ahmad Mat Som Pergau, sumbangan beliau dalam bidang tarannum di negeri Kelantan dan membincangkan juga bentuk pembelajaran dan penekanan yang diaplikasikan oleh tokoh tersebut dalam menjayakan misi tarannum berla<sup>h</sup>jah arab. Kajian ini dibahagi kepada lima bab. Bab pertama mengenai pendahuluan kajian. Bab kedua berkaitan dengan biografi Hj. Ahmad Mat Som Pergau. Bab ketiga membincangkan mengenai ilmu tarannum dan pengajiannya di Kelantan. Bab keempat membincangkan tentang sumbangan Hj. Ahmad Mat Som Pergau dalam pengajian tarannum. Disusuli dengan bab yang kelima penutup merangkumi kesimpulan dan cadangan. Kesimpulan

---

<sup>43</sup> Wan Fakhru Razi bin Wan Mohamad, *“Haji Ahmad Bin Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan”*, (Tesis Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, 2008).

daripada hasil dapatan kajian beliau ialah Hj. Ahmad Mat Som Pergau merupakan tokoh pendidik yang menabur jasa kepada masyarakat di Kelantan.

Kemudian kajian yang bertajuk "*Seni Lagu al-Quran: Kajian Terhadap Sumbangan Haji Nik Jaafar Nik Ismail*", oleh Ahmad Nuruddin bin Mat Yunoh.<sup>44</sup> Kajian ini membincangkan sumbangan, karya-karya, tulisan dan pengalaman tokoh dalam pengajian seni lagu al-Quran. Kajian ini dibahagi kepada lima bab. Bab pertama pendahuluan kajian. Bab kedua membincangkan mengenai seni lagu al-Quran. bab ketiga membincangkan tentang biografi tokoh Hj. Nik Jaafar Nik Ismail. Bab keempat pula kajian tentang sumbangan Hj. Nik Jaafar Nik Ismail dalam pengajian al-Quran secara berlagu. Diakhiri dengan bab kelima iaitu rumusan dan saranan. Hasil dapatan kajian beliau ialah Hj. Nik Jaafar Nik Ismail telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang seni lagu al-Quran samada dari segi penulisan karya-karyanya, sebagai hakim, guru dan lain-lain.

Terdapat beberapa buah artikel yang berkaitan dengan tajuk ini iaitu sebuah artikel yang ada kaitan dengan kajian penulis iaitu artikel jurnal bertajuk "*Ketokohan Dan Sumbangan Syeikh Mustafa Isma'il Dalam Dunia Tilawah al-Quran Dan Kaedah Uslūb al-Qirā'ah Beliau*", yang ditulis oleh Wan Hilmi Abdullah, Dr. Sabri Mohammad dan Ahmad Shafiq Mat Razali. Tulisan tersebut membicarakan secara ringkas berkenaan dengan latar belakang Shaykh Mustafa Isma'il, sumbangnnya, *uslūb qirā'ah*nya dan akhir sekali analisis 5 ayat sahaja pada bacaannya iaitu pada ayat 39 surah al-Naml, ayat 15 surah al-Ra'ad dan ayat 10-12 surah al-Qamar. Jika dilihat pada artikel tersebut, terdapat perbezaan berbanding dengan kajian penulis

---

<sup>44</sup> Ahmad Nuruddin bin Mat Yunoh, "*Seni Lagu al-Quran: Kajian Terhadap Sumbangan Haji Nik Jaafar Nik Ismail*", (Tesis Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, 2008).

walaupun artikel itu membicarakan tentang tokoh yang sama. Perbezaannya ialah tulisan tersebut perbincangannya amat ringkas berbanding dengan kajian penulis yang amat ditail seperti riwayat hidup Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Tulisan tersebut tidak membincangkan metodologi bacaan secara khusus dan tidak menyentuh berkaitan dengan pengaruh bacaanya.<sup>45</sup>

Seterusnya sebuah artikel jurnal yang bertajuk “*Ketokohan Haji Abdul Rahim Ahmad Dalam Bidang Tarannum Dan Kaedah Tilawahnya*” oleh Wan Hilmi Wan Abdullah, Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Shahidan Ahmad. Perbincangan artikel ini adalah mengenai biodata beliau, sumbangnnya, pengiktirafanya dan kaedah bacaan tarannumnya. Hasil kajiannya ialah Hj. Abdul Rahim Ahmad telah mempromosikan bacaan al-Quran mengikut gaya kearaban.<sup>46</sup>

Sebuah artikel yang bertajuk “*Sumbangan Haji Mat Litar Dalam Pengajaran al-Quran Di Terengganu*”, oleh Najmiah bt. Omar dan Fatimah Zahara bt. Ismail. Perbincangan artikel ini mencakupi latar belakang Hj. Mat Litar, pendidikannya, guru, sahabat-sahabatnya dan sumbangan-sumbangannya. Kesimpulannya Hj. Mat Litar merupakan seorang tokoh al-Quran yang masyhur pada ketika dulu dan beliau banyak memberi jasa kepada masyarakat sekitar negeri terengganu. Antara

---

<sup>45</sup> Wan Hilmi bin Wan Abdullah, Dr Sabri Mohammad dan Ahmad Shafiq Mat Razali, “*Ketokohan Dan Sumbangan Syeikh Mustafa Isma’il Dalam Dunia Tilawah al-Quran Dan Kaedah Uslub al-Qira’ah Beliau*”, Seminar wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa (6-7 Oktober 2015), Dewan Kuliah Utama FPQS Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

<sup>46</sup> Wan Hilmi Wan Abdullah, Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Nasyrudin wan Abdullah, Shaidan Ahmad, “*Ketokohan Haji Abdul Rahim Ahmad Dalam Bidang Tarannum Dan Kaedah Tilawahnya*”, *Jurnal Pengajian Islam Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 10 ( 2017), dan ( *Prosiding International Seminar On Tarbiyah 2015, 5-8 Mac 20150, Universiti Islam Negeri ar-Raniry, Banda Aceh*).

sumbangannya yang besar ialah terbinanya Persatuan Qurra" negeri Terengganu yang masih wujud sehingga ke hari ini adalah hasil daripada asal penubuhan beliau.<sup>47</sup>

Kemudian sebuah artikel jurnal tentang tokoh juga yang bertajuk "*Tan Sri Dato" Haji Hassan Azhari: Sumbangnya Dalam Pengajian al-Quran Di Malaysia*", ditulis oleh Khalid Isa dan Muhammad Lukman Ibrahim. Artikel ini telah membincangkan latar belakang tokoh tersebut yang meliputi nama dan kelahiran, latar belakang keluarga, pendidikan, keistimewaan pujian masyarakat, hasil penulisan, pengaruhnya dalam masyarakat dan penganugerahannya. Turut dibincangkan juga sumbangan-sumbangnya di Malaysia iaitu sebagai hakim Tilawah al-Quran, penggubal undang-undang penghakiman Tilawah al-Quran, menubuhkan persatuan *qurra*" Malaysia, sebagai tenaga pengajar, penceramah, pembentang kertas kerja, pembimbing qari dan qariah ke majlis tilawah al-Quran, ahli lembaga *tahsin* al-Quran dan sebagai pakar rujuk di Malaysia.<sup>48</sup>

Selanjutnya, sebuah artikel jurnal yang berjudul "*Implikasi Ketokohan Qari-Qari Tanah Melayu Terhadap Kewujudan Program Tarannum Di Malaysia: Satu tinjauan*", ditulis oleh Wan Hilmi Wan Abdullah, Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Shahidan Ahmad dan Mohamad Fuad Ishak. Artikel ini membincangkan secara umum tokoh tarannum dan pencapaian yang diperolehi, penglibatan tokoh serta sumbangan, implikasi tokoh tarannum ke arah kewujudan program-program tarannum di Institut-Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan di

---

<sup>47</sup> Najmiah binti Omar dan Fatimah Zahara binti Ismail, "*Sumbangan Haji Mat Litar Dalam Pengajaran al-Quran Di Terengganu*", (Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization, Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 2017).

<sup>48</sup> Khalid bin Isa dan Muhammad Lukman bin Ibrahim, "*Tan Sri Dato" Haji Hassan Azhari: Sumbangnya Dalam Pengajian al-Quran Di Malaysia*", *Jurnal KIAS* 10, no. X ( November 2015).

sekolah-sekolah. Kesimpulan artikel ini ialah tokoh-tokoh tarannum telah memberi sumbangan yang besar dalam penyebaran ilmu tarannum al-Quran di Malaysia melalui program-program dan pengajian di IPT-IPT dan sekolah-sekolah.<sup>49</sup>

### **Metodologi Tarannum al-Quran**

Setakat ini terdapat sebuah tesis ilmiah sahaja yang mengkaji mengenai topik ini di peringkat (Ph.D). Tesis tersebut ialah hasil kajian Najmiah binti Omar tahun 2017 yang berjudul *“Pengajian Tarannum al-Quran Di Terengganu Dari Tahun 1960-2013: Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran Rogayah Binti Sulong”*.<sup>50</sup> Secara keseluruhannya, kajian ini telah memfokuskan kepada qari-qari negeri Terengganu antara tahun 1960 hingga 2013 yang telah berjaya menyandang johan dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Terengganu. Selain itu, kajian ini juga membincangkan biodata para qari, pengajaran dan pembelajaran qari, guru-guru, para qari dan manhaj pengajaran tarannum al-Quran Dato“ Hj. Rogayah binti Sulong.

Terdapat beberapa kajian peringkat sarjana juga yang berkaitan tajuk ini, antaranya kajian yang bertajuk *“Metodologi Pengajian Tarannum Di Maktab Perguruan Islam Bangi: Satu Kajian Dari Keberkesanan”* oleh Zulkipliy bin Mohd Dahlan.<sup>51</sup> Kajian ini membincangkan tentang bagaimana proses pengajaran bacaan al-Quran secara bertarannum dengan menggunakan kaedah tausiyah di Maktab

---

<sup>49</sup> Wan Hilmi Wan Abdullah, Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Shahidan Ahmad dan Mohamad Fuad Ishak, *“Implikasi Ketokohan Qari-Qari Tanah Melayu Terhadap Kewujudan Program Tarannum Di Malaysia: Satu tinjauan”*, E- Jurnal Pendidikan Bil. 1 (2) 2014, Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

<sup>50</sup> Najmiah binti Omar, *“Pengajian Tarannum al-Quran Di Terengganu Dari Tahun 1960-2013: Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran Rogayah Binti Sulong”*, (Tesis Kedoktoran Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017).

<sup>51</sup> Zulkipliy bin Mohd Dahlan, *“Metodologi Pengajian Tarannum Di Maktab Perguruan Islam Bangi: Satu Kajian Dari Keberkesanan”*(Tesis Ijazah Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi Selangor, 2000).

Perguruan Islam Bangi (MPI) dengan kaedah yang digunakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Kajian ini difokuskan kepada penilaian metodologi tarannum Maktab Perguruan Islam Bangi (MPI) dari sudut keberkesanan dan kelemahan taushih yang diterapkan dalam ayat al-Quran. Sempel kajian ini terdiri daripada pelatih DPM Maktab Perguruan Islam Bangi (MPI) semester kelima satu kelas dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sheikh Hj. Mohd Said Seremban Negeri Sembilan seramai lima pelajar yang terdiri dikalangan pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima. Kajian ini dibahagi kepada empat bab. Bab pertama membincangkan mengenai kaedah pengajian tarannum Maktab Perguruan Islam (MPI) Bangi Selangor. Bab kedua tentang tinjauan penulis dan kajian yang berkaitan metodologi tarannum (MPI) pelatih. Bab ketiga pula mengenai sejarah penubuhan Kelas Khas Kemahiran al-Quran dan bab keempat perbandingan antara MPI dan SMKA Sheikh Hj. Mohd Said, Seremban Negeri Sembilan. Hasil dapat kajian beliau, bahawa penggunaan tausiyh di Maktab Perguruan Islam Bangi secara keseluruhan dapat dilakukan dengan baik akan tetapi tausiyh diterapkan dalam pada ayat-ayat al-Quran tidak memuaskan.

Seterusnya kajian yang berjudul *“Tarannum al-Quran: Metode Perlaksanaannya Dalam Kurikulum Kelas Kemahiran al-Quran Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Malaysia”* oleh Hj. Mohd Napiah bin Sahrani.<sup>52</sup> Kajian ini meneliti Metode Kurikulum kelas kemahiran al-Quran yang diberikan kepada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia (SMKA). Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab

---

<sup>52</sup> Hj. Mohd Napiah bin Sahrani, *“Tarannum al-Quran: Metode Perlaksanaannya Dalam Kurikulum Kelas Kemahiran al-Quran Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Malaysia”*, (Tesis Ijazah Sarjana, Program Pascasarjana Institusi Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia, 1998).

pertama berkaitan dengan pendahuluan kajian. Bab kedua membicarakan mengenai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan eksistensi kurikulumnya. Bab ketiga pula membicarakan pandangan ulama dalam ilmu tarannum al-Quran. Bab keempat membicarakan mengenai metode pelaksanaan tarannum al-Quran dalam kurikulum SMKA dan bab kelima penutup dan kesimpulan. Hasil dapatan kajian beliau ialah Kurikulum Kelas Kemahiran Membaca memberi sumbangan yang sangat besar dalam membaiki mutu pembacaan al-Quran dengan lebih baik.

Kemudian, terdapat sebuah artikel yang membicarakan topik metodologi tarannum iaitu sebuah artikel yang bertajuk "*Tan Sri Dato" Hj. Hassan Azhari: Metodologi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Ilmu Tarannum al-Quran*", oleh Khalid Isa, Muhammad Lukman Ibrahim dan Mahyudin Daud. Perbincangannya berkisar kepada biografi ringkas Tan Sri Dato" Hj. Hassan Azhari dari sudut nama dan kelahiran, keturunan, pendidikan, keistimewaan, penulisanya dan penghargaan kepada beliau. Selain itu, turut dibincangkan juga berkenaan metode-metode pengajaran dan pembelajaran beliau dalam ilmu tarannum al-Quran. Hasil kajian ini didapati bahawa untuk menguasai ilmu tarannum al-Quran para qari dan qariah mestilah melalui empat perkara asas iaitu talaqqi dan musyafahah, *simā, ĵ, takrīr* dan adab tilawah. Tiga peringkat yang digunakan dalam pengajaran ilmu tarannum iaitu peringkat tidak ada asas, mempunyai asas dan peringkat yang sudah menguasai tarannum. Metodologi pembelajaran tarannum dikalsifikasikan kepada dua iaitu tarannum *uṣūl* dan tarannum *furū*".<sup>53</sup>

---

<sup>53</sup> Khalid bin Isa, Muhammad Lukman bin Ibrahim dan Mahyudin bin Daud, "*Tan Sri Dato" Hj. Hassan Azhari: Metodologi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Ilmu Tarannum al-Quran*", *Jurnal al-Basirah*, Universiti Malaya, 6, no. 1, (Desember 2016).

Selain itu, terdapat beberapa buah karya yang membincangkan kaedah pengajian tarannum. Antaranya karya “*Qawa'id Tarannum*” oleh Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail. Karya ini membincangkan kurikulum-kurikulum pembacaan al-Quran. Terdapat empat kurikulum yang dibahas iaitu *tahsīn al-ṣawt*, tajwid, tarannum dan *tartīl*. Perbincangan mengenai kurikulum pertama iaitu *tahsīn al-Ṣawt* adalah merangkumi pengenalan suara, sifat suara, tabaqat suara, burdah dan sistem latihan memanjangkan nafas. Kurikulum kedua pula berkaitan dengan tajwid perbincangan secara umumnya mengenai makhraj dan sifat huruf, hukum-hukum dan waqaf dan *ibtidā'*. Kurikulum ketiga pula ialah tentang tarannum yang merangkumi perbincangannya pengenalan tarannum, sejarah, peranannya dan mengenal jenis tarannum seperti *bayyātī*, *husaynī*, *kurdī*, *ṣabā*, *ḥijāz*, „*iraqī*, *nahāwand*, *rast*, *sikāh*, *jihārkāh*, „*ajam* dan teknik penyusunan tarannum. Kurikulum keempat pula ialah *tartīl* yang membincangkan syarat-syarat *tartīl*, fasahah al-Quran, *lahjah* arab dan kesalahan dalam pembacaan al-Quran.<sup>54</sup>

Seterusnya karya “*Fannu Tilawah al-Quran*” oleh Wan Hilmi bin Wan Abdullah. Karya ini merupakan salasilah pengajian ilmu tarannum satu. Buku ini mengandungi tiga bab utama. Bab pertama membincangkan mengenai penghantar dan pengenalan ilmu tarannum. Bab kedua mengenai kaedah-kaedah lagu al-Quran dan bab ketiga tentang kaedah-kaedah suara dalam bacaan.<sup>55</sup>

---

<sup>54</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawa'id al-Tarannum* (cet. Ke-5, Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd., 2012).

<sup>55</sup> Wan Hilmi bin Wan Abdullah, *Fannu Tilawah al-Quran*, cet. 1 (Bangi Selangor: Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Malaysia, 2010).

## **Pengajaran Dan Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Beberapa kajian di peringkat sarjana yang ada hubungkait dengan topik ini seperti kajian yang berjudul “*Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Tarannum al-Quran Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz al-Quran (KKQ) Di Selangor*” oleh Farah Ilyana binti Zakaria.<sup>56</sup> Kajian adalah bertujuan untuk menilai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz al-Quran (KKQ) di Selangor berdasarkan model penilaian CIPP yang merangkumi penilaian konteks, input, proses dan produk. Kajian ini melibatkan 78 orang pelajar yang meliputi keseluruhan pelajar tingkatan empat di tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan dua buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Selangor serta 6 orang guru KKQ yang mengajar subjek ini di sekolah-sekolah tersebut. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama membincangkan pendahuluan kajian yang merangkumi latar belakang pernyataan masalah, objektif, persoalan, kepentingan, batasan, definisi dan rumusan kajian. Bab kedua pula membincangkan mengenai ulasan keperpustakaan. Bab ketiga metodologi kajian. Bab keempat tentang dapatan kajian dan bab kelima perbincangan dan cadangan. Hasil dapatan kajian beliau ialah penilain konteks pada tahap tinggi, manakala input, proses dan produk pada tahap sederhana tinggi. Saranan beliau, supaya pelaksana kepada kurikulum tarannum al-Quran KKQ di Selangor supaya dapat membuat penambahbaikan lagi.

---

<sup>56</sup> Farah Ilyana binti Zakaria, “*Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Tarannum al-Quran Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) Di Selangor*” (Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan, Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Selangor, 2011).

Seterusnya kajian yang bertajuk “*Aplikasi CD-ROM Interaktif Dalam Pembelajaran Tarannum Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ)*” oleh Mohd Fathi” bin Said.<sup>57</sup> Kajian ini memfokuskan kepada persepsi pelajar berhubung aplikasi CD ROM Interaktif dari aspek membantu pembelajaran dan menarik minat pelajar. Kajian ini juga menumpukan empat buah sekolah sekitar Putrajaya yang melibatkan pelajar tingkatan satu dan dua sahaja. Kajian ini merangkumi lima bab. Bab pertama tentang pendahuluan kajian. Bab kedua tinjauan kepustakaan yang berkaitan dengan konsep tarannum, teori-teori pembelajaran dengan aplikasi CD ROM. Bab ketiga membincangkan mengenai metodologi kajian dan bab keempat dapatan kajian. Bab kelima pula tentang rumusan dan cadangan. Hasil daripada kajian beliau, bahawa pembelajaran tarannum berbentuk CD ROM Interaktif membantu meningkatkan mutu penguasaan pelajar dalam seni tarannum dan menarik minat pelajar terhadap ilmu tersebut.

Selanjutnya kajian yang bertajuk “*Penguasaan Tarannum Pelajar Kelas Kemahiran al-Quran Sekolah Menengah Kebangsaan Di Shah Alam*”, oleh Mohd Asri bin Ali.<sup>58</sup> Kajian ini memfokuskan tahap penguasaan tarannum pelajar KKQ yang berdaftar di SMK untuk Kelas Aliran Agama (KAA) di Shah Alam iaitu hanya pelajar tingkatan 3 pada tahun 2010 seramai 92 orang pelajar. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama tentang pendahuluan kajian. Bab kedua membincangkan mengenai kelas kemahiran al-Quran dan konsep ilmu tarannum. Bab ketiga mengenai pelaksana kelas kemahiran al-Quran di Shah Alam, Selangor.

---

<sup>57</sup> Mohd Fathi” bin Said, “*Aplikasi CD-ROM Interaktif Dalam Pembelajaran Tarannum Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ)*” (Tesis Ijazah Sarjana, Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Selangor, 2013).

<sup>58</sup> Mohd Asri bin Ali, “*Penguasaan Tarannum Pelajar Kelas Kemahiran al-Quran Sekolah Menengah Kebangsaan Di Shah Alam*”, (Tesis Ijazah Sarjana, Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Selangor, 2012).

Bab keempat membincangkan mengenai tahap penguasaan tarannum pelajar kelas kemahiran al-Quran di Shah Alam dan bab kelima adalah penutup. Dapatan kajian beliau ialah tahap penguasaan tarannum di kalangan pelajar KKQ di Shah Alam adalah sederhana dan berbeza mengikut sekolah disebabkan faktor pengurusan dan pengalaman dalam pengendalian kelas KKQ.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Dasrizal yang bertajuk "*Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran Tarannum al-Quran Di STAI-PIQ Sumatera barat*".<sup>59</sup> Kajian ini memfokuskan mengkaji sistem pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran pada semester ganjil sesi 2011-2012 di Sekolah Tinggi Agama Islam STAI-PIQ Sumatera Barat. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama. Bab pertama berkaitan pendahuluan kajian. Bab kedua mengkaji mengenai pengenalan tarannum al-Quran. bab ketiga pula mengenai pengenalan STAI-PIQ Sumatera Barat. Bab keempat kajian mengenai sistem pengajaran dan pembelajaran tarannum di STAI-PIQ Sumatera Barat dan di akhiri dengan bab kelima dengan penutup. Antara dapatan kajian beliau ialah pelaksanaan sistem pengajaran dan pembelajaran tarannum di STAI-PIQ Sumatera Barat berjalan dengan sederhana baik.

Kemudian, ada juga kajian dalam bentuk artikel iaitu artikel yang bertajuk "*Pendekatan Dato" Hajjah Rogayah Sulong Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran Tarannum al-Quran Di Terengganu*", oleh Najmiah binti Omar dan Zulkifli@Md Yaakub bin Yusoff. Tulisan ini membincangkan latar belakang pengajian tarannum

---

<sup>59</sup> Dasrizal, "*Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran Tarannum al-Quran Di STAI-PIQ Sumatera barat*", (Tesis Ijazah Sarjana, Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Selangor, 2013).

al-Quran di Terengganu, biodata Dato<sup>60</sup> Hjh. Rogayah Sulong secara ringkas dan kaedah pembelajaran dan pengajaran Hjh. Rogayah Sulong.<sup>60</sup>

Berikutnya artikel yang bertajuk “*Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam Pengajian Tarannum al-Quran Di Terengganu Antara Tahun 1960-2015*”, oleh Najmiah binti Omar dan Zulkifli@Md Yaakub bin Yusoff. Tulisan artikel ini membicarakan tentang pembelajaran sepanjang hayat dan mengemukakan empat orang biodata ringkas tokoh tarannum iaitu Dato<sup>61</sup> Hjh. Rogayah Sulong, Hjh. Sepiah binti Muhammad, Ustaz Hj. Rashid bin Ali dan Ustaz Hj. Tarmizi bin Ali. Hasil rumusan pada artikel ini ialah didapati bahawa cara mempelajari tarannum mesti dengan *talaqqī* dan *mushāfahah*.<sup>61</sup>

### **Perbincangan Ilmiah Ilmu Tarannum**

Beberapa karya yang membincangkan secara ilmiah mengenai topik tarannum, antaranya “*Panduan Tajwid Dan Tarannum*” oleh Hj. Abdul Ghani bin Ariffin. Beliau telah membincangkan secara umum sahaja berkaitan dengan ilmu tajwid dan tarannum. Bidang tajwid merangkumi perkara asas seperti takrif, sifat huruf, makhraj huruf, hukum-hukum, waqaf, tanda-tanda dan istilah rasm Uthmani dan kisah ringkas al-Quran diturunkan. Bidang tarannum pula beliau membincangkan secara ringkas

---

<sup>60</sup> Najmiah binti Omar dan Zulkifli@Md Yaakub bin Yusoff, “*Pendekatan Dato<sup>61</sup> Hajjah Rogayah Sulong Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran Tarannum al-Quran Di Terengganu*”, Koleksi Persidangan (Quran Melonjak Transformasi Ummah, 2013, cet. 1) , Fakulti Pengajian Quran Sunnah Universiti Sains Malaysia (USIM), 2013.

<sup>61</sup> Najmiah binti Omar dan Zulkifli@Md Yaakub bin Yusoff, “*Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam Pengajian Tarannum al-Quran Di Terengganu Antara Tahun 1960-2015*”, Koleksi Persidangan (Quran Melonjak Transformasi Ummah, 2015, Fakulti Pengajian Quran Sunnah Universiti Sains Malaysia (USIM).

dengan memperkenalkan jenis-jenis tujuh tarannum asas seperti *bayyātī*, *ṣabā*, *ḥijāz*, *nahāwand*, *rast*, *sīkāh* dan *jihārkāh*.<sup>62</sup>

Seterusnya karya “*Seni lagu al-Quran Di Malaysia*” oleh Mohd Ali bin Abu Bakar. Dalam karya ini, beliau telah membincangkan pengertian seni lagu al-Quran, seni suara lagu al-Quran, syarat-syarat seni lagu al-Quran, pembahagian seni lagu al-Quran, tokoh-tokoh lagu al-Quran, peranan lagu al-Quran terhadap pembacaan al-Quran dan sejarah majlis tilawah al-Quran di Malaysia.<sup>63</sup>

Seterusnya karya oleh Lembaga Bahasa Dan Ilmu al-Quran (LBIQ) Jakarta, Indonesia yang bertajuk “*Belajar Membaca al-Quran Dengan Lagu*”. Karya ini secara umumnya telah membincangkan mengenai kepentingan al-Quran, seni bacaan dan mendedahkan tarannum asas dalam pembacaan al-Quran. Kajian ini dibahagikan kepada enam bab perbincangan. Perbincangan bab pertama mengenai pendahuluan. Bab kedua membincang tentang al-Quran dan ilmu-ilmunya. Bab ketiga pula tentang seni bacaan al-Quran. Bab keempat berkaitang dengan lagu-lagu al-Quran seperti *bayyātī*, *ḥijāz*, *ṣabā*, *rast*, *jihārkāh*, *sīkāh*, dan *nahāwand* dan bab kelima pula berkaitan dengan contoh-contoh komposisi lagu dalam maqra”.<sup>64</sup>

Seterusnya karya yang bertajuk “*Pedoman Lagu-Lagu Tilawah al-Quran Dilengkapi Dengan Ilmu Tajwid Dan Qasidah*” oleh M. Misbachul Munir. Karya ini

---

<sup>62</sup> Hj. Abdul Ghani bin Ariffin, *Panduan Tajwid Dan Tarannum*, cet. 1, (Kuala Lumpur: Sarjana Media, 2007).

<sup>63</sup> Mohd Ali bin Abu Bakar, *Seni lagu al-Quran Di Malaysia*, cet. Ke-2 (Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn Bhd., 2012).

<sup>64</sup> Lembaga Bahasa Dan Ilmu Al-Quran (LBIQ) Jakarta Indonesia, *Belajar Membaca Al-Quran Dengan Lagu* (1987, Jakarta: t.p, t.t)

secara umumnya membicarakan mengenai suara, bentuk lagu-lagu, contoh-contoh Maqro", pelajaran ilmu tajwid dan termasuk juga bentuk-bentuk qasidah.<sup>65</sup>

Seterusnya karya "*Ilmu Dan Seni Qiro'atil Quran*" oleh Misbahul Munir. Karya ini membicarakan mengenai secara umum tentang lagu, suara, contoh-contoh maqro" dalam tilawah al-Quran, berkaitan ilmu tajwid, menghafal al-Quran, *Qirā'āt sab., ahdan* diakhiri dengan kaedah penghakiman.<sup>66</sup>

Selanjutnya karya "*Ilmu Nagham al-Quran*" oleh KH. Muhsin Salim, SQ. Karya ini membicarakan secara ringkas naghām al-Quran, pengertian al-Quran, seni bacaan al-Quran, keindahan lagu membaca al-Quran, keindahan suara nabi Muhammad dan para sahabat, keindahan sejarah lagu-lagu al-Quran, suara, versi lagu-lagu al-Quran Misri dan Indonesia serta *maqām-maqām* lagu.<sup>67</sup>

Selain itu karya "*Melagukan al-Quran*" oleh Labieb Saied. Karya ini dibahagikan kepada 9 bab. Bab pertama masyarakat arab dan lagu. Bab kedua melagukan al-Quran dalam sunnah. Bab ketiga melagukan al-Quran di kalangan sahabat, *tabi'in* dan *tabi'in* *tabi'in*. Bab keempat melagukan al-Quran menurut *fiqh* dan *ijmak*. Bab kelima sikap kaum muslimin terhadap lagu yang dimakruhkan. Bab keenam lagu-lagu al-Quran. bab ketujuh kaedah dan adab membaca al-Quran. bab kelapan sekitar mendengarkan pembacaan al-Quran dan bab kesembilan menghidupkan Ramadhan dengan tilawah al-Quran.<sup>68</sup>

---

<sup>65</sup> M. Misbachul Munir, *Pedoman Lagu-Lagu Tilawah Al-Quran Dilengkapi Dengan Ilmu Tajwid Dan Qasidah*, cet. Ke-3 (Surabaya: Apollo, 1997).

<sup>66</sup> M. Misbachul Munir, *Ilmu Dan Seni Qiro'atil Quran*, cet. 1 (t.tp: Binawang Semarang, 2005).

<sup>67</sup> KH. Muhsin Salim, SQ, *Ilmu Nagham al-Quran*, cet. Ke-2 (Jakarta: Pt. Kebayoran Widya Ripta, 2004).

<sup>68</sup> Labieb Saied, *Melagukan Al-Quran* (t.tp: t.p, t.t).

Seterusnya karya yang dikarang oleh Drs. Amad Mudir dan Drs. Sudarsono, S.H yang berjudul *“Ilmu Tajwid Dan Seni Baca Al-Quran”*. Karya ini membincangkan mengenai asas-asas ilmu tajwid dan tarannum al-Quran serta tilawah al-Quran. Karya ini dibahagikan kepada lima bab utama. Bermula dengan bab pertama tentang pendahuluan. Bab kedua mengenai aspek-aspek pokok ilmu Tajwid yang merangkumi perbincangannya dari sudut pengertian ilmu tajwid dan naghām, bidang ilmu tajwid, hukum melagukan al-Quran dan ruang lingkup keutamaan melagukan al-Quran. Bab ketiga mengenai aspek pokok seni baca al-Quran yang membincangkan tentang fasahah, suara dan lagu. Bab keempat pula membincangkan mengenai pengaruh ilmu tajwid terhadap seni baca al-Quran dan bab kelima mengenai musabaqah tilawah al-Quran yang membincangkan tentang latar belakang dan tujuan musabaqah tilawah al-Quran.<sup>69</sup>

Seterusnya karya yang dikarang oleh Ayman Rusydī Suwayd yang berjudul *“al-Bayān li Ḥukm Qirā’ah al-Qur’ān al-Karīm bi al-Ḥān”*. Perbahasan dalam karya ini beliau menyentuh secara ringkas mengenai makna *al-Ḥān* dari sudut bahasa dan istilah. Selain itu, beliau mendatangkan pendapat-pendapat ulama yang mengatakan ilmu tarannum tidak diharuskan dan pendapat ulama yang mengharuskannya dalam pembacaan al-Quran berserta dengan dalail-dalil hadis. Kemudian, hasil daripada perbahasan itu, beliau telah membuat kesimpulan bahawa ilmu tarannum adalah makruh dan haram.<sup>70</sup>

Karya *“Tarannum Seindah Bicara Ilahi”* oleh Dr. Muhammad Lukman Ibrahim Dan Muhammad Amiri Hj Ab. Ghani. Karya ini membincangkan secara

---

<sup>69</sup> Drs. Amad Mudir dan Drs. Sudarsono, *Ilmu Tajwid Dan Seni Baca Al-Quran*, cet. 1 (Jakarta: Pt Rineka Cipta, 1994).

<sup>70</sup> Ayman Rusydī Suwayd, *al-Bayān li Ḥukm Qirā’ah al-Qur’ān al-Karīm bi al-Ḥān*, (Jeddah: Jama’ah al-Khayriyah li Tahfiz al-Qur’ān al-Karim, 1991).

ringkas tentang sejarah tarannum, takrif, hukum, pembahagian tarannum, syarat-sarat tarannum, suara, perkara ghuluw dan 5 orang tokoh tarannum.<sup>71</sup>

Seterusnya sebuah artikel jurnal yang dihasilkan oleh Muhammad Lukman bin Ibrahim, Mohd Yakub@Zulkifli bin Mohd Yusoff dan Mustaffa bin Abdullah yang bertajuk "*Pro Dan Kontra Tarannum Di Dalam Tilawah Al-Quran: Satu Kajian Perbandingan*". Artikel ini telah membincangkan mengenai takrif tarannum dari sudut bahasa dan istilah, dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis serta hukum tarannum al-Quran. Hasil daripada kajian ini, terdapat dua kesimpulan yang boleh diambil. Pertama: Hukum tarannum al-Quran adalah harus bahkan sunat sekiranya bertujuan memperelokkan tilawah al-Quran serta menurut hukum-hakam tajwid yang tepat. Kedua: *Ghuluw* atau melampau di dalam tarannum sehingga merosakkan tajwid, menyembunyikan makhraj, memendekkan mad dan seumpamanya adalah di sepakati pengharamannya. Kedua-dua ulama yang membahaskan tentang tarannum al-Quran sebenarnya adalah bertujuan yang sama iaitu menjaga, memulia serta meninggikan al-Quran sebagai wahyu Allah (S.W.T).<sup>72</sup>

Selanjutnya sebuah artikel jurnal yang diterbitkan oleh Darul Quran JAKIM bil 19 tahun 2015 yang bertajuk "*Ilmu Tarannum al-Quran: Sejarah dan Perspektif*", oleh Saidah Haris @ Harith, Muhammad Lukman Ibrahim dan Mustaffa Abdullah.

---

<sup>71</sup> Dr. Muhammad Lukman Ibrahim Dan Muhammad Amiri Hj Ab. Ghani, *Tarannum Seindah Bicara Ilahi*, cet. 1 (Bandar Baru Bangi Selangor: Ummah Networking, 2017).

<sup>72</sup> Muhammad Lukman bin Ibrahim, Mohd Yakub@Zulkifli bin Mohd Yusoff dan Mustaffa bin Abdullah yang bertajuk "*Pro Dan Kontra Tarannum Di Dalam Tilawah Al-Quran: Satu Kajian Perbandingan*" Dr. Ahmed K. Kasar, ed., *International Journal On Quranic Research* ( Julai 2012).

Kandungan artikel ini membicarakan tentang konsep tarannum, dalil-dalil tarannum, tinjauan sejarah dan perkembangannya pada zaman Rasulullah, sahabat dan tabi'īn.<sup>73</sup>

Sebuah artikel "*Kursus Tarannum al-Quran*" oleh Ustaz Wan Hilmi Wan Abdullah, anjuran Jabatan al-Quran Dan al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Perbincangannya adalah berkisar tentang pengenalan ilmu tarannum al-Quran dan pengenalan *al-Ṣawt*.<sup>74</sup>

Kemudian yang terakhir sekali ialah artikel yang bertajuk "*Pengenalan Ilmu Tarannum al-Quran*", oleh Ustaz Wan Hilmi Wan Abdullah, diterbitkan oleh Jabatan Pengajian al-Quran Dan al-Sunnah. Secara ringkasnya membicarakan tentang ilmu tarannum, dalil-dalinya, sejarah ringkas dan metode atau uslub bacaan bertarannum dan contoh bacaan dengan tarannum *rast*.<sup>75</sup>

Menerusi kajian-kajian lepas yang dipaparkan di atas, jelas menunjukkan bahawa masih tidak ada sebarang lagi kajian atau mana-mana penulis yang terdahulu mengkaji dengan memfokuskan kajian seorang tokoh tarannum Mesir yang masyhur iaitu Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, metodologi bacaan dan pengaruhnya di Malaysia. Penulis dapati masih kurang lagi kajian pada peringkat Doktor Falsafah Ph.D dalam bidang ini. Setakat ini hanya terdapat tiga buah tesis ilmiah sahaja yang mengkaji mengenai topik tarannum al-Quran di peringkat Ph.D yang dilakukan di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

---

<sup>73</sup> Saidah binti Haris @ Harith, Muhammad Lukman bin Ibrahim dan Mustaffa bin Abdullah, *Jurnal Darul Quran (JAKIM)*, 19 (2015 M/1437 H).

<sup>74</sup> Wan Hilmi Wan Abdullah, "*Kursus Tarannum al-Quran*", Anjuran Jabatan al-Quran Dan al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), (27 Februari-25 September 2010).

<sup>75</sup> Ustaz Wan Hilmi Wan Abdullah, "*Pengenalan Ilmu Tarannum al-Quran*", (*Bengkel al-Quran di Pusat Islam Universiti Putra Malaysia (UPM)*, 30 Jun 2010).

## **10. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Terdapat dua metode kajian utama yang digunakan iaitu metode pengumpulan data dan analisa data. Metode-metode seperti berikut:

### **10.1 Metode Pengumpulan Data**

Menerusi metode ini, penulis mengumpul data-data dengan melibatkan dua bentuk kajian iaitu melalui perpustakaan dan lapangan.

#### **1. Kajian Perpustakaan**

Kajian perpustakaan adalah merujuk kepada teknik mendapat data dan bahan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod.<sup>76</sup> Melalui perpustakaan ini, penulis dapat mengumpul maklumat-maklumat dan data-data menerusi metode dokumentasi dan metode penentuan subjek daripada bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan. Penulis telah membuat rujukan daripada beberapa buah perpustakaan Universiti dan perpustakaan awam di Malaysia seperti Perpustakaan Utama, Perpustakaan ZA'ABA dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Pusat Islam JAWI Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara dan lain-lain.

##### **(a) Metode Dokumentasi**

Metode ini bermaksud himpunan atau kumpulan bahan atau dokumen yang dapat digunakan sebagai asas bagi sesuatu kajian, penghasilan sesuatu terbitan dan lain-lain.<sup>77</sup> Antara sumber utama dokumen yang penulis perolehi ialah melalui al-Quran

---

<sup>76</sup> Mohd Shafie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia UKM, 1995), 41.

<sup>77</sup> *Kamus Dewan*, ed. Ke-4, 360.

dan al-Hadis. Selain itu penulis juga banyak bergantung kepada buku-buku rujukan seperti tesis-tesis, buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal, kitab-kitab *turath*, surat khabar dan sebagainya. Dalam kajian ini, penulis banyak mengaplikasikan metode ini dalam bab pendahuluan, pertama dan kedua.

#### (b) Metode Penentuan Subjek

Subjek yang dimaksudkan ialah dalam kalangan kelompok orang atau sesuatu benda yang hendak dikaji. Dengan kata lain yang membawa maksud bagaimana cara sesuatu perkara yang hendak dikaji itu ditentukan. Dalam kajian ini, penulis menentukan Shaykh Mustafā Ismā'īl, qari dan qariah sebagai subjek kajian. Penulis mengaplikasikan metode ini dalam bab yang kedua dan keempat.

## 2. Kajian Lapangan

Melalui kajian lapangan, penulis telah menggunakan dua metode utama iaitu metode temu bual dan metode pemerhatian bertujuan untuk melengkapkan dan menyempurnakan kajian ini.

#### (a) Metode Temu bual

Temu bual didefinisikan sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Temu bual merupakan interaksi bersemuka antara penemubual dan responden.<sup>78</sup> Menurut Denzin, temu bual digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat, ia bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan sebenar mengenai sesuatu fenomena.<sup>79</sup>

---

<sup>78</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, ed. Ke-2, (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2011), 128.

<sup>79</sup> *Ibid*

Dalam kajian ini, penulis berkomunikasi secara bersemuka dengan responden yang melibatkan orang-orang yang tertentu seperti pakar-pakar, guru-guru tarannum dan qari-qariah yang dikaji. Metode ini diuraikan dalam bab yang ketiga dan keempat.

(b) Metode Pemerhatian (*Observasi*).

Kaedah pemerhatian dalam kajian ini dilakukan berdasarkan kepada bacaan-bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl untuk melihat metodologi dalam bacaan beliau. Selain itu, penulis juga menggunakan pengalaman dan keilmuan yang ada untuk memerhati bacaan al-Quran di kalangan qari atau qariah dalam media massa. Ini adalah bertujuan untuk menganalisa pengaruh bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam bacaan mereka. Penggunaan metode ini dimuatkan pada bab yang ketiga dan keempat.

## 10.2 Metode Analisa Data

Penggunaan metode ini adalah untuk menganalisa maklumat-maklumat dan data-data yang diperolehi daripada kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kaedah analisa data dalam kajian ini, penulis menggunakan metode-metode berikut:

(a) Metode Deduktif

Metode Deduktif ialah satu cara atau kaedah menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dengan menggunakan dalil atau fakta yang umum untuk sampai kepada hal-hal yang bersifat khusus.<sup>80</sup> Definisi metode tersebut bermaksud, semua data dan maklumat yang berbentuk umum dibuat kesimpulan dalam bentuk

---

<sup>80</sup> Imam Bernadib, *Erti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, (Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP, 1982), 134.

husus. Penulis telah menggunakan metode ini dalam bab pertama yang membincangkan tentang ilmu tarannum dan manhajnya.

(b) Metode Induktif

Metode Induktif ialah satu cara atau kaedah menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.<sup>81</sup> Ini bermaksud satu proses membuat kesimpulan daripada data dan maklumat yang berbentuk khusus kemudian disimpulkan dalam bentuk umum. Dalam kajian ini, penulis mengaplikasikan metode ini dalam bab pertama yang membincangkan secara khusus tentang hukum tarannum, bab ketiga membincang secara khusus berkenaan dengan metode bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, bab keempat yang berkenaan dengan analisis tentang pengaruh di Malaysia dan bab kelima membuat kesimpulan secara umum.

(c) Metode Komparatif


Metode ini ialah kaedah kesimpulan dibuat dengan melakukan perbandingan-perbandingan antara data dan fakta deduktif dan induktif. Metode ini bertepatan dengan kajian penulis jalankan. Dalam bab tiga penulis telah mengemukakan perbandingan *Ṭarīq Tayyibah* dan *Shāṭibiyyah* dan perbandingan di antara bacaan qari dan qariah dengan bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Perbandingan ini dilakukan bertujuan untuk membuktikan terdapat persamaan dan perbezaan terhadap bacaan mereka dan sekali gus dapat membuat kesimpulan. Huraian tersebut dimuatkan dalam bab ketiga dan keempat.

Semua maklumat yang terkumpul akan dianalisa dengan tersusun mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan dalam penulisan Ilmiah.

---

<sup>81</sup> *Ibid.*, 131.

Rajah 1: Metodologi Kajian



## 11. SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian ini dibahagikan kepada pecahan-pecahan bab berikut:

### **Bab Pendahuluan:**

Mengupas mengenai struktur penulisan kajian yang merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi tajuk, skop kajian, kepentingan kajian, ulasan kajian lepas, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

### **Bab Pertama:**

Membahas mengenai tarannum al-Quran dan manhaj-manhajnya di Malaysia. Dimulai dengan pendahuluan, definisi ilmu tarannum, dalil-dalilnya, sejarah perkembangannya, pandangan ulama tentang hukumnya, manhaj-manhaj tarannum di Malaysia, tokoh-tokoh tarannum di Malaysia dan diakhiri bab ini dengan kesimpulan.

### **Bab Kedua:**

Memfokus kepada pengenalan Riwayat hidup Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan ciri-ciri tarannum beliau. Bermula dengan pendahuluan, riwayat hidup Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang meliputi biodata dan sejarah hidup secara menyeluruh. Fokus bab ini juga tentang pengenalan tarannum beliau yang berkisar kepada bentuk dan *turāth* bacaan tarannum beliau dan diakhiri bab ini dengan kesimpulan.

### **Bab Ketiga:**

Mengkaji mengenai metodologi bacaan tarannum Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Dimulai dengan pendahuluan, kriteria-kriteria bacaan beliau, metode penggunaan tarannum, metode suara dalam tarannum, metode tajwid dalam tarannum, metode *qirā'āt* dalam tarannum dan kesimpulan bab.

**Bab Keempat:**

Menyelidiki mengenai pengaruh bacaan tarannum al-Quran Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl di Malaysia. Dimulai dengan pendahuluan, pengaruh beliau kepada karya-karya, artikel-artikel dan seterusnya melihat pengaruh bacaan beliau terhadap bacaan qari dan qariah. Kemudian diakhiri bab ini dengan kesimpulan.

**Bab Kelima:**

Penulis membincangkan tentang kesimpulan dan penutup yang merangkumi kesimpulan yang bermula pada bab yang pertama hingga bab keempat, saranan-saranan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan bagi pengaplikasian metode-metode bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl di dalam bacaan al-Quran, juga cadangan pengkajian tajuk yang akan datang sebagai lanjutan terhadap kajian penulis serta diakhiri bab ini dengan penutup.

## **BAB: 1**

### **TARANNUM AL-QURAN DAN MANHAJ-MANHAJNYA DI MALAYSIA**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini penulis memberi tumpuan kepada dua aspek utama iaitu penjelasan tentang konsep ilmu tarannum yang merupakan tunjang kepada kajian ini dan melihat bagaimana manhaj-manhaj ilmu tarannum yang sinonim dalam pengajian al-Quran di Malaysia.

Sebagai gambaran awalnya, bab ini akan merungkai beberapa persoalan yang timbul dikhalayak umum iaitu penggunaan istilah “Tarannum al-Quran” itu sendiri. Tidak dinafikan, sesetengah pihak tidak mementingkan kepada panggilan nama tersebut, akan tetapi jika dilihat dalam konteks disiplin ilmu sepatutnya diperjelaskan supaya dapat mengetahui asal-usul penggunaan perkataan tersebut. Begitu juga persoalan tentang pengamalan tarannum ini adakah didasari oleh nas-nas syarak atau pun hanyalah amalan turun-temurun dari generasi ke generasi yang lain. Justeru itu, perbahasan akan dilakukan dengan lebih terperinci dengan berdasarkan bukti-bukti yang kuat. Pembuktian ini akan dilihat kepada dalil-dalil *qat’i* daripada al-Quran atau hadis nabi (s.a.w) sebagai sumber utama dalam Islam. Namun, dalam perbahasan ilmu tarannum ini, ada juga dalil-dalil hadis yang melarang bertarannum. Rentetan itu, maka lahirlah pro dan kontra di kalangan ulama-ulama yang berpegang kepada hujah masing-masing tentang pandangan hukum tarannum ini.

Selain itu, dalam bab ini juga akan membincangkan mengenai manhaj-manhaj ilmu tarannum dan memperkenalkan tokoh-tokoh tarannum yang masyhur di Malaysia. Manhaj-manhaj yang dibahas lebih menjurus kepada teori-teori ilmu

tarannum yang telah menjadi amalan di kalangan qari-qariah dan masyarakat. Di samping itu juga, ditonjolkan beberapa orang qari masyhur yang banyak berjasa dan memberi sumbangan dalam mengembangkan ilmu tarannum al-Quran di Malaysia.

## 1.2 DEFINISI TARANNUM AL-QURAN

Berhubung dengan definisi tarannum al-Quran, dapat dilihat daripada dua sudut iaitu bahasa dan istilah.

### 1.2.1 Bahasa

Menurut Ibn Manẓūr<sup>82</sup> (630-711 H) dalam *Lisān al-ʿArab*,<sup>83</sup> menyatakan lafaz “Tarannum” (تَرْنَمٌ) diambil daripada perkataan (تَرْنَمٌ - يَتَرْنَمُ - تَرْنَمًا) atau perkataan (رَنَمٌ - الرَنِيمُ - والتَرْنِيمُ: التَرْنِيمُ) yang bermaksud menyanyi, berdendang dan memperelokkan suara terhadap sesuatu.<sup>84</sup>

<sup>82</sup> Beliau seorang ahli bahasa yang hebat dan masyhur. Nama beliau ialah Muḥammad bin Mukkaram bin ʿAlī, Aḥmad al-Anṣāriy al-Ruwayfi, al-Afriqiyy. Keturunannya merujuk kepada Ruwayfi, bin Thābit al-Anṣāriyy. Beliau digelar juga sebagai Abū Faḍl Jamāl al-Dīn dan Ibn Manẓūr. Dilahirkan di Kaherah Mesir pada hari Isnin 22 Muharram tahun 630/1232H dan meninggal pada bulan Syaʿban tahun 711 H/1311 M. Beliau menuntut ilmu dengan ramai guru, antaranya Yusuf bin al-Mukhaylī, ʿAbd al-Raḥmān bin al-Tufayl, Murtaḍā bin Ḥātim, Ibn Muqīr dan lain-lain lagi. Beliau mempunyai murid yang ramai, antara yang masyhur seperti al-Imām al-Subkī dan al-Ḥāfiẓ Imām al-Dhahabī. Beliau telah megarang banyak kitab, seperti *Lisān al-ʿArab*, *Mukhtār al-Aghānī*, *Mukhtaṣar Mufradāt ibn al-Bayṭār*, *Nathār al-Azhār fī al-Layl wa al-Nahār*, *Akḥbār Abī Nawās* dan lain-lain. Lihat Prof Dr. Maḥmūd Hamidī Zaqqūq, *Mawsūʿah Aḥlām al-Fikr al-Islām*, 1100. Khayr al-Dīn al-Ziriklī, *al-Aḥām Qāmūs Tarājīm li Asyḥār al-Rijāl wa al-Nisāʾ Min al-ʿArab wa al-Mustaʿīr Bayn al-Mustasyriqīn*, cet. Ke-15, (Bayrut: Dār al-ʿIlm li al-Malāyīn, 2001), 7: 108. Al-Imām Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ʿUthmān al-Dhahabī (748-1374H), *Siyar Aḥlām al-Nubalāʾ*, cet. Ke-3, (Bayrut: Muassasah al-Risālah, 1985/1405H), 18: 389 dan 390. Lihat juga Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn ʿAbd al-Raḥmān al-Suyūṭī, *Bughyah al-Wuḥayh Fī Tabaqāt al-Lughawīyyīn wa al-Nuḥah*, cet. Ke-2, (Bayrut: Dār al-Fikr), 1: 248.

<sup>83</sup> *Lisān al-ʿArab* merupakan kitab Ensiklopedia yang terkumpul berkaitan dengan bahasa, tafsir, hadis, syaʿīr, hukum, contoh-contoh, berita arab, wasiat dan sebahagian daripada percakapan mereka. Kitab ini mempunyai 20 juzuk.

<sup>84</sup> Ibn al-Manẓūr, *Lisān al-ʿArab* (Kaherah: Dār al-Maʿārif, 1956), 3: 1745. Lihat juga Dr. Abu Abdullah Hanafī Hj. Dolah, *Qamus al-Khalil Arab-Melayu* (Kuala Lumpur: Pustaka Ilmiah al-Khalil, 2013), 277.

Dalam *al-Mu, jam al-Wasīṭ*<sup>85</sup> pula, asal lafaz “*tarannum*” (تَرْنَمٌ) terbitan daripada perkataan (رَنَمٌ - تَرْنَمٌ - التَّرْنِيمُ) bererti menyanyi, mengalunkan suara dan berlagu.<sup>86</sup>

Dr. Shaykh Idrīs al-Marbawī<sup>87</sup> (1313-1410 H) pula dalam kamusnya<sup>88</sup> menyatakan bahawa lafaz “*tarannum*” (تَرْنَمٌ) diambil daripada perkataan (رَنَمٌ - تَرْنَمٌ) atau (رَنَمٌ - تَرْنَمٌ) yang bererti berdendang atau menyanyi.<sup>89</sup>

<sup>85</sup> Kamus ini disusun oleh Majma, al-Lughah al-‘Arabiyyah Jumhūriyyah Miṣr yang terdiri daripada Dr. Shawqī Dahyf (ketua), Sha,bān ,Abd al-,Atiy ,Atiyah (wakil daripada Kementerian), Aḥmad Ḥāmid Husayn (Ketua Pengarah Hal Ehwal Kewangan dan Pentadbiran) dan Jamāl Murad Ḥilmī (Ketua penyelidikan).

<sup>86</sup> Dr. Shawqī Dayf, et al., *al-Mu, jam al-Wasīṭ*, cet. Ke-4, (Kaheerah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyah, 2004), 376.

<sup>87</sup> Beliau merupakan seorang tokoh ulama Melayu yang terkenal yang banyak menyumbang dalam ilmu dan penulisan. Nama beliau ialah Mohamed Idris bin Abdul Raof al-Marbawi al-Azhari. Nama ini digunakan hampir keseluruhan karya penulisan beliau. Gelaran al-Marbawi mengambil sempena nama kampung asal keluarganya di Lubuk Merbau yang terletak dalam daerah Kuala Kangsar, Perak. Manakala al-Azhari pula merujuk kepada Universiti al-Azhar di Mesir tempat beliau menimba ilmu dalam bidang pengajian Islam. Beliau dilahirkan pada tanggal 28 Zulkaedah 1313 Hijrah bersamaan 12 Mei 1896 Masihi di Kampung Masfalah Makkah al-Mukarramah. Beliau mempunyai ramai guru termasuk di Malaysia dan Mesir. Di antara guru-gurunya di Malaysia yang telah dinyatakan oleh beliau dalam karya-karya seperti Tuk Kenali, Tun Husain Mohd Nasir al-Mas’udi al-Banjari, Shaykh Wan Muhammad bin Wan Husain, Haji Yaakub Ligor dan Hj. Muhammd Ali Salahuddin bin Awang. Antara gurunya di Mesir pula ialah Shaykh Muḥammad Ibrāhīm al-Samaluti, Shaykh Maḥmūd Ghunaym, Shaykh Muḥammad Baḥīth, Shaykh Abū al-,Alā al-Falakī, al-,Allāmah al-Malikī al-Shaykh Muḥammad ,Alī al-Malikī dan Ustaz ,Abd Wasif bin Muhammad. Dengan kewibawaan dan keterampilan beliau sebagai seorang ulama yang disegani dan dikagumi menjadikan ramai penuntut yang menganggap sebagai guru mereka. Beliau mempunyai ramai anak murid antaranya Hj. Ibrahim bin Ariffin, Kulub bin Abdul Wahab, Hj. Ishak bin Musa, Ilyas bin Arshad, Abdul Mutalib bin Husain, Pandak Muhammad bin Hj. Husain, Hj. Abbas bin Abdul Rauf dan Ishak bin Muhammad Arif. Beliau telah menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bidang iaitu dalam bidang kamus dan Ensiklopedia antaranya Kamus al-Marbawi arab-Melayu, Kitab perbendaharaan Ilmu, Mu’jam al-Kaynah. Bidang Tafsir pula seperti Tafsir Quran al-Marbawi-juz Alif Lām, Tafsir surah Yāsin Bahasa Melayu. Bidang hadis iaitu seperti Kitab Idanan Guru Sahih al-Bukhari dan Muslim, Kitab *Bulūgh al-Marām* serta terjemahan bahasa Melayu. Bidang Tauhid, Fiqh dan tasawuf seperti Punca Agama dan Pati Hukum Ibadat, Nizam al-Hayat (Peraturan Hidup Umat Islam), Asas Islam. Kemudian bidang majalah dan Akhbar seperti majalah Pengasuh dan Seruan al-Azhar. Dengan keilmuan yang tinggi dan banyak sumbangan, jasa pengorbanan, beliau telah mendapat beberapa anugerah seperti Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 25 Februari 1980, Anugerah Pingat Ahli Mahkota Perak pada 19 April 1988 oleh baginda Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, Tokoh Anugerah Penulis Pentas Perak pada 8 Muharram 1425 Hijrah bersamaan 28 Februari 2004 iaitu selepas 15 tahun beliau meninggal dunia. Beliau meninggal dunia di Hospital Besar Ipoh Perak pada pukul 8.40 pagi, 14 Rabiulawal, tahun 1410 H ketika berusia 96 tahun dan disemadikan di kamapung Lubuk Merbau, bersebelahan dengan pusara isterinya Hjh. Khadijah Mohd Adham. Lihat Faisal Ahmad Shah, *Biografi Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr al-Madhi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2013), 1 dan 14-26. Lihat juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Biografi Tokoh Ma’al Hijrah Peringkat*

Dalam Kamus Dewan Bahasa menyatakan, perkataan “*Tarannum*” bermaksud kaedah memperelokkan suara atau memperindahkan bacaan al-Quran secara berlagu.<sup>90</sup>

Perkataan tarannum al-Quran ini adalah disandarkan kepada hadis Nabi (s.a.w), sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqī,<sup>91</sup> sabda Rasulullah (s.a.w):

« مَا أَدْنَى اللَّهِ لَشَيْءٍ إِذْنَهُ لِنَبِيِّ حَسَنِ التَّرْنِيمِ بِالْقُرْآنِ »

Terjemahan: Allah (S.W.T) tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara diizinkanNya kepada seorang Nabi yang memperelokkan tarannum al-Quran.<sup>92</sup>

Dan hadis yang diriwayatkan oleh „Abd al-Razzāq,<sup>93</sup> sabda Rasulullah (s.a.w):

---

*Kebangsaan*, cet. 1, (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2006), 1-25. Lihat juga Faisal Ahmad Shah, *Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Bahr al-Mādhi* (Tesis Ph.D Jabatan al-Quran dan al-Hadith Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur, 2007). Lihat juga Dr Hj. Mat Saad Abdul Rahman, *Ensiklopedia Ulama*, (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2011), 14: 102-107.

<sup>88</sup> Kamus al-Marbawi dikarang hampir 90 tahun yang lalu merupakan karya pertama oleh Dr. Shaykh Idrīs al-Marbawī. Penyusunannya bermula pada tahun 1925. Kamus ini salah satu karyanya yang terpenting dan tersohor bukan sahaja di Tanah Melayu malah di Nusantara. Sehingga kini, kamus ini menjadi pilihan dan rujukan penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta. Ini terbukti apabila ia dicetak sebanyak 24 kali di Mesir. Antara rujukan dalam kamus ini ialah Asas balaghah oleh *al-Zamakhsharī*, *al-Bujayrimī Sharḥ Faṭḥ al-Wahāb*, *Taj „Urus Sharḥ al-Qāmūs*, *al-Munjīd*, *Ḥayāt al-Hayawān al-Kubrā*, *Dayrat al-Ma‘ārif al-Qarn al-„Isyrīn*, *Faṭḥ al-Wahāb*, *al-Qāmūs al-„Ari*, *al-Qamūs al-Muḥīt*, *Mukhtaṣar al-Ṣiḥah*, *al-Miṣbāḥ al-Munīr* dan *Munjīd al-Tullāb*. Lihat Faisal Ahmad Shah, *Biografi Mohamed Idris al-Marbawi*, 18 dan 19.

<sup>89</sup> Dr. Shaykh Hj. Mohamed Idrīs Abdul Raof al-Marbawī, *Kamus Idrīs al-Marbawī Arab-Melayu* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 1990), 252.

<sup>90</sup> Hjh. Noresah bt. Baharom, et al., *Kamus Dewan*, 1609.

<sup>91</sup> Beliau ialah al-Ḥāfiẓ al-„Allāmah al-Faqīh Shaykh al-Islām Abū Bakr Aḥmad bin Ḥusayn bin „Alī bin Mūsā al-Bayhaqī. Lahir pada tahun 384 H dan meninggal dunia pada tahun 458 H. Beliau merupakan seorang ulama yang mempunyai hafazan yang baik lagi *thiqah* dan menjadi shaykh di Kurasan. Lihat al-Imam Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin „Uthmān al-Dhahabī, *Siyar A„lām al-Nubalā*” cet. Ke-3, (Bayrūt: Mu‘assasah al-Risālah, 1985M/1405H), 18: 163-170. Al-Imām Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin „Uthmān al-Dhahabī, *Tahdhīb Siyar A„lām al-Nubalā*”, cet. 1, (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 1991M/1412H), 2: 396 dan 397.

<sup>92</sup> Hadith riwayat al-Bayhaqī, Kitab al-Syahādāt, Bab Taḥsīn al-Ṣawt bi al-Qur‘ān Wa al-Dikr, no. Hadith 21041. Lihat Imam Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin „Alī al-Bayhaqī, *Sunan al-Kubrā*, cet. Ke-3, (Bayrūt Lubnan: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 2003M/1424), 10: 386.

« مَا أَذِنَ اللَّهُ لشيءٍ كَمَا أَذِنَ لِنَاسٍ حَسَنِ التَّزْمِ بِالْقُرْآنِ ».

Terjemahan: Allah (S.W.T) tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara sepertimana Allah (S.W.T) menumpukan perhatian kepada seorang insan yang memperelokkan tarannum al-Quran.<sup>94</sup>

Pada lafaz hadis yang lain pula, sabda Rasulullah (s.a.w):

« مَا أَذِنَ اللَّهُ لشيءٍ مَّا أَذِنَ لِنَاسٍ حَسَنِ التَّزْمِ بِالْقُرْآنِ ».

Terjemahan: Allah (S.W.T) mendengar (dengan penuh perhatian terhadap Nabi) sepertimana Allah (S.W.T) mendengar menumpukan perhatian kepada seorang insan yang memperelokkan tarannum al-Quran.<sup>95</sup>

Ibn Hajar al-Asqalānī<sup>96</sup> (773-852 H) juga telah menghuraikan mengenai tarannum dengan mendatangkan hadis yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah<sup>97</sup> (r.a), bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

<sup>93</sup> Beliau merupakan salah seorang ulama hadis yang terkemuka. Nama beliau ialah al-Ḥāfiẓ al-Kabīr „Abd al-Razzāq bin Hammām bin Nāfi, „Abū Bakr al-Humayrī, al-Ṣan,ānī. Dilahirkan pada tahun 126 H dan meninggal dunia pada tahun 211 H. Pendapat lain pula mengatakan bahawa beliau meninggal dunia pada 210 pertengahan bulan Syawwal di Yaman. Lihat Asmā’ Ibrāhīm Su,ūd „Ajīn, *Manhaj al-Ḥāfiẓ „Abd al-Razzāq al-San,ānī* (Kaherah: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 2008), 17 dan 19.

<sup>94</sup> Hadith riwayat „Abd al-Razzāq, *Kitāb al-Ṣalāh*, Bāb al-Na’īm wa al-Sukran wa al-Qirā’ah „Alā al-Ghinā’, no. Hadith 4169, Lihat al-Ḥāfiẓ al-Kabīr Abū Bakr „Abd al-Razzāq bin Hammām al-San,ānī, *Al-Musannaf* (Bayrūt: Al-Maktabah al-Islāmī, 1390H /1970), 2: 482.

<sup>95</sup> *Ibid.*, no. Hadith 4170.

<sup>96</sup> Beliau juga merupakan ulama Shafi’ī yang tersohor terutama dalam bidang hadis. Beliau ialah al-Imām Aḥmad bin „Alī bin Muḥammad bin Muḥammad bin „Alī bin Aḥmad al-„Asqalānī. Lahir di Mesir bulan Sya’ban pada tahun 773 Hijrah bersamaan 1372 Masihi dan meninggal dunia pada tahun 852 Hijrah bersamaan 1449 Masihi. Di antara karya-karya beliau yang terkenal ialah *Fatḥ al-Bārī Sharḥ al-Bukhārī*, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, *Lisān al-Mizān*, *Ta,jīl al-Manfa,ah*, *Taqrīb al-Tahdhīb*, *al-Durar al-Kāminah*, *Nuzḥah al-Albāb fī al-Qab* dan lain-lain.

<sup>97</sup> Beliau ialah „Abd al-Raḥmān bin Ṣakhr al-Dūsī al-Yamanī. Lahir pada 21 Hijrah bersamaan 602 Masihi dan meninggal duni pada 59 hijrah bersamaan 679 masihi. Beliau ialah di kalangan sahabat yang banyak menghafal hadis Rasulullah (s.a.w).

« مَا أَذِنَ اللَّهُ لشيءٍ مَّا أَذِنَ لِنَبِيِّ حَسَنَ التَّزْمِ بِالْقُرْآنِ ».

Terjemahan: Allah (S.W.T) tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara sepertimana Allah (S.W.T) menumpukan perhatian kepada seorang nabi yang memperelokkan tarannum al-Quran.<sup>98</sup>

Pada lafaz yang lain pula iaitu hadis yang diriwayatkan daripada Abū Hurayrah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« مَا أَذِنَ اللَّهُ لشيءٍ مَّا أَذِنَ لِنَبِيِّ حُسْنِ التَّزْمِ بِالْقُرْآنِ بِجَهْرٍ بِهِ ».

Terjemahan: Allah (S.W.T) tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara sepertimana Allah (S.W.T) mendengar (menumpukan perhatian) kepada seorang Nabi yang memperelokkan tarannum al-Quran membaca dengan suara yang kuat (jelas).<sup>99</sup>

Kebanyakan di kalangan ulama berpandangan terhadap hadis-hadis tersebut adalah sahih. Mereka adalah seperti al-Imām al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-Asqalānī dalam kitabnya *Fath al-Bārī*,<sup>100</sup> al-Imām al-Ḥāfiẓ „Abd al-„Azīm bin „Abd al-Qawī al-Mundhirī dalam kitabnya *al-Targhīb wa al-Tarhīb*<sup>101</sup> dan lain-lain.

<sup>98</sup> Abū al-Hasan „Alī bin Khalaf bin „Abd al-Malik Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, t.t), 10: 260 dan 261.

<sup>99</sup> Shams al-Dīn Abū „Abd Allāh Muḥammad bin Ḥasan, *al-Tankīt wa al-Ifādah fī Takhrīj Aḥādīth Khātimah Sifr al-Sa‘ādah* cet. 1 (Bayrūt: Dār al-Ma‘mūn li-Turāth, 1987), 189.

<sup>100</sup> Al-Imām al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ al-Bukhārī*, cet. 1, (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2000), 89.

<sup>101</sup> „Abd al-„Azīm bin „Abd al-Qawī al-Mundhirī, *al-Targhīb wa al-Tarhīb*, cet. 1 (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, 1424), 189.

Justeru, jelas terbukti di sini bahawa Rasulullah (s.a.w) sendiri yang menggunakan istilah yang khusus mengenai *tarannum bi al-Qur'ān*. Oleh sebab itulah penulis lebih cenderung menggunakan istilah tersebut dalam topik kajian ini.

Terdapat juga perkataan-perkataan lain membawa maksud yang sama dengan *tarannum al-Quran*, seperti:

1. *Al-Taghannī* (التَغَنَّى)

Kalimah *al-Taghannī* ini dikhususkan kepada membaca al-Quran yang bermakna *tarannum* atau melagukan.<sup>102</sup> Hal ini juga dibuktikan dengan hadis Rasulullah (s.a.w):

« مَا أَذِنَ اللَّهُ لِنَبِيٍِّّ أَنْ يَتَغَنَّى بِالْقُرْآنِ ».

Terjemahan: Allah (S.W.T) tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara sepertimana Allah (S.W.T) mendengar (menumpukan perhatian) kepada seorang Nabi yang (bertarannum/melagukan) al-Quran.<sup>103</sup>

2. *Al-Talhīn* (التَلْحِينُ)/*Al-Hān* (الْحَان)

*Al-Talhīn* berasal daripada perkataan (لَحْنٌ-يَلْحَنُ-لَحْنًا-وَلَحُونًا) yang bermaksud berdendang, bernyanyi dan membaca,<sup>104</sup> sepertimana sabda Rasulullah (s.a.w):

« اقْرَأُوا الْقُرْآنَ بِلُحُونِ الْعَرَبِ وَأَصْوَاتِهَا ».

Terjemahan: Bacalah al-Quran dengan *tarannum-tarannum* arab dan suara-suaranya.<sup>105</sup>

<sup>102</sup> Ibn al-Manzūr, *Lisān al-ʿArab*, 3: 3309.

<sup>103</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb Fadāʾil al-Qurʾān, Bāb Man Lam Yataghanna bi al-Qurʾān, no. Hadith 5024. Lihat Abū ʿAbd Allāh Muḥammad bin Ismāʿīl al-Bukhārī, al-Jāmiʿ, al-Ṣaḥīḥ, cet. Ke-2, (Riyāḍ: Dār al-Salām, 1999), 900.

<sup>104</sup> Ibn al-Manzūr, *Lisān al-ʿArab*, 4013.

3. *Al-Taḥsīn al-Ṣawt* (التَّحْسِينُ الصَّوْتُ)

*Al-Taḥsīn al-Ṣawt* bermaksud memperelokkan atau memperindah suara.

Sepertimana sabda Rasulullah (s.a.w):

« مَا أَذِنَ اللَّهُ لشيءٍ مَّا أَذِنَ لِنَبِيِّ حَسَنِ الصَّوْتِ بِالْقُرْآنِ يَجْهَرُ بِهِ ».

Terjemahan: Allah (S.W.T) tidak mendengar terhadap sesuatu perkara sepertimana Allah (S.W.T) mendengar kepada seorang Nabi yang memperelokkan suaranya (tarannum) al-Quran membaca dengan suara yang kuat (jelas).<sup>106</sup>

4. *Al-Tarjī*, (الترجييع)

Hal ini dapat dibuktikan juga dengan hadis Rasulullah (s.a.w):

« عَنْ أَبِي إِيَّاسٍ قَالَ سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مُعَمَّلٍ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ وَهُوَ عَلَى نَاقَتِهِ أَوْ جَمَلِهِ وَهِيَ تَسِيرُ بِهِ وَهُوَ يَقْرَأُ سُورَةَ الْفَتْحِ أَوْ مِنْ سُورَةِ الْفَتْحِ قِرَاءَةً لَيِّنَةً يَقْرَأُ وَهُوَ يُرْجَعُ ».

<sup>105</sup> Hadis riwayat Imām al-Ṭabarānī, no. Hadith 7223 dan Imām al-Bayhaqī, bāb Fī Taḥsīn al-Qurʿān, Faṣl Fī Tark al-Taḥsīn al-Qurʿān, no. Hadith 2406. Lihat Abū Qāsim Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabarānī, *al-Muḥjam al-Awsaṭ* (Kaherah: Dār al-Haramayn, 1995), 7: 183. Imām al-Ḥafīẓ Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *al-Jāmiʿ, li Shuʿab al-ʾĪmān* (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2003), 4: 208.

<sup>106</sup> Hadith Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Tawḥīd, bāb Qawl al-Nabiy (s.a.w): al-Māhir bi al-Qurʿān Maʿa Safarah al-Kirām al-Bararah wa al-Zayyin al-Qurʿān bi Aṣwātikum, no. Hadis 7544, al-Nasāʾī, Kitāb Faḍāʾil al-Qurʿān, Bāb Ḥusn al-Ṣawt bi al-Qurʿān, no. Hadith 7998 dan al-Bayhaqī, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Kayfa Qirāʾah al-Muṣallī, no. Hadith 2428 dan al-Bayhaqī, Kitāb Faḍāʾil al-Qurʿān, bāb fī Tartīl al-Qurʿān wa Taḥsīn al-Ṣawt bih, no. Hadith 980 dan Bāb al-Syahādāt, Bāb Man Tājūz Syahādatur, no. Hadith 4294 dan al-Bayhaqī, Kitāb Taḥsīn al-Qurʿān, Faṣl Fī Taḥsīn al-Ṣawt bi al-Qirāʾah wa al-Qurʿān, no. Hadith 1956. Lihat Abū ʿAbd Allāh Muḥammad bin Ismāʿīl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, dalam *Mawsūʿat al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, Muḥibb al-Dīn al-Khātib, Muḥammad Fuʿad ʿAbd al-Bāqī dan Quṣay Muḥibb al-Dīn al-Khātib, ed., (Kaherah: al-Salfiyyah, 1400 M), 4: 415. Abū ʿAbd al-Raḥmān Aḥmad bin Shuʿayb al-Nasāʾī, “al-Sunan al-Kubrā”, ed. Dr. ʿAbd Allāh bin ʿAbd al-Muḥsin al-Turkī (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 2001), 7: 271. Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin ʿAlī al-Bayhaqī, “al-Sunan al-Kubrā”, ed. Ibrāhīm Shams al-Dīn (Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʾIlmiyyah, 2003), 2: 78 dan dalam “al-Sunan al-Saghīr”, ed. Dr. ʿAbd al-Muṭī ʿAmin Qalʿajī (Pakistan: Jāmiʿah al-Dirāsāt al-Islamiyyah Karachi, 1989), 1: 351 dan 4: 180, dan lihat juga dalam “al-Jāmiʿ, li Shuʿab al-ʾĪmān”, ed. Dr. ʿAbd al-ʿAlī ʿAbd al-Ḥamīd Ḥamīd (Riyāḍ: al-Rusyd, 2003), 3: 464.

Terjemahan: Daripada Abū Iyās berkata: Aku telah mendengar „Abd Allāh bin Mughaffal berkata: Aku telah melihat Nabi (s.a.w) membaca al-Quran dan baginda pada waktu itu sedang mengenderai untanya sambil membaca surah al-Faṭḥ atau sebahagian surah al-Faṭḥ dengan bacaan yang lembut dan mengulang-ulang bacaannya.<sup>107</sup>

Ibn Ḥajar al-„Asqalānī (773-852 H) telah menerangkan makna *al-Tarjī*, pada hadis tersebut bermaksud mengalunkan bacaan al-Quran dengan melenggok-lenggokkan suara di tekak.<sup>108</sup>

#### 5. *Al-Tanghīm* (التَّغْنِيمُ)

*Al-Tanghīm* berasal daripada perkataan (نَعَمَ - يَنْعِمُ - نَعْمًا: تَغْنِيمٌ) bermaksud nyanyian atau lagu.<sup>109</sup>

#### 6. *Al-Taṭrīb* (التَّطْرِيبُ)

*Al-Taṭrīb* bermaksud getaran atau alunan yang digunakan untuk pembacaan al-Quran bukannya boleh menyebabkan mengubah hukum tajwid.<sup>110</sup>

#### 7. *Al-Maqāmāt* (المَقَامَاتُ)

*Al-Maqāmāt* adalah bermaksud kedudukan tarannum yang berbeza irama lagu-lagunya memberi kesan kepada orang yang melihat dan mendengarnya. Antaranya *Maqām Hijaz*, *Nahāwand*, *Ṣabā* dan lain-lain.<sup>111</sup>

<sup>107</sup> Hadith Riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā’il al-Qur’ān, Bāb al-Tarjī, no. Hadith 5047 dan al-Bayhaqī, Kitāb Taḥzīm al-Qur’ān, Bāb Fī Tartīl al-Qur’ān, no. Hadith 1967. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, 3: 350 dan 351 dan Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin „Alī al-Bayhaqī, “al-Sunan al-Kubrā”, 3: 471.

<sup>108</sup> Al-Imām al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar al-„Asqalānī, *Faṭḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2000), 9: 115.

<sup>109</sup> Ibn al-Manẓūr, *Lisān al-„Arab*, 6: 4490.

<sup>110</sup> *Ibid*, 3: 256.

Semua perkataan tersebut merujuk kepada tarannum al-Quran. Namun ia juga boleh digunakan untuk perkataan-perkataan lain. Di Malaysia, selain daripada istilah tarannum al-Quran, terdapat juga perkataan lain yang menjadi sinonim dengan panggilan masyarakat iaitu seni lagu al-Quran atau membaca al-Quran secara berlagu.

### 1.2.2 Istilah

Tarannum dari sudut istilah ialah memperindahkan suara dalam membaca al-Quran dengan menggunakan tujuh tarannum asas iaitu *al-bayyātī*, *al-nahāwand*, *al-hijāz*, *al-sīkāh*, *al-ṣabā*, *al-rast* dan *al-ajam* dan tarannum *furū* seperti *shūrī*, *al-nawā*, *al-ḥusaynī*, *al-aṣlī* dan lain-lain.<sup>112</sup>

Shaykh Muḥammad „Alī al-Ṣābūnī,<sup>113</sup> tarannum al-Quran ialah memperindahkan suara dalam bacaan al-Quran, melafazkan huru-huruf dengan baik mengikut makhraj-makhrajnya tanpa melampaui batas dan dengan kaedah-kaedah tajwid, menjaga *waqaf* dan *ibtidā* serta *mad-mad*.<sup>114</sup>

Shaykh Aḥmad al-Ṭawīl<sup>115</sup> memberi maksud tarannum ialah memperelokkan dan meninggikan suara ketika membaca al-Quran dan dapat menimbulkan perasaan khusyuk, lembut, sedih yang tidak dibuat-buat dan melampau.<sup>116</sup>

---

<sup>111</sup> Aḥmad Faṭḥī al-Bakīrī, *Aqwāl al-Thiqāt fī Ḥukm Qirā'ah al-Qur'ān bi al-Maqāmāt*, cet. 1 (Kaherah: Al-Qayrawān, 2011), 21.

<sup>112</sup> Shaykh Muḥammad Makki Naṣir al-Jarīsī, *Nihāyah al-Qawl al-Mufīd Fī 'Ilm al-Tajwīd* (Kaherah: Al-Maktabah al-Tawfīqiyyah, 2011), 37.

<sup>113</sup> Beliau merupakan salah seorang pensyarah Kuliah al-Syari'ah Wa al-Dirāsah al-Islamiyyah Makkah al-Mukarramah Universiti al-Malik „Abd „Azīz. Di antara kitab karangan beliau yang masyhur seperti *Ṣafwah al-Tafāsīr* dan *Rawāi*, *al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām Min al-Qur'ān*.

<sup>114</sup> Shaykh Muḥammad „Alī al-Ṣābūnī, *Rawāi*, *al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām Min al-Qur'ān*, cet. 1 (Kaherah: Dār al-Ṣābūnī, 1420H/1999M), 2: 459.

<sup>115</sup> Nama penuh beliau ialah Shaykh Aḥmad bin Aḥmad bin Muḥammad „Abd Allāh al-Ṭawīl.

<sup>116</sup> Shaykh Aḥmad b. Aḥmad b. Muḥammad „Abd Allāh al-Ṭawīl, *Fann ah-Tartīl wa „Ulūmuh*, cet. 1 (Madinah: Riyād, 1999), 157.

Menurut Dewan juri Majlis Tilawah al-Quran Kebangsaan dan Antarabangsa di Malaysia, Istilah tarannum ini merujuk kepada lagu al-Quran atau membaca al-Quran dengan suara yang merdu dan berlagu ketika membaca al-Quran.<sup>117</sup>

Datuk Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail<sup>118</sup> pula dalam bukunya "*Qawa,,id al-Tarannum*" telah mendefinisikan ilmu tarannum sebagai sesuatu ilmu atau kaedah suara yang dipelbagaikan bunyi mengikut proses nada, rentak dan irama yang tertentu untuk menambahkan keelokan seni bunyi bacaan khususnya bacaan al-Quran.<sup>119</sup> Ciri-ciri tarannum muktabar ialah: Pertama: Nada, iaitu tingkatan atau tekanan bunyi suara. Kedua: Rentak, iaitu pergerakan menghidupkan bunyi suara. Ketiga: Irama iaitu alunan atau bentuk bunyi.<sup>120</sup>

Kesimpulannya, ilmu tarannum boleh didefinisikan dari sudut bahasa sebagai lagu atau memperindahkan suara. Dari sudut istilah pula ialah suatu ilmu yang membincangkan kaedah-kaedah menggunakan suara yang pelbagai irama lagu seperti *bayyātī*, *nahāwand*, *hijāz*, *sīkāh*, *ṣabā*, *rast*, „*ajam* dan lain-lain dalam tilawah al-Quran al-Karim bukannya digunakan untuk nyanyian, syair, nasyid, qasidah dan sebagainya.

---

<sup>117</sup> Peraturan Kehakiman Jabatan Perdana menteri, Buku Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-33, Kuala Lumpur, 1992.

<sup>118</sup> Beliau ialah salah seorang hakim tarannum peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang masyhur di Malaysia. Beliau masih lagi aktif sekarang ini menyumbangkan tenaga dengan mengajar, membentang kertas kerja, seminar dan kursus-kursus yang berkaitan dengan tarannum al-Quran. Beliau juga telah melahirkan ramai anak murid yang berjaya memenangi dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa, antaranya Ustaz Hj. Yahaya bin Daud, Ustaz Hj. Abdul Rahim bin Ahmad, Ustaz Hj. Mohamad bin Hj. Yusof, Muhammad Hussin Yunus dan lain-lain.

<sup>119</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawa,,id al-Tarannum*, , 112.

<sup>120</sup> *Ibid.*

### 1.3 SUMBER ILMU TARANNUM

Dalam kajian ini, penulis akan membuktikan ilmu tarannum mempunyai sandaran syarak dan sekali gus mengukuhkan lagi bahawa tarannum merupakan sunnah Rasulullah (s.a.w). Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan kepada hadis-hadis Nabi (s.a.w) yang sahih, di antaranya:

1. Daripada Abū Hurayrah (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَتَعَنَّ بِالْقُرْآنِ ».

Terjemahan: Bukanlah dari golongan (umat) kami, sesiapa yang tidak melagukan/bertarannum dengan al-Quran.<sup>121</sup>

2. Daripada Abū Hurayrah (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« مَا أَذِنَ اللَّهُ لشيءٍ مَّا أَذِنَ لِلنَّبِيِّ أَنْ يَتَعَنَّ بِالْقُرْآنِ ».

<sup>121</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, Bāb Man Lam Yataghannā bi al-Qur'ān, no. Hadith 5024. Riwayat Abū Dāwūd, Kitāb al-Ṣolāh, Bāb Kayfā Yastahab al-Tartīl fī al-Qur'ān, no. Hadith 1469. Riwayat al-Bayhaqī, Kitāb al-Ṣolāh, Bāb Qirā'ah al-Muṣallī, no. Hadith 2429 dan Kitāb al-Shahādah, Bāb Taḥsīn al-Ṣawt bi al-Qur'ān wa al-Dhikr, no. Hadith 21046, 21047, 21048, 21050. Riwayat al-Bayhaqī, Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, Bāb Fī Tartīl al-Qur'ān wa Taḥsīn al-Ṣawt Bih, no. Hadith 982,983, 984 dan 985. Riwayat al-Dārimī, Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, Bāb al-Taghannī bi al-Qur'ān, no. Hadith 1531. Riwayat Aḥmad, no. Hadith 1476, 1512 dan 1549. Riwayat ,Abd al-Razzāq, Kitāb al-Ṣolāh, Bāb al-Na'im wa al-Sukrān, wa al-Qirā'ah ,Alā al-Ghinā, no. Hadith 4170 dan 4171. Lihat Abū ,Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Mawsū,āt al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* (Kaherah: al-Salīfah, 1400H), 3: 346 dan Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash,ath al-Sijistānī (202-275H), *Sunan Abī Dāwūd*, ed. Abū ,Ubaydah Masyhūr Hasan al-Salmān, cet. Ke- 2, (Riyāḍ: Maktabah al-Ma,ārif, t.t). Lihat juga Abū Bakr Aḥmad bin Ḥusayn bin ,Aliyy al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Muḥammad ,Abd al-Qadīr ,Atā, cet. Ke-3, (Bayrūt: Dār al-Kutub al-,Ilmiyyah 2003 M/1424 H), 2: 78, 10: 388 dan 389. Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Sughrā*, ed. Dr. ,Abd al-Mu,ī Amin Qal,jī, cet. 1, (t.tp: t.p,1989 M/1410 H), 1: 351 dan 352. Al-Imām al-Ḥāfiẓ Abū Muḥammad ,Abd Allāh bin ,Abd al-Raḥmān bin al-Faḍl bin Bahram al-Dārimī(181-255H), *Sunan al-Dārimī*, ed. Husayn Ṣālim Asad al-Daranī, cet. 1, (Riyāḍ: Dār al-Mughni, 2000 M/1421 H), 4: 934 dan Imam Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, *Al-Musnad*, ed. Aḥmad Muḥammad Syakīr, cet. 1, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1995 M/1416 H), 2: 226, 240 dan 255. Al-Ḥāfiẓ al-Kabīr Abū bakr ,Abd al-Razzāq bin Hammam al-Sun,ānī, *al-Musannaf*, cet. 1, (Bayrūt: Maktabah al-Islāmī, 1970 M/1390H), 483.

Terjemahan: Allah (S.W.T) tidak mendengar terhadap sesuatu perkara seperti mana Allah (S.W.T) mendengar bagi seorang nabi yang bertarannum dengan al-Quran.<sup>122</sup>

Berdasarkan hadis-hadis ini, jelas menunjukkan bahawa perkataan “*yataghanna bi al-Qurān*” (يَتَغَنَّى بِآيَاتِ الْوَقْفِ عَلَى شَيْءٍ) bermaksud “tarannum al-Quran” dan sekali gus ia merupakan satu perintah kepada umat Islam.

Tidak dinafikan juga bahawa khilaf di kalangan ulama pada lafaz hadis “*yataghanna bi al-Qurān*” (يَتَغَنَّى / يَتَغَنَّى عَلَى الْوَقْفِ عَلَى شَيْءٍ). Setengah ulama mengatakan ia bermaksud “*al-istighna*” iaitu bermaksud cukup. Namun, setengah ulama yang lain lebih cenderung dengan maksud tarannum al-Quran. Di antara mereka seperti:

1. Shaykh Maqārī, „Alī Muḥammad al-Ḍabbā, menyatakan bahawa maksud hadis di atas adalah menunjukkan satu maksud iaitu *tarannum bi al-Quran*.<sup>123</sup>
2. Imam al-Ṭabarī berpandangan pada perkataan “*taghannī*” (تَغَنَّى) “*yataghanna*” (يَتَغَنَّى) bermaksud tarannum iaitu suara yang elok dengan mengiramakannya. Hadis di atas juga jelas menyebut perkataan “*adhinā*” (أَرَى) yang membawa makna mendengar. Apabila mendengar al-Quran maka ia bermaksud tarannum. Jika dimaksudkan dengan “*istighnā*” (سَتَغْنَاءُ) (cukup) maka mendatangkan kekeliruan.<sup>124</sup>
3. Di sisi Imam Shāfi,ī pula “*taghannī*” (تَغَنَّى) ialah mengelokan suara, melagukan atau mengiramakan ketika membaca al-Quran. Seandainya maksud Rasulullah

<sup>122</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Fada’īl al-Qur’ān, Bab Man Lam Yataghannā bi al-Qur’ān, no. Hadith 5024. Dan al-Muslim bāb Istihbāb Tahsīn al-Ṣawt bi al-Qur’ān, no. Hadith 792. Lihat al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*”, 1283. Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim dalam “*Ṣaḥīḥ Muslim*”, 397.

<sup>123</sup> Shaykh „Alī Muḥammad al-Ḍabbā, „*Kunūz al-Furqān*, cet. 1 (Kaherah: Maktabah al-Imām al-Bukhārī, 2005), 199.

<sup>124</sup> Abū „Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣāriy al-Qurṭubī, *al-Jāmi*, li *Aḥkām al-Qur’ān*, 1: 24. al-Imam al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar al-„Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ al-Bukhārī*, 89.

(s.a.w) dengan “*istighnā*” (سِتْغَاء) (cukup), maka pasti baginda akan bersabda dengan “*Man Lam Yastaghni*” (مَنْ لَمْ يَسْتَغْنِ).<sup>125</sup>

4. Ibn Kathīr menjustifikasikan bahawa maksud “*taghanni*” (تَغْنِي) ialah mengelokan suara, khusyuk dan sedih ketika membaca al-Quran.<sup>126</sup>
5. Imam al-Ghazālī ada pendapat yang mengatakan “*al-taghanni*” (لِتَغْنِي) dalam hadis tersebut bermaksud tarannum al-Quran.<sup>127</sup>
6. Imam Nawawī *menaqalkan* bahawa jumhur ulama mengatakan makna *yatghanna* (يَتَغْنِي) ialah memperindahkan suara.<sup>128</sup>

Penulis berpendapat, dengan dalil-dalil hadis tersebut sudah pun jelas menunjukkan bahawa tidak ada alasan lagi untuk mengatakan ilmu tarannum ini suatu perkara yang meragukan dan tidak ada dalil syarak. Hal ini timbul sesetengah pihak, sebenarnya disebabkan apabila tidak membuat penelitian ilmu secara mendalam dan gagal memahami sumbernya serta terpengaruh dengan fahaman-fahaman yang melampau sehinggakan anti terhadap tarannum. Pada hal dengan ilmu tarannum inilah yang boleh mencapai tahap *ketartilan* bacaan al-Quran.

#### 1.4 SEJARAH PERKEMBANGANNYA

Menurut Ibn Manzūr (630-711 H), sejarah awal mulanya tarannum al-Quran itu ada dua pendapat. Pendapat pertama, bahawa tarannum al-Quran berasal daripada nyanyian anak-anak orang kafir yang tertawan ketika di dalam peperangan

---

<sup>125</sup> *Ibid.*

<sup>126</sup> Al-Imām al-Ḥafīz, ‘Imad al-Dīn Abi al-Fidā’ Ismā‘īl bin Kathīr al-Dimasyqī, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, (Kaherah: Maktabah al-Awlad al-Shaykh li al-Turāth, 2000), 1: 83.

<sup>127</sup> Al-Imam Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 366.

<sup>128</sup> Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharīf al-Dīn al-Nawawī al-Shāfi‘ī, *al-Tibyan fī Ādāb Ḥamlah al-Qur’ān* (Bayrūt: Maktabah al-Mu‘ayyad, 1991), 110.

menentang kaum muslimin. Pendapat kedua pula, tarannum al-Quran berasal daripada nyanyian nenek moyang bangsa arab.<sup>129</sup>

Ibn al-,Arābiyy<sup>130</sup> (150-231H) pula berkata, kebiasanya tabiat orang-orang arab apabila menunggang unta maka mereka berdendang, menyanyi dan bertarannum. Setelah al-Quran diturunkan, maka Rasulullah (s.a.w) menyuruh supaya menggantikan kepada bacaan al-Quran.<sup>131</sup>

Menurut Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail dalam bukunya *Qawaid Tarannum*, bahawa sejarah tarannum al-Quran bermula dari turun al-Quran di gua Hira" pada tahun 610 M. Ini berdasarkan kepada beberapa hadis yang menunjukkan Rasulullah (s.a.w) membaca dengan suara yang baik (tarannum) dan baginda sendiri menyuruh umatnya supaya membaca al-Quran dengan suara yang baik dan berlagu.<sup>132</sup>

Oleh yang demikian, sepanjang pengamatan penulis, sebenarnya tidak ada sejarah yang lebih khusus yang membincangkannya. Namun tidak boleh dipertikaikan bahawa tarannum al-Quran bermula sejak zaman Rasulullah (s.a.w) bahkan lebih awal lagi iaitu sejak zaman Nabi Dāwūd (a.s). Allah (S.W.T) telah mengurniakan kepada Nabi Dāwūd (a.s) mukjizat yang agung iaitu kitab Zabur dan suara yang merdu yang tidak diberi kepada manusia lain sehinggakan menjadi kiasan apabila seseorang bersuara merdu dikatakan bahawa ia dikurniakan suara Nabi Dāwūd (a.s).

---

<sup>129</sup> Ibn al-Manzūr, *Lisān al-,Arab*, (Bayrūt: Dār al-Sadīr, 1300 H), 19: 376.

<sup>130</sup> Beliau ialah Abu ,Abd Allāh Muḥammad bin Ziyād bin al-A-,rabī al-Ḥaṣyīmī. Lahir pada tahun 150 H dan meninggal dunia pada tahun 231 H.

<sup>131</sup> Al-Imam al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin ,Alī bin Ḥajar al-,Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ al-Bukhārī*, 9: 88 dan 89.

<sup>132</sup> Hj. Nik Jaafar Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 115.

Kehebatan suara Nabi Dāwūd (a.s) agak luar biasa apabila ia membaca kitab Zabur dengan bertarannum sehinggakan burung yang terbang berhenti daripada mengebas sayapnya kerana terpesona dengan suara Nabi Dāwūd (a.s) dan turut bertasbih mengikuti tasbih Nabi Dāwūd (a.s) berulang-ulang. Begitu juga Allah (S.W.T) menundukkan gunung-ganang dan memerintahkan bertasbih mengikuti tasbih Nabi Dāwūd (a.s) tiap pagi dan petang.<sup>133</sup> Seperti firman Allah (S.W.T):

﴿وَعَايَيْنَا دَاوُدَ رَبُّورًا﴾

Al-Nisā' 4: 163

Terjemahan: Dan Kami berikan kitab Zabur kepada Nabi Dāwūd (a.s).

Firman Allah (S.W.T):

﴿وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا دَاوُدَ مِنَّا فَضْلًا يَجِبَالُ أَوِي مَعَهُ وَالطَّيْرُ وَأَلْنَا لَهُ الْحَدِيدَ أَنْ أَعْمَلَ سَبْعِينَ وَقَدْرًا فِي السَّرْدِ وَاعْمَلُوا صِلْحًا إِنَّي بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ﴾

Terjemahan: Dan Demi sesungguhnya, Kami telah memberikan kepada Nabi Dāwūd (a.s) limpah kurnia dari Kami (sambil Kami berfirman): Wahai gunung-ganang, ulang-ulangilah mengucap tasbih bersama-sama Dengan Nabi Dawūd (a.s), dan Wahai burung-burung (bertasbihlah bersama-sama dengannya)!. Dan juga telah melembutkan besi baginya (serta Kami wahyukan kepadanya): Buatlah baju-baju besi yang luas labuh, dan sempurnakanlah jalinannya sekadar yang dikehendaki dan kerjakanlah kamu (wahai Dawūd (a.s) dan umatmu) amal-amal

<sup>133</sup> Al-Imām al-Ḥāfiẓ Abū al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Dimasyqī, *Qaṣaṣ al-Anbiyā'*, cet. 1, (Bayrūt: Āluhu al-Kutub, 2001), 427.

yang soleh, sesungguhnya Aku Maha melihat akan segala yang kamu kerjakan.

Ibn Abbas (r.a) menyatakan bahawa Nabi Dāwūd (a.s) mempunyai suara yang amat merdu dan telah membaca mukjizat yang agung kitab Zabur dengan 70 tarannum.<sup>134</sup>

Begitu juga Rasulullah (s.a.w) sendiri bertarannum dengan membaca ayat-ayat suci al-Quran sebagaimana yang digambarkan pada hadis-hadis berikut:

Pertama:

« عَنْ الْبَرَاءِ قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يقرأُ فِي الْعِشَاءِ بِالتِّينِ وَالزَّيْتُونِ فَمَا سَمِعْتُ أَحَدًا أَحْسَنَ صَوْتًا مِنْهُ ».

Terjemahan: Daripada al-Barrā' bin ʿĀzib (r.a) bahawa aku mendengar Nabi (s.a.w) membaca dalam solat isyak surah al-Ṭīn, maka belum pernah aku mendengar suara bacaan yang lebih indah daripada bacaan baginda (s.a.w).<sup>135</sup>

Kedua:

« عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُعَفَّلٍ قَالَ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ فَتْحِ مَكَّةَ وَهُوَ عَلَى نَاقَةٍ يقرأُ بِسُورَةِ الْفَتْحِ وَهُوَ يُرْجَعُ ».

Maksudnya:

Terjemahan: Daripada ʿAbd Allāh bin Mughaffal berkata: Aku melihat Rasulullah (s.a.w) pada hari pembukaan kota Makkah

<sup>134</sup> Al-Imām al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin ʿAlī bin Ḥajar al-ʿAsqalānī, *Fatḥh al-Bārī Sharḥ al-Bukḥārī*, j. 9, 90.

<sup>135</sup> Hadith riwayat Imam Aḥmad, hadith al-Barrā' bin ʿĀzib, no. Hadith 18474, 18587, 18614. Hadith riwayat Imam al-Bayhaqī, *Kitab al-Ṣolāh*, Bāb al-Imām Yakhiff al-Qira'ah li al-Amr Yuhdith, no. Hadith 4039. Hadith riwayat Imam al-Ṭabarānī, bab al-alif ism Aḥmad, no. Hadith 450. Lihat Aḥmad bin Muḥammad bin Hanbal (164-241 H), *al-Musnad*, cet. 1 (Kaḥerah: Dār al-Hadīth, 1995), 9: 212, 242 dan 248. Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin ʿAlī al-Bayhaqī (458), 2: 550. Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabarānī, *al-Muḥjam al-Awsaṭ* (Kāḥerah: Dār al-Hārāmāyn, 1995), 143.

sedangkan baginda berada di atas tunggangan unta, baginda membaca surah al-Fath dengan berlagu.<sup>136</sup>

Tidak ketinggalan juga di kalangan para sahabat baginda Rasulullah (s.a.w) yang terkenal sebagai qari al-Quran yang mempunyai suara merdu sehinggakan mendapat pujian daripada baginda Rasulullah (s.a.w). Di antara mereka yang masyhur seperti:

1. Abū Mūsā al-Asy,arī (r.a).
2. „Abd Allāh Ibn Mas,,ūd (r.a).
3. Sālim Mawlā bin Abī Ḥuzayfah (r.a).
4. Ubay bin Ka,,ab (r.a).
5. Mu,,ādh bin Jabal (r.a) dan lain-lain.

Ini dapat dibuktikan juga dengan hadis-hadis sahih seperti berikut:

1. Riwayat daripada Abū Mūsā al-Asy,arī (r.a), bahawa baginda Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« يَا أَبَا مُوسَى لَقَدْ أُوتِيتَ مِزْمَارًا مِنْ مِّزَامِيرِ آلِ دَاوُدَ, ».

Terjemahan: Wahai Abū Mūsā sesungguhnya telah dikurniakan kepadamu seruling dari seruling keluarga Nabi Dāwūd (a.s).<sup>137</sup>

2. Riwayat daripada Abū Hurayrah (r.a), bahawa baginda Rasulullah (s.a.w) bersabda:

<sup>136</sup> Hadith riwayat Imam Abū Dāwūd, Bab Kayfā Yastahib al-Tartīl fī al-Qirā’ah, no. Hadith 1467. Lihat Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ash,,ath al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwūd*, , 253.

<sup>137</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Fada’īl al-Qur’ān, Bab Ḥusn al-Ṣawt bi al-Qirā’ah li al-Qur’ān, no hadith 5048. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad bin Ismā,,īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1288.

« مَنْ أَحَبَّ أَنْ يَقْرَأَ الْقُرْآنَ غَرِيضًا كَذَا قَالَ كَمَا أُنْزِلَ فَلْيَقْرَأْهُ عَلَى قِرَاءَةِ ابْنِ أُمِّ عَبْدٍ ».

Terjemahan: Sesiapa yang menyukai dengan bacaan al-Quran secara kebenaran seperti ia diturunkan, maka hendaklah ia membaca seperti bacaan Umm „Abd iaitu Abdullāh Ibn Mas„ūd (r.a).<sup>138</sup>

3. Riwayat daripada Ā„ishah (r.ah), bahawa ia berkata:

« أَبْطَأْتُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةً بَعْدَ الْعِشَاءِ ثُمَّ جِئْتُ فَقَالَ أَيْنَ كُنْتَ قُلْتُ كُنْتُ أَسْتَمِعُ قِرَاءَةَ رَجُلٍ مِنْ أَصْحَابِكَ لَمْ أَسْمَعْ مِثْلَ قِرَاءَتِهِ وَصَوْتِهِ مِنْ أَحَدٍ قَالَتْ فَقَامَ وَقُمْتُ مَعَهُ حَتَّى اسْتَمَعْتُ لَهُ ثُمَّ التَفْتُ إِلَى فَقَالَ هَذَا سَالِمٌ مَوْلَى أَبِي حُذَيْفَةَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي أُمَّتِي مِثْلَ هَذَا ».

Terjemahan: Ketika Aku melewati bertemu Rasulullah (s.a.w) pada suatu malam selepas isya” dan kemudian aku pun datang, maka Rasulullah (s.a.w) bertanya: Di mana kamu pergi? Aku pun menjawab: Aku telah mendengar bacaan al-Quran daripada seorang lelaki di kalangan sahabatmu yang mana aku tidak pernah mendengar daripada seorang pun seumpama bacaannya dan suaranya. Kemudian aku berkata lagi, maka Rasulullah (s.a.w) bangun dan aku juga bangun untuk turut sama mendengar bacaan tersebut. Kemudian baginda mendekatiku dan bersabda: Ini adalah bacaan Sālim Mawlā Abī Ḥudhayfah. Bersyukur kepada Allah

<sup>138</sup> Hadith riwayat Imam Aḥmad, no. Hadith 4255, 18369, 9716. Lihat Aḥmad bin Muḥammad bin Hanbal (164-241 H), *al-Musnad*, 4: 193, 14: 178 dan 9: 301.

(S.W.T) yang telah menjadikan dalam kalangan umatku orang yang seperti ini.<sup>139</sup>

4. Riwayat daripada „Abd Allāh Ibn „Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« خُذُوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةٍ مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ وَسَالِمٍ وَمُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ وَأُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ ».

Terjemahan: Ambillah bacaan al-Quran itu daripada empat orang iaitu „Abd Allāh bin Mas,ūd, Sālim, Mu,,adh bin Jabal dan Ubay bin Ka,,ab.<sup>140</sup>

5. Daripada „Abd Allāh bin Mas,ūd (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اقْرَأْ عَلَيَّ الْقُرْآنَ قَالَ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَقْرَأُ عَلَيْكَ وَعَلَيْكَ أَنْزَلَ قَالَ إِنِّي أَشْتَهِي أَنْ أَسْمَعَهُ مِنْ غَيْرِي فَقَرَأْتُ النَّسَاءَ حَتَّى إِذَا بَلَغْتُ {فَكَيْفَ إِذَا جِئْنَا مِنْ كُلِّ أُمَّةٍ بِشَهِيدٍ وَجِئْنَا بِكَ عَلَى هَؤُلَاءِ شَهِيدًا} رَفَعْتُ رَأْسِي أَوْ غَمَزَنِي رَجُلٌ إِلَى جَنْبِي فَرَفَعْتُ رَأْسِي فَرَأَيْتُ دُمُوعَهُ تَسِيلُ ».

Terjemahan: Bacalah al-Quran untukku, maka aku berkata: Ya Rasulullah! Adakah aku akan membaca al-Quran untukmu sedangkan kepadamu al-Quran diturunkan. Rasulullah (s.a.w) bersabda: Sesungguhnya aku suka mendengar bacaan al-Quran dari orang lain. Maka aku membaca surah al-Nisā” dan ketika sampai

<sup>139</sup> *Ibid*

<sup>140</sup> Hadith riwayat Imam Ibn Mājah, Bāb Fī Ḥusn al-Ṣawt bi al-Qur’ān, no. Hadith 1338. Lihat Abu „Abd Allāh Muḥammad bin Yazid al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Majah (209-273)*, cet. 1, (Riyād: Maktabah al-Ma,ārif, t.t), 237.

ayat (ke 14) lalu baginda bersabda: Cukup, kemudian aku melihat kedua-dua belah matanya bercucuran air mata.<sup>141</sup>

Pada zaman tabi'in pula, dikatakan orang yang pertama yang membaca al-Quran secara bertannum ialah salah seorang *Qurrā'* yang dibawa oleh Ziyād al-Numayrī yang berkunjung ke rumah Anas bin Mālik (wafat 93 H/711).<sup>142</sup>

Setengah pendapat menyatakan bahawa orang yang pertama membaca al-Quran dengan bertarannum adalah „Ubayd Allāh bin Abī Bakrah dan dikembangkan oleh generasi berikutnya oleh „Ubayd Allāh bin „Umar bin „Ubayd Allāh dan Ibn „Umar kemudian diwarisi oleh al-„Jbād dan Sa'īd Allaf al-Abadlī.<sup>143</sup>

Kemudian selepas daripada itu terdapat beberapa orang yang mengembangkan bacaan tarannum seperti:<sup>144</sup>

1. Salām bin Sulaymān al-Qāri digelar sebagai Abū al-Munīr dari ahli Baṣrah.
2. Muḥammad bin „Alī bin Aḥmad bin Maḥāsīn al-Dimasyqī
3. „Alī bin Ma„ḍād bin Māḍī Abū al-Ḥasan al-Muqrī' al-Dibāgh
4. Muḥammad bin Abī Ishāq Abū „Abd Allāh al-Buṣṭāmī al-Muqrī' al-Šūfī
5. Muḥammad bin Ḥasan Abū Bakr al-Ḍrīr al-Wā„iz
6. Jāmi,, bin Muḥammad bin „Alī Abū al-Qāsim al-Muqrī'
7. Al-Ḍiyā' bin al-Rāzī al-Dimasyqī iaitu qari tarannum dan qirā'āt

---

<sup>141</sup> Hadith riwayat Imam Muslim, Bab Faḍl Istimā,, al-Qur'ān, Wa Ṭalab al-Qirā'ah min Ḥafīz li al-Istimā,, Wa al-Bukā' „Ind al-Qirā'ah Wa al-Tadabur, no. Hadith 247 dan 248. Lihat al-Imām Abī al-Ḥusayn Muslim bin al-Hujjaj al-Qusyayrī al-Nīsayburī (206-261), *Ṣaḥīḥ Muslim*, cet. 1 (Riyad: Dār al-Mughniy, 1998), 401.

<sup>142</sup> Abū „Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣāriy al-Qurṭubī, *al-Jāmi,, li Aḥkām al-Qur'ān*, 20.

<sup>143</sup> Ibn al-Manzūr, *Lisān al-„Arab*, 3309. lihat juga Shaykh Aḥmad bin Aḥmad bin Muḥammad „Abd Allāh al-Ṭawīl, *Fann ah-Tartil wa „Ulūmuh*, 152.

<sup>144</sup> Aḥmad Faṭḥī al-Bakīrī, *Aqwāl al-Thiqāt fī Ḥukm Qirā'ah al-Qur'ān bi al-Maqāmāt*, 24 dan 25.

8. „Abd al-Laṭīf bin Abī Jaʿfar „Abd al-Wahhāb bin Muḥammad bin „Abd al-Ghaniyy digelar sebagai Abū Muḥammad al-Tabariyy
9. Yūsuf bin Mubārak bin Aḥmad al-Jamāl al-Ṣāliḥī
10. Ismāʿīl al-Anqarawī al-Mawlawiy yang membaca tarannum dan wazan dan lagu-lagu.

Menurut Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ bin Zainal Ābidīn bin Muḥammad al Faṭānī di dalam kitabnya *Sirāj al-Qārī* telah menyebut, ilmu lagu atau tarannum adalah berasal pakar ahli muzik dari Yunani yang dibawa oleh Butlaymus iaitu ahli Falsafah. Kemudian diplopori pula oleh Ishaq bin Ibrahim al-Nadim.<sup>145</sup>

Dalam perkembangan selanjutnya tercatat seorang wanita ahli muzik bernama Aisyah yang meninggal sekitar tahun 743 M. Ia belajar lagu dari Maʿbad dan bin Abī Salamah.<sup>146</sup>

Pada pendapat yang lain pula, membaca al-Quran secara bertarannum tersebar luas ke seluruh pelosok dunia seiring dengan penyebaran Islam.<sup>147</sup>

Menurut Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail bahawa bertarannum, *bertaḥsin* dan *bertazyīn bi al-Qurʿān* dipusakai dan disebebankan oleh para sahabat seperti Ibn Masʿūd (r.a), Ubay bin Kaʿab (r.a), Sālim Mawlā bin Abī Ḥuzayfah (r.a), Abū Mūsā al-Asyʿarī (r.a) kepada para tabiʿin kemudian mereka bertanggungjawab menyampaikannya kepada para *tābiʿ al-tābiʿīn* dan seterusnya hingga ke hari ini.<sup>148</sup>

<sup>145</sup> Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ bin Zainal Ābidīn bin Muḥammad al Faṭānī, *Sirāj al-Qārī* edisi jawi (Kota Bharu: Jabal Maraqui Interprise, 2007), 158.

<sup>146</sup> KH. Muhsin Salim, SQ, *Ilmu Nagham al-Quran*, (Kuala Lumpur: PT Kebayoran Widya Ripta, 2004), 19.

<sup>147</sup> *Ibid.*

<sup>148</sup> Hj. Nik Jaafar Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 115.

Dr. Su,ūd bin „Abd Allāh<sup>149</sup> pula berkata, perkembangan bacaan bertannum berlaku pada kurun ke-4 hijrah setelah masuknya ilmu-ilmu Islam dan seterusnya berkembang hingga ke hari ini.<sup>150</sup>

## 1.5 PANDANGAN ULAMA TENTANG HUKUMNYA

Tidak dinafikan bahawa terdapat khilaf di kalangan para ulama tentang hukum tarannum al-Quran sejak dahulu lagi hinggalah ke hari ini. Secara umumnya perbezaan pandangan itu dapat diklasifikasikan kepada dua golongan, iaitu:

### 1.5.1 Golongan Pertama: Mengharuskan Bertarannum Dalam Bacaan al-Quran.

Golongan ini terdiri daripada beberapa orang di kalangan sahabat dan tabi‘in, seperti „Umar al-Khaṭṭāb (r.a), Ibn „Abbas (r.a), Ibn Mas,ūd (r.a) dan termasuk juga mazhab Imam Abū Ḥanīfah dan al-Shāfi,ī.<sup>151</sup> Selain itu disokong juga oleh beberapa tokoh ulama *Qurrā’*, *mufasssirīn*, dan lain-lain. Mereka berhujjah bersandarkan kepada dalil-dalil sepertimana berikut:

1. Abū Hurayrah (r.a) meriwayatkan Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَتَعَنَّ بِالْقُرْآنِ ».

<sup>149</sup> Merupakan salah seorang pensyarah dan ketua jabatan kuliayah al-Syariah di Universiti al-Imam Muhammad bin Su,ūd al-Islamiyyah Riyad.

<sup>150</sup> Dr. Su,ūd bin „Abd Allāh, *Fath al-majīd Fī Ḥukm al-Qirā’ah bi al-Taghannī wa Tajwīd*, cet. 1 (Riyād: Maktabah al-Rush, 2009), 69.

<sup>151</sup> Al-Shaykh Muḥammad „Alī al-Ṣābūnī, *Rawāi, al-Bayān Taḥsīl Ayāt al-Aḥkām min al-Qur’ān*, 2: 458. Dan lihat juga „Alī bin Khalaf bin „Abd al-Malik Ibn Baṭṭal *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyād : Maktabah al-Rusyd, 2000), 10: 342.

Terjemahan: Bukanlah dari golongan (umat) kami, sesiapa yang tidak bertarannum dengan al-Quran.<sup>152</sup>

2. Daripada Abū Hurayrah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« لَمْ يَأْذَنْ اللَّهُ لِشَيْءٍ مَّا أَذِنَ لِنَبِيِّ أَنْ يَتَعَتَّى بِالْقُرْآنِ ».

Terjemahan: Allah (S.W.T) tidak mendengar terhadap sesuatu perkara sepertimana Allah (S.W.T) mendengar bagi seorang Nabi yang memperelokkan bacaan tarannum dengan al-Quran.<sup>153</sup>

3. Daripada Abū Iyās dia berkata, aku mendengar „Abd Allāh Mughaffal (r.a) berkata:

« رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ وَهُوَ عَلَى نَاقَتِهِ أَوْ جَمَلِهِ وَهِيَ تَسِيرُ بِهِ وَهُوَ يَقْرَأُ سُورَةَ الْفَتْحِ أَوْ مِنْ سُورَةِ الْفَتْحِ قِرَاءَةً لَيِّنَةً يَقْرَأُ وَهُوَ يُرْجِعُ ».

Terjemahan: Aku melihat Nabi (s.a.w) membaca al-Quran dan beliau berada di atas unta betinanya atau untanya dan unta itu berjalan membawanya, sementara itu beliau membaca surah al-Fath

<sup>152</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, Bāb Man Lam Yataghannā bi al-Qur'ān, no. Hadith 5024. Riwayat Abū Dāwūd, Kitāb al-Ṣolāh, Bāb Kayfā Yastahab al-Tartīl fī al-Qur'ān, no. Hadith 1469. Riwayat al-Bayhaqī, Kitāb al-Ṣolāh, Bāb Qirā'ah al-Muṣallī, no. Hadith 2429 dan Kitāb al-Shahādah, Bāb Taḥsīn al-Ṣawt bi al-Qur'ān wa al-Dhikr, no. Hadith 21046, 21047, 21048, 21050. Riwayat al-Bayhaqī, Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, Bāb Fī Tartīl al-Qur'ān wa Taḥsīn al-Ṣawt Bih, no. Hadith 982, 983, 984 dan 985. Riwayat al-Dārimī, Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, Bāb al-Taghannī bi al-Qur'ān, no. Hadith 1531. Riwayat Aḥmad, no. Hadith 1476, 1512 dan 1549. Riwayat „Abd al-Razzāq, Kitāb al-Ṣolāh, Bāb al-Na'im wa al-Sukrān, wa al-Qirā'ah „Alā al-Ghinā, no. Hadith 4170 dan 4171. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, 3: 346 dan Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sijistānī (202-275H), Sunan Abī Dāwūd. Lihat juga Abū Bakr Aḥmad bin Ḥusayn bin „Aliyy al-Bayhaqī, 2: 78, 10: 388 dan 389. Al-Bayhaqī, al-Sunan al-Sughrā, 1: 351 dan 352. Al-Imām al-Ḥāfiẓ Abū Muḥammad „Abd Allāh bin „Abd al-Raḥmān bin al-Faḍl bin Bahram al-Dārimī (181-255H), Sunan al-Dārimī, 4: 934 dan Imam Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, Al-Musnad, 2: 226, 240 dan 255. Al-Ḥāfiẓ al-Kabīr Abū bakr „Abd al-Razzaq bin Hammam al-Sunānī, al-Musannaf, 83.

<sup>153</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, Bāb Man Lam Yataghannā bi al-Qur'ān, no. Hadith 5023. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, 1283.

atau sebahagian surah al-Fath dengan bacaan yang lembut, dan beliau membaca sambil bertarannum.<sup>154</sup>

4. Daripada al-Barrā' bin ʿĀzib (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« زَيَّنُوا الْقُرْآنَ بِأَصْوَاتِكُمْ ».

Terjemahan: Hiasilah al-Quran itu dengan suara-suara kamu.<sup>155</sup>

5. Riwayat daripada Abū Mūsā al-Asyʿarī (r.a), bahawa baginda Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« يَا أَبَا مُوسَى لَقَدْ أُوتِيتَ مِرْمَارًا مِنْ مَرَامِيرِ آلِ دَاوُدَ ».

Terjemahan: Wahai Abū Mūsā! Sesungguhnya telah dikurniakan kepadamu seruling dari seruling keluarga Nabi Dāwūd (a.s).<sup>156</sup>

6. Diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqī,<sup>157</sup> sabda Rasulullah (s.a.w):

« مَا أَذِنَ اللَّهُ لشيءٍ إِذْنِهِ لِنَبِيٍّ حَسَنِ التَّحَرُّمِ بِالْقُرْآنِ ».

Terjemahan: Allah (S.W.T) tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara diizinkanNya kepada seorang Nabi yang memperelokkan tarannum al-Quran.<sup>158</sup>

<sup>154</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍāʾil al-Qurʾān, Bāb al-Tarjīʾ, no. Hadith 5047. *Ibid.*, 1287.

<sup>155</sup> Hadith riwayat Ahmad, no. Hadith 18405, 18523 dan 18615. Lihat Imam Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, *Al-Musnad*, 14: 190, 227 dan 248 Kitāb Faḍāʾil al-Qurʾān, Bāb Kayfā Yastahab al-Tartīl Fī al-Qirāʾah, no. Hadith 1468. Lihat al-Imam al-Ḥāfiẓ Abī al-Ḥusayn Muslim bin al-Jajjāj al-Qusyayrī al-Naysābūrī (206-261 H), *Ṣaḥīḥ Muslim*, cet. 1 (Riyad: Dār al-Ṭayyibah, 2006), 2: 594.

<sup>156</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍāʾil al-Qurʾān, Bāb Ḥusn al-Ṣawt bi al-Qirāʾah li al-Qurʾān, no. Hadith 5048. Lihat al-Imam Abī ʿAbd Allāh Muḥammad bin Ismāʿīl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, cet. 1 (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 2002), 1288.

<sup>157</sup> Beliau ialah al-Ḥāfiẓ Al-, Allamah al-Faqīh Shaykh al-Islam Abū Bakr Aḥmad bin Ḥusayn bin ʿAlī bin Mūsā al-Bayhaqī. Lahir pada tahun 384 hijrah dan meninggal dunia pada tahun 458 hijrah. Beliau merupakan seorang ulama yang mempunyai hafazan yang baik lagi *thiqah* dan menjadi shaykh di Kurasan. Lihat al-Imam Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ʿUthmān al-Dhahabī, *Siyar A., ʿIm al-Nubalāʾ*, 18: 163-170. Al-Imam Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ʿUthmān al-Dhahabī, *Tahdhīb Siyar A., ʿIm al-Nubalāʾ*, 2: 396 dan 397.

7. Sabda Rasulullah (s.a.w):

« مَا أَذِنَ اللَّهُ لِنَبِيِّ مَا أَذِنَ لِنَبِيِّ حَسَنِ الصَّوْتِ بِالْقُرْآنِ يَجْهَرُ بِهِ ».

Terjemahan: Allah (S.W.T) tidak mendengar terhadap sesuatu perkara sepertimana Allah (S.W.T) mendengar kepada seorang Nabi yang memperelokkan suaranya (tarannum) al-Quran membaca dengan suara yang kuat (jelas).<sup>159</sup>

8. Riwayat dari Abū Mūsā al-Asy'arī (r.a), Baginda Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadanya:

« لَوْ رَأَيْتَنِي وَأَنَا أَسْتَمِعُ لِقِرَاءَتِكَ الْبَارِحَةَ، لَقَدْ أُوتِيتَ مِزْمَارًا مِنْ مِزَامِيرِ آلِ دَاوُدَ، فَقَالَ: لَوْ عَلِمْتُ أَنَّكَ تَسْمَعُ قِرَاءَتِي لَحَبَرْتُهُ لَكَ تَحِيْرًا ».

Terjemahan: Kalaulah kamu melihat bahawa aku, aku mendengar bacaan kamu malam tadi, sesungguhnya engkau diberi satu seruling dari seruling keluarga Nabi Dāwūd (a.s). Jawab Abū Mūsā, demi Allah (S.W.T) kalau saya tahu bahawa tuan mendengar bacaan saya, pastinya saya akan perelokkan (bacaan dan suara) saya dengan paling merdu.<sup>160</sup>

9. Daripada al-Barrā' bin Āzib (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الْعِشَاءِ { وَالتَّيْنِ وَالزَّيْتُونِ } فَمَا سَمِعْتُ أَحَدًا أَحْسَنَ صَوْتًا أَوْ قِرَاءَةً مِنْهُ ».

<sup>158</sup> Hadith riwayat al-Bayhaqī, Kitab, Bab, no. Hadith. Lihat Imam Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin Alī al-Bayhaqī, *Sunan al-Kubrā*, 10: 386.

<sup>159</sup> Hadis Riwayat al-Muslim, bāb Istihbāb al-Ṣawt bi al-Qurān, no. hadis 233, Lihat Abū Ḥusayn Muslim bin Hajjaj al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ al-Muslim*, 545.

<sup>160</sup> Hadis Riwayat al-Muslim, Kitab Ṣolat al-Musāfirīn wa Qasr, Bāb Istihbāb al-Taḥṣīn al-Ṣawt bi al-Qurān, no. Hadith 236. Lihat Abū Ḥusayn Muslim bin Hajjaj al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ al-Muslim*, (Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2011), 286.

Terjemahan: Aku mendengar Rasulullah (s.a.w) membaca al-Quran pada waktu solat Isyak Wa al-Tin wa al-Zaytūn, maka tidak pernah aku mendengar dengan seelok-elok suara dan bacan sebelum ini.<sup>161</sup>

10. Imam al-Ṭabarī meriwayatkan bahawa Sayyidina „Umar al-Khattab (r.a) berkata kepada Abū Mūsā al-„Asy„arī (r.ā): “Berilah peringatan agar kami dapat mengingati Allah (S.W.T). Lalu Abū Mūsā (r.a) membaca al-Quran dengan bertarannum. Kemudian Umar (r.a) berkata, barang siapa yang mampu bertarannum seperti tarannum Abū Mūsā (r.a), maka sila lakukan”.<sup>162</sup>
11. Ibn Mas„ūd (r.a): “Sesungguhnya beliau begitu takjub dengan bacaan „Alqamah yang sangat merdu suaranya ketika membaca al-Quran kepadanya, apabila „Alqamah selesai membaca, kemudian ia berkata: Tolong bacalah lagi”.<sup>163</sup>
12. Imam Shāfi‘ī berkata: “Tidak mengapa membaca al-Quran dengan bertarannum dan memperelokkan suara. Aku lebih menyukai dengan bacaan tarannum yang sederhana dan sedih”.<sup>164</sup>
13. Imam Abū Hanīfah berkata: “Tarannum adalah harus di kalangan ulama salaf”.<sup>165</sup>

---

<sup>161</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb Adhān, Bāb al-Qirā‘ah fī al-„Isyā“, no. Hadith 769. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad bin Ismā„īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 189.

<sup>162</sup> Hadith riwayat al-Dārimī, Kitāb Faḍā‘il al-Qur‘ān, Bāb al-Taghannī bi al-Qur‘ān, no. Hadith 3536 dan 3539. Lihat al-Imam al-Ḥāfiẓ Abū Muḥammad „Abd Allāh bin „Abd al-Raḥman bin al-Faḍl Bahram al-Dārimī (181-255H), *Sunan al-Dārimī*, 2190 dan 2192. Lihat juga Al-Imam al-„Allamah Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-„Aynī, *„Umdah al-Qārī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 2001), 20: 57.

<sup>163</sup> Muhammad „Alī al-Ṣabūnī, *Rawā‘i, al-Bayān*, 2: 459.

<sup>164</sup> Al-Imam Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *Al-Umm*, 7: 521.

<sup>165</sup> Abī Zakariyā Yaḥyā bin Sharīf al-Dīn al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, cet. 1, (Kaherah: t.t.p, 1929), 80.

14. Shaykh al-Maqarī al-Miṣriyyah Maḥmūd Khalīl Ḥuṣarī berkata: “Harus bagi qari membaca al-Quran dengan pelbagai bentuk irama lagu atau tarannum seperti *ḥijāz*, *sikāh*, „*usyāq*, *ṣabā*, „*ajam* *rast* dan lain-lain selagi mana tidak merosakkan kaedah-kaedah ilmu tajwid. Sekiranya ia mencacatkan ilmu tajwid maka ia adalah disepakati ijmak ulama pengharamannya dan berdosa pembaca dan pendengar”.<sup>166</sup>
15. Muḥammad bin „Abd al-Ḥakam berkata: “Aku melihat ayahku, Imam al-Shāfi‘ī, Yūsuf „Umayrī mereka mendengar bacaan al-Quran secara bertarannum”.<sup>167</sup>
16. Abū Bakr al-„Arabī berkata: “Membaca al-Quran dengan bertarannum adalah sunat dan mendengarnya dapat menambahkan keimanan terhadap al-Quran”.<sup>168</sup>
17. Imam al-Nawawī berkata: “Ijama” ulama salaf dan khalaf, sahabat, tabi“in dan selapasnya mereka berpendapat mengelokkan suara dan membaca al-Quran dengan nada yang sedih adalah sunat.<sup>169</sup> Selagi tidak merosakkan lafaz al-Quran seperti menambah dan mengurangkan baris, memajangkan *qasr*, memendekkan mad, menyembunyi baris yang menyebabkan kecacatan pada makna al-Quran, maka ia adalah harus. Sekiranya ia merosakkan atau mencacatkan salah satu hukum-hakam tajwid, para ulama bersepakat mengatakan pengharamannya”.<sup>170</sup>

---

<sup>166</sup> Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *Ma, al Qur’ān al-Karīm*, (Kaherah: Maktabah al-Sunnah, (1423H), 109.

<sup>167</sup> *Ibid.*, 86.

<sup>168</sup> Aḥmad Faṭḥī al-Bakīrī, *Aqwāl al-Thiqāt fī Ḥukm Qirā’ah al-Qur’ān bi al-Maqāmāt*, 55.

<sup>169</sup> Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharīf al-Dīn al-Nawawī al-Shāfi‘ī, *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamlah al-Qur’ān*, 109.

<sup>170</sup> *Ibid.*, 110 dan 111.

### 1.5.2 Golongan Kedua: Melarang Bertarannum Dalam Bacaan al-Quran.

Golongan yang melarang bacaan al-Quran bertarannum adalah terdiri juga di kalangan para sahabat, tabi'in seperti Anas bin Malik (r.a), Sa'id al-Musayyib (r.a), Ibn Sirin termasuk juga mazhab Maliki dan Hanbali serta para ulama yang lain.<sup>171</sup> Mereka berpegang kepada dalil-dalil seperti berikut:

1. Daripada Huzayfah al-Yamani (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« افْرءُوا الْقُرْآنَ بِالْحَوْنِ الْعَرَبِ وَأَصْوَاتِهَا، وَإِيَّاكُمْ وَحُونَ أَهْلِ الْفَسَقِ وَأَهْلِ الْكِتَابِينَ، فَإِنَّهُ سَيَجِيءُ مِنْ بَعْدِي قَوْمٌ يُرْجَعُونَ بِالْقُرْآنِ تَرْجِيعَ الْغِنَاءِ وَالرَّهْبَانِيَّةِ وَالنُّوحِ لَا يُجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ، مَفْتُونَةٌ قُلُوبُهُمْ وَقُلُوبُ مَنْ يُعْجِبُهُمْ شَأْنُهُمْ ».

Terjemahan: Bacalah al-Quran dengan tarannum-tarannum arab dan suara mereka. Dan jauhilah diri kamu dari tarannum-tarannum ahl al-kitab (Yahudi dan Nasrani) dan orang-orang fasik. Sesungguhnya akan datang satu kaum yang mentarannumkan al-Quran dengan gaya nyanyian, lagu gereja, ratapan yang tidak keluar dari kerongkong mereka sedangkan hati-hati mereka riyak (fitnah) dan juga fitnah orang yang mengagumi keadaan mereka (orang yang mendengar).<sup>172</sup>

2. Daripada Ibn ,Abbās (r.a) berkata, seorang tukang azan Rasulullah (s.a.w) melagukan azan, lalu Rasulullah (s.a.w) bersabda:

« إِنَّ الْأَذَانَ سَهْلٌ سَمِعَ فَإِنْ كَانَ أَذَانُكَ سَمْعًا سَهْلًا وَإِلَّا فَلَا تُؤَدِّنْ ».

<sup>171</sup> Al-Shaykh Muḥammad ,Alī al-Ṣābūnī, *Rawāi, al-Bayān Tafsīr Ayāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*, 458.

<sup>172</sup> Hadith riwayat Imam al-Ṭabarānī, Bāb al-Mīm Ismuh Muḥammad, no. Hadith 7223. Lihat al-Ḥāfiẓ Abī al-Qāsim Sulaymān bin. Aḥmad al-Ṭabarānī (260-360 H), *al-Muḥjam al-Awsaṭ*, (Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, 1995), 9: 183.

Terjemahan: Sesungguhnya azan itu mudah (lagunya) sebaik-baik azan kamu memudahkannya, jika tidak, jangan azan.<sup>173</sup>

3. Dari „Abū „Abd al-Rahmān b. Abī Bakrah yang berkata:

« كَانَتْ قِرَاءَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدُّ لَيْسَ فِيهِ تَرْجِيعٌ ».

Terjemahan: Bacaan (al-Quran) Rasulullah (s.a.w) itu adalah secara mad dan tiada *tarjī*., (bertarannum).<sup>174</sup>

4. Ibn al-Qayyim menukilkan satu riwayat bahawa Ziyād al-Nahdī datang menziarai Anas b. Mālik (r.a) bersama beberapa orang *qurrā*“. Kemudian dikatakan kepada Ziyād: “Bacalah al-Quran. Kemudian Ziyād membaca dengan suara yang tinggi dan bertarannum. Kebetulan Ziyād memang mempunyai bakat suara bernada tinggi. Tiba-tiba Anas (r.a) menanggalkan kain berwarna hitam di atas kepalanya, seraya berkata, wahai Ziyād!, Apa yang sedang kamu semua lakukan ini? Menjadi kebiasaan Anas (r.a), apabila melihat sesuatu perkara yang tidak disukainya, beliau akan menanggalkan kain di atas kepalanya”.<sup>175</sup>
6. Daripada Sa„īd bin al-Musayyib (r.a) menceritakan bahawa sesungguhnya dia mendengar Umar bin „Abd al-„Azīz mengimami solat dengan membaca al-Quran bertarannum. Maka aku telah diutuskan kepadanya dan berkata: “Perbetulkanlah kamu kepada Allah (S.W.T)! Sesungguhnya pemimpin-

<sup>173</sup> Hadith riwayat al-Dāruqutnī, Bāb *zīkr al-Iqāmah*, no. Hadith 906. Lihat „Aliyy bin „Umar al-Dāruqutnī, *Sunan al-Dāruqutnī*, (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1994), 1: 190.

<sup>174</sup> Hadith riwayat Imam al-Ṭabarānī, Bāb *Min Ismuh „Abd al-Rahmān*, no Hadith 4747. Lihat al-Ḥāfiẓ Abī al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabarānī (260-360 H), 5: 86.

<sup>175</sup> Muḥammad bin Abī Bakr bin al-Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Ma„ād fī Hady Khayr al-„Ibūd*, (Lubnan : Mu„assasah al-Risālah 1981), 1: 137.

pimpinan sebelum ini tidak membaca sebegini. Maka Umar bin „Abd al-„Azīz pun tidak lagi membaca al-Quran secara bertarannum”.<sup>176</sup>

7. Imam Mālik pernah ditanya tentang bacaan bertarannum dalam solat, beliau mengatakan: “Sesungguhnya cara itu adalah nyanyian semata-mata dan bernyanyi untuk mendapat wang”.<sup>177</sup>
8. Imam Aḥmad bin Hanbal berkata: “Bacaan bertarannum itu tidak menghairankanku kerana bacaan seperti itu adalah bid‘ah, jangan kamu dengar”.<sup>178</sup>
9. Al-Qāsim bin Muḥammad menceritakan bahawa: “Seorang lelaki membaca al-Quran di masjid Nabi dengan bertarannum, maka al-Qāsim menegahnya dan membaca ayat al-Quran”.<sup>179</sup>

﴿وَإِنَّهُ لَكِنْتُ عَزِيْزٌ ۖ لَا يَأْتِيهِ الْبَطْلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ ۖ تَنْزِيلُ مِّنْ حَكِيْمٍ ۝۴۱﴾  
حَمِيْدٍ ۝۴۲

Fuṣṣilat 41: 41-42

10. Ibn Sirīn dan Muḥammad al-Munkadir berkata: “Membaca al-Quran dengan bertarannum adalah perkara baharu”.<sup>180</sup>
11. Menurut Imam Ibn al-Jazarī pula, beliau berkata: “Sesungguhnya perkara pertama manusia melakukan bid‘ah terhadap al-Quran ialah membaca dengan suara-suara nyanyian (berlagu) yang mendayu-dayu dengan memanjangkan

<sup>176</sup> Abū „Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Ansāriy al-Qurṭubī, *al-Jāmi*., li *Āhkām al-Qur‘ān*, 21 .

<sup>177</sup> Shaykh Muḥammad „Alī al-Ṣabūnī, *Rawāi*., *al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām Min al-Qur‘ān*, 2: 457.

<sup>178</sup> *Ibid*

<sup>179</sup> Abū „Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Ansāriy al-Qurṭubī, *al-Jāmi*., li *Āhkām al-Qur‘ān*, 21.

<sup>180</sup> Aḥmad Faṭḥī al-Bakīrī, *Aqwāl al-Thiqāt fī Ḥukm Qirā‘ah al-Qur‘ān bi al-Maqāmāt*, 29.

mad pada tempat yang bukan mad (pendek) semata-mata kerana untuk menjaga lagu yang boleh menyebabkan kesalahan pada lafaz arab. Ini terdapat banyak di kalangan bacaan qari-qari. Ayat yang pertama dilagukan oleh manusia ialah, firman Allah (S.W.T):<sup>181</sup>

﴿أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسْكِينٍ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرَدْتُ أَنْ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ  
كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا﴾ (٧٩)

Al-Kahf 18: 79

Kemudian beliau menyatakan juga bahawa sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda kepada mereka (qari-qari),  
iaitu:<sup>182</sup>

« مَفْتُونَةٌ قُلُوبُهُمْ وَقُلُوبُ مَنْ يُعْجِبُهُمْ شَأْنُهُمْ ».

Terjemahan: Rosak hati mereka dengan riyak (fitnah) dan juga fitnah orang yang mengagumi keadaan mereka (orang yang mendengar).<sup>183</sup>

12. Imam al-Qurtubī berkata: “Membaca al-Quran dengan irama dan lagu dapat mencacatkan makna al-Quran. Jika makna al-Quran terkeluar dari yang sepatutnya, maka dengan ini jelas bacaan al-Quran secara berlagu disepakati pengharamannya”.<sup>184</sup>

<sup>181</sup> Shams al-Dīn Abū al-Khayr Muḥammad bi. Muḥammad bin al-Jazarī, *al-Tamhīd Fī ʿilm al-Tajwīd*, cet. 1, (Bayrūt: Muʿassas al-Risālah, 2001), 55 dan 56.

<sup>182</sup> *Ibid*

<sup>183</sup> Hadith riwayat Imam al-Ṭabrānī, Bāb al-Mīm Ismuh Muḥammad, no. Hadith 7223. Lihat al-Hafīz Abī al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabarānī (260-360 H), *al-Muḥjam al-Awsaṭ*, 9: 183.

<sup>184</sup> Abū ʿAbd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Ansāriy al-Qurtubī, *al-Jāmiʿ, li Ḥkām al-Qurʾān*, 27.

### 1.5.3 *Tarjīh*

Secara peribadi, penulis menghormati semua pandangan ulama tersebut, akan tetapi penulis lebih cenderung dan menyokong pada pendapat ulama yang mengatakan harus dan membaca al-Quran dengan bertarannum adalah sunnah Rasulullah (s.a.w). Ini adalah berdasarkan kepada alasan-alasan berikut:

1. Terdapat hadis-hadis yang jelas bahawa membaca al-Quran dengan bertarannum disuruh oleh Nabi (s.a.w).
2. Dalil-dalil hadis yang mengharuskan bertarannum statusnya adalah sahih seperti yang diriwayatkan oleh imam Bukhārī, Imam Muslim, Abū Dāwūd dan al-Nasā'ī dan hadis-hadis tersebut lebih kuat berbanding dengan hadis-hadis yang melarang bertarannum.
3. Secara umumnya di kalangan ulama yang melarang bertarannum, mereka berhujah dengan alasan bahawa tarannum kecenderungannya menambah apa yang tidak ada pada al-Quran seperti meletakkan hukum mad dan hamzah bukan pada tempatnya dan menambah beberapa huruf. Inilah yang menjadikan tarannum itu bid'ah dan melalaikan diri dari bertadabur makna ayat-ayat al-Quran dan membawa kepada haram bertarannum. Pengharaman itu adalah disebabkan melanggar hukum-hukum tajwid. Kayu pengukur yang paling utama dalam pembacaan al-Quran bertarannum ini ialah ilmu tajwid. Oleh yang demikian, apabila bertarannum dengan tidak melanggar hukum tajwid maka ia dibolehkan.
4. Terdapat ramai di kalangan ulama-ulama yang menyokong bertarannum adalah terdiri di kalangan para sahabat, tabi'in, ahli al-Quran seperti Shaykh al-Maqari' Khalīl Ḥuṣārī dan lain-lain.

5. Bertarannum dapat menambahkan keelokan dalam pembacaan al-Quran. Kerana pembacaan al-Quran secara tarannum mempunyai unsur-unsur bacaan secara perlahan, *tartil* dan mengikut hukum-hukum tajwid yang betul.
6. Sesungguhnya memperelokkan bacaan al-Quran dengan tarannum dan suara yang merdu amat memberi kesan kepada jiwa serta menambah kekhusyukan.
7. Membaca al-Quran secara bertarannum dengan irama-irama lagu yang bersesuaian dengan ayat akan menarik minat orang ramai untuk mendengar dan mempelajarinya.

Oleh itu, apa yang dapat penulis simpulkan perbincangan ini berdasarkan kepada kata-kata Shaykh „Ali al-Šabūnī bahawa perselisihan pendapat ulama tersebut merupakan perkara *furū*“ bukannya *uṣūl*. Jika diperhatikan dengan teliti, di kalangan ulama yang sepakat mengatakan haram atau bid‘ah membaca al-Quran secara bertarannum adalah bacaan yang mementingkan tarannum semata-mata tanpa menjaga atau mengikut kaedah-kaedah ilmu tajwid seperti memanjangkan huruf yang pendek atau memendekkan yang panjang, meringankan huruf yang berat, mengizharkan tempat yang dengung dan lain-lain. Namun, jika membaca al-Quran secara tarannum bertujuan untuk mengelokkan suara dan menjaga hukum-hukum tajwid, sifat huruf, makhraj huruf waqaf ibtida‘ dengan baik maka tiada seorang pun yang ia mengatakan haram. Sebab suara yang merdu dapat menambahkan keindahan bacaan al-Quran dan dapat membangkitkan minat pendengar terhadap al-Quran dan serta memberi kesan yang mendalam di dalam hati seseorang. Rasulullah (s.a.w) sendiri mendengar bacaan daripada beberapa orang sahabat secara bertarannum dan baginda suka pada suara merdu mereka.<sup>185</sup> Inilah sebenarnya yang dimaksudkan

---

<sup>185</sup> Shaykh Muḥammad „Ali Al-Šabūnī, (1999), *Rawāi*., *al-Bayān Tafsīr Ayāt al-Aḥkām Min al-Qur‘ān*, 459.

oleh Imam Shāfi'ī bahawa tarannum ada ketika ditegah dan ada ketikanya tidak ditegah.<sup>186</sup>

Justeru, persoalan tentang hukum tarannum samada harus atau haram adalah sebenarnya bergantung kepada pembacaan seseorang itu sendiri. Jika ia menepati dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh para ulama iaitu dengan tarannum *lahjah* arab, mengikut kehendak ilmu tajwid dan tidak riyak maka ia menjadi sunnah Rasulullah (s.a.w) dan jika sebaliknya maka jelas hukumnya haram bahkan bacaan tanpa tarannum pun juga menjadi haram.

## **1.6 MANHAJ-MANHAJ ILMU TARANNUM AL-QURAN DI MALAYSIA**

Di Malaysia, ilmu tarannum ini sudah pun bertapak lebih 60 tahun yang lalu. Ini adalah berpaksikan kepada penganjuran Majlis Tilawah al-Quran yang saban tahun dianjurkan oleh kerajaan Malaysia iaitu bermula sejak tahun 1960 lagi. Rentetan itu, ilmu ini sudah mempunyai manhaj-manhajnya yang tersendiri dan telah menjadi amalan di kalangan guru-guru, masyarakat amnya dan khususnya terdapat qari-qari yang saban tahun menjadi peserta tilawah al-Quran dalam pembacaan mereka.

### **1.6.1 Pembahagian Tarannum al-Quran**

Tarannum al-Quran yang terkenal di Malaysia sejak dulu hingga kini terbahagi kepada dua bahagian yang besar, iaitu:

---

<sup>186</sup> Abū Zakariyā Yaḥyā bin syarīf al-Dīn al-Nawawī al-Shāfi'ī, *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamlah al-Qur'ān*, 111.

1. Tarannum Arab *Hijāzī* (حجازي)

Iaitu Tarannum Arab yang ber*lahjah* Arab *Hijāzī* yang mana irama lagunya dipengaruhi oleh suasana padang pasir yang berbukit bukau dengan suhu kepanasan yang agak tinggi, irama rentak agak lincah di samping nada suaranya yang meninggi kehangatan.<sup>187</sup>

Tarannum ini juga dikenali dengan tarannum *Makkawī* yang berasal dan berkembang di Makkah dan sekitar Jazirah arab bahagian timur yang dikenali sebagai *Hijāz*.<sup>188</sup>

Orang-orang Arab *Hijāz* biasanya membaca al-Quran berpandukan asas-asas lagunya, sebagaimana dirumuskan dengan singakatan *Biḥumrin Jasad* (بِحُمْرِينَ جَسَدٍ) yang bermaksud:<sup>189</sup>

- a) Huruf (ب) diisyaratkan kepada gaya lagu *Banjākah*
- b) Huruf (ح) diisyaratkan kepada gaya lagu *Husaynī*
- c) Huruf (م) diisyaratkan kepada gaya lagu *Mayyāh*
- d) Huruf (و) diisyaratkan kepada gaya lagu *Rakbī*
- e) Huruf (ج) diisyaratkan kepada gaya lagu *Jihārkāh*
- f) Huruf (س) diisyaratkan kepada gaya lagu *Sīkāh*
- g) Huruf (ذ) diisyaratkan kepada gaya lagu *Dukkah*

Di Malaysia, tarannum ini diperkenalkan dan dipopularkan oleh angkatan lama seperti Hj. Yusof Kedondong, Tan Sri Dato<sup>“</sup> Hj. Hassan Azhari, Dato<sup>“</sup> Hj. Ismail

---

<sup>187</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 117.

<sup>188</sup> Mohd Ali bin Abu Bakar, *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*, 39.

<sup>189</sup> *Ibid.*, 40.

Hashim, Dato<sup>o</sup> Hj. Muhammad Hasri dan ramai lagi. Tarannum ini telah dibawa masuk oleh para *qurrā* "sebelum tahun 40-an."<sup>190</sup>

## 2. Tarannum Arab *Miṣrī* (مصرى)

Iaitu tarannum Arab yang ber*lahjah Miṣrī* yang mana irama lagunya dipengaruhi oleh suasana lembah sungai Nil. Irama rentak lagunya lembut berkesopanan di samping nada suara yang sederhana. Tarannum *Miṣrī* ini lebih diterima dan popular seluruh dunia.<sup>191</sup>

Orang-orang Arab Mesir juga membaca al-Quran berpandukan asas-asas lagunya, iaitu sebanyak tujuh lagu sebagaimana dirumuskan dengan singkatan *Biḥuṣṣin Jasad* (بِحُصْنِ جَسَدٍ) yang bermaksud:<sup>192</sup>

- a) Huruf (ب) diisyaratkan kepada gaya lagu *Bayyātī*
- b) Huruf (ح) diisyaratkan kepada gaya lagu *Hijāz*
- c) Huruf (ص) diisyaratkan kepada gaya lagu *Ṣabā*
- d) Huruf (ر) diisyaratkan kepada gaya lagu *Rast*
- e) Huruf (ج) diisyaratkan kepada gaya lagu *Jihārkāh*
- f) Huruf (س) diisyaratkan kepada gaya lagu *Sīkāh*
- g) Huruf (ذ) diisyaratkan kepada gaya lagu *Nahāwand*

Di Malaysia, tarannum ini telah dipopularkan oleh angkatan muda seperti Hj. Ahmad Mat Som Pergau, Hj. Zabidi Aman, Hj. Mukti dan kawan-kawannya seangkatan belajar di Mesir. Tarannum ini terkenal selepas tahun 40-an hingga kini.<sup>193</sup>

---

<sup>190</sup> *Ibid.*, 39.

<sup>191</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 118.

<sup>192</sup> Mohd Ali bin Abu Bakar, *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*, 41.

<sup>193</sup> *Ibid.*

### 1.6.2 Tarannum Yang Masyhur

Daripada aliran pembahagian tarannum tersebut, maka didapati beberapa tarannum-tarannum yang menjadi masyhur di Malaysia, iaitu:

#### 1. Tarannum *Bayyātī* (بياتي)

Perkataan “*bayyātī*” dari segi bahasa bererti rumah. Manakala istilah ilmu tarannum pula ialah suatu jenis alunan tarannum yang dipopularkan oleh qari arab terutama Mesir.<sup>194</sup>

Dr. Muhsin Salim mengatakan bahawa “*bayyātī*” berasal daripada *Bayt* (بيت) yang bermaksud rumah. Kemudian kata-kata ini digunakan dalam bentuk *mubālaghah* menjadi “*bayyāt*” dan ditambah dengan huruf “*ya*” sehingga menjadi “*bayyātī*”.<sup>195</sup>

Tarannum *bayyātī* mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 40-an iaitu selari dengan perkembangan tarannum *lahjah Arab Miṣrī*. Di antara faktor tersebarnya tarannum *bayyātī* ini adalah disebabkan penghijrahan pelajar melayu bagi melanjutkan pengajian dalam bidang pengajian Islam di Universiti al-Azhar Mesir dalam masa yang sama mereka mempelajari dalam bidang tarannum al-Quran. Kemudian apabila mereka pulang ke tanah air, mereka telah mengajar dan menyebarkan kepada masyarakat umum.<sup>196</sup>

Tarannum *bayyātī* merupakan lagu asas yang sangat popular di kalangan qari-qariah Malaysia dalam persembahan bacaan terutama dalam Majlis tilawah al-Quran.

---

<sup>194</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus, Dr. Adnan Mohamed Yusoff, *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, cet. 1, (Open University: Meteor Doc. Sdn. Bhd, 2008), 61.

<sup>195</sup> Mohd Ali bin Abu Bakar, *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*, 46.

<sup>196</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus, Dr. Adnan Mohamed Yusoff, *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, 61.

Selain itu, tarannum ini juga menjadi syarat dalam tilawah dengan menjadi tarannum permulaan dan penutup sebuah persembahan bacaan itu.<sup>197</sup>

Tarannum *bayyātī* mempunyai sifat-sifat alunan yang tersendiri, iaitu:<sup>198</sup>

- a) Mempunyai kelembutan di samping ketegasan
- b) Gerak yang perlahan dan memulakan *ṭabaqah* suara yang rendah
- c) Kesesuaian dengan *ṭabaqah* sederhana
- d) Unsur keharmonian dan ketenangan
- e) Kesesuaian dengan tarannum pembukaan dan penutup

Tarannum *bayyātī* juga mempunyai peranan dalam persembahan sesuatu bacaan, iaitu:<sup>199</sup>

- a) Memantapkan persembahan bacaan
- b) Menjadi kayu pengukur kepada tarannum yang akan dipersembahkan selepasnya.

Tarannum *bayyātī* mempunyai *maqām-maqām* atau *furūʿ-furūʿ* yang tersendiri, seperti *bayyātī aṣlī*, *bayyātī shūrī*, *bayyātī ḥusaynī*, *bayyātī kurdī* dan *bayyātī ʿiraqī*.<sup>200</sup>

## 2. Tarannum *Ḥusaynī* (حسيني)

Perkataan *ḥusaynī* bererti cantik, anggun atau indah. Ia berasal dari Arab Ḥijāzī yang diubah suai dan digubah semula oleh *Qurrāʾ* Mesir.<sup>201</sup>

---

<sup>197</sup> *Ibid.*

<sup>198</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 128.

<sup>199</sup> *Ibid.*

<sup>200</sup> Hj. Mohd Napiah bin Hj. Sahrani, *Qiraʾat Dan Tarannum Dalam Tilawah al-Quran*, (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pengajian Ilmu al-Quran, pada 1-2 September 2001, Tempat Dewan Perdidangan Ideal, UPM), 9.

Tarannum *husaynī* mempunyai sifat-sifat alunannya, seperti:<sup>202</sup>

- a) Mempunyai gaya dan pergerakan yang cergas dan tegas
- b) Sesuai dengan *ṭabaqah* suara yang tinggi
- c) Mempunyai unsur rangsangan dan galakan.

Tarannum *husaynī* juga mempunyai beberapa peranan, antaranya:<sup>203</sup>

- a) Memantapkan persembahan bacaan
- b) Menjadikan penggerak kepada harakat-harakat lagu berikutnya

Tarannum *husaynī* boleh dikenali dengan harakat-harakat berikut:<sup>204</sup>

- a) Harakat lagu *husaynī* biasanya bersambung kepada harakat 4 dan 5 dalam lagu *bayyātī*
- b) Harakat *husaynī* sering disambung dengan harakat *bayyātī* penutup
- c) Harakat *husaynī* boleh disusun secara berasingan.

Menurut Shaykh Dr. Ahmad Nu,ayna,, bahawa tarannum *husaynī* adalah merupakan sebahagian kecil daripada tarannum *bayyātī*.<sup>205</sup>

### 3. Tarannum *Ṣabā* (صبا)

Perkataan “*ṣabā*” dari segi bahasa membawa makna rindu. Manakala dari segi Istilah ilmu tarannum pula ialah nama bagi suatu jenis alunan tarannum yang dipopularkan oleh qari-qari Mesir arab mengikut budaya mereka kira-kira pada tahun 40-an.<sup>206</sup>

---

<sup>201</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 130.

<sup>202</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus, Dr. Adnan Mohamed Yusoff, *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, 67.

<sup>203</sup> *Ibid.*, 68.

<sup>204</sup> Mohd Ali bin Abu Bakar, *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*, 51.

<sup>205</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 130.

Menurut keterangan daripada Dr. Syaid Agil Husain al-Munawwar, Tarannum “*ṣabā*” ini berasal dari salah satu daerah di Syria.<sup>207</sup>

Tarannum “*ṣabā*” ini telah dipopularkan ditanah melayu selepas perang dunia kedua. Tarannum “*ṣabā*” yang kita hayati sekarang ini adalah hasil dari pengubahsuaian qari-qari Mesir mengikut budaya mereka. Tarannum ini telah dipopularkan pada tahun 1940-an.<sup>208</sup>

Di antara qari-qari Mesir yang masyhur yang sering menggunakan tarannum ini dalam bacaan mereka seperti Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Shaykh Muḥammad Rifāʿat, Shaykh ʿAbd al-Bāsiṭ, Shaykh al-Baḥtimī dan lain-lain.<sup>209</sup>

Tarannum *ṣabā* mempunyai sifat-sifat seperti berikut:<sup>210</sup>

- a) Irama lagu yang mendayu-dayu, syahdu dan alunan perlahan-lahan
- b) Bersifat sedih seperti air mata mengalir
- c) Mempunyai gerak yang ringan dan lembut
- d) Mempunyai kesesuaian dengan tabaqah suara yang sederhana
- e) Menenangkan jiwa.

Dilihat pula dari segi peranannya pula, ialah:<sup>211</sup>

- a) Memberi penyesuaian dengan ayat-ayat yang berbentuk mermohon, merintih, merayu, kegembiraan dan kesedihan
- b) Sesuai juga pada ayat-ayat azab, syurga dan neraka

---

<sup>206</sup> Hj. Mohammad Hj. Yusoff, latihan Ilmiah Jabatan Pengajian al-Quran Dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Islam (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi UKM, 1991/1992), 37.

<sup>207</sup> Mohd Ali bin Abu Bakar, *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*, 62.

<sup>208</sup> Hj. Mohammad Hj. Yusoff, *Latihan Ilmiah*, 37.

<sup>209</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus, Dr. Adnan Mohamed Yusoff, *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, 97.

<sup>210</sup> Hj. Mohammad Hj. Yusoff, *Latihan Ilmiah*, 37.

<sup>211</sup> *Ibid.*

- c) Mendatangkan rasa kekhusyukan dan keinsafan
- d) Dapat meredakan ketegangan jiwa dan mendatangkan ketenangan.

Di antara cabang-cabang Tarannum *ṣabā* seperti *ṣabā aṣlī*, *jawāb ṣabā ma*., *al-ṣajam*, *jawāb ṣabā*.<sup>212</sup>

#### 4. Tarannum *Ḥijāz* (حجاز)

Perkataan “*ḥijāz*” dari segi bahasa ialah satu kawasan yang terletak di negara arab Su,ūdī iaitu Mekah dan Madinah. Pada Istilah ilmu tarannum pula ialah suatu jenis alunan tarannum yang dipopularkan oleh qari-qari *ḥijāzī* mengikut budaya bangsa yang hidup di kawasan padang pasir tandus yang berbukit bukau.<sup>213</sup> Kemudian lagu ini dibawa ke Mesir dan berkembang pula di lembah sungai Nil dan dikenali dengan lagu *Ḥijāzī Miṣrī*. Tarannum *ḥijāzī berlahjah miṣrī* lebih lembut dan menarik serta lebih sesuai dengan *lughah* al-Quran.<sup>214</sup>

Di Malaysia, tarannum ini popular sejak tilawah al-Quran diperkenalkan. Ia dimulai oleh tokoh-tokoh yang hebat ketika itu seperti Hj. Ahmad Mat Som Pergau dari kelantan, Ismail Hashim dari Kedah dan lain-lain.<sup>215</sup>

Tarannum *ḥijāz* ini mempunyai sifat-sifat yang khusus, seperti:<sup>216</sup>

- a) Iramanya tegas dan bersemangat
- b) Mempunyai gerak yang lembut, lambat dan berkesan
- c) Sesuai dengan mana-mana *ṭabaqah* suara.

<sup>212</sup> Hj. Mohd Napih bin Hj. Sahrani, *Qirā'āt Dan Tarannum Dalam Tilawah al-Quran*, 9.

<sup>213</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 135.

<sup>214</sup> *Ibid.*, 136.

<sup>215</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus, Dr. Adnan Mohamed Yusoff, *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, 107.

<sup>216</sup> *Ibid.*, 108.

Manakala dari sudut perannannya pula sepertimana berikut:<sup>217</sup>

- a) Menyesuaikan dengan ayat-ayat yang berunsurkan perintah, larangan dan marah
- b) Memberi semangat kepada persembahan bacaan secara menyeluruh
- c) Memberi kepuasan kepada pembaca dan pendengar.

## 5. Tarannum *Nahāwand* (نهادند)

Perkataan *nahāwand* dari segi bahasa adalah nama bagi satu tempat yang terletak di daerah Hamadan Parsi atau dikenali dengan negara Iran. Manakala Istilah ilmu tarannum pula ialah nama bagi satu jenis alunan lagu yang dipopularkan oleh qari daerah tersebut mengikut *zūq* budaya mereka. Kemudian lagu ini digubah semula oleh para *qurrā* "Mesir".<sup>218</sup>

Tarannum *nahāwand* ini memerlukan suara yang lembut, dapat menguasai nada suara yang tinggi dan memiliki getaran suara yang cukup baik.<sup>219</sup> Di antara sifat-sifat Tarannum *nahāwand*, sepperti berikut:<sup>220</sup>

- a) Mempunyai gaya irama yang lembut syahdu
- b) Mempunyai gaya irama yang cepat dan ringan
- c) Mempunyai sifat kasih sayang
- d) Mempunyai kesesuaian dengan tabaqat suara sederhana

Tarannum *nahāwand* juga mempunyai beberapa peranan tertentu terhadap sesuatu bacaan, di antara peranannya ialah:<sup>221</sup>

---

<sup>217</sup> *Ibid.*, 109.

<sup>218</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 139.

<sup>219</sup> Mohd Ali bin Abu Bakar, *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*, 52.

<sup>220</sup> *Ibid.*

<sup>221</sup> *Ibid.*, 53.

- a) Dapat memberi penyesuaian kepada ayat yang berbentuk kegembiraan atau sedih
- b) Dapat melembutkan sesuatu bacaan
- c) Mendatangkan rasa khusyuk dan keinsafan.

Menurut tokoh-tokoh tarannum di Malaysia, tarannum *nahāwānd* mempunyai tiga cabang, iaitu *nahāwand aṣlī*, *nakrīz*, *ḥusyāq*.<sup>222</sup>

## 6. Tarannum Rast (رست)

Perkataan *rast* bermaksud benar-benar lurus. Menurut Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail bahawa tarannum ini berasal dari Parsi Iran kemudian diubah suai oleh orang-orang arab Mesir dan ia menjadi terkenal dan lagu yang paling popular yang diamalkan di kalangan qari-qari Mesir.<sup>223</sup>

Tarannum *rast* adalah menajadi tarannum yang kemestian dalam persembahan bacaan al-Quran di kalangan qari-qariah di Malaysia terutama dalam Majlis Tilawah al-Quran samada peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antrabangsa.

Adapun sifat-sifat Tarannum *rast* seperti berikut:<sup>224</sup>

- a) Mempunyai gerak yang lembut dalam ketegasan
- b) Gerakannya bersifat lincah yang dan semangat
- c) Dapat disesuaikan dengan mana-mana *ṭabaqah* suara

Manakala dari segi peranannya pula, sepertimana berikut:<sup>225</sup>

- a) Menyesuaikan pada ayat berkaitan dengan hukum-hakam
- b) Memberi tenaga kepada lagu-lagu yang akan dibaca sesudahnya

<sup>222</sup> Hj. Mohd Napih bin Hj. Sahrani, *Qira'at Dan Tarannum Dalam Tilawah al-Quran*, 9.

<sup>223</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 142.

<sup>224</sup> *Ibid.*, 142.

<sup>225</sup> *Ibid.*, 143.

- c) Memberi semangat kepada sesuatu persembahan bacaan

Di antara cabang-cabang tarannum *rast* ialah *rast aṣlī*, *rast „aṭā nawā*, *zinjirān*<sup>226</sup>

## 7. Tarannum *Sīkāh* (سیکاه)

Tarannum *sīkāh* bermaksud gemercing gitar dan juga berasal dari Parsi Iran yang telah dipopularkan oleh para qari seluruh dunia mengikut lahjah arab *ḥijāzī* bermula kurun ke-7 hingga ke 19 M. sehingga kini ia telah dipopularkan semula oleh qari Mesir yang dikenali dengan *sīkāh miṣrī*.<sup>227</sup>

Di antara qari Mesir kontemporari yang masyhur dan sering mengamalkan tarannum ini ialah Shaykh Shaḥāt Muḥammad Anwar, Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayna,,, dan lain-lain. Manakala Shaykh Sa,,ad Sa,,id al-Ghamidī terkenal dengan tarannum *murattal*nya dengan menggunakan dengan jenis tarannum ini.<sup>228</sup>

Tarannum *Sīkāh* ini telah dipopularkan di Malaysia pada awal tahun 40-an yang diamalkan oleh Hj. Ahmad Mat som Pergau dari negeri Kelantan. Tarannum ini juga diamalkan dalam bacaan berzanji.<sup>229</sup>

Sifat-sifat Tarannum *Sīkāh* adalah seperti berikut:<sup>230</sup>

- a) Mengandungi ciri-ciri kesedihan dan rintihan
- b) Ia juga bersifat mengharap dan berkehendak
- c) Mempunyai gaya dan gerak lembut dan ringan

---

<sup>226</sup> Hj. Mohd Napiah bin Hj. Sahrani, *Qira'at Dan Tarannum Dalam Tilawah al-Quran*, 9.

<sup>227</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 144.

<sup>228</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus, Dr. Adnan Mohamed Yusoff, *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, 116.

<sup>229</sup> *Ibid.*

<sup>230</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 144.

d) Sesuai dengan mana-mana *ṭabaqāt*

Manakala peranan tarannum *Sīkāh* pula seperti berikut.<sup>231</sup>

- a) Menyesuaikan pada ayat berkaitan dengan doa, permohonan, pujukan dan pengharapan.
- b) Melebutkan sesuatu bacaan

Adapun *maqām-maqām* tarannum ini seperti berikut *sīkāh aṣlī*, *sīkāh turkī*, *sīkāh raml*, *sīkāh „iāqī*.<sup>232</sup>

#### 8. Tarannum *Jihārkaḥ* (جهارگاه)

Tarannum *jihārkaḥ* atau *jahārkaḥ* ini adalah sebuah irama lagu dari Parsi. Menurut sebahagian pendapat, tarannum ini berasal dari benua Afrika. Sebahagian yang lain mengatakan ia berasal dari sempadan semenanjung tanah arab dengan Iran dan Afghanistan. Tarannum ini telah diterima pakai oleh Qari *Ḥijāzī* dan kini telah dipopularkan oleh para qari Mesir.<sup>233</sup>

Pengaruh tarannum ini agak kuat di Malaysia sehinggakan telah diaplikasikan dalam laungan takbir hari raya dan laungan azan.<sup>234</sup> Di dalam ujian tilawah pula, kebiasannya peserta-peserta tilawah mengamalkan sebagai tarannum terakhir atau penutup bacaan.<sup>235</sup>

---

<sup>231</sup> *Ibid.*

<sup>232</sup> Hj. Mohd Napih bin Hj. Sahrani, *Qira'at Dan Tarannum Dalam Tilawah al-Quran*, 10.

<sup>233</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus, Dr. Adnan Mohamed Yusoff, *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, 127.

<sup>234</sup> *Ibid.*

<sup>235</sup> Mohd Ali bin Abu Bakar, *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*, 64.

Tarannum *jihārkāh* ini mempunyai ciri-ciri atau sifat-sifat yang tersendiri, iaitu:<sup>236</sup>

- a) Mempunyai unsur-unsur ketenangan dan keharmonian
- b) Bersifat meredai, pasrah, kegembiraan dan kemenangan
- c) Mempunyai kelembutan yang menusuk kalbu

Manakala dari segi peranannya pula adalah seperti berikut:<sup>237</sup>

- a) Menyesuaikan dengan ayat-ayat yang menunjukkan merayu, memohon, kesedihan, merintih, doa, kemenangan, kerinduan dan pedoman.
- b) Memberi ketenangan dan mengurangkan ketegangan dalam bacaan
- c) Mendatangkan rasa khusyuk dan keinsafan

Di antara *maqam-maqamnya* ialah *jihārkāh aṣlī*, *jihārkāh „ala rast*, *jihārkāh „alaṣabā*, *jihārkāh jawāb*.<sup>238</sup>

### 1.6.3 Istilah-Istilah Ilmu Tarannum

Ilmu tarannum al-Quran mempunyai istilah-istilah yang tertentu. Kerana ia berbeza dengan tarannum yang lain seperti qasidah, syair, berzanji, nasyid dan azan. Di Malaysia terdapat istilah-istilah khusus yang kebiasaan digunakan di kalangan guru-guru tarannum dan qari-qariah dalam pembacaan al-Quran secara bertannum. Istilah-istilah tersebut ialah:<sup>239</sup>

1. *Ḥarakāt*: Gaya alunan yang mengandungi beberapa *qit‘ah* dengan *mahaṭṭah* yang tertentu.

---

<sup>236</sup> Us. Wan Hilmi Abdullah, *Kursus Tarannum al-Quran*, 2.

<sup>237</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 146.

<sup>238</sup> Hj. Mohd Napih bin Hj. Sahrani, *Qirā’āt Dan Tarannum Dalam Tilawah al-Quran*, 10.

<sup>239</sup> Ustaz Hj. Yahaya Daud (Qari Kelantan, johan Peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1999), dalam temubual dengan penulis di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 14 dan 15 November 2018

2. *Ṭabaqah*: Suatu tingkatan suara atau tahap suara yang dibawa oleh gaya tarannum tertentu.
3. *Mahaṭṭah*: Tempat berhenti pada hujung setiap tarannum.
4. *Qitʿah*: Gerak tarannum yang paling pendek tanpa *mahaṭṭah* tertentu
5. *Burdah*: Bunga-bunga tarannum atau getaran suara. Ia terbahagi kepada dua,
  - a) *Burdah Aṣli*: Suara yang hidup dan mempunyai getaran suara semulajadi
  - b) *Burdah Ṣināʿī*: Bunga-bunga suara yang sengaja disusun dan digubah mengikut sesuatu irama.

*Burdah* mempunyai peranan yang tertentu, iaitu:

- a) Untuk menghidupkan persembahan perlulah digunakan burdah yang kasar, tegas dan jarang-jarang
  - b) Untuk mencanggihkan persembahan perlu digunapakai burdah yang kecil-kecil dan rapat-rapat iaitu kekerapan.
  - c) Untuk melahirkan seni persembahan perlulah burdah yang lembut dan tersusun rapi
  - d) Untuk menyemarakkan persembahan perlu burdah keras, tajam mengikut kesesuaian dengan jenis harakat dan tarannum yang dipersembahkan.
6. *Ikhtilāl al-Lahn*: Membunyikan nada suara sumbang yang disengajakan mengikut irama dan *tabaqah* sesuatu tarannum. Ia terbahagi kepada dua iaitu *ikhtilāl* mendaki dan *ikhtilāl* menurun. Ia mempunyai peranan berikut:
    - a) Memberi kecanggihan bacaan dan persembahan
    - b) Melahirkan teknik persembahan
    - c) Menampilkan kemantapan persembahan
  7. *Wuṣlah*: Gabungan perpindahan tarannum untuk mengindahkan bacaan yang dikhususkan ialah perpindahan harakat ke harakat yang lain.

8. *Wuṣlah al-Mumāthalah*: Satu gaya harakat yang bercampur dari dua gaya tarannum yang berlainan dan ia berlaku pada tarannum *uṣūl* dan *furū*.,
9. *Salālim*: Alunan menurun sesuatu irama lagu pada mana-mana harakat dan *qiṭ'ah* Ia terbahagi kepada 2 iaitu:
  - Salālim Nuzūl* bermaksud alunan suara yang menurun
  - Salālim su'ūd* bermaksud alunan suara menaik
10. *Jawāb*: Tahap penggunaan suara pada tabaqat yang ketiga iaitu rongga hidung dan mempunyai daya rangsangan yang bersemangat
11. *Jawāb al-Jawāb*: Tahap penggunaan suara yang keempat iaitu tertinggi disebut juga suara rongga otak
12. *Maqām* : Kedudukan sesuatu tarannum yang berada di atas landasannya
13. *Qarār* : Nada suara rendah dikenali dengan suara dada
14. *Nawā* : Tahap suara yang sederhana
15. *Takrīr*: Berulang tarannum, harakat, burdah dalam bacaan
16. *Wazān*: Imbangan suara ketika hendak memindahkan lagu ke lagu yang lain
17. *Intiqāl Maqām*: Iaitu perpindahan lagu ke lagu yang lain
18. *Lahjah*: Dielek kearaban
19. *Dhūq*: Suatu perasaan yang penuh minat terhadap pembaca al-Quran dan ia bersesuaian pula dengan kehendak lagu atau ayat.

#### 1.6.4 Suara

Suara merupakan fungsi utama dalam ilmu tarannum. Hubungan suara dengan tarannum amat rapat. Tarannum tidak akan berlaku tanpa suara yang merdu dan terkawal. Begitu juga dalam perkara-perkara yang lain seperti untuk berkomunikasi, menagis dan sebagainya.

Menurut Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail, seni suara untuk al-Quran terbahagi kepada dua bahagian.<sup>240</sup>

1. Seni *Aṣlī* iaitu seni ciptaan Allah (S.W.T) yang semulajadi. Ianya tidak dapat dipertikaikan oleh sesiapa pun.
2. Seni *Sina,,i* iaitu seni kretif manusia untuk membina seni ciptaan semua jadi tersebut.

Justeru, seseorang yang ingin mendalami ilmu tarannum mesti mengetahui tentang metode-metode penting dalam ilmu suara supaya bacaan tarannum itu elok dan sempurna. Perkara-perkara tersebut ialah:

### **1. Peranan Suara**

Peranan suara dalam pembacaan tarannum al-Quran sepertimana berikut:<sup>241</sup>

- a) Menentukan nada dan irama lagu tertentu
- b) Menentukan sesuatu huruf atau kalimah al-Quran
- c) Menentukan tekanan bunyi yang menarik seperti lembut, keras, halus, kasar, licin dan sebagainya.
- d) Menentukan bunyi sifat-sifat huruf mengikut lahjah yang dikehendaki
- e) Menentukan tingkatan tabaqat, rendah, sederhana, tinggi hinggalah yang tertinggi melalui tenaga udara dan pernafasan.

---

<sup>240</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 50.

<sup>241</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus, Dr. Adnan Mohamed Yusoff, *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, 35.


## 2. *Ṭabaqāt* suara

Suara manusia mempunyai nada yang berbeza-beza seperti tinggi, rendah, kasar, halus, parau dan lain-lain. Kebiasannya dalam tarannum al-Quran khususnya di Malaysia, hanya menggunakan empat fungsi *ṭabaqāt* suara sahaja, iaitu:<sup>242</sup>

- a) *Ṭabaqah* pertama: “*Qarār*” suara berfungsi di dada
- b) *Ṭabaqah* kedua: “*Nawā*” suara berfungsi di tekak
- c) *Ṭabaqah* ketiga: “*Jawāb*” suara berfungsi di rongga hidung
- d) *Ṭabaqah* keempat: “*Jawāb al-Jawāb*” suara berfungsi di rongga otak

Menurut Ustaz Hj. Yahaya Daud,<sup>243</sup> *ṭabaqāt* suara boleh dirumuskan seperti gambar rajah berikut.<sup>244</sup>

Rajah 2: *Ṭabaqāt* Suara



<sup>242</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 53.

<sup>243</sup> Beliau merupakan seorang qari yang masyhur sekarang ini di Malaysia. Beliau begitu aktif mengajar mengembangkan ilmu tarannum seluruh Malaysia malah di luar Negara seperti Brunei, Singapura dan lain-lain.

<sup>244</sup> Ustaz Hj. Yahaya Daud, 14 dan 15 November 2018.

Bentuk segitiga menunjukkan *ṭabaqāh* suara bermula dengan besar dan semakin tinggi *ṭabaqāh* suara semakin mengecil. Beliau telah memberi maksud tentang *ṭabaqāh* suara seperti berikut:

1. *Ṭabaqah* suara “*Qarār*” bermaksud peringkat suara rendah.
2. *Ṭabaqah* suara “*Nawā*” bermaksud peringkat suara sederhana.
3. *Ṭabaqah* suara “*Jawāb*” bermaksud peringkat suara tinggi.
4. *Ṭabaqah* suara “*Jawāb al-Jawāb*” bermaksud peringkat suara tertinggi.

Jika seseorang qari atau qariah dapat mencapai keempat-empat *ṭabaqāt* suara tersebut, maka ia dianggap sudah memiliki suara yang terbaik. Namun, Tidak dinafikan bahawa untuk mencapai empat *ṭabaqāt* suara ini amat susah akan tetapi dengan anugerah Allah (S.W.T) mengurniakan kepada seseorang. Manakala jika suara yang hanya mampu mencapai tiga *ṭabaqāt* iaitu 1 hingga 3, maka dikira telah memiliki suara yang baik.

## **1.7 TOKOH-TOKOH TARANNUM YANG MASHYUR DI MALAYSIA**

Pada hakikat sebenarnya, terdapat ramai tokoh-tokoh tarannum di Malaysia. ini dapat dibuktikan bahawa ramai di kalangan qari dan qariah yang telah berjaya mendapat johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa seterusnya menjadi guru kepada masyarakat. Namun, dalam hal ini penulis hanya tampilkan beberapa orang tokoh tarannum yang terkenal, dihormati dan yang paling berpengaruh di Malaysia. Secara tidak langsungnya mereka juga merupakan pengkagum kepada Shaykh Muṣṭafā Ismā,̣l.

### 1.7.1 Hj. Ahmad Mat Som Pergau

#### Nama dan kelahiran

Nama penuh beliau ialah Hj. Ahmad bin Mat Som. Beliau dilahirkan pada tahun 1916 di Lubuk Bongor, Pergau dalam daerah Jeli, Kelantan.<sup>245</sup> Beliau lebih dikenali sebagai “Hj. Ahmad Mat Som Pergau”, “Tok Pergau” atau “Mat Pergau”. Perkataan “Pergau” merupakan gelaran sempena nama sebatang sungai di Dabong Jeli, Kelantan.<sup>246</sup>

#### Latar belakang keluarga

Hj. Ahmad Mat Som Pergau adalah berketurunan ulama, ahli seni dan peniaga. Ini kerana datuk dan moyang beliau adalah daripada golongan peniaga dan ahli tarannum. Bapa beliau bernama Ma<sup>asom</sup> bin Abdul Rahman merupakan seorang guru agama, guru al-Quran dan seorang petani. Manakala ibu beliau pula bernama Kalsom seorang suri rumah.<sup>247</sup>

Beliau merupakan anak yang ketiga daripada empat adik beradik iaitu anak yang pertama bernama Ismail, kedua Daud, ketiga beliau sendiri Ahmad dan yang keempat Saimah.<sup>248</sup>

Beliau mempunyai 3 orang isteri dan 14 orang anak. Hasil perkongsian hidup dengan isterinya Zaharah beliau dikurniakan tiga orang anak iaitu Zakaria, Zainab dan Razak. Daripada isterinya yang bernama Puan Salmah binti Abdullah mereka

---

<sup>245</sup> Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51 tahun 1429/2008M, 24 Jun 2008M-26 Jun 2008, profile.

<sup>246</sup> *Ibid.*

<sup>247</sup> Wan Fakhru Razi bin Wan Mohamad, *Haji Ahmad Bin Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan*, Tesis Sarjana Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur, 2008, 18.

<sup>248</sup> *Ibid.*, 19.

memperolehi lapan orang anak iaitu Laila, Badi'ah, Munirah, Syafik, Mahfuzah, Sariyah, Nizar dan yang bongsu bernama Nawal. Kemudian dengan isterinya yang bernama Puan Zahariah binti Sulong pula dikurnikan tiga orang anak iaitu Thuraya, Badri dan Fahmi.<sup>249</sup>

### **Pendidikan**

Beliau mendapat pendidikan secara tidak formal daripada ayahnya dalam masa yang sama beliau belajar di Pondok Lebai Deraman Pasir Mas Kelantan. Di Pondok itulah beliau peringkat awal mempelajari tarannum al-Quran. Antara guru tempatan yang beliau menimba ilmu ialah Hj. Yusof bin Hj. Bulat yang lebih dikenali sebagai Hj. Yusof Kedondong merupakan seorang qari istana yang hebat suatu ketika dahulu. Beliau telah belajar sebahagian lagu-lagu bacaan al-Quran terutama lagu *Hijāzī*.<sup>250</sup> Selepas itu, beliau merantau ke luar negara menuntut ilmu iaitu ke Mekah lebih kurang 5 tahun dan ke mesir lebih kurang 15 tahun. Semasa di Mekah beliau telah berguru dengan beberapa orang antaranya ialah Shaykh Aḥmad Ḥijāzī al-Faqīh al-Makkī, Shaykh Abdul Samad Fidal dan Shaykh Muḥammad Abdul Samad al-Jambi. Manakala semasa di Mesir beliau berguru dengan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, Shaykh Ṭohā al-Fasynī, Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣārī dan Syaykh Abdul Fattah al-Qadhī.<sup>251</sup>

### **Keistimewaan**

Beliau merupakan satu-satunya qari negara Malaysia yang mempelajari al-Quran dalam tempoh yang lama lebih kurang dua puluh tahun daripada ulama al-Quran

---

<sup>249</sup> *Ibid.*, 20,21 dan 22.

<sup>250</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Johan Qari Dan Qariah Malaysia*, cet. 1 (Kuala Lumpur: JAKIM, 2007), 8.

<sup>251</sup> *Ibid.*, 9.

yang terkenal mengikut kaedah talaqi dan *musyafahah* dan mempunyai sanad. Beliau juga mempunyai suara yang merdu dan gaya bacaan yang cukup sempurna setanding dengan bacaan muqri arab mesir yang muktabar. Seinggakan beliau berjaya maraih johan qari pertandingan membaca al-Quran peringkat kebangsaan kali ke-2 pada tahun 1380H/1961M. Dengan kejayaan tersebut, beliau dipilih memasuki pertandingan pertandingan membaca al-Quran peringkat antarabangsa buat kali pertama dan mendapat johan dengan markah 99%.<sup>252</sup>

### **Murid-murid beliau**

Antara murid-murid yang masyhur ialah:<sup>253</sup>

1. Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail
2. Hj. Hasan Hj. Musa
3. Hj. Abdul Rahim Ahmad
4. Hj. Muhammad Yusof
5. Hj. Daud Che Man
6. Hjh. Faridah Mat Saman
7. Hjh. Rogayah Sulong

### **Pujian kepada beliau**

Kelunakan alunan suara beliau tidak dinafikan. Seinggakan beliau dapat pengiktirafan dan pengakuan oleh Shaykh Maḥmūd Khalīl Ḥuṣarī bahawa beliau mendengar dan mengagumi bacaan beliau kerana kefasihan dan keindahan bacaan beliau dengan *berlahjah* arab.<sup>254</sup>

---

<sup>252</sup> Wan Fakhru Razi bin Wan Mohamad, *Haji Ahmad Bin Mat Som Pergau*, 35.

<sup>253</sup> *Ibid.*, 10.

<sup>254</sup> *Ibid.*

Dikalangan anak Muridnya beliau di anggap “Bapa Qari Kelantan” bahkan seluruh Malaysia.<sup>255</sup>

### **Sumbangan beliau**

Beliau telah memberi sumbangan yang besar masyarakat dan negara. Sumbangan yang tidak dapat dinilai dengan harta benda ialah curahan ilmu kepada murid-muridnya. Sepanjang hidupnya beliau memberi khidmat bakti menjadi guru al-Quran sepenuh masa di seluruh daerah Kelantan, Terengganu dan termasuk juga luar negara iaitu di negara Thailand, Brunei dan Singapura.<sup>256</sup>

Selain itu, beliau juga memberi sumbangan dengan menjadi Hakim Majlis Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa di Malaysia dan luar negara.<sup>257</sup>

### **Anugerah kepada beliau**

Sebagai menghargai sumbangan dan khidmat bakti beliau, kerajaan Kelantan telah memberi beberapa anugerah. Kerajaan Terengganu pula telah mengurniakan sebidang tanah untuk tapak rumah kepada keluarga beliau walau pun setelah beliau meninggal dunia sebagai mengenag jasa-jasa beliau.<sup>258</sup>

### **Kematian beliau**

Beliau meninggal dunia pada bulan November 1987 dalam usia 71 tahun. Jenazahnya dikebumikan di tanah perkuburan Kampung Banggol Air Leleh, Batu 6, Tok Jiring, Terengganu.<sup>259</sup>

---

<sup>255</sup> *Ibid.*, 9.

<sup>256</sup> *Ibid.*

<sup>257</sup> *Ibid.*

<sup>258</sup> *Ibid.*, 12.

<sup>259</sup> *Ibid.*

### 1.7.2 Tan Sri Dato“Hj Hassan Hj.Azhari

#### Nama Dan Kelahiran

Beliau ialah Tan Sri Dato“ Hj. Hassan bin Hj. Azhari.<sup>260</sup> Dilahirkan pada 18 ogos 1928 di sebuah kampung yang dikenali dengan Syuib „Amir di Mekah al-Mukarramah.<sup>261</sup>

#### Latar belakang Keluarga

Tan Sri Dato“ Hj. Hassan Azhari merupakan keturunan alim ulama“. Ayah beliau bernama Hj. Azhari bin Hj. Abdul Khaliq adalah seorang tokoh agama terkenal di negeri Selangor. Dilahirkan pada tahun 1880 di kampung Arang-Arang Pantai Membaram, Sungai Gatal Barabai Banjarmasin, Kalimantan Borneo, Indonesia. Datuk beliau pula bernama Hj. Abdul Khaliq bin Hj. Abdul Rauf juga merupakan seorang tokoh ulama“ di Banjarmasin Indonesia.<sup>262</sup>

Ibu beliau bernama Hjh. Fatmah binti Hj. Abdul Hakim. Hj. Abdul Hakim seorang yang berketurunan Padang, Sumatera Indonesia dan juga merupakan seorang tokoh ulama“ yang belajar lama di tanah suci Makkah al-Mukarramah. Isteri beliau bernama Hjh. Zainab, Seorang yang berkacukan arab al-Ashnani dan Padang Indonesia.<sup>263</sup>

Hasil perkahwinan ayah dan ibu beliau, mereka telah dikurniakan tujuh orang anak. Semuanya dilahirkan di tanah suci Makkah. Lima orang daripada adik beradik beliau meninggal dunia di sana sewaktu kecil. Dua orang meninggal dunia

---

<sup>260</sup> Tan Sri Dato“ Hj. Hassan Azhari dalam temubual dengan penulis, 24 November 2008 di rumah beliau Keramat Hujung, Dato“Keramat Kuala lumpur.

<sup>261</sup> *Ibid*

<sup>262</sup> *Ibid.*

<sup>263</sup> Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, *Biografi Dato“Haji Hassan Azhari*, cet. 1 (Kuala Lumpur : Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2007), 9.

disebabkan keguguran dan tiga orang meninggal sewaktu umur dalam lingkungan dua atau tiga tahun. Dua orang lagi ialah Hj. Abdul Hakim dan Tan Sri Dato<sup>264</sup> Hj. Hassan Azhari. Beliau adalah merupakan anak yang bongsu.

Beliau mempunyai 22 orang anak hasil perkongsian hidup dari tiga orang isteri. Dengan isteri pertama yang bernama Puan Sri Hj. Sahara bt. Abdul Samad beliau dikurniakan 13 orang anak. Isteri kedua iaitu Hj. Maimunah dikurniakan anak seramai lapan orang. Kemudian isteri ketiga Hj. Khadijah dikurniakan seorang anak sahaja.<sup>265</sup>

### **Pendidikan**

Beliau dibesarkan dalam persekitaran keluarga dan masyarakat yang berilmu dan beragama. Beliau mempelajari al-Quran sejak kecil di Mekah. Di peringkat rendah, mempelajari secara formal di Madrasah Dar al-Ulum, Mekah. Antara guru beliau di sini ialah Shaykh Yasin al-Fadani dan di Masjidil Haram, gurunya ialah Shaykh Ismail Tamim (salah seorang imam masjid di Mekah).<sup>266</sup>

Ketika berusia lapan tahun, beliau berhijrah ke Malaya (Malaysia) bersama abangnya, Abdul Hakim dengan menaiki kapal laut selama beberapa bulan. Di Malaya, beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Marta al-Ulum al-Diniyah di Kuala Langat, Selangor seterusnya ke Sekolah Arab al-Hayat al-Mardiyyah di Kampung Jawa, Selangor. Beliau menyambung pelajaran ke Sekolah

---

<sup>264</sup> *Ibid.*, 435 dan 436.

<sup>265</sup> Lihat <http://www.alquran.gov.my/tilawah/sejarah>.

<sup>266</sup> *Ibid*

al-Junaid, Singapura selama dua tahun untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Antara gurunya ialah Sayyid Abu Bakar al-Saqqaf dan Sheikh Abdullah al-Faqih.<sup>267</sup>

Kemudian, beliau menyambung pengajian ke Maahad al-Ulum (kini Sekolah Agama Menengah Hishamuddin, Kelang) dan memperoleh sijil Rabi' Thanawi. Bagi mendalami pengajian al-Quran, beliau kembali ke Mekah dan menyambung pengajian dengan Shaykh Ismail Tamim.<sup>268</sup>

Beliau kemudiannya mempelajari bidang tarannum dengan beberapa ulama terkenal antaranya Syed Maḥmūd Lutfī Āmir. Guru-guru al-Quran yang lain ialah Shaykh Maḥmūd al-Bukhārī (riwayat Ḥafṣ), Shaykh Muḥammad Abdul Ṣamad, Shaykh Dr. Aḥmad Nu,,āina,, dan Syed Maḥmūd Amin Ṭanṭāwī (riwayat Warsy Imam Nāfi').<sup>269</sup>

Dengan bekalan ilmu yang mantap, pada tahun 1947 beliau telah menyertai Pertandingan Tilawah al-Quran Malaya yang di anjurkan oleh UMNO dan beliau telah mendapat tempat pertama.

### **Murid-murid beliau**

Antara murid-murid beliau yang berjaya dalam Majlis Tilawah, iaitu:

1. Dato' Muhammad b. Hasri
2. Hjh. Pasihah @ Fasihah bt. Hj. Hashim

---

<sup>267</sup> *Ibid*

<sup>268</sup> *Ibid*

<sup>269</sup> *Ibid*

### **Karya dan *Makhṭūṭāt*<sup>270</sup> Beliau**

Dalam kesibukan beliau menggalas tanggungjawab mendidik anak-anak bangsa mendalami ilmu-ilmu al-Quran, beliau sempat menghasilkan beberapa tulisan sebagaimana berikut:

1. Beliau telah menulis sebuah risalah bertajuk “*Muqaddimah Ilmu Tajwid*” yang diterbitkan oleh persatuan Qurra’ Malaysia pada tahun 2001.
2. Terdapat beberapa karya yang turut dihasilkan akan tetapi masih dalam bentuk *makhṭūṭāt* yang bertajuk:
  - i. Fasahah dalam Pembacaan al-Quran.
  - ii. Siri Khas Mengenai Hukum Tajwid Amali dan Syaratnya-Bacaan al-Fatihah
  - iii. Perbezaan Nasyid Tradisi dan Nasyid Modern.

### **Sumbangan Beliau**

1. Sebagai Hakim Majlis Tilawah Al-Quran
  - a. Hakim Majlis Tilawah al-Quran Anjuran Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula pada tahun 1961 hingga sekarang
  - b. Hakim Majlis Tilawah al-Quran Hafazan (JAKIM)
  - c. Hakim Majlis Tilawah al-Quran Anjuran Badan-Badan Kerajaan Dan Swasta
2. Menubuhkan Persatuan *Qurra*”Malaysia
3. Tenaga Pengajar Halaqah-Halaqah
4. Penceramah Di Masjid-Masjid Dan Surau-Surau
5. Pembentang Kertas Kerja Dalam Kursus Dan Seminar
6. Pembimbing Qari Dan Qariah
7. Tenaga Pengajar Di Media Massa radio 1960 hingga 2000

---

<sup>270</sup> *Makhṭūṭāt* ialah kitab atau nas yang ditulis dengan tangan yang belum dicetak.

#### 8. Ahli Lembaga Tahsin Al-Quran

Beliau telah dilantik sebagai salah seorang Ahli Lembaga Tahsin al-Quran Kementerian Dalam Negeri dari tahun 1985 hingga 2004.<sup>271</sup>

#### Penganugerahan

Beliau telah diiktiraf oleh pelbagai pihak. Antara penganugerahan yang diterima oleh beliau.<sup>272</sup>

Jadual 1: Penganugerahan Tan Sri Dato<sup>''</sup> Hj Hassan Hj.Azhari

| NO. | ANUGERAH                                                                                                       | TAHUN |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| 1.  | Dianugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana (Pengajaran al-Quran) Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Insaniah Ke-11 | 2009  |
| 2.  | Panglima Setia Mahkota (P.S.M) yang membawa gelaran Tan Sri oleh Yang Dipertuan Agong                          | 2009  |
| 3.  | Tokoh Ma,,al Hijrah Kebangsaan pada tahun 1423H                                                                | 2002  |
| 4.  | Anugerah Kehormat Dalam Pendidikan Dan Dakwah Kolej Darul Ehsan Selangor                                       | 1999  |
| 5.  | Anugerah Khas Malam Seri Angkasa RTM                                                                           | 1997  |
| 6.  | Anugerah Tokoh Ma,,al Hijrah Negeri Selangor                                                                   | 1991  |
| 7.  | Anugerah Tokoh Ma,,al Hijrah Wilayah Persekutuan                                                               | 1990  |
| 8.  | Anugerah Tokoh Guru Agama Negeri Selangor                                                                      | 1989  |
| 9.  | Johan Setia Mahkota Kerajaan Persekutuan (J.S.M)                                                               | 1989  |
| 10. | Darjah Dato <sup>''</sup> Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Selangor (D.S.S.A)                                 | 1986  |
| 11. | Kesatria Mangku Negara Kerajaan Persekutuan (K.M.N)                                                            | 1981  |
| 12. | Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M)                                                                             | 1978  |
| 13. | Pingat Jasa Kebaktian Selangor (P.J.K)                                                                         | 1964  |

---

<sup>271</sup> *Ibid*

<sup>272</sup> Khalid Isa & Dr. Muhammad Lukman Ibrahim, *Tan Sri Dato<sup>''</sup> Hj. Hassan Azhari: Sumbangannya Dalam Pengajian al-Quran di Malaysia*, Jurnal KIAS bil. X/Vol 10 November 2015, 63.

## **Kematian Beliau**

Beliau meninggal dunia pada 6 Oktober 2018 di Hospital Kuala Lumpur disebabkan penyakit kanser limfoma tahap empat pada usia 90 tahun. Jenazah beliau dikebumikan di Makam Diraja Shah Alam pada 7 Oktober atas titah Sultan Selangor, Sultan Sharafudin Idris Shah.<sup>273</sup>

### **1.7.3 Datuk Hj. Nik Jaafar Hj. Nik Ismail**

#### **Nama Dan Kelahiran**

Nama penuh beliau ialah Nik Jaafar bin Nik Ismail bin Nik Harun. Beliau dilahirkan pada hari Jumaat 7 Mei tahun 1936 di kampung Kerasak dalam jajahan Pasir Mas, Kelantan.<sup>274</sup>

#### **Latar Belakang Keluarga**

Ayah beliau bernama Nik Harun bin Nik Wan Ahmad bin Tengku Mahmud merupakan seorang guru besar di sekolah Melayu Rakyat Kampung Kerasak Pasir Mas Kelantan. Manakala ibu beliau pula bernama Hajjah Aminah binti Haji Nohammad Yusof Kedondong.<sup>275</sup>

---

<sup>273</sup> Laman sesawang *Wekipidea Ensiklopedia bebas*, dicapai 9 Oktober 2018, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Hassan\\_Azhari](https://ms.wikipedia.org/wiki/Hassan_Azhari). lihat juga Hasbi Sidek, "Ustaz Hassan Azhari meninggal dunia", Laman sesawang My Metro online dicapai 6 Oktober 2018 <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/10/383975/ustaz-hassan-azhari-meninggal-dunia>.

<sup>274</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, viii.

<sup>275</sup> Ahmad Nuruddin bin Mat Yunoh, *Seni Lagu al-Quran: Kajian Terhadap Sumbangan Haji Nik Ja'far Nik Ismail*, Tesis sarjana Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, (2008), 63 dan 64.

Beliau merupakan anak kedua daripada tiga orang adik beradik. Abangnya Nik Yaakub merupakan guru bahasa inggeris dan adik bungsunya Nik Amran adalah bekas kakitangan kerajaan negeri kelantan.<sup>276</sup>

Beliau mempunyai dua orang isteri. Isteri pertama Puan hajjah Rafi'ah binti Shaykh Ali.<sup>277</sup> Hasil daripada perkahwinan tersebut, beliau dikurniakan sembilan orang anak iaitu Nik Hasnah, Nik rohana, Nik ainun, Nik azizan, Nik Sufian dan yang bongsu Nik Raihan. Manakala isteri kedua beliau bernama Hajjah Che Hasmah binti Haji Che Ahmad. Beliau telah berkahwin pada tahun 2003 Selepas kematian Puan Hajjah Rafi'ah pada tahun 2002.<sup>278</sup>

### **Pendidikan Beliau**

Pendidikan beliau boleh dibahagikan dua iaitu pendidikan tidak formal dan secara formal. Pendidikan awal beliau secara tidak formal dengan ayahandanya sendiri Nik Ismail bin Nik Harun.<sup>279</sup>

Pendidikan beliau secara formal pula, beliau memperolehi pendidikan awal di sekolah agama rakyat Madrasah al-Diniyyah Kampung Kedondong jajahan Pasir Mas, Kelantan. Kemudian melanjutkan pengajian di sekolah pondok Madrasah Muhammadiyah Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1961. Maka, bermula disitulah beliau mendalami ilmu tarannum al-Quran dengan datuknya Hj. Muhammad Yusof Kedondong. Di antara perkara-perkara penting yang beliau belajar ialah tajwid, jenis-jenis tarannum, *tahsīn al-ṣawt* dan lain-lain. Dengan minat yang mendalam kepada

---

<sup>276</sup> *Ibid.*, 66.

<sup>277</sup> Shaykh „Ali merupakan seorang Ulama dan pendakwah yang berasal dari negea Arab. Beliau berkacukan Arab mekah dan iran. Beliau meninggal dunia di Salor Pasir mas Kelantan.

<sup>278</sup> Ahmad Nuruddin bin Mat Yunoh, *Seni Lagu al-Quran*, 66 dan 67.

<sup>279</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, viii.

ilmu tarannum, dalam masa yang sama beliau berguru juga dengan Haji Musa bin Mahmud dalam bidang suara, penyusunan burdah, teknik persembahan dan lain-lain. Kemudian beliau juga menuntut ilmu tarannum dengan Hj. Ahmad Mat Som Pergau.

<sup>280</sup>Kemudian beliau juga berguru juga dengan Mak Su Minah kampung Kerasak.<sup>281</sup>

### **Pekerjaan**

Beliau peringkat awalnya berkhidmat sebagai seorang imam masjid di mukim Kedondong antara tahun 1960-1975.<sup>282</sup> Dalam masa yang sama berkhidmat sebagai guru agama kerajaan negeri Kelantan selama 10 tahun. Kemudian berkhidmat sebagai guru agama Kementerian Pendidikan selama 20 tahun bermula tahun 1962-1992.<sup>283</sup>

### **Guru-Guru Beliau**

Semenjak kecil beliau menuntut ilmu dengan guru-guru sehinggalah beliau menjadi seorang guru pakar yang masyhur di Malaysia dalam bidang tarannum al-Quran. Antara guru-guru beliau ialah.<sup>284</sup>

1. Hj. Yusof Kedondong<sup>285</sup>
2. Hj. Encik Musa bin Mahmud<sup>286</sup>
3. Hj. Ahmad bin Mat Som Pergau<sup>287</sup>

---

<sup>280</sup> *Ibid*

<sup>281</sup> Hj. Mohammad Hj. Yusoff, *Latihan Ilmiah*, 149.

<sup>282</sup> Ahmad Nuruddin bin Mat Yunoh, *Seni Lagu al-Quran*, 77.

<sup>283</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, ix.

<sup>284</sup> Ahmad Nuruddin bin Mat Yunoh, *Seni Lagu al-Quran*, 73 dan 74

<sup>285</sup> Beliau dilahirkan sekitar pada tahun 1819 di kampung Kedondong Pasir mas Kelantan. Meninggal dunia pada tahun 1967. Beliau merupakan salah seorang qari istana. Haji Mohammad Haji Yusoff, *latihan Ilmiah*, 84-87.

<sup>286</sup> Beliau dilahirkan pada tahun 1914 di Pasir Mas Kelantan. Beliau juga seorang qari yang hebat dan sering dijemput memperdengarkan bacaan al-quran di seluruh negeri Kelantan dan negeri inegeri di Malaysi malah luar Negara seperti Thailand. Lihat Haji Mohammad Haji Yusoff, *latihan Ilmiah*, 87.

## Murid-Murid Beliau

Beliau mempunyai anak murid yang begitu ramai dan yang telah berjaya menjadi johan tilawah al-Quran peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Bukan sahaja di pelosok tanah air malah di luar negara seperti Singapura, Brunei, Thailand dan sebagainya. Antara murid beliau yang masyhur, ialah:<sup>288</sup>

1. Hj. Mokhtar bin Hj. Ahmad<sup>289</sup>
2. Hj. Nordin bin Idris<sup>290</sup>
3. Hj. Muhammad bin Hj. Yusof<sup>291</sup>
4. Hj. Abdul Rahim bin Hj. Ahmad<sup>292</sup>
5. Hj. Yahaya bin Daud<sup>293</sup>
6. Hj. Mohammad Husin bin Yunus<sup>294</sup>

---

<sup>287</sup> Haji Ahmad bin Mat Som. Beliau dilahirkan pada tahun 1916 di Lubuk Bongor, Pergau dalam daerah Jeli, Kelantan. Beliau meninggal dunia pada bulan November 1987 dalam usia 71 tahun. Beliau berjaya meraih johan qari pertandingan membaca al-Quran peringkat kebangsaan kali ke-2 pada tahun 1380H/1961M. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51*.

<sup>288</sup> *Ibid.*, 75 dan 76. Lihat juga Hj. Mohammad Hj. Yusoff, *Latihan Ilmiah*, 151.

<sup>289</sup> Johan Tilawah peringkat Negeri pada tahun 1963, 1970, 1973 dan 1974 dan johan Kebangsaan pada tahun 1970 dan 1973. Kemudian johan Antarabangsa pada tahun 1967.

<sup>290</sup> Beliau dilahirkan di Pondok Kubang Bemban Pasir Mas Kelantan pada 11 November 1951. Beliau mendapat johan Tilawah peringkat Negeri pada tahun 1984 dan johan Kebangsaan pada tahun 1984 dan 1985. Kemudian johan Antarabangsa pada tahun 1995. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51*.

<sup>291</sup> Johan Tilawah peringkat Negeri pada tahun 1986-1991 dan johan Kebangsaan pada tahun 1989 dan 1991. Kemudian johan Antarabangsa pada tahun 1991. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51*.

<sup>292</sup> Beliau dilahirkan pada 14 November 1931 di kampung Tempoyak Bekelam Bachok Kelantan. Mendapat johan dalam Majlis tilawah al-quran peringkat kebangsaan pada tahun 1976 dan tempat ketiga peringkat antarabangsa. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51*.

<sup>293</sup> Beliau dilahirkan pada 24 Februari 1957 di Kampung Tok Burung Bachok Kelantan. Beliau telah mendapat johan Tilawah al-Quran peringkat negeri pada tahun 1983 dan 1994. Kemudian mendapat johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1985. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51*.

<sup>294</sup> Beliau dilahirkan pada 27 Disember 1963 di Kampung Gertak 3, Gual Periuk Pasir Mas Kelantan. Beliau telah mendapat johan Tilawah al-Quran peringkat negeri dan kebangsaan pada tahun 1996 dan 1997. Kemudian mendapat johan peringkat antarabangsa pada tahun 1997. Lihat Jabatan Hal-

7. Hjh. Faridah binti Mat Saman<sup>295</sup>
8. Hjh. Sapinah binti Mamat<sup>296</sup>
9. Munirah binti Kasim<sup>297</sup>

### Karya-Karya Beliau

Pada pemerhatian penulis, beliau merupakan orang yang pertama bergelar guru tarannum al-Quran yang dapat menghasilkan buku-buku untuk rujukan masyarakat, iaitu:

1. Qawā'id al-Tarannum<sup>298</sup>
2. Qawā'id Qabl al-Tilāwah<sup>299</sup>
3. Ikhtilaf al-Riwayatain Hafṣ dan Syu'bah<sup>300</sup>
4. Panduan *Tartīl* al-Quran 1<sup>301</sup>
5. Panduan *Tartīl* al-Quran 2<sup>302</sup>

---

Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51*.

<sup>295</sup> Beliau dilahirkan pada 29 Oktober 1948 di Kampung Lubuk Kawah Temerloh Pahang. Beliau mendapat johan peringkat antarabangsa pada tahun 1960. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51*.

<sup>296</sup> Dilahirkan di Kampung Teluk Jering Tumpat Kelantan pada 28 Disember pada tahun 1951. Beliau mendapat johan peringkat Kebangsaan sebanyak 3 kali iaitu pada tahun 1980, 1981 dan 1987. Dan peringkat antarabangsa sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1981 dan 1987. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51*.

<sup>297</sup> Johan Tilawah peringkat Negeri dan Kebangsaan pada tahun 1990. Lihat Jabatan Hal- Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), *Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan kali ke-51*.

<sup>298</sup> Buku ini membincangkan tentang kurikulum tahsin al-Sawt, al-Tajwid, tarannum dan *tartīl*. Buku ini terdapat 177 halaman. Lihat Hj. Nik Ja'afar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*.

<sup>299</sup> Buku ini membincangkan berkenaan dengan rahsia Rasm Uthmani, rahsia Dabt dan Rahsia waqf wa ibtida'. Mengandungi 240 halaman. Lihat Hj. Nik Ja'afar bin Nik Ismail, *Qawā'id Qabl al-Tilāwah*, cet. 2 (Kuala Lumpur: Dar al-Fikir, 2008).

<sup>300</sup> Buku ini membincangkan tentang perbezaan Khilaf dua riwayat antara Riwayat Ḥafṣ dan Riwayat Syu'bah sanada dari susut Uṣūl atau farsy huruf. Buku ini mengandungi 135 halaman. Lihat Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Ikhtilaf al-Riwayatain Ḥafṣ dan Shu'bah*, cet. 1 (Kuala Lumpur: Dar al-Fikir, 2012).

<sup>301</sup> Buku ini membincangkan berkenaan kaedah latihan-latihan dalam hukum tajwid dalam bentuk mengajar, belajar, mentelaah dan latihan bersendirian. Buku ini mengandungi 117 halaman. Lihat Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Panduan Tartil al-Quran*, cet. 6 (Kuala Lumpur: Dar al-Fikir, 2011).

6. Panduan *Tartil* al-Quran 3<sup>303</sup>
7. Asas *Tahsin Tilawah* al-Quran 1<sup>304</sup>
8. Asas *Tahsin Tilawah* al-Quran 2<sup>305</sup>
9. Asas *Tahsin Tilawah* al-Quran 3<sup>306</sup>

### Sumbangan Beliau

Selain daripada penulisan, beliau juga banyak menyumbang jasa kepada masyarakat dan negara khususnya Malaysia, iaitu:<sup>307</sup>

1. Sebagai Hakim Tilawah al-Quran

Beliau bermula berkecimpung dalam bidang penghakiman ini pada tahun 1965 iaitu peringkat daerah dan peringkat negeri pada tahun 1960. Kemudian peringkat kebangsaan bermula tahun 1983 hingga kini dan peringkat antarabangsa pada tahun 1989 sehingga kini.

2. Sebagai tenaga pengajar di halaqah-halaqah tarannum

<sup>302</sup> Buku ini membincangkan berkenaan kaedah latihan-latihan dalam hukum tajwid bermula surah al-Nas hingga surah al-A,Ja. Buku ini mengandungi 171 halaman. Lihat Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Panduan Tartil al-Quran*, cet. 1 (Kuala Lumpur: Dar al-Fikir, 2001).

<sup>303</sup> Buku ini membincangkan berkenaan kaedah latihan-latihan dalam hukum tajwid dan penghayatan bermula surah al-Tariq hingga al-Naba". Buku ini mengandungi 150 halaman. Lihat Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Panduan Tartil al-Quran*, cet. 3 (Kuala Lumpur: Dar al-Fikir, 2012).

<sup>304</sup> Buku ini membincangkan mengenai hukum-hukum tajwid, ayat al-Quran beserta latihan bermula surah al-Baqarah ayat 1 hingga 169. Buku ini mengandungi 73 halaman. Lihat Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, Hj. Wan bakar bin Hj. Wan Dagang, *Asas Tahsin Tilawah al-Quran*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., t.t).

<sup>305</sup> Buku ini membincangkan mengenai hukum-hukum tajwid, ayat al-Quran beserta latihan bermula surah al-Baqarah ayat 186 hingga 286. Buku ini mengandungi 33 halaman. Lihat Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, Hj. Wan bakar bin Hj. Wan Dagang, *Asas Tahsin Tilawah al-Quran*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., t.t).

<sup>306</sup> Buku ini membincangkan mengenai hukum-hukum tajwid, ayat al-Quran beserta latihan bermula surah Ali-,Imran ayat 1 hingga 200. Buku ini mengandungi 77 halaman. Lihat Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, Hj. Wan bakar bin Hj. Wan Dagang, *Asas Tahsin Tilawah al-Quran*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., t.t).

<sup>307</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, ix dan x. Lihat juga Ahmad Nuruddin bin Mat Yunoh, *Seni Lagu al-Quran*, 83-110.

Beliau mula mengajar halaqah tarannum semenjak tahun 1970 sehingga kini. Kelas pengajian tersebut dijalankan di rumahnya, masjid-masjid jajahan di kelantan dan negeri-negeri di Malaysia. Kelas pengajian ini biasanya akan bermula selepas isyak dan berakhir selewat-lewatnya pukul 3 pagi.

3. Sebagai Pembentang kertas kerja

Beliau bukan sahaja sebagai tenaga pengajar malahan juga sebagai pembentang kertas kerja seminar dan muzakarah tarannum al-Quran samada peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Beliau bermula pada tahun 1981.

4. Sebagai pelatih qari dan qariah

Pada tahun 1987 lagi beliau mula diberi tanggungjawab samada oleh kerajaan negeri atau kerajaan malaysia terutamanya jakim untuk melatih qari-qariah yang akan mewakili tilawah peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

5. Sebagai pelopor penulisan karya-karya tarannum al-Quran

Dengan anugerah Allah (S.W.T), beliau mempunyai kelebihan dapat menghasilkan karya-karya tarannum yang mantap dan menjadi rujukan kepada masyarakat dan golongan akademik. Penulisan yang masyhur suluruh pelosok tanah air ialah *Qawā'id Tarannum*.

6. Sebagai penggubal Kurikulum Bacaan al-Quran

Beliau juga memberi sumbangan dalam penggubalan kurikulum tarannum al-Quran. Kurikulum tersebut, beliau telah membahagikan kepada empat iaitu Kurikulum pertama *Tahsin al-Ṣawt*, Kurikulum kedua: *Al-Tajwīd*, Kurikulum ketiga: *Al-Tarannum*, Kurikulum keempat: *Al-Tartīl*. Hasil daripada penggubalan tersebut, masyarakat dan qari-qariah lebih memahami konsep tarannum al-Quran.

7. Sebagai penggubal kurikulum Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ)

Beliau juga telah diberi kepercayaan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia menjadi penggubal kurikulum Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) untuk sekolah menengah agama (SMKA). Maka hasilnya telah terbit buku panduan Kemahiran al-Quran tingkatan satu, dua, tiga, empat dan lima yang diterbitkan oleh bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral Jabatan Pendidikan Islam dan moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **Anugerah**

Segala sumbangan beliau di dalam pembangunan ilmu tarannum al-Quran tidak dapat disangkal lagi. Dengan sumbangan beliau amat dihargai oleh semua pihak. Beliau telah mendapat beberapa anugerah di atas pengorbanan dan jasa beliau, iaitu:<sup>308</sup>

1. Diberi kurnian pangkat Datuk Paduka oleh kerajaan Kelantan.
2. Anugerah Perdana Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 2018M/1440H disampaikan oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).<sup>309</sup>

Ketokohan beliau dalam bidang tarannum ini secara tidak langsungnya menonjolkan nama Malaysia di mata dunia dan sekali gus menjadi contoh ikutan kepada generasi yang akan datang.

---

<sup>308</sup> Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail (Pakar Tarannum Dan Hakim Tilawah Peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa), temubual penulis bersama di rumah beliau Kangkung Pasir Mas pada 22 Julai 2018.

<sup>309</sup> Fairul Asmaini Mohd Pilus dan Aishah Sukaimi, *Nik Jaafar Terima Anugerah Perdana Maulidur Rasul*, Berita Harian online, dicapai Selasa 20 November 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/500068/nik-jaafar-terima-anugerah-perdana-maulidur-rasul>

## 1.8 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan yang dibincangkan menerusi bab ini, maka beberapa kesimpulan dapat diambil iaitu penggunaan istilah tarannum al-Quran yang disebut oleh masyarakat umum sebenarnya disandarkan kepada hadis nabi s.a.w seperti yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqī dan „Abd al-Razzāq. Kebanyakan ulama hadith menyatakan status hadis tersebut adalah sahih. Begitu juga dari sudut pengamalan tarannum al-Quran merupakan sunnah nabi (s.a.w). Hal ini juga telah terbukti dengan beberapa hadis-hadis sahih sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Muslim.

Kemudian, perbincangan mengenai hukum tarannum al-Quran, boleh dikalsifikasikan kepada dua golongan iaitu ulama yang mengharuskan dan melarang bertarannum. Perselisihan pendapat ulama tersebut adalah berlaku pada furu' sahaja bukannya usul. Di kalangan ulama yang sepakat mengatakan haram adalah bacaan yang mementingkan tarannum semata-mata tanpa menjaga atau mengikut kaedah-kaedah ilmu tajwid. Jika bacaan bertarannum menjaga hukum tajwid dan etika-etika yang telah ditetapkan oleh ulama, maka ia diharuskan.

Berdasarkan perbincangan tentang manhaj-manhaj tarannum di Malaysia, dapat disimpulkan bahawa Malaysia mempunyai manhaj-manhaj tarannum yang tersendiri. Secara umumnya tarannum al-Quran di Malaysia terbahagi kepada dua bahagian yang besar, iaitu tarannum Arab *Hijāzī* dan Arab *Miṣrī*. Akan tetapi yang masyhur di kalangan qari atau qariah dan menjadi amalan dalam pembacaan al-Quran adalah tarannum Arab *Miṣrī* seperti tarannum *bayyātī*, *ḥusaynī*, *ṣabā*, *ḥijāz*, *nahāwand*, *sīkāh*, *rast* dan *jihārkāh*. Selain itu, dalam ilmu tarannum terdapat istilah-

istilah dan kaedah-kaedah suara yang khusus. Perkara tersebut merupakan ada hubungan rapat dengan ilmu tarannum.

Tidak dinafikan bahawa di Malaysia terdapat ramai di kalangan qari dan qariah yang masyhur dan mereka telah banyak menyumbang jasa kepada negara Malaysia, antara mereka ialah Hj. Ahmad Mat Som Pergau, Tan Sri Dato" Hj. Hassan Azhari, Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail dan lain-lain.

University of Malaya

**BAB: 2**  
**PENGENALAN SHAYKH MUṢṬAFĀ ISMĀ'ĪL DAN**  
**BENTUK BACAAN TARANNUM BELIAU**

**2.1 PENDAHULUAN**

Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl merupakan seorang tokoh yang telah memberi sumbangan besar dalam dunia tilawah al-Quran. Sumbangan beliau bukan sahaja di tanah airnya Mesir, malah di seluruh pelosok dunia. Ketokohan beliau dalam bidang tarannum al-Quran telah menjadi *role model* terhadap umat Islam dunia dan mendapat sanjungan serta pengiktirafan dari pelbagai pihak. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa amat sukar untuk mencari ganti seorang tokoh seperti beliau yang begitu hebat dalam pembacaan tarannum al-Quran dipersada dunia.

Di dalam bab ini, penulis akan membincangkan mengenai latar belakang riwayat hidup Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl yang sebenar dan juga melihat berkaitan dengan bentuk bacaan beliau dari perspektif ilmu tarannum al-Quran.

Justifikasi penumpuan diberikan dalam bab ini kepada perkara tersebut, adalah bertujuan untuk menonjolkan dan memperkenalkan biodata Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl dan bacaan tarannum beliau. Ini disebabkan pengetahuan tentang perkara tersebut jarang sekali disebarkan kepada khalayak umum. Oleh yang demikian, hal ini amat penting dan akan dibahaskan dengan lebih terperinci.

## 2.2 RIWAYAT HIDUP SHAYKH MUŞTAFĀ ISMĀ'ĪL

### 2.2.1 Nama Dan Kelahiran

Nama penuh beliau ialah Muşţafā Muḥammad al-Mursī Ibrāhīm Ismā'īl. Masyhur dengan nama “Shaykh Muşţafā Ismā'īl”. Dilahirkan pada 17 Jun 1905 Masihi bersamaan 4 Rabi'ul Akhir 1323 Hijrah di sebuah perkampungan pertanian yang bernama “Mīt Ghazāl” Markaz al-Sanţah di Wilayah Barat, Ṭanţā, Mesir.<sup>310</sup> Jarak antara tempat kelahiran beliau dengan bandar Ṭanţā ialah 8 kilometer dan jarak Ṭanţā dengan ibu kota Kaherah pula adalah lebih kurang 300 kilometer.<sup>311</sup> Kawasan perkampungan beliau terkenal hingga sekarang dengan tempat *kuttab-kuttab ḥuffaẓ* al-Quran, belajar membaca, ilmu tajwid, ilmu *qirā'āt* dan *talaqqi* kitab-kitab. *Kuttab-kuttab* ini telah mengeluarkan lebih kurang 100 orang pelajar untuk menyambung ke peringkat *ibtidā'ī* di Universiti al-Azhar setiap tahun.<sup>312</sup>

### 2.2.2 Gelaran (*Laqab*)

Beliau digelar dengan beberapa gelaran, antaranya:<sup>313</sup>

1. *Imām al-Qurrā'*.
2. *Al-Qārī Awwal al-Miṣr*.
3. *Amīr al-Qurrā'*.
4. *Al-Qārī al-Malikī*.

---

<sup>310</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah fī al-Qarn al-Ishtirīn* (Kaherah: Dār al-Jumhūriyyah, 2001), 78.

<sup>311</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muşţafā Ismā'īl Hayātuh fī Zill al-Qur'ān* (Kaherah: Dār Hilāl, 1992), 51.

<sup>312</sup> *Ibid.*, 52.

<sup>313</sup> Ṭāriq Khalīl, *al-Qur'ān wa Masyāhir al-Qurrā'*, (Kaherah: Al-Iḥlās al-Sharqiyyah, 1994), 5 dan 24. Lihat juga „Abd al-Khalīq Khalīl dan Aḥmad Ḥāfiẓ, *Fann al-Tarbiyah al-Şawt* (Kaherah: Al-Anjlu al-Miṣriyyah, 1984), 174. Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah fī al-Qarn al-Ishtirīn*, 12 dan 148.

5. *Al-Qārī al-Awwal Fī al-„Aam.*
6. *„Undah al-Qurrā”.*
7. *Al-Qārī al-Azhar*
8. *Al-Qārī al-„Abqariyy*

### 2.2.3 Latar Belakang Keluarga

Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl mempunyai latar belakang berketurunan alim ulama. Beliau dilahirkan dalam sebuah keluarga yang sederhana tetapi sangat dihormati yang dikenali sebagai keluarga “Abū Ismā‘īl”. Ayah beliau bernama Muḥammad al-Mursī Ibrāhīm Ismā‘īl merupakan seorang petani manakala ibu beliau bernama Sittīṭah Ḥusnayn Ismā‘īl seorang suri rumah. Datuk beliau sebelah bapa ialah al-Mursī Ibrāhīm Ismā‘īl manakala datuk sebelah ibu dipanggil al-Sayyid Ismā‘īl. Kemudian nenek beliau pula bernama Asmah al-Sayyid Ismā‘īl.<sup>314</sup>

### 2.2.4 Adik-Beradik

Ayah dan Ibu beliau sangat menitikberatkan kepada anak-anak mereka tentang didikan agama terutama mewajibkan mempelajari al-Quran terhadap anak-anak agar mereka menjadi insan yang bertakwa dan berjaya kelak. Hasil perkongsian hidup mereka, Allah (S.W.T) telah mengurniakan 8 orang zuriat, tiga orang lelaki dan lima orang perempuan, iaitu:<sup>315</sup>

1. Anak Sulung: Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl
2. Kedua: Zakīyah
3. Ketiga: „Abd al-Salām
4. Keempat: Amīnah

<sup>314</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl*, 52 dan 53.

<sup>315</sup> *Ibid.*

5. Kelima: Muḥammad
6. Keenam: Faṭimah
7. Ketujuh: Sittu „Aylah
8. Bongsu: „Abd al-„Azīz

### 2.2.5 Sifat, Akhlak Dan Perwatakan Peribadi

Seorang hamba Allah (S.W.T) bergelar sebagai seorang Shaykh yang telah menjadikan al-Quran teman hidupnya, sudah pasti mempunyai perwatakan peribadi yang luhur. Begitu juga akhlak yang ada pada Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl iaitu berakhlak mulia, tawaduk, warak dan bertakwa. Sekalipun mempunyai keilmuan yang meluas dan mendalam tetapi dengan sifat tawaduknya, beliau disanjung dan dihormati.

Beliau telah menghabiskan masa hidupnya dengan membaca al-Quran. Hal ini terbukti apabila diceritakan oleh Kamāl al-Najmī tentang jumlah bacaan hafiah beliau semasa hayatnya mencakupi sebanyak 53096 jam. Yang sempat dirakam lebih kurang 300 jam sahaja.<sup>316</sup>

Beliau seorang yang istiqamah dalam memakai pakaian shaykh-shaykh Azhar iaitu berjubah lengkap dan berkopiah merah dan putih.<sup>317</sup>

Beliau juga terkenal dengan seorang yang ikhlas kerana Allah (S.W.T). Sifat ini telah diterapkan sejak beliau kecil lagi oleh datuk dan ayahnya. Sebagai contoh, Jika beliau diundang untuk memperdengarkan bacaan al-Quran, maka beliau terus bersetuju dan tidak ambil kisah tentang bayaran upah atau tidak.<sup>318</sup> Bagi beliau,

---

<sup>316</sup> *Ibid.*

<sup>317</sup> *Ibid.*

<sup>318</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl*, 70.

menyebarkan dan memartabatkan ilmu adalah perkara yang amat utama dan penting. Soal rezeki, Allah (S.W.T) akan memberinya tambahan lagi kepada mereka yang telah menjadikan al-Quran sebagai teman hidup.

#### 2.2.6 Perjalanan Pengajiannya

Firman Allah (S.W.T):

﴿وَمَا كَانُوا الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾ (١٢٢)

Al-Tawbah 10: 122

Terjemahan: Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang), oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka, mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah S.W.T ).

Shaykh al-Marāghī berkata, ayat ini diturunkan bagi melengkapkan hukum-hukum yang berkaitan dengan perjuangan mengenai pencarian ilmu dan mendalami ilmu agama. Ertinya, mempelajari ilmu agama secara mendalam itu merupakan suatu cara berjuang yang menggunakan hujjah dan menyampaikan beberapa bukti juga merupakan satu rukun yang terpenting dalam aspek menyeru kepada keimanan dan menegak sendi-sendi Islam. Ayat ini juga menunjukkan bahawa wajib ke atas

muslim memahami agama Allah (S.W.T) dan mengajarkan pula ilmu tersebut kepada orang lain.<sup>319</sup>

Begitulah yang berlaku kepada Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl dalam mencari ilmu sehingga beliau menjadi alim dalam bidang yang diceburinya. Beliau begitu bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu dengan shaykh-shaykh yang muktabar. Hasilnya beliau menjadi seorang qari yang unggul dan dikenali seluruh dunia hingga ke hari ini.

Semasa kecil, sudah pasti ibu bapa beliau menjadi madrasah dan guru pertama untuknya. Diajar dan didik dengan akhlak Islamiyah dan asas-asas ilmu Islam. Menurut datuk beliau, pada zaman kanak-kanak, Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl suka bermain hoki. Beliau disifatkan sebagai seorang kanak-kanak yang nakal dan suka duduk menyendiri di bawah pokok sambil membaca al-Quran dengan mengangkatkan suara yang kuat dan lantang. Bacaan beliau didengari oleh orang ramai yang berada disekeliling kemudian lantas mereka datang berkumpul untuk mendengar bacaannya.<sup>320</sup>

Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl menghafaz al-Quran semenjak kecil lagi iaitu ketika berusia 6 tahun di *Kuttab*<sup>321</sup> kampungnya.<sup>322</sup> Di mana bapa beliau telah menghantar ke *Kuttab* (Madrasah Tahfiz) Shaykh „Abd al-Raḥmān Abū al-„Aynayn dan berguru

---

<sup>319</sup> Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, (Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1946), 11: 48.

<sup>320</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl*, 53.

<sup>321</sup> Sekolah belajar asas agama terutama al-Quran.

<sup>322</sup> Ilyās bin Aḥmad Husayn bin Sulaymān al-Barmāwī, *Imtā', al-Fuḍalā' Bitarājim al-Qurrā' Fīmā Ba'd al-Qarn al-Thāmin al-Ḥijrī*, (al-Madīnah al-Munawwarah: Dār al-Nadwah al-„Alamiyyah, 2000), 2: 388.

dengannya. Di sana beliau belajar selama 2 tahun untuk mempelajari al-Quran, menulis dan sempat menghafaz satu perempat juzuk al-Quran.<sup>323</sup>

Kemudian ketika berusia 8 tahun, beliau menyambung pula pengajiannya di *Kuttab* Shaykh „Abdullāh Shaḥātah yang berhampiran dengan rumah keluarga beliau. Di situlah beliau dapat menyempurnakan hafazan al-Quran secara keseluruhannya 30 juzuk dan dapat membaca al-Quran dengan baik serta mahir dalam penulisan dan pembacaan pada umur 10 tahun.<sup>324</sup>

Pada saat itu, Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl mula menghafal ilmu-ilmu yang telah dipelajari sebelum ini dan mengulang hafalan al-Quran dan sering membaca al-Quran di rumahnya setiap hari. Pada suatu hari, Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl membaca al-Quran di rumahnya, maka didengari oleh datuk dan ayahnya. Mereka cukup kagum dengan bacaan beliau dan mereka berhasrat untuk menghantar Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl belajar lebih mantap dan secara mendalam lagi tentang ilmu-ilmu al-Quran dari segi tarannum dan ilmu tajwid.<sup>325</sup> Rentetan itu, ayah beliau pergi berunding dan minta nasihat daripada kawan lamanya iaitu al-Shaykh „Abd al-Raḥmān Abū al-„Aynayn. Maka al-Shaykh „Abd al-Raḥmān Abū al-„Aynayn berkata kepada bapanya: *“Wahai Shaykh Muhammad! Sesungguhnya aku telah dengar suara anak kamu dan aku lihat bahawa dia ada harapan cerah dalam pembacaan al-Quran”*.<sup>326</sup> Melalui perbincangan dan pandangan daripada al-Shaykh „Abd al-Raḥmān Abū al-„Aynayn, maka ayah beliau menghantar pula berguru dengan dua orang shaykh yang terkenal iaitu Shaykh Muḥammad Abū Ḥasyīsh dan Shaykh Idrīs

---

<sup>323</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl*, 59.

<sup>324</sup> *Ibid.*

<sup>325</sup> *Ibid.*

<sup>326</sup> *Ibid.*

Fākhir. Kedua-dua mereka ulama yang alim dan sangat disegani dalam ilmu tajwid dan *qirā'āt* di kampungnya.<sup>327</sup> Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl telah bertalaqi secara khusus ilmu *qirā'āt* tujuh sehingga *mutqin* bersama Shaykh Muḥammad Abū Hasyīsh dan belajar ilmu tajwid dengan Shaykh Idrīs Fākhir.<sup>328</sup> Shaykh Idrīs Fākhir bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyemak dan *mentasmi*” bacaan beliau. Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl telah menyempurnakan ulangan hafalan bersama Shaykh Idrīs Fākhir sebanyak 30 kali khatam al-Quran.<sup>329</sup> Ini dapat dibuktikan lagi bahawa beliau telah menceritakan, “*Sesungguhnya Shaykh Idrīs Fākhir telah mentasmi” bacaanku dengan dua juzuk-dua juzuk. Ketika bacaanku tersalah, maka dia menyuruhku untuk mengulangnya dari awalnya, dia berkata: Wahai budak!!!...mulakan semula dari awal bacaan*”.<sup>330</sup> Menurut „Abd al-Ḥāfiẓ Sa„ad, Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl pernah berkata: “*Aku telah belajar bersama Shaykh Idrīs Fākhir al-Quran dari segi tajwid, mendengar bacaan dan mengulang hafazan hampir 50 kali khatam.*”<sup>331</sup>

Ketika berusia 15 tahun, sampai masanya beliau keluar dari kampungnya bermusafir mencari ilmu untuk menyambung pengajian pula di Maḥad al-Dīnī Ṭanṭā.<sup>332</sup> Sebelum menyambung ke Maḥad tersebut, datuk beliau menyuruh menghafaz dahulu *matan-matan* yang berkaitan dengan al-Quran sehingga ingat dan

---

<sup>327</sup> *Ibid*, 60.

<sup>328</sup> „Abd al-Khalīq Khalīl dan Aḥmad Ḥāfiẓ, *Fann al-Tarbiyah al-Ṣawt*, 173.

<sup>329</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl*, 67.

<sup>330</sup> *Ibid*.

<sup>331</sup> Dr. Nabīl Ḥanafī, *Nujūm al-„Aṣr al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah* (Kaherah: t.p, t.t), 154.

<sup>332</sup> *Ibid.*, 75.

mahir.<sup>333</sup> Di sana beliau telah mempelajari ilmu-ilmu syariah, bahasa Arab dan ilmu-ilmu yang lain sehingga beliau berjaya memperolehi ijazah.<sup>334</sup>

Satu kisah di mana Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl telah menemani datuknya untuk pergi ke Ṭanṭā. Di sana beliau menziarahi Masjid Zawiyah „Aṭif. Apabila tiba waktu solat, beliau telah diberi peluang untuk melaungkan azan dan membaca sedikit ayat al-Quran. Pada ketika itu orang ramai mulai kagum dan sangat terkesan dengan bacaan beliau. Ada di antara mereka yaag telah mencadangkan supaya beliau menyambung pengajian di Maʿhad Aḥmadī Ṭanṭā untuk memantapkan lagi bacaannya. Kemudian, dengan saranan di kalangan mereka itu, maka beliau menyambung pengajiannya pula di Maḥad Aḥmadī Ṭanṭā.<sup>335</sup> Di sana, beliau telah belajar ilmu-ilmu *qirāʿāt*, Feqah, Tafsir dan bertalaqi membaca al-Quran bertarannum. Beliau telah berjaya memperolehi segulung ijazah dari Universiti al-Azhar.<sup>336</sup> Ketika itu beliau berumur 16 tahun. Namun, semasa beliau berada di intitusi-institusi tersebut, hubungan beliau masih lagi berguru bersama dengan Shaykh Idrīs Fākhir dan Shaykh Muḥammad Abū Hasyīsh sehingga beliau sampai ke tahap *mutqin* dalam hafalan dan menguasai tajwid dan ilmu *qirāʿāt* tujuh dan sepuluh.<sup>337</sup>

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl juga sempat berguru dengan Shaykh Muṣṭafā Murawwaj. Shaykh Muṣṭafā Murawwaj telah mengajar beliau tentang ilmu berkaitan

---

<sup>333</sup> Dr. Maḥmūd Ḥamdī Zaqqūf, *Salsilah al-Mawsūʿat al-Islāmiyyah al-Mutakhassasah (3) Mawsūʿah Aḥlam al-Fikr al-Islāmī*, 1064.

<sup>334</sup> Lihat al-Haluji dan Hasan, *Shaykh al-Qurrāʾ Muṣṭafā Ismāʿīl* dalam *Malaf Tilawah al-Qurʾān* (Oktober 2005), 58.

<sup>335</sup> *Ibid.*

<sup>336</sup> Ilyās bin Aḥmad Ḥusayn bin Sulaymān al-Barmāwī, *Imtāʾ al-Fuḍalāʾ*, 377.

<sup>337</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl*, 81.

bacaan al-Quran khususnya ilmu tarannum. Shaykh Muṣṭafā Murawwaj amat teruja dan kagum apabila mendengar suara Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl yang amat merdu. Setiap kali hendak memulakan pengajian, gurunya ingin mendengar bacaanya terlebih dahulu. Gaya bacaan yang dibawa oleh Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl dan suaranya yang unik menjadikan bacaannya berlainan dengan bacaan qari-qari lain ketika itu. Shaykh Muṣṭafā Murawwaj pernah berkata kepada Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl: *“Wahai anakku!! Sesungguhnya ilmu itu adalah al-Quran dan kamu mempunyai suara yang cantik dan menarik, maka hiasilah dengan al-Quran”*.<sup>338</sup> Shaykh Mustafa Murawwaj selalu memberi galakan dan sokongan kepada beliau supaya pergi ke program-program *ḥaflah* untuk mempersembahkan bacaan al-Quran. Maka, bermula disitulah karier beliau sebagai seorang qari dengan memenuhi undangan ke majlis-majlis dan jemputan *ḥaflah-ḥaflah*.<sup>339</sup>

### 2.2.7 Perkahwinan

Pada tahun 1927, Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl telah memenuhi undangan majlis *ma'tam*<sup>340</sup> sempena kematian Sad Zaghlul, tokoh revolusi Mesir 1919 masihi yang diadakan di Dumyat. Dalam satu majlis, beliau telah bertemu dan berkenalan dengan seorang gadis bernama Faṭimah iaitu anak perempuan kepada Shaykh Muḥammad „Umar. Kemudian, pada tahun 1928, beliau pergi ke Dumyat sekali lagi untuk meminang gadis tersebut. Beliau telah ditunangkan oleh abang gadis tersebut selepas ayahnya Shaykh Muḥammad „Umar telah meninggal dunia. Akhirnya beliau dikahwinkan dengan Faṭimah dan ketika itu beliau berumur 23 tahun.<sup>341</sup> Hasil

---

<sup>338</sup> *Ibid.*, 69.

<sup>339</sup> *Ibid.*

<sup>340</sup> Bacaan al-Quran selepas pengkebumian jenazah.

<sup>341</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abḥiqirah al-Tilāwah*, 78.

pekongsian hidup mereka dikurniakan enam orang cahaya mata, tiga lelaki dan tiga perempuan. Anak-anak lelaki belajar di Eropah manakala anak-anak perempuan belajar di Kuliyah Amerika Ṭanṭā. Sekarang ini mereka semuanya telah berjaya dalam hidup masing-masing.<sup>342</sup> Mengikut tertib anak-anak beliau ialah:<sup>343</sup>

1. Pertama (anak sulung): Ustaz Muḥammad „Āṭif, seorang ahli usahawan yang tinggal di Almanian (Jerman) sejak 1953 hingga kini.
2. Kedua: Ustaz Maḥmūd Samīr, seorang pegawai di Syarikat Kapal Terbang Mesir Tayran.
3. Ketiga: Ustaz Aḥmad Waḥīd, seorang pengerusi di bahagian Perkhidmatan dan Kawalan Televisyen Mesir.
4. Keempat: Puan Anjī, telah berkahwin dengan Ustaz Mutawallī Ḥusnī merupakan seorang Ketua Hal Ehwal Pentadbiran Sektor Penerbangan Mesir.
5. Kelima: Puan Sāmiyah, Telah berkahwin dengan Dr. Ḥasan Fakhrī „Umar seorang pakar doktor gigi.
6. Keenam: Puan Mājidah, telah berkahwin dengan Ustaz Muṣṭafā al-Qubbānī seorang pengurus besar Pengangkutan dan Pengagihan Petroleum.

#### **2.2.8 Perjalanan Beliau Dalam Dunia Tilawah Al-Quran**

Dalam dunia tilawah, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl banyak mengharungi mehnah dan tribulasi. Penglibatan beliau secara rasmi sebagai seorang qari bermula seawal tahun 1920-an iaitu ketika berumur 16 tahun lagi. Pada hakikat sebanarnya, kemasyhuran beliau bergelar seorang qari dan menjadi qari yang hebat di Mesir adalah disebabkan anugerah Allah (S.W.T) kurniakan kepadanya dan kesungguhan beliau sendiri dalam menimba ilmu. Nama Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl menjadi sebutan di kalangan

---

<sup>342</sup> *Ibid.*, 79.

<sup>343</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl*, 152 dan 153.

masyarakat Mesir apabila beliau membaca al-Quran di majlis *ma'tam*, *ḥaflah-ḥafalah*,<sup>344</sup> di *masjid-masjid*<sup>345</sup> dan sebagainya.

Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl banyak dibantu oleh tiga orang qari yang ulung ketika itu iaitu Shaykh Muḥammad Rifa'at, Shaykh Muḥammad Ṣayfī dan Shaykh Muḥammad Salamah. Mereka inilah yang banyak memperkenalkan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl kepada orang ramai. Bermulanya titik tolak perjalanan beliau sebagai seorang qari, apabila beliau telah diundang ke suatu majlis *ma'tam* seorang peminat tegar iaitu Ḥusayn al-Qasbī untuk memperdengarkan bacaan al-Quran, dalam masa yang sama beliau bertemu dengan Shaykh Muḥammad Rifa'at. Majlis tersebut telah dihadiri oleh shaykh-shaykh dan pembesar-pembesar Ṭanṭā. Selepas selesai bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, Shaykh Muḥammad Rifa'at bersalaman dan berkucupan sambil menasihati supaya beliau meneruskan mencari ilmu dengan guru-guru yang hebat seperti guru yang berada di Maḥad al-Aḥmadī. Shaykh Rifa'at berpendapat bahawa anak muda ini mempunyai masa hadapan yang cerah.<sup>346</sup>

Sekitar pada tahun 1930-an, Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl diundang ke majlis *ma'tam* salah seorang peminatnya. Beliau menceritakan kisah tersebut berlaku di mana qari utama yang mulakan bacaan al-Quran ialah Shaykh Muḥammad Salamah. Ramai pendengar yang menjadi peminat Shaykh Muḥammad Salamah dan mereka akan beredar meninggalkan majlis sejurus selepas tamatnya bacaan Shaykh Muḥammad Salamah. Sudah menjadi kebiasaan, qari yang membaca al-Quran selepas Shaykh Muḥammad Salamah, pendengarnya hanya tinggal kerusi sahaja. Malam pertama, bacaan al-Quran dimulai pada jam 8 malam oleh Shaykh

---

<sup>344</sup> Majlis-majlis keraian seperti sambutan hari kebesaran Islam.

<sup>345</sup> Kebiasaannya di Mesir, qari memperdengarkan bacaan al-Quran di masjid sebelum solat Jumaat.

<sup>346</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah*, 76.

Muhammad Salamah dan bacaanya berakhir pada pertengahan malam. Sejurus selesai bacaannya, tanpa berlengah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl memulakan bacaan di waktu sudah ramai pendengar berlalu meninggalkan majlis. Apabila mereka mendengar suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl ada yang kembali ke tempat duduk dan ada yang berdiri. Semakin tinggi suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mengalunkan ayat al-Quran semakin ramai yang datang dan mula memenuhi tempat duduk. Akhirnya ramai yang datang dan semua tempat duduk dipenuhi. Alunan suaranya yang unik dan kemantapannya membaca al-Quran mampu mengekalkan pendengar berada di tempat duduk sehingga ke jam 4.00 pagi.<sup>347</sup> Shaykh Darwish al-Harīrī seorang ahli seni yang terkenal turut hadir dalam majlis tersebut dan beliau merasa amat teruja dan terpesona dengan kehebatan *uslūb-uslūb* bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Apabila selesai beliau membaca al-Quran, Lalu Shaykh Darwish al-Harīrī bertanya kepada beliau: *“Siapakah yang mengajar kamu semua maqām-maqām tarannum ini? Maka Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl menjawab: Sesungguhnya semua maqām aku mendengar melalui kedua telinga dan aku pelajari sepanjang hidupku, kemudian aku mengolah dengan caraku dalam bacaannku”*. Lalu Shaykh Darwish al-Harīrī pun berkata: *“Sesungguhnya fitrah kesucian kamu lebih kuat dan hebat, ini merupakan anugerah daripada Allah (S.W.T) diberikan kepada kamu”*.<sup>348</sup>

Seterusnya, pada tahun 1940-an, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl berhijrah ke Kaherah. Di sana beliau berjumpa dengan Shaykh Muḥammad Ṣayfī yang merupakan ketua persatuan *qurrā* Mesir. Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl berhasrat untuk menyertai persatuan tersebut. Ketika dalam satu perjumpaan *qurrā*, beliau diberi kesempatan untuk

<sup>347</sup> Khairul Anuar Mohamad, *Legenda Tarannum al-Quran Mesir*, laman sesawang Utusan Online, dicapai 21/09/2011, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0921&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_02.htm#ixzz3CQBhtV7B](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0921&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm#ixzz3CQBhtV7B)

<sup>348</sup> Shukrī al-Qāḍī, *„Abūqirah al-Tilāwah*, 76.

memperdengarkan bacaan. Ternyata Shaykh Muḥammad Ṣayfī kagum dengan bacaannya dan terus beliau menerima sebagai ahli persatuan *qurrā'* serta memilih beliau sebagai salah seorang qari yang mempersembahkan bacaan al-Quran di majlis *iḥtifāl* mengingati kelahiran Nabi Muhammad (s.a.w) di Masjid Ḥusayn.<sup>349</sup> Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl menceritakan: *“Semasa aku memperdengarkan bacaan, ramai manusia telah memenuhi tempat duduk diruang solat sehingga tidak ada ruang. Semasa persembahanku, mereka bertakbir dan bertahlil kerana kagum dengan bacaanku. Apabila selesai bacaanku, kemudian aku turun dari pentas dan berjalan laluan penuh sesak dengan orang ramai”*. Pada malam tersebut, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl telah membaca surah al-Taḥrīm selama 30 minit dan bacaannya telah disiarkan secara langsung buat pertama kalinya melalui radio Mesir.<sup>350</sup> Melalui siaran ini, maka tersebarlah suaranya keseluruh pelosok Mesir bahkan juga negara-negara Islam lain. Dikatakan bahawa zaman kegemilangan beliau telah bermula pada ketika itu dan di sebabkan kesan daripada beliau disiarkan melalui radio, maka beliau semakin masyhur. Maka salah seorang Pegawai Khas di Raja Mesir Murad Muḥsin telah mendengar bacaanya, lalu beliau mempelawa kepada Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl untuk menyertai persembahan bacaan pada malam memperingati tahun ke-7 pemergian Raja Fuʿād yang akan diadakan pada 28 April 1943. Secara tidak langsungnya beliau menerima undangan tersebut. Pada malam tersebut, beliau telah mempersembahkan bacaan al-Quran di hadapan Raja Farūq dan pembesar-pembesar Mesir. Namun, mereka begitu kagum dengan bacaan beliau dan tidak menyangka

---

<sup>349</sup> *Ibid.*, 77.

<sup>350</sup> Dr. Maḥmūd Ḥamdy Zaqqūf, *Salsilah al-Mawsūʿat al-Islāmiyyah al-Mutakhassasah* (3), 1065.

bahawa Allah (S.W.T) telah menggantikan kepada mereka qari yang hebat setelah Shaykh Muḥammad Rifāʿat uzur dan sudah tua.<sup>351</sup>

Kemudian daripada tahun 1943 hingga tahun 1952, Shaykh Muṣṭafā menjadi qari rasmi di Radio Quran Mesir. Namanya melonjak naik dan menjadi sebutan penduduk Mesir. Beliau pernah bersama Shaykh Abū al-Aynayn yang turut diundang setiap tahun pada bulan Ramadan membaca al-Quran 30 malam berturut-turut di hadapan Raja Farūq di Istana Iskandariyah dan para menteri. Bacaannya disiarkan secara langsung melalui Radio al-Quran Mesir. Setelah itu, secara tidak langsung beliau di gelar sebagai Qari di Raja.<sup>352</sup>

Pada tahun 1947, beliau telah terpilih dilantik sebagai qari rasmi bagi Masjid al-Azhar, Kaherah. Namun perlantikan beliau telah dipertikaikan oleh qari-qari terkenal yang lebih senior. Dengan campurtangan dan pertolongan Shaykh „Abd Fattāḥ Qāḍī yang merupakan seorang yang alim dalam bidang *qirāʿāt* dan Shaykh „Alī al-Ḍabbā, merupakan Shaykh al-Maqārī al-Miṣr, maka segala pertikaian itu dapat diselesaikan dengan baik.<sup>353</sup>

Kemudian pada tahun 1948, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl telah dipilih sebagai qari rasmi di Radio al-Quran Mesir. Pemilihan beliau ini telah dianggotai oleh Shaykh „Alī al-Ḍabbā dan Shaykh „Abd Fattāḥ Syi, „sya, ʿī. Pada asalnya perlantikan ini pada tahun 1943 lagi. Kelewatan pengisytiharan perlantikan ini adalah disebabkan oleh perselisihan pendirian yang berlaku di antara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dengan pihak pengurusan Radio Mesir mengenai kaedah rakaman, di antaranya ialah:

---

<sup>351</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah*, 77 dan 78.

<sup>352</sup> *Ibid.*

<sup>353</sup> *Ibid.*

1. Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl hendak merakamkan bacaan selama 1 jam dan bukannya 30 minit.
2. Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mahukan rakaman dijalankan secara siaran langsung di luar bukannya di dalam studio.

Syarat-syarat itu tidak diterima oleh pihak pengurusan radio mesir. Namun, selepas campur tangan beberapa pihak, akhirnya beliau membatalkan syarat-syarat tersebut dan bersetuju membuat rakaman.<sup>354</sup>

### 2.2.9 Keistimewaan Dan Kelebihan

Allah (S.W.T) mengurniakan kepada Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dengan pelbagai keistimewaan dan kelebihan yang jarang dimiliki oleh manusia lain. Tidak dinafikan bahawa keistimewaan ini disebabkan beliau seorang yang alim dan banyak ilmu terutama pula dalam ilmu al-Quran. Sepertimana firman Allah (S.W.T):

﴿يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۚ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ﴾

Al-Mujādilah 57:11

Terjemahan: Allah (S.W.T) meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat, dan (ingatlah), Allah (S.W.T) Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.

Imam al-Qurṭubī *menaqalkan* daripada pendapat Ibn Masʿūd, bahawa beliau berkata: “Allah (S.W.T) memuji para ulama dalam ayat ini dan makna Allah (S.W.T) mengangkat golongan yang berilmu atas yang beriman yang dikurniakan ilmu

<sup>354</sup> Ibid.

dengan beberapa darjat pada agama mereka apabila mereka melakukan apa-apa yang diperintahkan.<sup>355</sup>

Firman Allah (S.W.T) juga:

﴿إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ﴾

Fāṭir 35: 28

Terjemahan: Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah (S.W.T) dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah (S.W.T) Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.

Ibn Kathīr berkata: “Sesungguhnya yang takut kepada Allah (S.W.T) dengan sebenar-benar takut ialah para ulama yang arif denganNya, kerana maha,rifah kepada yang maha Agung lagi perkasa lebih sempurna dan berilmu dengannya lebih lengkap, sudah pasti ketakutan baginya lebih besar dan banyak.”<sup>356</sup>

Keistimewaan atau kelebihan yang ingin penulis tonjolkan di sini adalah untuk memperlihatkan betapa hebatnya kurniaan Allah (S.W.T) berikan kepada Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Di antara kelebihan-kelebihan yang amat menonjol pada diri beliau, iaitu:

1. Bacaan al-Quran beliau boleh menyebabkan orang yang mendengar menjadi terkesan, khusyuk, menangis, insaf dan bertaubat. Sepertimana satu kisah yang diceritakan oleh Ṭarīq Khalīl seorang pengarang kitab *al-Qurʿān Wa Masyāhir*

<sup>355</sup> Abū ʿAbd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *Al-Jāmiʿ, Li Ahkām Al-Qurʿān*, 28: 246.

<sup>356</sup> Imām Ḥafīẓ ʿImad al-Dīn Abī al-Fidāʾ Ismāʿīl bin Kathīr al-Dimasyqī, *Tafsīr al-Qurʿān al-ʿAẓīm*, 11: 320.

*al-Qurrā*” bahawa Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl tidak boleh lupa kisah yang berlaku bersama Maharaja India:

*“Suatu hari Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl pulang dari Maghribi kemudian singgah di Paris dan memperdengarkan bacaan al-Quran di sebuah Masjid. Selepas selesai bacaan, beliau ingin keluar daripada masjid tersebut, tiba-tiba ada seorang menghalang laluannya dengan sujud sembah ke kakinya dan cium lutut dan tangannya. Lalu Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl bertanya: Siapa kamu? Kemudian dia mengangkat kepalanya dan berkata bahawa dia adalah Maharaja India dan terus menyatakan bahawa dia telah banyak membuat maksiat dan dosa. Kemudian dia berkata: Semasa aku mendengar bacaan kamu tadi menyebabkan aku rasa insaf dan ingin bertaubat terhadap dosa-dosaku. Kemudian dia terus menangis. Lalu Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl pun pegang tangannya dan angkat dia berdiri, lalu Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl berkata kepadanya: Siapa yang bertaubat maka Allah (S.W.T) akan menerima taubatnya, lalu dibaca ayat:*

﴿إِلَّا مَنْ تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ عَمَلًا صَالِحًا فَأُولَٰئِكَ يُدْخِلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ  
وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا﴾

Al-Furqān 25: 70

Terjemahan: Kecuali orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal yang baik, maka orang-orang itu, Allah (S.W.T) akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan dan adalah Allah (S.W.T) Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

*Kemudian Maharaja India pun terus menyapu air matanya dan berkata kepada beliau: Bolehkah kamu berjanji denganku bahawa Allah (S.W.T) benar-benar*

dapat mengampunkan dosa-dosaku? Jawab Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl: Jika taubat itu sungguh-sungguh sudah pasti Allah (S.W.T) akan menerimanya. Kemudian maharaja India terus menangis sambil berkata: Kamu mesti berjanji denganku bahawa Allah (S.W.T) akan mengampunkan dosa-dosaku. Namun Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl melihat bahawa dia benar-benar mahu bertaubat, lalu beliau berkata: Aku berjanji untuk kamu.”<sup>357</sup>

2. Beliau Mempunyai gaya atau *uslūb* bacaan yang unik agak berlainan dengan shaykh-shaykh qari yang lain.<sup>358</sup>
3. Beliau mempunyai ingatan dan hafazan yang kuat. Buktinyanya apabila beliau membaca al-Quran tidak melihat mushaf.

#### 2.2.10 Guru-Gurunya

Sudah menjadi lumrah, ulama yang masyhur mempunyai ramai guru-guru yang berkaliber, berwibawa dan *mutqin* terhadap sesuatu ilmu. Begitulah juga berlaku kepada Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mempunyai ramai guru yang mengajar beliau sehinggakan beliau menjadi alim dan bergelar sebagai ulama *qurrāʾ*”.

Semenjak kanak-kanak lagi Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl merupakan seorang yang rajin menuntut ilmu terutama ilmu berkaitan dengan al-Quran. Kesungguhan dan usaha beliau dalam mencari ilmu dan telah terbukti sekarang ini beliau seorang Shaykh yang hebat dalam bidang tarannum al-Quran.

Penulis cuba menonjolkan kronologi berkenaan dengan guru-guru Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang pernah beliau beriltizam dengan mereka. Berikut bidang-bidang pengajian beliau dan guru-gurunya:

---

<sup>357</sup> Ṭariq Khalīl, *al-Qurʾān Wa Masyāhir al-Qurrāʾ*, 30.

<sup>358</sup> Maḥmūd al-Sa,dānī, *Al-Ḥan al-Samāʾ*”(Kaherah: Jumhūriyah Miṣr al-,Arabiyyah, 1996), 132.

1. Peringkat mula-mula beliau mempelajari asas-asas agama dan al-Quran dengan ayah beliau sendiri Shaykh Muḥammad al-Mursī Ibrāhīm Ismā'īl.
2. Mengenali membaca al-Quran dengan datuk beliau Shaykh al-Mursī Ibrāhīm Ismā'īl.
3. Beliau mula-mula menghafaz al-Quran dengan Shaykh „Abd al-Rahman Abū al-„Aynayn.
4. Beliau dapat menghafaz 30 juzuk al-Quran dengan Shaykh „Abdullāh Syaḥātah.
5. Beliau telah bertalaqi secara khusus ilmu qirā'āt tujuh dan sepuluh sehingga *mutqin* dengan Shaykh Muḥammad Abū Hasyīsh.
6. Beliau bertalaqi menghafaz al-Quran, belajar ilmu tajwid dan qirā'āt sehingga *mutqin* dengan Shaykh Idrīs Fākhir.
7. Beliau belajar ilmu berkaitan bacaan al-Quran dan khususnya ilmu tarannum al-Quran dengan Shaykh Muṣṭafā Murawwaj.

Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl juga mempunyai guru-guru yang terlibat secara tidak langsung yang memberi tunjuk ajar, nasihat dan pandangan kepada beliau dalam dunia tilawah khususnya tarannum al-Quran. Di antara mereka ialah.<sup>359</sup>

1. Shaykh „Alī Muḥammad al-Ḍabbā'".<sup>360</sup>
2. Shaykh Muḥammad Rifa'at.<sup>361</sup>

<sup>359</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah*, 78.

<sup>360</sup> Shaykh „Alī Muḥammad al-Ḍabbā'" merupakan seorang yang alim besar dalam bidang ilmu tajwid, *qirā'āt*, *Rasm Uthmānī* dan lain-lain. Dengan keilmuan itu, beliau dilantik sebagai Shaykh *Maqārī*" Mesir. Nama penuh beliau ialah „Alī bin Muḥammad bin Ḥassan bin Ibrāhīm bin „Abd Allāh, diberi gelaran sebagai „al-Ḍabbā'". Dilahirkan pada 10 November tahun 1886 di Hayy al-Qal'ah, Kaherah Mesir. Beliau merupakan salah seorang ulama yang terkenal dalam bidang al-Quran yang banyak mengarang kitab. Kitab karangan beliau berjumlah 70 buah. Semasa hidupnya, beliau pernah menyandang jawatan sebagai tenaga pengajar di Universiti al-Azhar peringkat sarjana muda dan tinggi, Ahli Jawatankuasa Majlis tertinggi Hal Ehwal Islam Mesir dan Shaykh *Qurrā*" di Masjid al-Sayyidah Zainab Kaherah, Mesir. Beliau meninggal dunia pada tahun 1961. Lihat „Abd al-Fattah al-Sayyid „Ajami al-Marsafiy, *Hidāyah al-Qārī Ilā Tajwīd Kalām al-Bārī*, (cet. 2, Madinah al-Munawwarah: Taybah, t.t), 680.

3. Shaykh Muḥammad Ṣayfī.<sup>362</sup>
4. Shaykh Muḥammad Salamah.<sup>363</sup>
5. Shaykh „Abd Fattāḥ Sha„sha„ī.<sup>364</sup>

### 2.2.11 Anak-Anak Murid

Oleh kerana Shaykh Muṣṭafā Ismā„īl merupakan seorang ulama *qurrā* “yang masyhur dalam bidang tarannum melebihi 50 tahun, maka sudah pastilah beliau mempunyai murid-murid yang hebat pernah berguru dan bertalaqqī dengannya.

Di antara anak-anak murid beliau yang sangat masyhur terkenal di seluruh dunia, iaitu:

#### 1. Shaykh Fathī al-Malījī.

Nama penuh beliau ialah Fathī Ḥasan Muḥammad Ḥasan al-Malījī. Beliau masyhur dengan nama “Shaykh Fathī al-Malījī”. Dilahirkan pada 5 September 1943 di kampung al-Ḥabsh Markaz al-Ibrahimiyyah Wilayah Timur Mesir. Beliau merupakan salah seorang anak murid Shaykh Muṣṭafā Ismā„īl yang paling akrab dan gaya, *uslub* alunan, suara, irama tarannum yang tidak ubah sepertinya.<sup>365</sup>

<sup>361</sup> Beliau merupakan shaykh yang amat masyhur yang diiktiraf sebagai qari pertama dan terbaik pada zamannya. Beliau memiliki suara yang merdu sehinggakan digelar sebagai suara emas, suara malaikat, suara daripada syurga, mizmār al-Dāwūd, suara langit dan irama ketuhanan. Nama penuh beliau ialah al-Shaykh Muḥammad Rifā„at Maḥmūd Rifā„at. Dilahirkan pada bulan Mei tahun 1882 di al-Darbī al-Aḥmar, Kaherah. Meninggal dunia pada hari Selasa 9 Mei 1950. Lihat Maḥmūd al-Tawfīq al-Khawli, *Qithārah al-Samā“al-Syaykh Muḥammad Rifā„at* (cet. 3, Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, 2011), 9 dan 126.

<sup>362</sup> Beliau juga merupakan seorang qari yang masyhur yang digelar sebagai Khadam al-Quran. Nama penuh beliau ialah Muḥammad Muḥammad al-Ṣayfī. Dilahirkan pada tahun 1885 di sebuah kampung al-Barada“ah Markaz Qalyubi Mesir dan meninggal dunia pada tahun 1955.

<sup>363</sup> Beliau ialah Muḥammad Salamah Salīm. Dilahirkan pada tahun 1899 di Kaherah Mesir dan meninggal dunia pada tahun 1982.

<sup>364</sup> Nama penuh beliau ialah Shaykh Maḥmūd „Abd al-Fatāḥ Karīr masyhur dengan nama “Shaykh „Abd al-Fattāḥ al-Sha„sha„ī”. Dilahirkan pada tahun 1890 dan meninggal dunia pada tahun 1962.

<sup>365</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah*, 196.

Semasa kecil, beliau menghafaz al-Quran dengan Shaykh Muḥammad Ḥasan Ḥimrān yang merupakan seorang guru di kampungnya. Kemudian beliau meneruskan pengajiannya pula dan dapat menyempurnakan hafalan al-Quran 30 juzuk dengan gurunya yang bernama Shaykh al-Bāshā pada umur 10 tahun. Seterusnya menyambung pengajian *ibtidā'ī* di Maḥad al-Azhari pada tahun 1954 dan menyambung pengajiannya pula di Maḥad al-Zaqāziq. Selepas itu beliau meneruskan pengajian pula di Maḥad al-Qirā'āt, Kaherah dan telah menamatkan pengajian pada tahun 1968.<sup>366</sup>

Pada zaman kanak-kanak, beliau sangat berminat dengan bacaan Shaykh Ḥabib al-Bāṣit dan berusaha untuk meniru gayanya.<sup>367</sup> Setelah beliau mendengar bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, maka beliau rasa tertarik dan terkesan dengan gaya tarannumnya yang unik. Lalu beliau bercita-cita untuk meniru gaya bacaanya. Bermula di situ beliau selalu pergi mendengar bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl di masjid al-Azhar pada hari Jumaat setiap minggu. Dengan minat beliau yang mendalam kepada bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, maka beliau berguru dengannya sehingga beliau menjadi qari yang masyhur dan beliau dianggap seorang qari yang menjadi pengganti kepada Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl.<sup>368</sup>

Beliau juga mengikuti langkah-langkah gurunya iaitu banyak mengembara ke pelosok dunia samada undangan sebagai hakim, memperdengarkan bacaan al-Quran. Di antara negara beliau lawati ialah England, London, Spanyol, Denmark, Sweden,

---

<sup>366</sup> *Ibid.*

<sup>367</sup> *Ibid.*, 197.

<sup>368</sup> *Ibid.*, 194.

Amerika Syarikat, New York, California Francis, Brazil, Argentina, Panama, Arab Saudi, UAE, Kuwait dan lain-lain.<sup>369</sup>

Beliau pernah datang ke Malaysia pada 24 Julai diamanahkan melatih kira-kira 10 johan qari dan qariah negara termasuk johan peringkat kebangsaan 2007, dalam masa yang sama menjadi hakim peringkat antarabangsa.<sup>370</sup>

Beliau juga sering muncul dalam program al-Quran di kaca televisyen dan radio Mesir dan kolumnis di al-Lina al-Islāmī, Mesir. Selain daripada qari jemputan dan hakim tilawah, beliau juga mengerah tenaga dan keringat menyumbangkan dalam dunia tilawah berbentuk rakaman tilawah *mujawwad*.<sup>371</sup>

## **2. Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayna,,**

Nama penuh beliau ialah Aḥmad Aḥmad Nu,ayna,, Lahir pada 15 Mac tahun 1954 di Markaz Maṭūbis Kafar al-Shaykh, Mesir. Beliau digelar sebagai Shaykh “Ṭabīb” kerana beliau adalah seorang doktor kanak-kanak yang memiliki ijazah dan master dalam bidang ini. Beliau merupakan salah seorang anak murid Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl yang begitu masyhur dalam tilawah al-Quran sekarang ini di Mesir bahkan di seluruh dunia.<sup>372</sup>

Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayna” menghafal al-Quran dengan gurunya Aḥmad al-Shawā dan belajar ilmu tajwid dengan Shaykh Amīn Hilāl di *kuttab* kampungnya. Melalui kedua-dua mereka ini, beliau banyak menimba ilmu dan sangat terkesan

---

<sup>369</sup> *Ibid.*. 96 dan 97.

<sup>370</sup> Mohd. Radzi Mohd. Zin, *Membentuk Qari Gemilang*, laman sesawang Utusan Online, dicapai 20 Ogos 2007, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0820&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm#ixzz3jGgNSyVB](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0820&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm#ixzz3jGgNSyVB)

<sup>371</sup> *Ibid.*

<sup>372</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah*, 210.

dalam pengajian ilmu tarannum al-Quran terutama dari segi suara dan cara-cara tilawah. Beliau juga berguru dengan Shaykh Muḥammad Farīd Nu,ṁān dengan mempelajari tentang ilmu qirā'āt tujuh dan tafsir.<sup>373</sup>

Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayna berguru dengan Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl kerana beliau cukup kagum dengan bacaannya yang begitu hebat yang tidak ada pada qari-qari lain. Sehingga beliau begitu terpengaruh dengan gurunya dalam bacaan al-Quran terutama apabila beliau membaca surah al-Taḥrīm.<sup>374</sup>

Beliau juga telah mengikut jejak langkah seperti gurunya Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl yang sekarang ini telah menjadi qari di radio Mesir, qari di Masjid Ḥusayn, qari diraja dan beliau banyak menerima undangan untuk memperdengarkan bacaan al-Quran seluruh kota mesir bahkan di seluruh dunia. Di antaranya seperti Iran, India, Pakistan, Turkey dan lain-lain. Termasuk juga Malaysia pernah beliau kunjungi. Tidak dinafikan bahawa beliau juga banyak memberi sumbangan dalam dunia tilawah, seperti:<sup>375</sup>

1. Sebagai hakim tilawah al-Quran peringkat antarabangsa.
2. Sebagai qari jemputan majlis *ma'tam*, perasmian dan lain-lain.
3. Bacaan rakaman 30 juzuk bacaan tarannum *mujawwad* dan bacaan 30 juzuk bacaan *murattal*.<sup>376</sup>

---

<sup>373</sup> *Ibid.*, 208 dan 209.

<sup>374</sup> *Ibid.*

<sup>375</sup> *Ibid.*

<sup>376</sup> Saḥḥah al-Qārī Aḥmad Nu,ayna, "*Sawtiyāt*", Laman sesawang, dicapai 31 Ogos 2015, <https://audio.islamweb.net/audio/index.php?page=allsoura&qid=483>

### 3. Shaykh Rāghib Muṣṭafā Ghalwash

Shaykh Rāghib Muṣṭafā Ghalwash yang merupakan seorang qari yang masyhur yang digelar sebagai qari tentera. Kerana beliau salah seorang angkatan tentera Mesir.<sup>377</sup> Beliau merupakan salah seorang di antara anak murid Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang paling rapat dan sangat dihormati di kalangan qari-qari lain. Beliau dilahirkan di sebuah kampung yang bernama “Barma” Markaz al-Sanṭah di Wilayah Barat, Ṭanṭā, Mesir pada tahun 1937.<sup>378</sup>

Beliau menghafaz al-Quran sejak kecil lagi dan telah khatam hafalannya ketika berumur sembilan tahun di *kuttab* kampungnya dengan guru Shaykh „Abd al-Ghaniyy Sharqāwī. Kemudian beliau telah menyambung dan sempat menamatkan pengajiannya di Ma„had al-Qirāʿāt Masjid al-Aḥmadī Ṭanṭā.<sup>379</sup>

Dalam dunia tilawah, beliau banyak memberi sumbangan terhadap masyarakat terutama di tanah airnya Mesir. Di antara sumbangan beliau ialah memperdengarkan bacaan al-Quran di masjid-masjid seperti Masjid Ḥusayn Kaherah, Masjid Sayyid Ibrahim al-Dsūq dan sebagainya. Beliau juga diundang membaca al-Quran di radio Mesir, perasmian majlis, majlis *maʿtam* dan lain-lain. Beliau juga banyak mengembara di seluruh pelosok dunia untuk memperdengarkan bacaan al-Quran, antaranya negara pertama sekali yang dilawati ialah Libiyā, kemudian Kuwīt, Fancis, Landon, Amerika, Kanada, Brazil, Irān, negara arab Islam dan lain-lain.<sup>380</sup>

---

<sup>377</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah*, 180.

<sup>378</sup> *Ibid.*, 181.

<sup>379</sup> *Ibid.*

<sup>380</sup> *Ibid.*

Selain itu, beliau juga banyak memberi sumbangan dalam dunia tilawah dari sudut yang lain, seperti.<sup>381</sup>

1. Sebagai hakim tilawah al-Quran peringkat antarabangsa.
2. Bacaan rakaman bacaan tarannum *mujawwad* dan bacaan bacaan *murattal*.

### 2.2.12 Rakan-Rakan Seangkatan

Tidak dinafikan bahawa begitu ramai di kalangan *qurrā'* Mesir yang terkenal pada zaman kegemilangan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl. Namun, penulis cuba tonjolkan di sini biodata ringkas qari-qari masyhur yang tidak kurang hebatnya. Antara rakan-rakan seangkatan dengannya yang terkemuka ialah:

#### 1. Shaykh al-Maqārī' Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣārī

Beliau dikenali dengan seorang Shaykh yang mashur dalam bidang tajwid dan ketepatan dalam bacannya. Beliau dilahirkan pada tahun 1917 M bersamaan 1335 H di sebuah kampung yang bernama Shubrā al-Namlah Ṭanṭā, Mesir.<sup>382</sup>

Pada umur lapan tahun, beliau mula menghafal al-Quran dan pada umur 12 tahun dapat menghafaz 30 juzuk keseluruhan. Kemudian beliau menyambung pengajian di universiti al-Azhar dengan belajar *takhassus* dalam bidang qirā'āt sepuluh untuk memantapkan lagi dalam membaca al-Quran.<sup>383</sup>

Kemudian beliau berhijrah ke Kaherah dan dipilih salah seorang sebagai membaca al-Quran di radio Mesir, di mana beliau membuat bacaan pertama pada 16

---

<sup>381</sup> Ṣafḥah al-Qārī Raghīb Muṣṭafā Ghalwaysh, "*Sawṭiyāt*", Laman sesawang, dicapai 31 Ogos 2015, <https://audio.islamweb.net/audio/index.php?page=allsoura&qid=502>.

<sup>382</sup> Shaykh al-Maqārī' al-Miṣriyyah Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣārī, *Aḥkām Qirā'ah al-Qur'ān al-Karīm*, (cet. 7, Bayrūt: Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyyah, 2003), 9.

<sup>383</sup> *Ibid.*

Februari 1944. Pada tahun sama juga, beliau dilantik sebagai qari di Masjid Aḥmadī yang terkenal di sana.<sup>384</sup>

Sepuluh tahun kemudian, dilantik pula sebagai qari di Masjid Ḥusayn Keherah, Mesir iaitu bermula pada tahun 1955. Sepuluh tahun selepas itu pula iaitu pada tahun 1961, beliau telah dilantik sebagai Shaykh al-Maqārī“ Mesir.<sup>385</sup>

Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī telah banyak memberi sumbangan dalam dunia tilawah khususnya terhadap umat Islam seperti rakaman-rakaman bacaannya. Rakaman beliau masih lagi sehingga hari ini diedarkan secara meluas di Mesir dan seluruh dunia, iaitu:<sup>386</sup>

1. Rakaman bacaan *murattal* (tajwid) 30 juzuk.
2. Rakaman bacaan *mujawwad*.

Selain itu, Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī juga mempunyai karya penulisannya yang berkaitan dengan ilmu al-Quran seperti ilmu *qirā’at* dan tajwid. Di antara karya-karya beliau ialah:<sup>387</sup>

1. *Aḥkām Qirā’ah d-Qur’ān al-Karīm*.
2. *Al-Qirā’ah d-„Aṣyr min al-Syāṭibiyyah wa al-Durrah*.
3. *Mu„ālim al-Ihtidā” iḥ Ma„rifah al-Waqf wa al-Ibtidā”*.
4. *Al-Fath al-Kabīr fī al-Isti„ādhah Wa al-Takbīr*.
5. *Aḥsan al-Athār fī Tārīkh al-Qurrā” alArba„ah „Aṣyr*.
6. *Ma„a al-Qur’ān al-Karīm*.

---

<sup>384</sup> *Ibid*.

<sup>385</sup> *Ibid*.

<sup>386</sup> Ṣafḥah al-Qārī Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, “*Sawtiyyāt*”, Laman sesawang, dicapai 31 Ogos 2015, <https://audio.islamweb.net/audio/index.php?page=allsoura&qid=463>

<sup>387</sup> Shaykh al-Maqārī“ al-Miṣriyyah Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *Aḥkām Qirā’ah*, 9.

7. *Qirā'ah Warsy* „*An Nāfi*„, *al-Madani*.
8. *Qirā'ah d-Dūrī* „*An Abī* „, *Anrū al-Baṣrī*.
9. *Nūr al-Qulūb fī Qirā'ah d-Imām Ya*, *kūb*.
10. *Al-Sabīl al-Muyassar fī Qirā'ah d-Imām Abī Ja*, *far*.
11. *Ḥusn al-Musarrah fī al-Jam*„, *Bayna al-Syāṭibiyyah Wa al-Durrah*.
12. *al-Nahj al-Jadīd fī* „*Im al-Tajwīd*.
13. *Riḥlātī fī al-Islām*.

Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī sewaktu hidupnya telah banyak mengembara ke seluruh dunia samada untuk memperdengarkan bacaan al-Quran atau diundang sebagai hakim tilawah. Di antara negara-negara yang pernah dilawatinya ialah Malaysia, Singapura, Indonesia, Filifina, India, Maghribi (Moroco), Farncis, Pakistan, Cina, Yaman, Iraq, Kuwait, Jordan, Lubnan, Palastin, Syiria, Sudan, Arab saudi, Tanzania, Kenya, Algeria dan Republik Arab Bersatu.<sup>388</sup>

Beliau meninggal dunia petang hari Isnin 16 Muharram tahun 1401 Hijrah bersamaan 24/11/1980.<sup>389</sup>

## 2. Shaykh Muḥammad Ṣidīk al-Minshāwī

Shaykh Muḥammad Siddīq anak kelahiran Mesir di Wilayah Sūhāj. Dilahirkan pada tahun 20 Jun tahun 1920 dan telah berjaya menghafaz al-Quran dalam usia 11 tahun melalui didikan dua gurunya iaitu pertama ayahnya sendiri Shaykh Siddīq al-

<sup>388</sup> Lihat Shaykh al-Māqarī“ al-Miṣriyyah Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *Riḥlātī fī āl-Īslām*, (cet. 2, Kaherah: t.p, t.t)

<sup>389</sup> Shaykh al-Māqarī“ al-Miṣriyyah Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *Aḥkām Qirā'ah*, 9.

Minshāwī yang merupakan Qari terkenal ketika itu dan Shaykh Muḥammad al-Namki.<sup>390</sup>

Kemudian, ayah beliau telah menghantar belajar dengan dua orang Shaykh iaitu Shaykh Muḥammad Suḥūdiy dan Shaykh Muḥammad Abū al-„Ila“ untuk mendalami ilmu al-Quran yang berkaitan dengan ilmu tajwid, *qirā'āt* dan bacaan.

Apabila ditanya kepada pengkarya ilmu *qirā'āt* terkenal iaitu Shaykh „Abdul Fattāḥ al-Qāḍī tentang siapakah pelajar beliau yang paling baik, beliau menjawab: “Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī dan Shaykh Muḥammad Siddīq Minshāwī. Jalur keluarga Minshāwī adalah terkenal dengan ramainya mempunyai suara yang merdu dan menjadi qari terkemuka. Antara mereka ialah Shaykh Siddīq Minshāwī iaitu ayah kepada Shaykh Muḥammad Minshāwī.<sup>391</sup>

Shaykh Maḥmūd Siddīq Minshāwī pula ialah adik kepada Shaykh Muḥammad tetapi yang terbaik di kalangan keluarga Minshāwī yang dianggap sebagai anugerah ialah Shaykh Muḥammad Siddīq.<sup>392</sup>

Allah (S.W.T) telah mengurniakan anak kepada beliau seramai 13 orang iaitu 7 orang lelaki dan 6 orang perempuan.<sup>393</sup>

Sumbangan Shaykh Muḥammad Siddīq adalah merakam 30 juzuk al-Quran, menjadi qari di Masjid Zamalik selama 15 tahun dan juga menjadi qari di radio al-Quran Mesir. Selain itu, beliau juga pernah menziarahi Masjid al-Aqṣā dan membaca surah al-Ḥujurāt dan surah Qāf di hadapan khalayak yang berkumpul ketika itu.

---

<sup>390</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah*, 110.

<sup>391</sup> *Ibid.*

<sup>392</sup> *Ibid.*, 111.

<sup>393</sup> Khairul Anuar Mohamad, *Legenda Tarannum al-Quran Mesir*.

Setiap qari mempunyai kegemaran membaca ayat-ayat tertentu seperti Shaykh „Abdul Bāsiṭ dengan kegemarannya adalah membaca surah al-Duḥā dan surah Yūsuf. Begitu juga dengan Shaykh Muḥammad Siddīq yang gemar membaca surah al-Ḥasyr dan surah Ghāfir dengan suara yang menakjubkan.<sup>394</sup>

Takdir Allah (S.W.T) menentukan segala-galanya, usia Shaykh Muḥammad Siddīq tidak panjang seperti qari yang lain. Beliau meninggal dunia pada 20 Jun tahun 1969 ketika berusia 49 tahun.<sup>395</sup> Tarikh kematian beliau adalah sama dengan tarikh kelahirannya iaitu 20 Jun 1920.

### **3. Shaykh „Abd al-Bāsiṭ „Abd al-Ṣamad**

Nama penuh beliau ialah „Abd al-Bāsiṭ Muḥammad „Abd al-Ṣamad. Dilahirkan di sebuah kampung al-Marāghizah, Markaz Armant berhampiran dengan sungai Nil pada tahun 1927. Anggaran jarak perjalanan dari Markaz Armant ke bandar al-Aqsar al-Shahīrah lebih kurang 20 kilometer dan jarak dari Markaz Armant ke bandar Kaherah lebih kurang 691 kilometer.<sup>396</sup>

Keluarga beliau mempunyai keturunan alim ulama. Ayah dan datuk beliau merupakan ulama dan guru al-Quran yang terkenal. Keluarga beliau dihormati oleh orang kampung dan lebih dikenali dengan keluarga “*Bayt al-Qur’ān*” iaitu keluarga al-Quran. Ini kerana semua ahli keluarganya penghafal al-Quran.<sup>397</sup>

Shaykh „Abd al-Bāsiṭ „pada peringkat awal pengajiannya bermula dengan ayah dan datuknya. Kemudian ayahnya menghantar ke *Kuttab* Shaykh al-„Āmir di

---

<sup>394</sup> *Ibid.*

<sup>395</sup> *Ibid.*, 110.

<sup>396</sup> Dr. Zakariyā Hamīmī, *Al-Syaykh „Abd al-Basit „Abd al-Samad* (Kaherah: Dār Ḥibbah al-Nīl al-„Arabiyyah, 2009), 31 dan 32.

<sup>397</sup> *Ibid.*, 41.

kampungnya dan beliau telah menghafal keseluruhan al-Quran sebelum usia 10 tahun. Selepas itu beliau pergi berguru pula dengan Shaykh Muḥammad bin Salīm Ḥamadah merupakan seorang guru yang terkenal dalam bidang *qirā'āt* dan sempat menghafal *matan al-Syātibīyah* dalam masa setahun. Dengan kesungguhan dan kecekalan sepanjang pengajian tersebut, beliau telah berjaya mendapat anugerah ijazah al-Qirā'āh al-Sab,ah.<sup>398</sup>

Sumbangan Shaykh „Abd al-Basit dalam dunia tilawah juga begitu banyak antaranya:

1. Rakaman bacaan al-Quran secara *mujawwad* 30 juzuk.
2. Rakaman bacaan al-Quran *murattal* 30 juzuk.
3. Menjadi qari tetap di Masjid al-Imam al-Syāfi,ī.
4. Pernah memperdengarkan bacaan di Masjid Ḥusayn Kaherah.
5. Pernah memperdengarkan bacaan di radio Mesir.
6. Jemputan *ḥaflah-ḥaflah*.

Shaykh „Abd al-Bāsīt dalam hayatnya pernah bermusafir mermenuhi jemputan memperdengarkan bacaan al-Quran ke seluruh pelosok dunia termasuk di Malaysia dan tanah arab seperti Arab Saudi iaitu di Masjid al-Haram, Mekah dan Masjid al-Nabawi, Madinah al-Munawwarah.

Dengan sumbangan yang begitu banyak, maka Shaykh „Abd al-Bāsīt telah mendapat beberapa pengiktirafan, kurniaan dan penghargaan daripada pelbagai pihak, antaranya:<sup>399</sup>

1. Pingat Emas, Malaysia.

---

<sup>398</sup> *Ibid.*, 53.

<sup>399</sup> Shukrī al-Qādī, „*Abūqirah al-Tilāwah*, 147 dan 148.

2. Pingat Darjah Kebesaran Peringkat Pertama daripada Presiden Husni Mubarak, Mesir pada tahun 1987.
3. Pingat Kebesaran Maghribi (Moroco).
4. Dua Pingat Kebesaran daripada Perdana Menteri Syiria.
5. Pingat Emas, Pakistan.
6. Pingat Darjah Kebesaran Indonesia.

Beliau telah meninggal dunia pada 30 November tahun 1988.<sup>400</sup>

### 2.2.13 Sumbangannya

Sebagai seorang qari yang terkemuka, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl telah memberi sumbangan ilmu tarannum dalam dunia tilawah dan tidak dapat dinafikan lagi. Di antara sumbangan-sumbangan beliau ialah:

1. Mempedengarkan Bacaan al-Quran

Apa yang ketara dapat dilihat, bahawa sumbangan beliau dalam penyebaran ilmu tarannum ialah memperdengarkan bacaan al-Quran di majlis-majlis *haflah*, majlis *ma'tam* dan lain-lain.

2. Sebagai Hakim Dan Qari Jemputan Di Luar Negara

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam hidupnya telah banyak merantau menziarahi ke seluruh plosok dunia iaitu 25 negara arab Islam samada untuk memperdengarkan bacaan al-Quran atau menjadi hakim tilawah al-Quran.<sup>401</sup> Beliau juga telah melawati 10 buah negara Afrika dan telah mendapat penghormatan daripada pihak-pihak mereka terbabit. Para pendengar yang hadir dalam majlis beliau sangat gembira dan

---

<sup>400</sup> *Ibid.*, 2013.

<sup>401</sup> Tāriq Khalīl, *al-Qurʿān Wa Masyāhir al-Qurrāʾ*, 28.

sesetengah mereka ada yang mengalir air mata apabila mendengar bacaan al-Quran beliau meskipun mereka tidak memahami bahasa arab satu huruf pun.<sup>402</sup> Antara negara yang pernah dikunjungi oleh beliau adalah seperti Malaysia, Amerika, Eropah, Asia, Farancis, Paris, Landon, Turki, Tehran, Lubnan, Syiria, Makkah al-Mukarramah, Madinah al-Muwwarah, Palastin, India dan lain-lain.<sup>403</sup>

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl telah sampai di Palastin sebanyak 2 kali. Kali pertama pada tahun 1960 memperdengarkan bacaan al-Quran pada malam Isrāʾ dan Miʿrāj, manakala kali kedua pada tahun 1977 bersama-sama presiden Anwār Sadāt ke masjid al-Aqṣā untuk memperdengarkan bacaan al-Quran. Negara tersebut adalah destinasi terakhir di luar negara dalam hidup beliau. Selain itu, beliau ziarah ke Malaysia sebagai salah seorang hakim undangan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1967 dan 1974.<sup>404</sup>

### 3. Rakaman-Rakaman

Beliau juga telah memberi sumbangan yang amat bermakna iaitu peninggalan rakaman-rakaman bacaan beliau yang menjadi kahazanah bernilai kepada umat Islam seantero dunia. Rakaman bacaan beliau ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam melalui pengajian dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran. Di antara khazanah rakaman bacaan al-Quran beliau yang sangat memberi kesan sehingga ke hari ini, ialah.<sup>405</sup>

#### 3. Rakaman *Muṣḥaf Mujawwad li Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl* 30 juzuk.

---

<sup>402</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah*, 75.

<sup>403</sup> Ilyās bin Aḥmad Husayn bin Sulaymān al-Barmāwī, *Imtāʾ, al-Fuḍalāʾ*, 388. Lihat juga Dr. Maḥmūd Ḥamdī Zaqqūf, *Salsilah al-Mawsūʾāt al-Islāmiyyah al-Mutakhassasah* (3), 1065. Syukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah*, 79.

<sup>404</sup> Dr. Maḥmūd Ḥamdī Zaqqūf, *Salsilah al-Mawsūʾāt al-Islāmiyyah al-Mutakhassasah* (3), 1066.

<sup>405</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah*, 79.

4. Rakaman *Muṣṣhaf Murattal li Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl* 30 juzuk.
5. Rakaman *Mujawwad haflah-haflah*.
6. Rakaman video dan lain-lain.

Menurut „Ala“ Husni Tahir, Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl telah membaca sekitar 40,000 hingga 50,000 jam selama 70 tahun hayatnya, namun hanya yang sempat di rakam hanyalah 5 peratus iaitu sekitar 2000 jam sahaja. Rakaman biasa dibuat di antara 45 hingga 140 minit. Ini bermakna banyak lagi khazanah bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl yang tidak dapat diterokoi.<sup>406</sup>

#### 2.2.14 Pujian

Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl telah menjadi sanjungan dan pujian sepanjang zaman. Ini kerana beliau telah banyak meninggalkan jasa-jasa bakti yang besar kepada ilmu Islam. Beliau mendapat sanjungan dan pujian tinggi daripada kebanyakan ulama, antaranya:

1. Menurut Shaykh Mutawallī al-Sya„rawī mengatakan: *“Contoh di kalangan qari yang mempunyai nilai seni yang tinggi, menakjubkan dan keunikan suara ialah Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl.”*<sup>407</sup>
2. Shaykh „Alī Muḥammad al-Ḍabbā„ merupakan Shaykh al-Maqāri“ Mesir berkata: *“Sesungguhnya Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl merupakan satu-satunya bintang di antara qurrā” pada zamannya yang mempunyai suara yang merdu,*

<sup>406</sup> Lihat Ṭāhir „Alī Ḥusnī, *Jadīd al-Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl fann Tilawah al-Qur'ān* (Oktober 2005), 60.

<sup>407</sup> Maḥmūd al-Sa„dānī, *al-Ḥān al-Samā*“, 6.

*tajam, panjang dan mempunyai suara jawāb. Bacaan beliau yang menepati hukum-hukum qirā'āt tujuh dan bacaan panjang masa sehingga sejam.*"<sup>408</sup>

3. Shaykh al-Maqārī" Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī beliau juga merupakan Shaykh al-Maqārī" Mesir, sewaktu ketika beliau pernah ditanya tentang tarannum al-Quran dan berkaitan suara yang cantik ketika membaca al-Quran. Maka beliau berkata: *"Seorang qari yang hebat mestilah mempunyai anugerah suara yang baik dan mengetahui tentang kaedah-kaedah tajwid serta elok sebutan huruf semasa melafazkan dalam bacaan secara bertarannum, di samping boleh menarik perhatian pendengar terhadap ayat-ayat Allah (S.W.T). Ada pun mengenai suara, maka mestilah ia mempunyai suara yang pelbagai rentak iramanya yang mengasyikkan... di antara qari-qari ialah Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, Shaykh Ṣayfī, Shaykh „Alī Maḥmūd, Shaykh Sha„sya„ī. Mereka adalah sebaik-baik qurrā" dalam ilmu tarannum.."*<sup>409</sup>
4. Shaykh „Abd Fattāḥ Qāḍī berkata: *"Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl membaca al-Quran sejam atau lebih tanpa suaranya terjejas dan nampak tidak bersungguh-sungguh."*
5. Shaykh Faṭḥī al-Malījī merupakan salah seorang anak murid beliau yang akrab, ketika ditanya tentang Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, bahawa beliau menyimpulkan dengan berkata: *"Jika Allah (S.W.T) memberi izin mendengar bacaan al-Quran di syurga, maka Shaykh Muṣṭafālah pembacanya "*<sup>410</sup>

<sup>408</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah*, 80.

<sup>409</sup> Ṭariq Khalīl, *al-Qur'ān Wa Masyāhir al-Qurrā*, 37.

<sup>410</sup> Mohd. Radzi Mohd. Zin, *Membentuk Qari Gemilang*.

6. Shaykh Dr. Aḥmad Nuḥḥayna, juga merupakan salah seorang anak murid beliau yang mashyur sekarang ini, pernah berkata: *“Aku sangat cenderung mengikuti rentak irama lagu dalam pembacaanku dengan uslūb atau gaya membawakan tarannum Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Suaranya amat cantik, lantang, getaran bunga suara yang unik dan perpindahan maqām ke maqām lagu yang dialunkan berbeza-berbeza begitu mudah dilakukannya. Tidak ada seorang pun yang mampu sepenuhnya meniru gaya bacaannya. Beliau juga mempunyai kehebatan melagukan pada tempat kalimah-kalimah yang susah tanpa ada cacat cela dan melafazkannya dengan baik tambahan pula dapat menyentuh perasaan naluri pendengar...Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dilabelkan sebagai seorang qari yang merdu suaranya.”*<sup>411</sup>
| 157. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-36                        | 1:00:20 |
| 158. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-36                        | 55:46   |
| 159. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-36                        | 59:37   |
| 160. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-36                        | 50:56   |
| 161. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-36                        | 55:11   |
| 162. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-36                        | 1:06:53 |
| 163. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-36                        | 1:00:18 |
| 164. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-36                        | 1:03:57 |
| 165. | Al-Isrāʾ+Al-Balad+al-Ḥāqqah                                 | 15+30+29       | 1-36+1-4+1-24               | 1:19:33 |
| 166. | Al-Isrāʾ+al-Ḥāqqah                                          | 15+29          | 1-36+1-24                   | 1:18:53 |
| 167. | Al-Isrāʾ+Al-Syams                                           | 15+30          | 1-36+1-15                   | 44:52   |
| 168. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-36+78-85                  | 1:03:52 |
| 169. | Al-Isrāʾ+Al-ʾAlaq                                           | 15             | 1-36+110-111+1-5            | 51:45   |
| 170. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-36                        | 49:06   |
| 171. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-37                        | 56:00   |
| 172. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-37                        | 1:02:10 |
| 173. | Al-Isrāʾ                                                    | 15             | 1-40                        | 53:34   |
| 174. | Al-Isrāʾ+Al-Balad+ Al-Syams+Al-ʾAlaq                        | 15+30+ 30+30   | 1-40+1-20+1-15+1-8          | 1:03:04 |

|      |                                                                                   |                           |                                       |         |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|---------------------------------------|---------|
| 175. | Al-Isrāʾ                                                                          | 15                        | 1-42                                  | 1:06:39 |
| 176. | Al-Isrāʾ                                                                          | 15                        | 1-49                                  | 1:02:46 |
| 177. | Al-Kahfī                                                                          | 15                        | 1-34                                  | 48:41   |
| 178. | Al-Kahfī                                                                          | 15                        | 13-31                                 | 26:21   |
| 179. | Al-Kahfī+Al-Duḥā+ Insyirah+Al-Tīn                                                 | 15+30+30<br>+30           | 13-31+1-11+1-8+1-8                    | 35:23   |
| 180. | Al-Kahfī                                                                          | 15                        | 13-31                                 | 31:21   |
| 181. | Al-Kahfī+Al-Ṭāriq+al-Insyirah                                                     | 15+30+ 30                 | 13-31+1-17+1-8                        | 29:37   |
| 182. | Al-Kahfī                                                                          | 15                        | 13-32                                 | 27:47   |
| 183. | Al-Kahfī+al-Insyirah                                                              | 15+30                     | 13-32+1-8                             | 27:01   |
| 184. | Al-Kahfī                                                                          | 15                        | 13-34                                 | 30:19   |
| 185. | Al-Kahfī+Al-Kawthar                                                               | 15+30                     | 13-34                                 | 25:00   |
| 186. | Al-Kahfī+Al-,Alaq                                                                 | 15+30                     | 13-35+1-5                             | 27:20   |
| 187. | Al-Kahfī+Al-Nāzi,at                                                               | 15+30                     | 13-35+26-46                           | 36:10   |
| 188. | Al-Kahfī                                                                          | 15+30                     | 13-36                                 | 45:05   |
| 189. | Al-Kahfī+Al-Duḥā+Al-Insyirah+Al-Tīn+Al-,Alaq+Al-Nasr                              | 15+30+30 +30+30<br>+30+30 | 13-36                                 | 41:46   |
| 190. | Al-Kahfī                                                                          | 15                        | 17-34                                 | 21:33   |
| 191. | Al-Kahfī                                                                          | 15                        | 19-34                                 | 22:15   |
| 192. | Al-Kahfī                                                                          | 15                        | 23-34                                 | 22:56   |
| 193. | Al-Kahfī                                                                          | 15                        | 23-38+107-110                         | 23:20   |
| 194. | Maryam                                                                            | 16                        | 1-36                                  | 1:02:54 |
| 195. | Maryam                                                                            | 16                        | 10-36                                 | 20:40   |
| 196. | Maryam                                                                            | 16                        | 12-35                                 | 23:02   |
| 197. | Maryam                                                                            | 16                        | 12-36                                 | 15:32   |
| 198. | Al-Ḥajj                                                                           | 17                        | 1-36                                  | 34:19   |
| 199. | Al-Ḥajj                                                                           | 17                        | 1-37                                  | 59:24   |
| 200. | Al-Ḥajj                                                                           | 17                        | 1-37                                  | 1:01:37 |
| 201. | Al-Ḥajj                                                                           | 17                        | 1-37                                  | 48:58   |
| 202. | Al-Ḥajj+ Al-Syams+Al-Ḥāqqah                                                       | 17+30+29                  | 1-37+1-15+1-12                        | 1:09:55 |
| 203. | Al-Ḥajj                                                                           | 17                        | 1-78                                  | 1:14:08 |
| 204. | Al-Ḥajj                                                                           | 17                        | 1-78                                  | 1:05:59 |
| 205. | Al-Nūr+Al-Dhāriyat+Al-Ṭāriq+Al-,Alaq+Al-Fātiḥah                                   | 18+26+30 +30+1            | 35-38+1-30+1-17+1-19+1-7              | 54:34   |
| 206. | Al-Furqān+Al-Qamar                                                                | 19+27                     | 58-76+1-13                            | 36:45   |
| 207. | Al-Furqān                                                                         | 19                        | 58-77                                 | 26:22   |
| 208. | Al-Furqān+Al-Balad+Al-Syams+<br>,Alaq                                             | 19+30+30 +30              | 58-77+1-20+1-15+1-5                   | 46:36   |
| 209. | Al-Furqān+ Al-Ghāsiyah+ Al-<br>Ḥāqqah +Al-Syams + Al-Fatihah                      | 19+30+29 +30+1            | 58-77+1-26+1-24+1-15+1-7              | 1:12:20 |
| 210. | Al-Furqān+ Al-Ḥāqqah                                                              | 19+29                     | 58-77+1-7                             | 26:15   |
| 211. | Al-Furqān+ Al-Ḥāqqah+Al-Syams                                                     | 19+29                     | 58-77+1-24+1-8                        | 51:03   |
| 212. | Al-Furqān+Al-Insyirah+Al-Tīn                                                      | 19+30+30                  | 58-77+1-8+ 1-8                        | 23:38   |
| 213. | Al-Furqān+ Al-Raḥmān+ Al-<br>Nāziʾāt+ Al-Balad                                    | 19+30                     | 58-77+1-28+15-39+ 1-20                | 59:22   |
| 214. | Al-Furqān+ Al-Ṭāriq+ Al-Balad+Al-<br>Insyirah+Al-Nasr + Al-Ikhlās +Al-<br>Fātiḥah | 19+30+30<br>+30+30+ 30 +1 | 58-77+1-17+ 1-20+1-8+ 1-3+<br>1-4+1-7 | 35:41   |
| 215. | Al-Furqān+ Al-Ṭāriq+ Al-Ḥāqqah<br>+Al-Syams                                       | 19+30+29+ 30              | 58-77+1-17+1-24+ 1-8                  | 50:03   |
| 216. | Al-Furqān+ Al-Ṭāriq+Al-Tīn                                                        | 19+30+29+ 30              | 58-77+1-17+1-8                        | 40:33   |
| 217. | Al-Furqān+ Al-Ṭāriq+ Al-Syams+Al-<br>Fātiḥah                                      | 19+30+30                  | 61-77+1-17+1-8+ 1-1                   | 30:02   |

|      |                                                                            |                                   |                                            |         |
|------|----------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------|--------------------------------------------|---------|
| 218. | Al-Naml                                                                    | 19                                | 15-40                                      | 32:33   |
| 219. | Al-Naml                                                                    | 19                                | 15-44                                      | 48:37   |
| 220. | Al-Naml                                                                    | 19                                | 15-44                                      | 28:45   |
| 221. | Al-Naml                                                                    | 19                                | 15-44                                      | 49:30   |
| 222. | Al-Naml                                                                    | 19                                | 15-44                                      | 48:21   |
| 223. | Al-Naml+Al-,Alaq                                                           | 19+30                             | 15-44+1-5                                  | 32:11   |
| 224. | Al-Naml+Al-Tīn                                                             | 19+30                             | 15-44+1-5                                  | 33:24   |
| 225. | Al-Qaşaş                                                                   | 20                                | 1-28                                       | 58:19   |
| 226. | Al-Qaşaş                                                                   | 20                                | 1-28                                       | 27:58   |
| 227. | Al-Rūm                                                                     | 21                                | 1-29                                       | 29:30   |
| 228. | Luqmān+Al-Rahmān+Al-Hāqqah+Al-Insyirah                                     | 21+27+29+ 30                      | 1-27+1-23+29+ 30                           | 51:05   |
| 229. | Luqmān                                                                     | 21                                | 1-28                                       | 45:18   |
| 230. | Luqmān+Al-Rahmān+Al-Balad+Al-Syams+Al-Ḍuḥā+Al-Insyirah+Al-,Alaq+Al-Fātiḥah | 21+27+30+<br>30+30+30<br>+30+30+1 | 1-31+1-30+1-20+1-15+1-11+1-<br>8+1-19+ 1-7 | 1:09:56 |
| 231. | Luqmān                                                                     | 21                                | 1-34                                       | 29:19   |
| 232. | Luqmān                                                                     | 21                                | 1-34                                       | 45:11   |
| 233. | Luqmān                                                                     | 21                                | 1-34                                       | 37:26   |
| 234. | Luqmān+Al-Hāqqah                                                           | 21+29                             | 1-34+1-12                                  | 49:30   |
| 235. | Al-Aḥzab                                                                   | 22                                | 31-48                                      | 30:23   |
| 236. | Al-Aḥzab+Al-Balad+Al-Shams+ Al-,Alaq+Al-Fātiḥah+Al-Baqarah                 | 22+30+30<br>+30+1+1               | 38-48+1-20+1-15+1-5+1-7+1-5                | 48:10   |
| 237. | Al-Aḥzab+Al-Tāriq+ Al-,Alaq                                                | 22+30                             | 38-48+1-17+1-8                             | 33:48   |
| 238. | Fāṭir                                                                      | 22                                | 1-13                                       | 34:07   |
| 239. | Fatir                                                                      | 22                                | 1-18                                       | 22:38   |
| 240. | Fāṭir+Al-Balad+Al-Syams+Al-Nāzi,āt                                         | 22+30+30+ 30                      | 1-24+1-20+1-15+26-41                       | 53:49   |
| 241. | Fāṭir+Al-Hāqqah+Al-Nāzi,āt+Al-Syams+Al-Fātiḥah                             | 22+29+30+ 30                      | 1-24 +1-24+ 26-33+1-15 +1-7                | 1:00:04 |
| 251. | Fāṭir+Al-Hāqqah+Al-Nāzi,āt+                                                | 22+29+30                          | 1-24 +1-24+ 26-46                          | 47:04   |
| 252. | Fāṭir+Al-Hāqqah+ Al-Syams                                                  | 22+29+30                          | 1-24 +1-24+1-8                             | 1:00:09 |
| 253. | Al-Zumar+Al-Fīl+Al-Nās+Al-Fātiḥah                                          | 24+30+30 +1                       | 53-75+1-5+1-6+ 1-7                         | 27:35   |
| 254. | Al-Najm+Al-Qamar                                                           | 27                                | 31-62+ 1-13                                | 22:03   |

### 3. Rakaman bacaan dalam bentuk video

Di antara rakaman beliau dalam bentuk video ialah:

Jadual 4: Rakaman Bacaan Tarannum *Aṣḥī Mujawwad* Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam bentuk video

| NO. SURAH | NAMA SURAH                             | JUMLAH AYAT              | MASA                 |
|-----------|----------------------------------------|--------------------------|----------------------|
| 1         | Al-Baqarah                             | 183-186                  | 13:01 <sup>423</sup> |
| 2         | Āli ʿImrān                             | 98-103                   | 8:58 <sup>424</sup>  |
| 3         | Ali ʿImrān                             | 193-194                  | 10:34 <sup>425</sup> |
| 4         | Al-Tawbah                              | 111-116                  | 9:45 <sup>426</sup>  |
| 5         | Maryam                                 | 12-37                    | 21:53 <sup>427</sup> |
| 6         | Al-Ḥujurāt                             | 13-18                    | 19:18 <sup>428</sup> |
| 7         | Al-Qamar + al-Tīn + al-ʿAlaq + al-Qadr | 49-55 + 1-8 + 1-19 + 1-5 | 10:17 <sup>429</sup> |
| 8         | Al-Rahman                              | 14-28                    | 8:24 <sup>430</sup>  |
| 9         | Al-Ghasyiyah                           | 8-26                     | 6:59 <sup>431</sup>  |

<sup>423</sup> Ahmad Abduh, laman sesawang *youtube*, dicapai 29 Mei 2016, <https://www.youtube.com/watch?v=ZimIJNFs5eU>

<sup>424</sup> Islam Hassan, laman sesawang *youtube*, dicapai 18 Ogos 2012, [https://www.youtube.com/watch?v=EtgC\\_Hl\\_Xiw](https://www.youtube.com/watch?v=EtgC_Hl_Xiw)

<sup>425</sup> Ahmad Abduh, laman sesawang *youtube*, dicapai 15 September 2014, <https://www.youtube.com/watch?v=qEluFxLpiJY>

<sup>426</sup> *Ibid.*, laman sesawang *youtube*, dicapai 9 Julai 2016, <https://www.youtube.com/watch?v=ea-QVtus-hs>

<sup>427</sup> *Ibid.*, laman sesawang *youtube*, dicapai 5 Jun 2017, <https://www.youtube.com/watch?v=IOcev4fFYzo>

<sup>428</sup> *Ibid.*, laman sesawang *youtube*, dicapai 27 Jun 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=rIXJIRcjZIs>

<sup>429</sup> *Ibid.*, laman sesawang *youtube*, dicapai 9 Julai 2016, <https://www.youtube.com/watch?v=-81vuq0WvXs>

<sup>430</sup> *Ibid.*, laman sesawang *youtube*, dicapai 25 Disember 2017, <https://www.youtube.com/watch?v=fN9OPp9wm-g>

<sup>431</sup> *Ibid.*, laman sesawang *youtube*, dicapai 23 Jun 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=55fud8CJ9fo>

### 2.3.2 Bacaan Tarannum *Murattal*

Bacaan tarannum murattal Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl tidak popular di kalangan qari-qari dan masyarakat amnya. Walaubagaimanapun bacaan beliau ini tidak terkenal seperti Shaykh-Shaykh lain seperti Shaykh Masyārī, Shaykh Saʿad Saʿīd al-Ghamidī, Shaykh Sudays dan lain-lain. Akan tetapi, tidak dinafikan beliau mempunyai bentuk dan gaya yang tersendiri. Bagi penulis, bacaan tarannum *murattal* beliau terdapat keistimewaan yang tersendiri kerana beliau telah membaca dengan kesemua bentuk alunan tarannum iaitu 7 tarannum. Tidak seperti qari-qari lain yang mengalunkan satu tarannum sahaja. Hal ini dapat dirujuk kepada bacaan turathnya 30 juzuk *murattal*. Bacaan tersebut dalam bentuk mp3, iaitu:<sup>432</sup>

Jadual 5: Rakaman Bacaan Tarannum *Murattal* 30 Juzuk Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl

| NO. SURAH | NAMA SURAH | JUMLAH AYAT | MASA    |
|-----------|------------|-------------|---------|
| 1         | Al-Fātiḥah | 7           | 0:47    |
| 2         | Al-Baqarah | 286         | 2:02:44 |
| 3         | Al-ʿImrān  | 200         | 1:07:09 |
| 4         | Al-Nisāʾ   | 176         | 1:23:21 |
| 5         | Al-Māʾidāh | 120         | 53:42   |
| 6         | Al-Anʿām   | 165         | 1:02:59 |
| 7         | Al-Aʿrāf   | 206         | 1:20:12 |
| 8         | Al-Anfāl   | 75          | 31:36   |
| 9         | Al-Tawbah  | 129         | 55:58   |
| 10        | Yūnus      | 109         | 40:30   |
| 11        | Hūd        | 123         | 51:08   |
| 12        | Yūsuf      | 111         | 46:54   |
| 13        | Al-Raʿd    | 43          | 22:33   |
| 14        | Ibrāhīm    | 52          | 22:32   |
| 15        | Al-Ḥijr    | 99          | 16:04   |
| 16        | Al-Naḥl    | 128         | 45:44   |
| 17        | Al-Isrāʾ   | 111         | 38:32   |
| 18        | Al-Kahf    | 110         | 41:38   |
| 19        | Maryam     | 98          | 25:58   |
| 20        | Ṭāhā       | 135         | 26:52   |

<sup>432</sup> laman sesawang islamweb, dikemaskini 20 Januari 2010, dicapai 6 Mac 2018, <http://audio.islamweb.net/audio/index.php?page=allsoura&qid=492>

|    |               |     |       |
|----|---------------|-----|-------|
| 21 | Al-Anbiyā''   | 112 | 23:12 |
| 22 | Al-Ḥajj       | 78  | 26:22 |
| 23 | Al-Mu'minūn   | 118 | 22:52 |
| 24 | Al-Nūr        | 64  | 28:19 |
| 25 | Al-Furqān     | 77  | 20:14 |
| 26 | Al-Shu,arā''  | 227 | 31:12 |
| 27 | Al-Naml       | 93  | 27:30 |
| 28 | Al-Qaşaş      | 88  | 34:26 |
| 29 | Al-Ankabūt    | 69  | 23:56 |
| 30 | Al-Rūm        | 60  | 18:20 |
| 31 | Luqmān        | 34  | 11:49 |
| 32 | Al-Sajdah     | 30  | 08:29 |
| 33 | Al-Aḥzāb      | 73  | 32:24 |
| 34 | Sabā          | 54  | 20:52 |
| 35 | Fāṭir         | 45  | 19:21 |
| 36 | Yāsīn         | 83  | 17:24 |
| 37 | Al-Şāffāt     | 182 | 20:37 |
| 38 | Şād           | 88  | 16:04 |
| 39 | Al-Zumar      | 75  | 26:47 |
| 40 | Al-Mu,min     | 85  | 30:15 |
| 41 | Fuṣṣilat      | 54  | 20:56 |
| 42 | Al-Syūrā      | 53  | 22:40 |
| 43 | Al-Zukhruf    | 89  | 21:12 |
| 44 | Al-Dukhān     | 59  | 09:09 |
| 45 | Al-Jāthiya    | 37  | 12:23 |
| 46 | Al-Aḥqaf      | 35  | 15:23 |
| 47 | Muḥammad      | 38  | 14:32 |
| 48 | Al-Fatḥ       | 29  | 15:10 |
| 49 | Al-Ḥujurāt    | 18  | 09:11 |
| 50 | Qāf           | 45  | 08:29 |
| 51 | Al-Zāriyat    | 60  | 08:55 |
| 52 | Al-Tūr        | 49  | 07:39 |
| 53 | Al-Najm       | 62  | 08:47 |
| 54 | Al-Qamar      | 55  | 09:04 |
| 55 | Al-Raḥmān     | 78  | 10:27 |
| 56 | Al-Wāqī,ah    | 96  | 10:38 |
| 57 | Al-Ḥadīd      | 29  | 14:39 |
| 58 | Al-Mujādilah  | 22  | 12:29 |
| 59 | Al-Ḥasyr      | 24  | 12:10 |
| 60 | Al-Mumtaḥanah | 13  | 09:54 |
| 61 | Al-Şaff       | 14  | 05:43 |
| 62 | Al-Jumu,ah    | 11  | 04:18 |
| 63 | Al-Munāfiqūn  | 11  | 04:58 |
| 64 | Al-Tagābun    | 18  | 06:29 |
| 65 | Al-Talaq      | 12  | 06:03 |

|     |               |    |       |
|-----|---------------|----|-------|
| 66  | Al-Taḥrīm     | 12 | 05:15 |
| 67  | Al-Mulk       | 30 | 06:22 |
| 68  | Al-Qalam      | 52 | 06:16 |
| 69  | Al-Aḥqqāf     | 52 | 05:56 |
| 70  | Al-Ma,ārij    | 44 | 05:13 |
| 71  | Nūh           | 28 | 05:09 |
| 72  | Al-Jinn       | 28 | 06:03 |
| 73  | Al-Muzzammil  | 20 | 04:18 |
| 74  | Al-Muddathir  | 56 | 05:53 |
| 75  | Al-Qiyāmah    | 40 | 03:54 |
| 76  | Al-Insan      | 31 | 05:57 |
| 77  | Al-Mursalat   | 50 | 04:56 |
| 78  | Al-Nabāʾ      | 40 | 04:35 |
| 79  | Al-Nāzi,āt    | 46 | 04:41 |
| 80  | „Abasa        | 42 | 03:41 |
| 81  | Al-Takwīr     | 29 | 02:34 |
| 82  | Al-Infītār    | 19 | 02:01 |
| 83  | Al-Muṭaffifīn | 36 | 04:11 |
| 84  | Al-Inshiqāq   | 25 | 02:33 |
| 85  | Al-Burūj      | 22 | 02:40 |
| 86  | Al-Tāriq      | 17 | 01:40 |
| 87  | Al-A,,Jā      | 19 | 01:52 |
| 88  | Al-Ghāshiya   | 26 | 02:26 |
| 89  | Al-Fajr       | 30 | 03:43 |
| 90  | Al-Balad      | 20 | 02:35 |
| 91  | Al-Syams      | 15 | 01:57 |
| 92  | Al-Layl       | 21 | 02:23 |
| 93  | Al-Duḥā       | 11 | 01:18 |
| 94  | Al-Sharḥ      | 8  | 00:55 |
| 95  | Al-Tīn        | 8  | 01:07 |
| 96  | Al-,Alaq      | 19 | 02:19 |
| 97  | Al-Qadr       | 5  | 00:51 |
| 98  | Al-Bayyinah   | 8  | 02:22 |
| 99  | Al-Zalzalah   | 8  | 01:99 |
| 100 | Al-,Ādiyāt    | 11 | 01:15 |
| 101 | Al-Qāri,,ah   | 11 | 01:02 |
| 102 | Al-Takāthur   | 8  | 00:53 |
| 103 | Al-,Asr       | 3  | 00:28 |
| 104 | Al-Humazah    | 9  | 01:04 |
| 105 | Al-Fīl        | 5  | 00:45 |
| 106 | Quraysh       | 4  | 00:39 |
| 107 | Al-Mā,,ūn     | 7  | 00:52 |
| 108 | Al-Kawthar    | 3  | 00:25 |
| 109 | Al- Kāfirūn   | 6  | 00:45 |
| 110 | Al-Nashr      | 3  | 00:37 |

|       |           |      |       |
|-------|-----------|------|-------|
| 111   | Al-Lahab  | 5    | 00:43 |
| 112   | Al-Ikhlās | 4    | 00:25 |
| 113   | Al-Falaq  | 5    | 00:40 |
| 114   | Al-Nās    | 6    | 00:45 |
| TOTAL |           | 6236 |       |

Kesimpulan umum pada bacaan tarannum *Murattal* beliau ini, ialah:

1. Bacaannya adalah lebih ringkas berbanding dengan tarannum *Aṣlī Mujaḥḥad*.
2. Menggunakan ke tujuh-tujuh tarannum. Akan tetapi yang banyak beliau menggunakan adalah tarannum *sīkāh*, *ṣabā* dan *Ḥusaynī*.
3. Pergerakan alunan bacaan dengan garang.
4. Martabat atau tempo bacaanya adalah *tadwīr*.
5. Menggunakan tahap suara *nawā* dan *jawāb*.
6. Menggunakan *Qira'at*, Āṣim riwayat Ḥafṣ *ṭarīq al-Jazariy*
7. Menepati hukum-hakam tajwid.

Dengan rakaman-rakaman bacaan *turāth* tersebut, menjadi bahan dan bukti kepada penulis untuk mengkaji dan menyelidiki mengenai metodologi bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl. Tumpuan diberikan dalam kajian ini adalah kepada bacaan tarannum *aṣlī mujaḥḥad* sahaja. Penulis akan mengkaji secara mendalam dari segi metode-metode bacaannya di dalam bab yang ketiga nanti.


## 2.4 KESIMPULAN

Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl lahir daripada keluarga yang mempunyai latar belakang berketurunan alim ulama. Beliau juga melalui proses pengajian agama yang mantap dibawah bimbingan dan tunjuk ajar guru-guru yang alim, berkaliber, berkemahiran dalam pelbagai bidang terutama dalam bidang al-Quran. Maka, hasilnya beliau telah menjadi seorang tokoh ulama tarannum al-Quran yang masyhur, alim, disegani,

dihormati dan disanjung di negaranya Mesir malah di seluruh dunia. Beliau telah meninggalkan sumbangan yang bernilai dan jasa begitu besar kepada umat Islam dalam dunia tilawah al-Quran. Dengan kemasyhuran, keistimewaan dan kehebatan yang ada pada diri beliau dalam bidang tarannum ini, beliau telah diberi gelaran oleh ulama-ulama lain dengan pelbagai gelaran yang hebat. Di antara gelarannya ialah sebagai “*Shaykh al-Qurrāʾ Awwal fī al-ʿĀlam*”.

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl juga telah meninggalkan banyak khazanah-khazanah ilmu yang bernilai untuk umat Islam terutama melalui *Turāth* bacaan-bacaannya. Bacaan Tarannum beliau boleh diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu *Tarannum Aṣlī Mujaṭṭad* dan *Tarannum Murattal*. Akan tetapi yang lebih popular dan sinonim dengan beliau ialah *Tarannum Aṣlī Mujaṭṭad*.

Rajah 3: Bentuk Bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl



## BAB: 3

### METODE-METODE BACAAN TARANNUM SHAYKH MUṢṬAFA ISMĀʿĪL

#### 3.1 PENDAHULUAN

Kajian dalam bab ini adalah menepati objektif kajian yang ketiga iaitu melihat bagaimana penggunaan metode-metode bacaan Shaykh Muṣṭafa Ismāʿīl dalam ilmu tarannum al-Quran. Perkara yang diberi fokus ialah tentang kriteria-kriteria bacaan, metode-metode bacaan dari sudut teknik penggunaan tarannum, suara, tajwid dan *qirāʾāt*.

Metodologi kajian yang digunakan dalam bab ini adalah berdasarkan kepada rakaman-rakaman suara, video, karya-karya, artikel-artikel, temubual pakar-pakar tarannum di Malaysia yang berkaitan dengan metode bacaan Shaykh Muṣṭafa Ismāʿīl. Sepanjang pemerhatian penulis, belum ada kajian yang khusus tentang perkara ini. Ternyata metode yang digunakan oleh beliau adalah metode yang unggul dalam bacaan al-Quran.

Salah satu ciri-ciri yang menunjukkan keunggulan metode bacaan beliau ialah dapat dilihat melalui pelapis anak-anak muridnya yang masyhur seluruh dunia membawa gaya alunan tarannum beliau, seperti Shaykh Dr. Aḥmad Nuʾayna,, Shaykh Faṭḥī al-Malījī, Shaykh Yāsir Sharqāwī, Wahid Naẓarī dan lain-lain. Tidak ketinggalan juga di Malaysia, terdapat ramai qari dan qariah yang mengaplikasikan metode bacaan Shaykh Muṣṭafa Ismāʿīl samada dalam bacaan dan pengajaran mereka. Salah seorang tokoh tarannum terkenal sekarang ini yang membaca dan mengajar mengikut gaya bacaan beliau ialah Ustaz Hj. Yahaya Daud.

## 3.2 KRITERIA-KRITERIA BACAAN TARANNUM

### 3.2.1 *Marātib al-Qirā'ah*

Dalam bacaan al-Quran terdapat beberapa tingkatan atau cara yang digariskan oleh para ulama. Namun terdapat di sana perbezaan pendapat dalam menentukannya. Sebahagian ulama antaranya Shaykh al-Maqārī<sup>433</sup> al-Miṣriyyah Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, Shaykh Muḥammad Makkī Naṣr al-Juraysī, Shaykh Nabīl bin „Abd al-Ḥamīd bin „Alī dan Shaykh Aḥmad bin Aḥmad bin Muḥammad „Abd Allāh al-Ṭawīl bahawa mereka mengatakan terdapat empat *marātib* iaitu *Tartīl*, *taḥqīq*, *tadwīr* dan *ḥadar*.<sup>433</sup> Sebahagian ulama antaranya Shaykh Ibrāhīm al-Samannūdī dan Shaykh „Abd al-Fattāḥ al-Marṣafiyy mengatakan bahawa terdapat tiga *marātib* sahaja iaitu *Tartīl*, *tadwīr* dan *ḥadar*.<sup>434</sup> Sebahagian ulama yang lain pula seperti Imam al-Jazarī pula membahagikan tingkatan bacaan kepada tiga iaitu *taḥqīq*, *ḥadar* dan *tadwīr*.<sup>435</sup>

Perincian maksud *Marātib al-Qirā'ah* seperti berikut:<sup>436</sup>

1. *Tartīl*: Iaitu bacaan yang perlahan-lahan, tenang ketika melafazkan huruf dari makhrajnya dan sifatnya, memberikan hak dan mustahaknya, memenuhi hukum-hukum mad, tebal nipis dan bertepatan dengan kehendak ilmu tajwid serta bertadabbur maknanya. Shaykh „Abd al-Fattāḥ al-Marṣafiyy menyebut ia

<sup>433</sup> Shaykh al-Maqārī<sup>433</sup> al-Miṣriyyah Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *Aḥkām Qirā'ah al-Qura'ān al-Karīm*, 329-331. Lihat juga Shaykh Muḥammad Makkī Naṣr al-Juraysī, *Nihāyah al-Qawl al-Mufīd Fī „Ilm al-Tajwīd*, (Kaherah: Dār al-Tawfīqaiyyah, 2011), 29-36. Lihat juga Shaykh Nabīl b. „Abd al-Ḥamīd b. „Alī, *al-Jāmi*, *al-Kabīr*, *„Ilm al-Tajwīd*, (cet. 1, Kaherah: al-Fārūq al-Ḥadīth, 2005), 1: 214-216. Lihat juga Shaykh Aḥmad b. Aḥmad b. Muḥammad „Abd Allāh al-Ṭawīl, *Taysīr „Ilm al-Tajwīd*, (cet. 1, Riyāḍ: Dār Kunūz, 2009), 22-24.

<sup>434</sup> Shaykh Ibrāhīm bin „Ali bin „Ali Shihāthah al-Samannūdī, *Jāmi*, *al-Khayrāt Fī Tajwīd Wa Tahrīr Awjuh al-Qirā'āt*, (t.tp: t.p 2007), 72. Lihat juga Shaykh „Abd al-Fattāḥ al-Marṣafiyy, *Hidāyah al-Qārī Ilā Tajwīd Kalām al-Bārī*, 50.


<sup>435</sup> Muḥammad bin Muḥammad bin al-Jazarī, *al-Tamhīd fī „ilm al-Tajwīd*, 62.

<sup>436</sup> Shaykh „Abd al-Fattāḥ al-Marṣafiyy, *Hidāyah al-Qārī Ilā Tajwīd Kalām al-Bārī*, 50.

merupakan tingkatan paling baik. Kebiasaannya martabat ini dibaca pada majlis perasmian.

2. *Tahqīq*: Iaitu bacaan seperti *tartīl* tetapi lebih perlahan lagi. Kebiasaannya dibaca pada majlis pembelajaran al-Quran.
3. *Ḥadar*: Iaitu bacaan yang cepat dan menjaga hukum-hukum tajwid. Kebiasaannya diamalkan oleh orang yang telah menghafal al-Quran.
4. *Tadwīr*: Iaitu bacaan pertengahan antara *tartīl* dan *ḥadar* yang menjaga hukum-hukum tajwid. Kebiasaannya dibaca dalam solat.

Berdasarkan kepada *Marātib al-Qirā'ah* tersebut, maka penulis telah mengklasifikasikan bacaan tarannum Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl ialah sebagai bacaan *Tartīl*. Ini kerana terdapat unsur-unsur perlahan-lahan, tadabbur dan tafakkur yang sesuai dengan bacaan secara bertarannum. Hal ini juga bertepatan dengan firman Allah (S.W.T):



Al-Muzzammil 73: 4

Terjemahan: Dan bacalah al-Quran secara *tartīl*.

Hal ini juga bertepatan dengan syarat-syarat *tartīl* yang telah dikemukakan oleh Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail bahawa beliau telah menyenaraikan syarat-syarat *tartīl* ada empat perkara, iaitu:

1. Tajwid (kaedah tajwid)
2. Bertazyīn (kaedah tarannum)
3. Bertahsīn (kaedah *Sawt al-Ḥasan*)
4. Berlahjah „*Arabiyyah* (kaedah *lughah „arabiyyah*)

### 3.2.2 Bacaan Bertadabbur

Bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl ialah bacaan seolah-olah mentafsir maksud ayat yang dibaca. Dengan alunan lagu dan *tabaqāt* suara yang dipersembahkan seperti memahami maksud ayat. Beliau seorang qari yang terbaik mempunyai elemen-elemen tersebut. Dalam majalah Ṣawt al-Azhar ada menyebut bahawa ciri-ciri qari yang terbaik mempunyai lima syarat iaitu membaca dengan memahami makna ayat, berpengetahuan dalam ilmu *qirāʾāt*, mengambil berat tentang *waqaf* dan *ibtidāʾ*, berpengetahuan dalam ilmu *maqāmāt* dan memiliki suara yang baik dan cara bacaan yang menarik.<sup>437</sup> Jika diperhatikan, kesemua ciri-ciri tersebut terdapat pada bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl.

Menurut Zakariya Hamimī, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mempunyai persembahan yang unik iaitu menggabungkan lafaz bacaan, makna dan kekuatan dalam menggambarkan maksud ayat tersebut.<sup>438</sup> Kamal al-Najmī pula mengatakan, beliau seorang qari yang hebat dan berkemahiran tinggi apabila memindahkan *maqām* lagu *aṣlī* kepada *furūʿ*, *uṣūl* *qirāʾāt* dan membaca dengan memahami makna ayat.<sup>439</sup> Menurut Shaykh Mutawallī dan Shaykh ʿAbd al-Wahab Tanṭāwī bahawa Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl membaca al-Quran cukup memahami dan merasai dengan apa yang beliau bacakan.<sup>440</sup>

Tadabbur adalah mirip dengan tafakkur (memikirkan) iaitu memperhatikan, merenung maksud ayat-ayat al-Quran untuk tujuan difahami. Allah (S.W.T) menurunkan al-Quran agar ayatnya ditadabburkan dengan memahami makna ayat.

<sup>437</sup> Ṣawt al-Azhār, *Min Iʿlān al-Qurrāʾ Qithārah al-Samāʾ* (Kaherah: Al-Azhar, t.t)

<sup>438</sup> Zakariya Hamimī, *Ṣawt Min Al-Samāʾ al-Shaykh ʿAbd al-Basīṭ ʿAbd al-Ṣamad*, (cet. 1, Kaherah: Hibah al-Nīl al-ʿArabiyyah, 2009), 163.

<sup>439</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl*, 44.

<sup>440</sup> Wan Hilmi Wan Abdullah, *Pengaruh qari-Qari Mesir terhadap Qari-Qari Di Malaysia*, 185.

Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran Allah (S.W.T) memerintah supaya tadabbur terhadap ayat-ayatnya, di antaranya:

Allah (S.W.T) berfirman:

﴿ كُنْتُ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴾

Şād 38: 29

Terjemahan: (Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.

Allah (S.W.T) berfirman:

﴿ أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرْقَانَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا ﴾

Al-Nisā" 4 :82

Terjemahan: Maka apakah mereka tidak memperhatikan al-Quran? Sekiranya al-Quran itu bukan dari sisi Allah (S.W.T), tentulah mereka mendapat pertentangan yang banyak di dalamnya.

Allah (S.W.T) berfirman:

﴿ أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرْقَانَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا ﴾

Muhammad 47: 24

Terjemahan: (Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran)?.

Ayat al-Quran tersebut, jelas menunjukkan bahawa suruhan supaya bertadabbur dengan isi kandungan ayat-ayat al-Quran. Oleh itu, ini sangat bertepatan dengan bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang mempunyai unsur tadabbur, menghayati dan khusyuk.

### 3.2.3 Bacaan Berlahjah ‘Arabiyyah

*Lahjah* „*Arabiyyah* dimaksudkan dialek atau pertuturan masyarakat arab yang mempengaruhi cara mereka membaca al-Quran. Bagi mereka yang berketurunan arab, mudah bagi mereka untuk membaca al-Quran dengan *berlahjah* „*arabiyyah* kerana al-Quran itu sendiri diturunkan dalam bahasa arab.

Terdapat banyak ayat al-Quran yang secara jelas menyatakan bahawa al-Quran itu diturunkan dalam bahasa arab, bahasa pertuturan nabi Muhammad (s.a.w) Antaranya, firman Allah (S.W.T):

﴿الرَّ تِلْكَ ءَايَاتُ الْكِتَابِ الْمُبِينِ ﴿١﴾ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾﴾

Yūsuf, 12: 235

Terjemahan: Aif Lām Rā“. Demikian itu adalah ayat-ayat al-Quran yang nyata. Sesungguhnya Kami menurunkan al-Quran dalam bahasa arab, mudah-mudahan kamu berfikir.

Firman Allah (S.W.T):

﴿وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّنُنْذِرَ أُمَّ الْقُرَى وَمَنْ حَوْلَهَا وَنُنْذِرَ يَوْمَ الْجَمْعِ لَا رَيْبَ فِيهِ فَرِيقٌ فِي الْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِي السَّعِيرِ ﴿٧﴾﴾

Al-Shūra 42: 7

Terjemahan: Dan sebagaimana Kami tetapkan engkau hanya penyampai, Kami wahyukan kepadamu al-Quran dalam bahasa arab, supaya engkau memberi peringatan dan amaran kepada (penduduk) “Umm al-qurā” dan sekalian penduduk dunia di sekelilingnya, serta memberi peringatan dan amaran mengenai hari perhimpunan (hari kiamat) yang tidak ada syak tentang masa datangnya (pada hari itu) sepuak masuk Syurga dan sepuak lagi masuk Neraka.

Firman Allah (S.W.T):

﴿وَلَنُفِخُ فِي سُرُورٍ لَّنْزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٩٢﴾ نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٩٣﴾ عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾ بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُبِينٍ ﴿١٩٥﴾﴾

Al-Syu,arā” 26: 192-195

Terjemahan: Dan sesungguhnya al-Quran (yang di antara isinya kisah-kisah yang tersebut) adalah diturunkan oleh Allah (S.W.T) Tuhan sekalian alam. Ia dibawa turun oleh Malaikat Jibril (a.s) yang amanah ke dalam hatimu, supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang dari pemberi-pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia).(Ia diturunkan) dengan bahasa arab yang fasih serta terang nyata.

Firman Allah (S.W.T):

﴿حَمْدٌ ﴿١﴾ وَلَكُتَبِ الْمُنِينَ ﴿٢﴾ إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٣﴾﴾

Al-Zukhruf 44: 1-3

Terjemahan: Hā Mīm. Demi Kitab al-Quran yang menyatakan kebenaran. Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai al-Quran yang diturunkan dengan bahasa arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.

Firman Allah (S.W.T):

﴿قُرْءَانًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِي عِوَجٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ﴾

Al-Zumar, 39: 28

Terjemahan: laitu al-Quran yang berbahasa Arab, yang tidak mengandungi sebarang keterangan yang terpesong supaya mereka bertakwa.

Imam Shāfi'ī telah merumuskan satu hukum yang amat penting berasaskan „*Arabiyah* al-Quran atau ciri-ciri kearaban al-Quran. Beliau berkata, setiap muslim wajib mempelajari bahasa arab sedaya upaya sehingga ia dapat mengucap kalimah:

« لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله ».

Selain itu juga dapat membaca al-Quran, menyebut zikir yang diwajibkan seperti takbir, tasbih, tasyhud dan sebagainya.<sup>441</sup>

Ciri kearaban atau „*Arabiyah* al-Quran ini telah membawa kebaikan bagi bangsa arab sekurang-kurangnya dalam dua perkara yang utama:<sup>442</sup>

1. Untuk mempelajari al-Quran dan melafazkan huruf-hurufnya mengikut kaedah pertuturannya yang betul, maka boleh berlatih atau mengasah lidah, menuturkan dengan fasih dan membetulkan pertuturan. Dalam masa yang sama boleh

<sup>441</sup> Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī, *al-Risālah* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-„Alamiyyah, t.t), 41-50.

<sup>442</sup> Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *al-Taḥf al-Munīr Fī al-„Aqā'id wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*, 35.

membantu seseorang memahami bahasa arab itu sendiri. Sebenarnya tidak ada yang dapat melebihi al-Quran yang dapat membantu membetulkan lidah dan sebutan yang telah dipengaruhi oleh pelbagai dialek tempatan.

- 2 Al-Quran berjasa besar dalam memelihara ketulenan bahasa arab semenjak 14 kurun yang silam hingga kini. Dalam tempoh tersebut, umat Islam dan bangsa arab telah melalui pelbagai zaman seperti zaman kelemahan budaya, kemelesetan ekonomi dan penjajahan. Namun al-Quran merupakan faktor utama yang menyatupadukan bangsa arab.<sup>443</sup>

Oleh yang demikian, hal ini berbeza dengan orang „ajam, belum tentu lagi dapat membaca al-Quran dengan *berlahjah „arabiyyah* kerana di antara sebab bukan keturunan arab, banyak dipengaruhi dengan percakapan atau budaya yang bukan arab. Namun, bagi orang ajam untuk membaca al-Quran bertarannum secara *berlahjah „arabiyyah* mestilah belajar dengan guru-guru yang membawa gaya tarannum arab seperti shaykh-shakh di Mesir. Dalam ilmu tarannum, *berlahjah „arabiyyah* bukan dari segi sebutan sahaja bahkan ia merangkumi gaya olahan lagu-lagu, sebutan huruf-huruf al-Quran, suara dan kefasihan dalam membaca al-Quran yang telah menjadi budaya arab.

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl tidak dapat dinafikan lagi, bahawa bacaan beliau *berlahjah „arabiyyah* kerana berketurunan arab, berada dalam budaya arab, menuntut ilmu dengan guru-guru atau shaykh-shaykh hebat yang berbangsa arab. Maka bacaan tarannum al-Quran beliau gaya kearaban. Sesuailah dengan hadis Nabi (s.a.w) yang berbunyi:

---

<sup>443</sup> *Ibid*

« اقرءوا القرآن بلحون العرب وأصواتها ، وإياكم ولحون أهل الفسق وأهل الكتابين ، فإنه سيجيء من بعدى قوم يرجعون بالقرآن ترجيع الغناء والزهبانية والتلوح لا يجاوز حناجرهم ..... ».

Terjemahan: Bacalah al-Quran dengan tarannum-tarannum arab dan suara mereka. Dan jauhilah diri kamu dari tarannum-tarannum ahl al-kitab (Yahudi dan Nasrani) dan orang-orang fasik. Sesungguhnya akan datang satu kaum yang mentarannumkan al-Quran dengan gaya nyanyian, lagu gereja, ratapan yang tidak keluar dari kerongkong mereka.....<sup>444</sup>

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa Rasulullah (s.a.w) menyuruh umatnya melagukan (bertarannum) bacaan al-Quran dengan irama-irama atau lagu arab dan suara yang *berlahjah* arab kerana al-Quran itu berbahasa arab yang sememangnya memerlukan budaya arab. Rasulullah (s.a.w) melarang keras supaya jangan bertarannum dengan lagu ahli fasik seperti yang dilagukan oleh penyanyi-penyanyi dan irama-irama yang dilagukan di gereja-gereja Yahudi dan Kristian.

Membaca al-Quran dengan *berlahjah* „*arabiyah* menjadi kewajipan kepada pembaca tersebut, jika tidak akan mendatangkan keharaman kerana bercanggah dengan identiti dan boleh menghilangkan kemukjizatan al-Quran itu sendiri. Jadi, bagi mereka yang ingin menjadikan bacaan al-Quran *berlahjah* „*arabiyah* sepatutnya berguru dan meniru gaya orang-orang arab.<sup>445</sup>

<sup>444</sup> Hadith riwayat Imām al-Tabranī, Bāb al-Mim Ismuh Muḥammad, no. Hadith 7223. Lihat al-Ḥāfiẓ Abī al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad al-Tabarānī (260-360 H), *al-Muḥjam al-Awsat*, 9: 183. Hadith riwayat Imām al-Bayhaqī, Bāb Fī Taḥzīm al-Qurʾān, Faṣl Fī Tark al-Taḥmuq Fī al-Qurʾān, no. Hadith 2406. Lihat juga Imām al-Ḥāfiẓ Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī (384-458), *al-Jāmiʿ, li Shuʿab al-Imān*, 4: 2017.

<sup>445</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawa'id al-Tarannum*, 19.

Beliau juga menyatakan bahawa *Lahjah* „arabiyah sebahagian dari *faṣāḥah*. *Faṣāḥah* al-Quran itu memang tidak dapat dipisahkan dari *lahjah* arab. Di antara ciri-cirinya ialah:<sup>446</sup>

1. Ketepatan membunyikan baris *fatḥah*, *ḍammah* dan *kasrah* tanpa kedaerahan.
2. Kesederhanaan membunyikan huruf-huruf sukun dengan tidak terlampau berat dan tidak pula terlampau ringan
3. Kesederhanaan membunyikan huruf-huruf yang bertashdīd dengan tidak terlampau kuat dan tidak pula terlampau ringan.
4. Gaya suara kearaban
5. Gaya alunan kearaban
6. Pelaksanaan *waqaf* dan *ibtidā* “yang sempurna dan bersesuaian.

Selain itu, dari segi suara juga termasuk *Lahjah* „arabiyah iaitu gaya bunyi suara yang berbudaya kearaban. Ianya mempunyai ciri-ciri berikut:<sup>447</sup>

1. Kemanisan dan kebasahan suara
2. Gema suara yang meninggi ke arah *khaysyūm*
3. Kelembutan bunyi yang berbudaya kearaban
4. Pergerakan suara di samping burdah yang berbudaya kearaban.

Menurut Ustaz wan Hilmi wan Abdullah pula, ciri-ciri bacaan berlahjah „arabiyah ialah:<sup>448</sup>

1. *Hurūf Sab* „ah
2. *Ṣawt al-„Arab* iaitu nada dan suara arab.
3. *Laḥn al-„Arab* iaitu lagu atau irama arab

---

<sup>446</sup> *Ibid*, 159 dan 160.

<sup>447</sup> *Ibid*, 54.

<sup>448</sup> Lihat Wan Hilimi Wan Abdullah, *Fannu Tilāwah al-Qur’ān*, 94.

4. *Luknah al-,,Arab* iaitu *faṣāḥah* huruf dari segi hukum-hukum tajwid.
5. *Ta,,bir al-,,Arab* iaitu pengolahan dan penyampaian arab.
6. *Uslūb al-,,arabi* iaitu cara dan kaedah arab.

Menurut Ustaz Hj. Muhammad Anuar Ghazali bahawa Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl merupakan Qari yang ulung dan bacaan yang *berlahjah ,,arabiyah* meliputi aspek tajwid, suara, tarannum dan *faṣāḥah*. Hal ini dapat dilihat daripada bacaan beliau daripada aspek tajwid yang mana beliau sangat memberi penekanan dari segi sebutan huruf-huruf al-Quran, aspek suara pula iaitu gaya bunyi suara yang berbudaya kearaban. Beliau telah mengemukakan 4 ciri-ciri suara Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl iaitu kemanisan, kebasahan, gema suara, kelembutan suara dan kearaban suara disamping burdah yang berbudaya keraraban. Dari sudut tarannum pula, kehebatan Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl menyusun lagu *uṣūl* dan lagu *furū*” dalam bacaannya. Kemudian *faṣāḥah*nya yang merangkumi kefasihan dalam mengolah lagu-lagu dan penggunaan suara.<sup>449</sup>

Menurut Dato” Hj. Faizul, *lahjah ,,arabiyah* ialah gaya kearaban dari segi sebutan huruf tarannumnya suaranya. Perkara ini perlu di pelajari secara khusus iaitu *talaqqī* dan *musyāfaḥah*. Kadangkala terdapat juga orang-orang arab membaca al-Quran tidak *berlahjah ,,arabiyah* kerana terikut pelat atau dialek percakapan mereka. Al-Quran mesti mengikut *lahjah ,,arabiyah* ketika membacanya. Namun, Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl merupakan seorang qari yang ulung di dunia tidak dapat

---

<sup>449</sup> Ustaz Hj. Muhammad Anuar b. Ghazali (Qariah Kelantan, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 26 Oktober 2018.

dipertikaikan lagi bacaan beliau dengan lahjah kearaban.<sup>450</sup> Bacaan beliau sesuai dengan kata-kata Ibn Masud (r.a):

« جَوِّدُوا الْقُرْآنَ وَزَيِّنُوهُ بِأَحْسَنِ الْأَصْوَاتِ وَأَعْرَبُوهُ فَإِنَّهُ عَرَبِيٌّ وَاللَّهُ يُحِبُّ أَنْ يُعْرَبَ بِهِ ».

Terjemahan: Bacalah al-Quran dengan bertajwid dan hasilah bacaan dengan suara-suara yang baik serta bacaan yang fasih (mengarabkan lahjahnya). Maka sesungguhnya al-Quran itu dari bahasa arab, sedangkan Allah (S.W.T) suka jika al-Quran dibaca dengan *lahjah* arab (fasih).<sup>451</sup>

Daripada kata-kata Ibn Mas,ūd ini, dapat disimpulkan kepada tiga perkara, iaitu:

1. Membaca al-Quran dengan bertajwid
2. Membaca dengan suara yang elok
3. Membaca dengan *lahjah* arab

Menurut Ustaz Hj, Yahaya Daud, Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl adalah seorang yang mempunyai *lahjah* arab yang tulen dan beliau berpendapat bahawa inilah bacaan yang dikehendaki oleh Rasulullah (s.a.w) yang sebenarnya. Beliau telah mengeluarkan metode Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl tentang *berlahjah* „*arabiyyah* atau *Luhūn al-„arab*, seperti berikut:<sup>452</sup>

1. Tarannum: Mahir dalam ilmu *maqām*
2. Ketepatan tajwid: Sempurna segala tuntutan hukum tajwid

<sup>450</sup> Dato<sup>o</sup> Hj. Ahmad Faizul bin Ghazali (Qariah Pahang, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 3 November 2017 .

<sup>451</sup> Lihat juga Abū „Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Ansāriy al-Qurṭubī, *al-Jāmi, li Āhkām al-Qur’ān*, 34.

<sup>452</sup> Ustaz Hj. Yahya bin Daud (Qari Kelantan, johan Peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 30 September 2008.

3. *Faṣāḥah al-Lisān*: Ketepatan menyebut huruf, kalimah, makhraj dan sifat
4. *Tahṣīn al-Ṣawt*: Cara mengeluarkan suara atau *tabaqāt* suara.

### 3.2.4 *Uslūb al-Qirā'ah*

*Uslūb Qirā'ah* ialah gaya bacaan yang merangkumi beberapa perkara seperti teknik-teknik suara dalam bacaan tarannum, kemahiran menyusun tarannum, sistem harakat, elemen-elemen kecil dalam seni, dalam bacaan bertarannum dan lain-lain.<sup>453</sup>

Dalam membincangkan *Uslūb Qirā'ah* Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, Datuk Hj. Nik Ja'afar telah mengemukakan beberapa metode penting di dalam bukunya *Qawa'id al-Tarannum*. Beliau telah mengutarakan berkenaan ciri-ciri persembahan tarannum yang menarik adalah mengandungi perkara-perkara berikut.<sup>454</sup>

1. Mengandungi beberapa jenis tarannum yang berlainan tanpa *takrīr*.
2. Mengandungi beberapa *tabaqāt* suara yang disusun mengikut tekniknya.
3. Tarannum pembuka dan tarannum penutup hendaklah daripada jenis yang sama.

Beliau juga menambah lagi bahawa ciri-ciri persembahan tarannum yang baik ialah mempunyai:

1. Susunan *harakāt*nya yang rapi dan bersistematik.
2. Susunan tarannumnya rapi dan bersesuaian.
3. Penyesuaian tarannum dengan ayat.
4. Penyesuaian tarannum dengan hukum tajwid.
5. Penyesuaian suara dengan tarannum.
6. Pengendalian suara dan tarannumnya dengan *berlahjah ṣarabiyah*.

<sup>453</sup> Anuar bin Hasin, *Transformasi Penyelidikan Dalam Bidang Pengajian Islam* (Kuala Lumpur: Bahagian Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012), 156.

<sup>454</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawa'id al-Tarannum*, 124 dan 125.

Menurut beliau, kebanyakan metode-metode beliau ini adalah dihasilkan berdasarkan *Uslūb* yang digunakan oleh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam bacaannya. Datuk Hj. Nik Jaafar adalah salah seorang daripada murid Hj. Mat Som Pergau dan Hj. Mat Som Pergau pula merupakan salah seorang anak murid Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang banyak mempelajari *Uslūb Qirāʾah* Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl.<sup>455</sup>

Menurut Dr. Anuar Hasin, *Uslūb Qirāʾah* Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mempunyai satu kaedah sistemetik yang mempunyai perbezaan *Uslūb* dengan bacaan qari-qari lain. Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl tidak memulakan bacaannya dengan *ṭabaqāt* suara yang tinggi, akan tetapi bermula dengan rendah iaitu *Qarār* kemudian naik kembali hingga ketinggian paling atas dan mengakhiri bacaan dengan *Qarār* semula. Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl juga tidak membawa tarannum yang bercampur aduk, beliau mempunyai burdah-burdah suara yang amat halus dan ada juga yang kasar dan mengolah bacaanya dengan penuh ketertiban.<sup>456</sup>

Ustaz Wan Hilmi Wan Abdullah telah menyenaraikan dalam bukunya "*Fannu Tilawah al-Quran*" beberapa *Uslūb Qirāʾah* Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, iaitu:<sup>457</sup>

1. Beliau memulakan bacaan dengan suara yang rendah kemudian meneruskan dengan menaikkan sedikit suaranya ke tahap pertama. Kemudian menaikkan lagi suaranya ke tahap kedua, kemudian sampai ke tahap ketiga dan turun semula ke tahap *Qarār*. Kemudian ia naik semula satu persatu tahap sehingga mencapai peringkat yang tertinggi dan akhirnya turun semula ke *Qarār*.

---

<sup>455</sup> Datuk Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, (Qari Kelantan, Hakim tarannum Peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis pada 22 Julai 2018.

<sup>456</sup> Anuar bin Hasin, *Transformasi Penyelidikan Dalam Bidang Pengajian Islam*, 157.

<sup>457</sup> Wan Hilimi Wan Abdullah, *Fannu al-Tilawah* (Bangi: Jabatan Agama Pengajian al-Quran dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia), 80.

2. Beliau berpindah daripada satu lagu usul kepada lagu cabang dengan penuh keyakinan tanpa teragak-agak di samping selari dengan kaedah-kaedah *qirā'āt* dan makna ayat yang dibaca.
3. Beliau mampu menyesuaikan bacaanya dengan hukum-hukum, tafsir, ilmu *Qirā'āt* dan irama suara.
4. Sesungguhnya Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl tidak membaca ayat-ayat sahaja bahkan dengan bertadabbur ayat-ayat tersebut.
5. Suara beliau mempunyai pelbagai *tabaqāt* yang bersesuaian dengan kehendak al-Quran yang dapat sampai maksud kepada pendengar.

Menurut Kamāl al-Najmī, bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl mengandungi *Uslūb Qirā'ah* berikut:<sup>458</sup>

1. Suara yang baik
2. Persembahan yang menarik
3. Perpindahan *maqām-maqām* lagu
4. Waqaf bacan yang baik
5. Kebolehan mengolah ayat-ayat al-Quran dalam bacaannya.

Dengan *Uslūb Qirā'ah* ini menjadi identiti kepada bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl. Secara tidak langsungnya juga menajadi ukuran asas kepada qari-qari yang ingin mengamalkan gaya tarannum mengikut alirannya.

---

<sup>458</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl*, 109.

### 3.3 METODE PENGGUNAAN TARANNUM

#### 3.3.1 Tarannum Tersusun

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl merupakan seorang qari yang berseni dan pandai menyusun tarannum dalam bacaannya dengan tertib dan rapi. Sepertimana dijelaskan oleh Shukrī al-Qāḍī bahawa bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl membaca mengikut tertib lagu. Beliau berkata:

« أنه قارئ فنان يبدأ يترتب النغمات وينتقل من نغمة إلى أخرى ..... ».

Terjemahan: Sesungguhnya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl adalah seorang qari yang berseni. Beliau memulakan bacaannya dengan tarannum yang tertib dan beliau memindahkan satu lagu kepada lagu yang lain.....<sup>459</sup>

Tarannum yang tersusun dimaksudkan di sini ialah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl menyusun lagu mengikut *maqām-maqām* lagu itu sendiri seperti beliau memulakan dengan lagu yang disebut sebagai *maqām* asas *bayyātī*, *hijaz*, *nahāwan*, *rast*, *sikāh*, *ḥijāz* dan *jihārkah*. Kebiasaannya dalam satu persembahan, beliau membaca melebihi tiga tarannum.

Maksud tersusun atau tertib ini juga memberi maksud tiga aspek utama:

1. Tidak mencampur aduk tarannum dengan tarannum lain
2. Ketepatan irama pemindahan tarannum *uṣūl*.
3. Penyesuaian dalam *tabaqāt* suara.

Hal ini dapat dilihat susunan tarannum yang menjadi amalan dalam persembahan bacaan beliau, di antara contoh-contoh bacaan beliau:

---

<sup>459</sup> Shukrī al-Qāḍī, „*Abūqirah al-Tilāwah fī al-Qarn al-Isḥrīn*, 78.

1. Surah al-Baqarah ayat 183-187<sup>460</sup>

Tarannum: *Bayyātī – Husaynī – Rast – Bayyātī*

2. Surah al-Baqarah ayat 238- 252 + Surah al-Ṭārīq ayat 1-17 + al-Sharḥ ayat 18<sup>461</sup>

Tarannum: *Bayyātī – Husaynī – Ṣabā – Nahawand – Rast – Sīkāh – Bayyātī*

3. Surah Alī-Imrān ayat 118-126<sup>462</sup>

Tarannum: *Bayyātī – Husaynī – Ṣabā – Rast – Bayyātī*

4. Surah Alī-Imrān ayat 171-195<sup>463</sup>

Tarannum: *Bayyātī – Husaynī – Ṣobā – Nahawand – Rast – Bayyātī*

5. Surah al-Nalm ayat 31-62<sup>464</sup>

Tarannum: *Bayyātī – Husaynī – Ṣobā – Ḥijāz- Nahawand – Bayyātī*

6. Surah Luqmān ayat 1-34 + Surah al-Nāzi,āt ayat 15-41, al-,Alaq ayat 1-8<sup>465</sup>

Tarannum: *Bayyātī – Husaynī – Ṣobā– Nahawand- Sīkāh – Nahawand- Rast – Bayyātī*

7. Surah al-Ḥujurāt ayat 13-18 + surah Qāf ayat 1-7<sup>466</sup>

Tarannum: *Bayyātī – Husaynī – Ṣobā– Husaynī–Rast – Bayyātī*

<sup>460</sup> Laman sesawang *youtube*, dicapai 1 Jun 2016, <https://www.youtube.com/watch?v=RGyAwPfyJqE>

<sup>461</sup> Laman sesawang *youtube*, dicapai 1 Jun 2016, <https://www.youtube.com/watch?v=7IYQIKlbcg0>

<sup>462</sup> Laman sesawang *youtube*, dicapai 1 Julai 2017, <https://www.youtube.com/watch?v=RIINa7DdWzVg>

<sup>463</sup> Laman sesawang *youtube*, dicapai 25 Oktober 2018, [https://www.youtube.com/watch?v=sCYQqWc\\_tRc](https://www.youtube.com/watch?v=sCYQqWc_tRc)

<sup>464</sup> Laman sesawang *youtube*, dicapai 1 Jun 2016, <https://www.youtube.com/watch?v=7IOv6ol40jE>

<sup>465</sup> Laman sesawang *youtube*, dicapai 25 oktober 2018, <https://www.youtube.com/watch?v=5PBPhZHPmLU>

<sup>466</sup> Laman sesawang *youtube*, dicapai 25 oktober 2018, <https://www.youtube.com/watch?v=dTG6froZY3w>

### 3.3.2 Tarannum Pelbagai

Dalam persembahan bacaan tarannum, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl membawa tarannum yang pelbagai. Seperti dikatakan oleh Kamāl Najmī:

« وكان يتماشى مع هذه المقامات المختلفة ».

Terjemahan: Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl melakukan pergerakan dalam bacaannya berserta dengan tarannum yang pelbagai.<sup>467</sup>

Kamāl Najmī menyebut juga:

« وكان ينتقل بين المقامات الأصلية والفرعية ببراعة فائقة ».

Terjemahan: Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl memindahkan di antara *maqām-maqām* lagu yang *aṣlī* dan *farʿī* dengan kemahiran yang tinggi.<sup>468</sup>

Datuk Hj. Nik Jaafar mengatakan, kepelbagaian bacaan tarannum bermaksud membaca dengan lagu yang berbeza-beza dan penyesuaian lagu-lagu *uṣūl* dimasukkan ke dalam lagu-lagu *furūʿ*, dikalangan qari-qari yang muktabar seperti Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Dengan lebih jelas lagi beliau telah mengemukakan jenis-jenis tarannum *uṣūl* yang berseiringan dengannya iaitu tarannum *furūʿ*. Setiap lagu *uṣūl* ada *furūʿ*,nya yang tersendiri. Tarannum yang berseiringan dengan *bayyātī* seperti *ḥusaynī*, *kurdī*, *ʿirāqī*. Mengikut keterangan Shaykh Dr. Ahmad Nuʿayna, merupakan salah seorang anak murid Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mengatakan bahawa *ḥusaynī* itu adalah cabangan kepada tarannum *uṣūl* iaitu iaitu *bayyātī aṣlī*, *bayyātī khiyār*, *bayyātī ḥusaynī* dan *bayyātī shūrī*.<sup>469</sup>

<sup>467</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl*, 45.

<sup>468</sup> *Ibid*, 44.

<sup>469</sup> Hj. Nik Jaafar Nik Ismail, *Buku Qawaʿid al-Tarannum*, 130.

Menurut Ustaz Hj. Muhammad Anuar Ghazali, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl telah menggabungkan bacaan beliau lagu *uṣūl* dengan lagu *furuʿ* seperti:<sup>470</sup>

1. *Bayyātī Aṣlī*
2. *Bayyātī Ḥusaynī*
3. *Bayyātī Shūrī*
4. *Bayyātī Kurdī*
5. *Ṣabā „Ajam*
6. *Nahāwand „Ajam*
7. *Ḥijāz „Irāqī* dan lain-lain

Hal ini disokong oleh Datuk Hj. Nik Jaafar bahawa setiap tarannum *uṣūl* ada jenis tarannum *furuʿ*, lain yang berseiringan dengannya. Seperti penjelasan berikut:<sup>471</sup>

1. Tarannum yang beriringan dengan tarannum *bayyātī* seperti *ḥusaynī*, *kurdī*, *shūrī*, *irāqī* dan lain-lain.
2. Tarannum yang beriringan dengan tarannum *ḥusaynī* seperti *bayyātī*, *kurdī*, *ṣabā* dan „*ajam*
3. Tarannum yang beriringan dengan tarannum *kurdī* seperti *nahawand*, „*ajam*, *ṣabā* dan *ḥusaynī*
4. Tarannum yang beriringan dengan tarannum *ṣabā* seperti tarannum *bayyātī*, *kurdī*, „*irāqī*, *ḥusaynī* dan „*ajam*
5. Tarannum yang beriringan dengan tarannum *ḥijāz* seperti tarannum „*irāqī*, *nahāwand*, *sikāh* dan *ḥusaynī*

---

<sup>470</sup> Ustaz Hj. Muhammad Anuar bin Ghazali (Qariah Kelantan, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 4 November 2017 .

<sup>471</sup> Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawa'id al-Tarannum*, 129, 131, 133, 135, 137, 138, 140, 143, 145 dan 147

6. Tarannum yang beriringan dengan tarannum „*iāqī* seperti tarannum *ḥijāz*, *ṣabā*, *nahāwand* dan *kurdī*
7. Tarannum yang beriringan dengan tarannum *nahāwand* seperti „*ajam*, *rast*, *kurdī* dan „*iāqī*
8. Tarannum yang beriringan dengan tarannum *rast* seperti *sīkāh*, *jihārkāh*, *ḥusaynī* dan lain-lain
9. Tarannum yang beriringan dengan tarannum *sīkāh* seperti tarannum *rast*, *jihārkāh*, *ḥijāz* dan *ḥusaynī*
10. Tarannum yang beriringan dengan tarannum *jihārkāh* seperti tarannum *rast* *sīkāh*, *ṣabā* dan *ḥusaynī*

### 3.3.3 *Ḥarakāt* Dalam Tarannum

*Ḥarakāt* bermaksud suatu alunan irama lagu yang mengandung beberapa *qitʿah* dengan satu *maḥaṭṭah* tertentu. Dengan makna lain ialah setiap alunan pergerakan dalam bacaan. Menurut Datuk Hj. Nik Jaafar, di antara ciri-ciri kehebatan dan kecanggihan *harakat* itu adalah.<sup>472</sup>

1. *Ḥarakāt* yang mempunyai *salālim nuzūl* iaitu tangga-tangga untuk menurun
2. *Ḥarakāt* yang mempunyai *salālim suʿūd* iaitu tangga-tangga menaik
3. *Harakat* yang mempunyai *wuṣlah al-mumāthalah* iaitu gabungan dua angin lagu atau lebih
4. *Ḥarakāt* yang mempunyai *ikhtilāl al-laḥn* iaitu kesumbangan untuk menurun atau menaik
5. *Ḥarakāt* yang mempunyai *burdah* yang tersusun iaitu bunga-bunga yang menarik.

---

<sup>472</sup> *Ibid*, 127

Ternyata ciri-ciri tersebut terdapat pada bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. *Ḥarakāt* yang dibawa oleh beliau tidak kurang daripada 4 *ḥarakāt* pada setiap lagu. *Ḥarakāt* yang paling banyak ialah pada lagu *bayyātī* dan *ḥusaynī*, kadangkala melebihi 10 harakat. Jumlah pergerakan harakat yang tidak terhad. Sepertimana contoh, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl membaca pada surah al-Baqarah ayat 238-246.<sup>473</sup>

Jadual 6: Contoh Aplikasi *ḥarakāt* dalam bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl

| TARANNUM BAYYĀTĪ |               |                                                                                                                                |
|------------------|---------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| ḤARAKĀT          | ṬABAQĀT SUARA | AYAT                                                                                                                           |
| 1                | Qarār         | أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ                                                                                 |
| 2                | Qarār         | بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾                                                                                      |
| 3                | Qarār         | حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَى وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ ﴿٢٣٨﴾                                        |
| 4                | Qarār         | فَإِنْ خِفْتُمْ فِرَاجًا أَوْ رُكْبَانًا                                                                                       |
| 5                | Qarār         | فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَأَذْكُرُوا اللَّهَ كَمَا عَلَّمَكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٩﴾                                 |
| 6                | Qarār         | حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَى وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ ﴿٢٣٨﴾                                        |
| 7                | Qarār         | فَإِنْ خِفْتُمْ فِرَاجًا أَوْ رُكْبَانًا                                                                                       |
| 8                | Qarār         | فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَأَذْكُرُوا اللَّهَ كَمَا عَلَّمَكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٩﴾                                 |
| 9                | Nawā          | وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا وَصِيَّةً لِأَزْوَاجِهِمْ مَّتَّعًا إِلَى الْحَوْلِ غَيْرَ إِخْرَاجٍ |

<sup>473</sup> Laman sesawang youtube, dicapai 25 oktober 2018, <https://www.youtube.com/watch?v=5k5oHLX5vm0>

| 10                      | Nawā          | فَإِنْ خَرَجْنَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ مِنْ مَّعْرُوفٍ                                              |
|-------------------------|---------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 11                      | Nawā          | وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٤٠﴾                                                                                                          |
| 12                      | Nawā          | وَالْمُطَلَّقَاتُ مَتَّعٌ بِالْمَعْرُوفِ ۖ                                                                                               |
| 13                      | Nawā          | حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴿٢٤١﴾                                                                                                         |
| 14                      | Nawā          | وَالْمُطَلَّقَاتُ مَتَّعٌ بِالْمَعْرُوفِ ۖ                                                                                               |
| 15                      | Nawā          | حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴿٢٤١﴾                                                                                                         |
| 16                      | Nawā          | كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢٤٢﴾                                                               |
| 17                      | Jawāb         | أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ الْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ اللَّهُ مُوتُوا ثُمَّ أَحْيَاهُمْ   |
| 18                      | Jawāb         | إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٢٤٣﴾                                             |
| TARANNUM BAYYĀTĪḤUSAYNĪ |               |                                                                                                                                          |
| ḤARAKĀT                 | ṬĀBAQĀT SUARA | AYAT                                                                                                                                     |
| 19                      | Jawāb         | وَقَتِّلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٤﴾                                                          |
| 20                      | Jawāb         | أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ الْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ اللَّهُ مُوتُوا ثُمَّ أَحْيَاهُمْ ۖ |
| 21                      | Jawāb         | إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٢٤٣﴾                                             |
| 22                      | Jawāb         | وَقَتِّلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٤﴾                                                          |
| 23                      | Jawāb         | مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُ أَزْوَاجًا كَثِيرَةً ۖ                                               |
| 24                      | Jawāb         | وَاللَّهُ يَقْضِي وَيَبْضُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾                                                                                |
| 25                      | Jawāb         | أَلَمْ تَرَ إِلَى آلِ الْمَلِكِ مِنْ بَنِي إِسْرَءِيلَ مِنْ بَعْدِ مُوسَى إِذْ قَالُوا لِنَبِيِّ لَهُمْ                                  |

|    |       |                                                                                                                                        |
|----|-------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |       | أَبْعَثْ لَنَا مَلِكًا                                                                                                                 |
| 26 | Jawāb | إِذْ قَالُوا لِنَبِيِّ لَهُمْ أَبْعَثْ لَنَا مَلِكًا نُقَاتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ                                                     |
| 27 | Jawāb | قَالَ هَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ أَلَّا تُقَاتِلُوا                                                             |
| 28 | Jawāb | قَالُوا وَمَا لَنَا أَلَّا نُقَاتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَقَدْ أُخْرِجْنَا مِنْ دِينِنَا وَأَبْنَائِنَا                               |
| 39 | Jawāb | فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقِتَالُ تَوَلَّوْا إِلَّا قَلِيلًا مِنْهُمْ                                                              |
| 30 | Jawāb | وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٢٤١﴾                                                                                                |
| 31 | Jawāb | وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٢﴾                                                         |
| 32 | Jawāb | أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ الْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ اللَّهُ مُوتُوا ثُمَّ أَحْيَاهُمْ |
| 33 | Jawāb | إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٢٤٣﴾                                           |
| 34 | Jawāb | وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٤﴾                                                         |
| 35 | Jawāb | مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً                                               |
| 36 | Jawāb | وَاللَّهُ يَقْضِي وَبِضْطٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾                                                                                |
| 37 | Jawāb | أَلَمْ تَرَ إِلَى الْأَمْلَآءِ مِنْ بَنِي إِسْرَءِيلَ مِنْ بَعْدِ مُوسَى إِذْ قَالُوا لِنَبِيِّ لَهُمْ أَبْعَثْ لَنَا مَلِكًا          |
| 38 | Jawāb | إِذْ قَالُوا لِنَبِيِّ لَهُمْ أَبْعَثْ لَنَا مَلِكًا نُقَاتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ                                                     |
| 39 | Jawāb | قَالَ هَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ أَلَّا تُقَاتِلُوا                                                             |
| 40 | Jawāb | قَالُوا وَمَا لَنَا أَلَّا نُقَاتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَقَدْ أُخْرِجْنَا مِنْ دِينِنَا وَأَبْنَائِنَا                               |
| 41 | Jawāb | فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقِتَالُ تَوَلَّوْا إِلَّا قَلِيلًا مِنْهُمْ                                                              |
| 42 | Jawāb | وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٢٤٦﴾                                                                                                |

### 3.3.4 Tarannum Permulaan Dan Penutup

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl memulakan bacaannya dengan tarannum *bayyātī* dan menutup bacaannya juga dengan tarannum yang sama iaitu *bayyātī*. Ini menunjukkan bahawa penyamaan atau keselarasan dalam bacaan dan menunjukkan satu persembahan itu menarik. Boleh dikatakan keseluruhannya bacaan beliau mesti sama dengan tarannum permulaan dan tarannum penutup.

### 3.3.5 Quflah

Setiap tarannum yang dibawa oleh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mempunyai alunan penutupnya. Sebelum berpindah kepada tarannum yang lain, terdapat *ḥarakāt* yang mempunyai gaya alunan atau irama penutup. *Ḥarakāt* penutup itu ada 2 bentuk:

1. *Salālim Nuzūl*- Akhir pada setiap lagu dengan *ṭabaqāt qarār*
2. *Salālim Ṣu,ūd*- Akhir pada setiap lagu dengan *ṭabaqāt jawāb-al-jawāb*

### 3.3.6 Penyesuaian Tarannum Dengan Ayat

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl sangat memberi penekanan dari sudut penyesuaian ayat dengan lagu. Terdapat pelbagai jenis ayat dalam al-Quran unsur-unsur seperti perintah, khabar gembira, peringatan, azab, sedih dan sebagainya.

Menurut „Aṭiyyah „Abd al-Khāliq, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl merupakan qari yang terbaik bacaannya kerana beliau mampu menyesuaikan makna ayat dengan lagu. Sebagai contoh, lagu *ṣabā* untuk ayat yang sedih atau azab. Lagu *sīkāh* dan *rast* pula adalah untuk ayat-ayat yang berbentuk khabar gembira. Sesungguhnya beliau adalah qari yang arif ilmu seni lagu dan ilmu *qirāʾāt*.<sup>474</sup>

---

<sup>474</sup> „Aṭiyyah „Abd al-Khāliq & Nahīd Aḥmad Ḥafīz, *Fann Tarbiyah al-Ṣawt wa „Ilm al-Tajwīd*, 174.

Menurut Ustaz Hj. Abd Rahim Ahmad, bacaan tarannum Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mempunyai sifat-sifat tertentu penyesuaian ayat, iaitu:<sup>475</sup>

1. Tarannum *bayyātī*- bersifat bebas dan neutral sesuai untuk ayat cerita, hukum dan lain-lain.
2. Tarannum *Ṣabā*- bersifat sedih seperti air mata mengalir sesuai pada ayat-ayat azab, surga, neraka.
3. Tarannum *Hijāz*- bersifat kebimbangan dan dukacita yang sesuai untuk ayat perjuangan, pengorbanan
4. Tarannum *Rast*- bersifat gembira, semangat dan cergas yang sesuai untuk ayat-ayat hukum
5. Tarannum *Sīkāh*- bersifat mengharap dan berkehendak yang sesuai untuk ayat-ayat berkaitan dengan doa
6. Tarannum *Nahāwand*- bersifat kasih sayang dan kelembutan yang sesuai untuk ayat kisah para nabi
7. Tarannum *Jihārkāh*- bersifat meredai, pasrah, kegembiraan dan kemenangan yang sesuai untuk ayat doa, pedoman dan kejayaan.

Berdasarkan penyelidikan penulis pada bacaan al-Quran Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, beliau memasang lagu itu mengikut kesesuaian maksud ayat. Hal ini dapat dibuktikan dalam beberapa bacaan beliau, antaranya:

---

<sup>475</sup> Ustaz Hj. Abd Rahim Ahmad (Qariah Kelantan, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2017. Lihat juga Hj Abd Rahim Ahmad, *Kursus Tarannum al-Quran* (Bangi: Jabatan Pengajian al-Quran Dan al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010) kertas kerja 27 Februari hingga 25 September.

### Contoh Tarannum *Bayyātī*:<sup>476</sup>

﴿ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ آدَمَ وَنُوحًا وَإِبْرَاهِيمَ ۖ وَآلَ عِمْرَانَ عَلَى الْعَالَمِينَ ﴾ (٣٣) ذُرِّيَّتَهُ بِعَصَاهَا مِنْ بَعْضِ ٱلَّذِينَ سَمِعَ عَلَيْهِمُ ۖ (٣٤) إِذْ قَالَتِ امْرَأَتُ عِمْرَانَ رَبِّ إِنِّي نَذَرْتُ لَكَ مَا فِي بَطْنِي مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ مِنِّي إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۖ (٣٥) فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ ۖ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا وَضَعْتَ وَلَيْسَ الذَّكَو كَالْأُنْثَىٰ ۖ وَإِنِّي سَمَّيْتُهَا مَرْيَمَ وَإِنِّي أُعِيذُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ۖ (٣٦) فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا الْمِحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا قَالَ يَنُورِي أُنْثَىٰ لَكَ هَذَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ۖ (٣٧) هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُ ۖ قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ ۖ (٣٨) فَنَادَتْهُ الْمَلٰٓئِكَةُ وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي فِي الْمِحْرَابِ أَنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحْيٰى مُصَدِّقًا بِكَلِمَةٍ مِنَ اللَّهِ وَسَيِّدًا وَحَصُورًا وَنَبِيًّا مِنَ الصَّٰلِحِينَ ۖ (٣٩) قَالَ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَقَدْ بَلَغَنِيَ الْكِبَرُ وَامْرَأَتِي عَاقِرٌ قَالَ كَذٰلِكَ ٱللَّهُ يَفْعَلُ مَا يَشَآءُ ۖ (٤٠) قَالَ رَبِّ اجْعَلْ لِي ءَايَةً قَالَ ءَايَتُكَ ٱلْأَن تَكَلِّمَ النَّاسَ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ إِلَّا رَمْرًا وَٱذْكُرْ رَبَّكَ كَثِيرًا وَسَتَحِبَّ بِٱلْعَشِيِّ وَٱلْإِبْكَرِ ۖ ﴿٤١﴾

Alī ,Imrān 3: 33-41

Dalam ayat ini, secara keseluruhannya bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl telah menggunakan *maqām bayyātī* dan *ḥusaynī* disebut juga *bayyātī ḥusaynī*. Kerana *ḥusaynī* adalah sebahagian daripada *maqām bayyātī*. Bersesuaian dengan maksud ayat iaitu Allah (S.W.T) mengisahkan tentang cerita atau kisah keluarga Alī ,Imrān berkaitan dengan zuriat keturunan yang baik. Ayat ini juga mengisahkan tentang Mariam dengan nabi Zakaria (a.s). Pemilihan *maqām bayyātī* ini amat sesuai kerana keseluruhan ayat ini dalam keadaan Allah (S.W.T) bercerita.

<sup>476</sup> Laman sesawang youtube, <https://www.youtube.com/watch?v=BoXhCh5qSBw>

### Contoh Tarannum *Ṣabā*:<sup>477</sup>

﴿وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا ءَاتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخُلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَاللَّهُ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ﴾  
﴿لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا وَقَتْلَهُمُ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَقَوْلُ دُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ﴾<sup>(١٨١)</sup> ﴿ذَلِكَ بِمَا قَدَّمْتُمْ أَيْدِيَكُمْ وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ﴾<sup>(١٨٢)</sup> ﴿الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ عَهِدَ إِلَيْنَا أَلاَّ نُؤْمِنَ لِرَسُولٍ حَتَّىٰ يَأْتِينَا بَقُرْبَآنٍ تَأْكُلُهُ النَّارُ قُلْ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ قَبْلِ بِالْبَيِّنَاتِ وَالَّذِي قُلْتُمْ فَلِمَ قَتَلْتُمُوهُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ﴾<sup>(١٨٣)</sup> ﴿إِنْ كَذَّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ رَسُولٌ مِّنْ قَبْلِكَ جَاءُوا بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَالْكِتَابِ الْمُنِيرِ﴾<sup>(١٨٤)</sup> ﴿كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ فَمَن زُحْجَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ﴾<sup>(١٨٥)</sup>

Alī, Imrān 3: 180-185

Kesimpulan maksud ayat tersebut, bahawa ayat ini berbentuk seksa dan azab. Penegasan Allah (S.W.T) terhadap orang-orang yang bakhil dengan hartanya akan di seksa di hari akhirat kelak. Bergitu juga kaum yahudi yang melanggar perintah Allah (S.W.T), lalu Allah mengatakan: “*Rasalah kamu azab seksa yang sentiasa membakar. (Azab seksa) yang demikian itu ialah disebabkan perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri.* Dalam ayat ini juga Allah (S.W.T) menegaskan bahawa ingatlah manusia akan mati dengan berfirman: *Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu*”.

<sup>477</sup> Eslam Elesawy, laman sesawang [youtube](https://www.youtube.com/watch?v=sCYQqWc_tRc), dicapai 24 Disember 2010, [https://www.youtube.com/watch?v=sCYQqWc\\_tRc](https://www.youtube.com/watch?v=sCYQqWc_tRc)

### Contoh Tarannum *Rast*:<sup>478</sup>

﴿شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى  
وَالْفُرْقَانِ ۚ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ  
مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ  
وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ﴾ (١٨٥)

Al-Baqarah 2: 185

Kesimpulan ayat ini, menunjukkan bahawa Allah (S.W.T) mengenai bulan Ramadan adalah bulan yang paling mulia dan banyak kelebihanannya disisinya disediakan untuk orang-orang yang beriman. Ayat ini berbentuk bersifat gembira dan semangat dengan ganjaran istimewa yang diberikan oleh Allah (S.W.T) kepada hamba-hambanya. Maka ayat yang seumpama ini, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl menyesuaikan dengan tarannum *rast*.

### Contoh Tarannum *Jihārkaḥ*:<sup>479</sup>

﴿إِنَّمَا مَثَلُ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ ءَادَمَ ۖ خَلَقَهُ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ، كُنْ فَيَكُونُ ﴿٥٩﴾  
الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُنْ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿٦٠﴾﴾

Alī, Imrān 3: 59-60

Dalam ayat tersebut, menunjukkan unsur redha atau pasrah. Allah (S.W.T) menceritakan tentang kejadian Nabi Isa (a.s) kejadian Nabi Adam (a.s) adalah sama. Parkara tersebut adalah benar di sisi Allah (S.W.T).

<sup>478</sup> Naser Elashry, laman sesawang [youtube](https://www.youtube.com/watch?v=RGyAwPfyJqE), dicapai 7 Mei 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=RGyAwPfyJqE>

<sup>479</sup> Naser Elashry, laman sesawang [youtube](https://www.youtube.com/watch?v=BoXhCh5qSBw), dicapai 5 Disember 2015, <https://www.youtube.com/watch?v=BoXhCh5qSBw>

### 3.3.7 *Intiqāl al-Maqām* (Perpindahan *Maqām* Tarannum)

Perpindahan makam lagu bermaksud perpindahan kedudukan lagu-lagu (tarannum) dalam bacaan. Seperti yang telah maklum bahawa tarannum mempunyai *maqām uṣūl* atau *furū*,. Tarannum *uṣūl* ialah *bayyātī*, *ḥijāz*, *ṣobā*, *nahāwand*, *rast*, *sīkāh* dan *jihārkāh*. Tarannum *furū*, ialah *ḥusaynī*, *kurdī*, *irāqī*, *ruqbī*, *shūrī* dan lain-lain.

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl berkeupayaan untuk melakukan pemindahan *maqām* lagu yang mengikut kesesuaian ayat. Ini disebabkan ayat al-Quran mengandungi pelbagai jenis yang memerlukan *maqām* lagu yang sesuai dengan ayat tersebut. Sebagaimana yang diutarakan oleh Nabīl Ḥanafī dengan katanya: “*Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl sangat berkemampuan dalam melakukan pertukaran atau pemindahan maqām lagu kepada maqām lagu yang lain dalam bacaan al-Quran*”.<sup>480</sup>

Menurut Kamāl Najmī pula beliau berkata; “*Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam bacaannya daripada kesedihan kepada kelembutan kemudian kepada kekuatan dan semangat dengan sekelip mata*”.<sup>481</sup> Pernah aku mendengar bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam keadaan bersedih. Beliau telah membaca dengan *maqām ṣabā* yang terkenal dengan sifat sedih, maka terpancarlah dikrongsong beliau unsur-unsur kesucian, keunikan dan kekuatan yang seolah-olah ia dibanjiri dengan air mata. Kemudian apabila sampai kepada ayat-ayat yang berunsur ketegasan, semangat atau kekuatan, maka beliau memindahkan pula dengan *maqām rast* yang menggambarkan seperti anak panah dalam peperangan”.<sup>482</sup>

---

<sup>480</sup> Nabīl Ḥanafī, *Nujūm al-Asr al-Dhahbī li al-Dawlah al-Tilāwah* (Kaherah: Dār Akhbar al-Yawm, 2011), 158.

<sup>481</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl*, 171.

<sup>482</sup> *Ibid*, 16.

Secara peribadi penulis berpandangan, proses pemindahan lagu oleh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl ini adalah bertujuan untuk:

1. Menyesuaikan dengan kehendak ayat
2. Menambahkan kesenian dan kelembutan dalam bacaan
3. Mempelbagaikan tarannum

### 3.3.8 *Takrīr*

*Takrīr* yang dimaksudkan pengulangan dalam bacaan. Menjadi kewajipan dalam bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl melakukan *takrīr*. Bacaan *takrīr* ini sebenarnya ada mesej yang hendak disampaikan oleh beliau. Pada pandangan penulis, terdapat beberapa *takrīr* yang berlaku dalam bacaan beliau, iaitu:

1. *Takrīr* pada ayat

Jika diteliti, setiap kali dalam persembahan bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl melakukan *takrīr* pada ayat dan begitu juga yang berlaku pada qari-qari yang lain. *Takrīr* tidak berlaku pada semua ayat akan tetapi ia berlaku pada ayat-ayat tertentu dari segi makna ayat yang penting. Maka beliau memberi penekanan pada ayat tersebut. Kebiasaannya beliau akan membaca dengan *takrīr* pada dua atau tiga kali pada ayat tersebut. Seperti contoh yang mana beliau telah melakukan *takrīr* sebanyak dua kali menyatakan kelebihan orang yang berinfaq.

Seperti Firman Allah (S.W.T):<sup>483</sup>

﴿مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ﴾

Al-Baqarah 2: 245

<sup>483</sup> Eslam Eesawy, laman sesawang youtube, dicapai 25 Disember 2010, <https://www.youtube.com/watch?v=5k5oHLX5vm0>

Terjemahan: Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah (S.W.T), pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya di jalan Allah), maka Allah (S.W.T) akan melipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak. Dan Allah (S.W.T) menyempitkan dan melapangkan (rezeki) dan kepadaNya kamu dikembalikan.

## 2. *Takrīr Tarannum*

Iaitu berlaku pada tarannum *bayyātī* pada permulaan membaca dan mengakhiri bacaan juga dengan tarannum *bayyātī*. Kadangkala berlaku juga pada tarannum yang lain seperti beliau membaca dengan tarannum *rast* kemudin pindah pada tarannum *jihārkāh*, kemudian beliau pindahkan pula dengan tarannum *rast*.

## 3. *Takrīr burdah*

Iaitu *takrīr* pada bunga-bunga lagu yang berlaku pada *ḥarakāt-ḥarakāt* lagu. *Takrīr burdah* ini berlaku pada tempat-tempat tertentu sahaja

## 4. *Takrīr Qirā'āt*

Iaitu beliau melakukan *takrīr* apabila ada ayat yang terdapat khilaf bacaan imam-imam *Qirā'āt*

## 5. *Takrīr ṭabaqāt* suara

Iaitu ia berlaku apabila berlaku pada *takrīr* tarannum.

### 3.3.9 *Wuṣlah al-Mumāthalah*

Menurut Ustaz Hj. Muhammad Anuar Ghazali, Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl telah menggunakan elemen-elemen yang luar biasa iaitu melakukan *Wuṣlah al-*

*mumāthalah* iaitu satu gaya harakat yang bercampur dari dua lagu yang berlainan. Terdapat berlaku dalam tiga keadaan, iaitu:<sup>484</sup>

1. *Wuṣlah al-mumāthalah* dalam satu tarannum

Iaitu dalam satu lagu di*wuṣlahkan* satu harakat dengan lagu lain, kemudian kembali kepada lagu asal.

2. *Wuṣlah al-mumāthalah* dalam satu harakat

Iaitu berlaku satu harakat itu dicampur dengan lagu yang lain dan kemudian kembali kepada lagu asal sebelum waqaf pada harakat tersebut.

3. *Wuṣlah al-mumāthalah* perpindahan kepada tarannum lain

Iaitu perpindahan harakat lagu akhir digabungkan dengan harakat pertama lagu lain.

### 3.4 METODE SUARA DALAM TARANNUM

#### 3.4.1 Suara Pelbagai

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mempunyai suara yang amat merdu. Persembahan beliau dapat memukau dan menarik perhatian pendengar. Sehingga pendengar bertakbir kerana kagum dengan bacaan dan kelunakan suara beliau. Allah (S.W.T) menganugerahkan kepada beliau seni suara yang asli yang sifat semulajadi. Namun ia tidak dapat dipertikaikan lagi oleh sesiapa pun.

Nabīl Ḥanafī telah menyebut: “*Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mempunyai suara yang luas melebihi (knot-knot) muzik*”.<sup>485</sup>

<sup>484</sup> Ustaz Hj. Anuar bin Ghazali (Qariah Kelantan, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 4 November 2017 .

<sup>485</sup> Nabīl Ḥanafī, *Nujūm al-Asr al-Dhahbī li al-Dawlah al-Tilāwah*, 158.

Ustaz Yahya Daud menyatakan bahawa suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mempunyai pelbagai bentuk iaitu:<sup>486</sup>

1. Suara turun menjunam
2. Suara naik mencanak
3. Suara turun dan buka
4. Suara goncang
5. Suara goyang
6. Suara macam seruling dan suara gantung (separuh *ikhtilal al-laḥn*).

Ustaz Hj. Abdul Rahim Ahmad pula menyatakan jenis-jenis suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl ialah:<sup>487</sup>

1. Suara bukaan
2. Suara tutup
3. Suara mendatar
4. Suara menggoncang
5. Suara meletup
6. Suara menurun dan menaik
7. Suara mematah
8. Suara tajam

Selain daripada jenis suara tersebut, penulis dapat meneliti juga beberapa bentuk lain tentang suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, iaitu:

1. Suara yang merdu nampak suasana riang gembira
2. Suara yang merintih kesedihan
3. Suara yang tegas

---

<sup>486</sup> Ustaz Hj. Yahya Daud (Qari Kelantan, johan Peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 30 September 2008.

<sup>487</sup> Hj Abd Rahim Ahmad, *Kursus Tarannum al-Quran*, 4.

4. Suara belas kasihan iaitu jangan putus rahmat Allah (S.W.T)
5. Suara yang berbentuk perintah
6. Suara berbentuk tegahan
7. Suara berbentuk peringatan.

### 3.4.2 *Ṭabaqāt* Suara

*Ṭabaqāt* suara bermaksud peringkat-peringkat atau tahap-tahap suara seperti rendah, sederhana, tinggi, atau sebagainya. Menurut Kamāl al-Najmī, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mempunyai gaya *ṭabaqāt* suara yang tertentu dalam bacaan beliau. Beliau berkata: “*Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl memulakan bacaan dengan suara yang paling bawah (al-Munkhafid) kemudian naik kepada satu ṭabaqah (qarār), kemudian naik ke ṭabaqah lagi (jawāb), kemudian naik satu ṭabaqah suara lagi (jawāb al-Jawāb) yang mengikut susunan tangga muzik kemudian turun pula kepada ṭabaqah qarār. Kemudian beliau menaik kembali ke ṭabaqah qarār kemudian naik lagi (jawāb) dan naik lagi satu ṭabaqah (jawāb al-jawāb) kadangkala beliau naik sehingga (jawāb jawāb al-Jawāb), kemudian turun pula kepada ṭabaqah qarār.*”<sup>488</sup>

Shaykh Faṭḥī al-Malījī Rahimahullah yang merupakan anak murid beliau, berkata: “*Suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl boleh sampai ke ṭabaqah yang paling tinggi iaitu jawāb jawāb al-jawāb dan disebut juga sebagai sulayfiyyah.*”<sup>489</sup>

Kesimpulan yang dapat diambil daripada petikan tersebut, *Ṭabaqāt* suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mempunyai 5 *ṭabaqāt* suara mengikut ilmu tarannum, iaitu:

1. *Ṭabaqah* suara *al-Munkhafid* iaitu dikenali sebagai *qarār al-qarār*

<sup>488</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl*, 43.

<sup>489</sup> Wan Hilmi bin Wan Abdullah, *Pengaruh qari-Qari Mesir terhadap Qari-Qari Di Malaysia*, 153.

2. *Ṭabaqah* suara *qarār*
3. *Ṭabaqah* suara *jawāb*
4. *Ṭabaqah* suara *jawāb al-jawāb*
5. *Ṭabaqah* suara *jawāb jawāb al-jawāb* iaitu dikenali sebagai *sulayfiyyah*

Di Malaysia, *ṭabaqāt* suara tersebut diterjemahkan seperti yang dijelaskan oleh qari masyhur iaitu Ustaz Hj. Yahaya Daud iaitu:<sup>490</sup>

1. *Ṭabaqah* suara *al-Munkhafid* dan *qarār* ialah tergolong peringkat suara rendah
2. *Ṭabaqah* suara *jawāb* ialah tergolong peringkat suara sederhana atau tinggi
3. *Ṭabaqah* suara *jawāb al-jawāb* dan *jawāb jawāb al-jawāb* ialah tergolong peringkat suara tertinggi atau paling tinggi.

### 3.4.3 Sifat Suara

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl merupakan qari yang mempunyai suara yang merdu, cukup sifatnya dan pakar dalam penggunaan suara. Hal ini juga telah diakui oleh Kamāl Najmī bahawa beliau mengatakan kemanisan suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dari semua *ṭabaqāt* dan jenis-jenis suara.<sup>491</sup>

Datuk Hj. Nik Jaafar mengatakan, terdapat beberapa tahap kemanisan suara, iaitu:

1. Kemanisan biasa- ianya mempunyai ciri-ciri ketepatan nada dan kebersihan suara

<sup>490</sup> Ustaz Hj. Yahya Daud (Qari Kelantan, johan Peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1999),

<sup>491</sup> Kamāl al-Najmī, *al-Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl*, 43.

2. Kemanisan yang mencuit telinga- ianya mempunyai ciri-ciri ketepatan nada, kelantangan dan ketajaman suara
3. Kemanisan menusuk hati- ianya mempunyai ciri-ciri ketepatan nada kelembutan dan kelicinan suara
4. Kemerduan yang memukau jiwa-ianya mempunyai ciri-ciri ketepatan nada, kelembutan, kemanisan, kelicinan dan kebersihan suara.

Menurut Hj. Abd Rahim Ahmad pula, suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mempunyai identiti suaranya yang tersendiri dan mempunyai suara yang cukup sifatnya. Sifat suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl tidak sama dengan qari-qari yang lain. Seperti beliau mempunyai sifat suara *hawāʾ* iaitu suara angin.

Sepanjang pemerhatian, suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl mempunyai suara yang terbaik dan pelbagai bentuk. Dengan ini penulis dapat merumuskan bahawa sifat suara beliau adalah seperti berikut:<sup>492</sup>

Jadual 7: Sifat Suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl

|    |                      |     |         |     |                                          |
|----|----------------------|-----|---------|-----|------------------------------------------|
| 1. | Ketepatan nada       | 6.  | Bersih  | 11. | Rendah ( <i>qarār / qarār al-qarār</i> ) |
| 2. | <i>Hawāʾ</i> (angin) | 7.  | Lantang | 12. | Sederhana ( <i>jawāb</i> )               |
| 3. | Serak basah          | 8.  | Garau   | 13. | Tinggi ( <i>jawāb al-jawāb</i> )         |
| 4. | Manis                | 9.  | Lembut  | 14. | Tertinggi (Sulayfiyyah)                  |
| 5. | Tajam                | 10. | Licin   | 15. | Terang                                   |

<sup>492</sup> Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail (Pakar Tarannum Dan Hakim Tilawah Peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa), temubual penulis bersama di rumah beliau Kangkung Pasir Mas pada 22 Julai 2018.

### 3.4.4 Tangga Suara

Terdapat 2 jenis tangga suara beliau, iaitu:

1. *Salālim al-Ṣu,ūd* ialah tangga menaik
2. *Salālim al-Nuzūl* atau *nāzil* ialah tangga menurun

Menurut Hj. Abd Rahim Ahmad, Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl menggunakan teknik *Salālim al-Ṣu,ūd* dalam bacaannya pada semua *ḥarakāt* dan *ṭaqabah* suara *jawāb* dan *jawāb al-jawāb*. Manakala *Salālim al-Nuzūl* atau *nāzil* beliau menggunakan untuk *ṭaqabah* suara *Qarār* atau *Qarār al-Qarār*. Beliau telah mengaplikasikan *Salālim al-Ṣu,ūd* dan *Salālim al-Nuzūl* pada semua jenis tarannum.<sup>493</sup>

### 3.4.5 Burdah

Menurut Shaykh Faṭḥī al-Maliḡī *burdah*, bunga atau getaran suara ini dikenali sebagai „*Urab*“.<sup>494</sup> Menurut Dato“ Hj. Faizul, *burdah* Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl dalam bacaan al-Quran terdapat bermacam-macam seperti *burdah* halus, kasar, kecil, besar, jarang, rapat, dan lain-lain.<sup>495</sup> Datuk Hj. Nik Ja“afar pula, *burdah* bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl mempunyai 2 bentuk, iaitu:<sup>496</sup>

1. *Burdah Aṣlī* iaitu suara yang hidup mempunyai getaran dan grenek yang semula jadi.
2. *Burdah Ṣinā,ī* iaitu bunga-bunga suara yang sengaja digubah dan disusun rapi mengikut kehendak jenis tarannum yang dipersembahkan.

<sup>493</sup> Dato“ Hj. Ahmad Faizul bin Ghazali (Qariah Pahang, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 3 November 2017 .

<sup>494</sup> Kursus Tahsin al-Quran Peringkat Kebangsaan di ILIM anjuran JAKIM 2007.

<sup>495</sup> Dato“ Hj. Ahmad Faizul bin Ghazali dalam temubual dengan penulis, 3 November 2017 .

<sup>496</sup> Hj. Nik Ja“afar bin Nik Ismail, *Buku Qawa,id al-Tarannum*, 55.

Jenis-jenis *burdah* dan peranannya, iaitu:<sup>497</sup>

1. *Burdah* kasar dan jarang berperanan untuk menghidupkan persembahan
2. *Burdah* yang kecil dan rapat berperanan untuk menambah kecanggihan dalam bacaan
3. *Burdah* yang lembut dan bersih berperanan untuk melahirkan seni persembahan
4. *Burdah* yang keras dan tegas berperanan untuk menyemarakkan persembahan.

### 3.4.6 *Ikhtilāl al-Laḥn*

*Ikhtilāl al-laḥn* bermaksud sumbang yang cantik dan disengajakan. Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl menerapkan dalam bacaan beliau pada tempat-tempat tertentu berbentuk syarat *ikhtilāl al-laḥn*. Ini menunjukkan persembahan beliau menjadi canggih.

Menurut Ustaz Hj. Muhammad Anuar Ghazali, bahawa Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl seorang qari yang hebat apabila beliau menerapkan dalam bacaannya *ikhtilāl al-laḥn*. Beliau akan melakukan *ikhtilāl al-laḥn* beberapa kali sahaja dalam satu bacaan. Kebiasaanya dalam tarannum *bayyātī* harakat ketiga, *ḥijāz ṭabaqah* suara *jawāb* dan *jawāb al-jawāb*, *Nahāwand* pada *harakat* penutup dan *jihārkāh* pada *ṭabaqah* suara *jawāb* dan lain-lain.<sup>498</sup>

---

<sup>497</sup> *Ibid*

<sup>498</sup> Ustaz Hj. Abd Rahim Ahmad (Qariah Kelantan, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2017.

### 3.5 METODE TAJWID DALAM TARANNUM

Menurut Tan Sri Sheikh Ismail, bahawa Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl merupakan seorang qari yang hebat dalam bidang tarannum al-Quran. Tidak dinafikan juga dalam bidang tajwid dan *Qirāʾāt*. Qari yang hebat seperti beliau sangat mengambil berat dalam bacaannya tentang tajwid kerana ia perkara terpenting sekali dalam pembacaan al-Quran. Antara perkara yang penting seperti makhraj dan sifat huruf, berkaitan dengan hukum-hukumnya, waqaf dan ibtida<sup>499</sup>.

Dalam kajian ini, penulis akan mengutarakan metode-metode tajwid yang menjadi kelaziman dalam bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl berserta dengan sokongan di kalangan ulama yang muktabar, iaitu:

#### 3.5.1 *Istiʿādhah*

Sudah menjadi satu amalan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl memulakan bacaannya dengan *Istiʿādhah*. Begitu juga dengan qari-qari yang lain. Ulama telah sepakat mengatakan *Istiʿādhah* bukan daripada ayat al-Quran, tetapi ia sangat dituntut atas setiap pembaca al-Quran kerana lafaznya memohon perlindungan kepada Allah (S.W.T) daripada Syaitan yang direjam. Ulama telah berdalilkan kepada firman Allah (S.W.T):

﴿فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

Al-Naḥl 16: 98

---

<sup>499</sup> Temubual dan talaqqi penulis bersama Tan Sri Sheikh Ismail (Imam Besar Masjid Negara dan salah seorang hakim dalam majlis tilawah peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa Malaysia) di bilik mesyuarat Masjid Negara Kuala Lumpur, pada 12 hingga 23 Mac 2018.

Terjemahan: Oleh itu, apabila engkau membaca al-Quran, maka hendaklah engkau terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah (S.W.T) dari hasutan Syaitan yang kena rejam.

Ulama telah berselisih pandangan mengenai hukum membacanya. Namun kebanyakan ulama mengatakan hukumnya adalah sunat. Sepertimana yang diutarakan oleh Imam al-Jazari:

« ..... واستحب تعوذ وقال بعضهم يجب ».

Terjemahan: Dan disunatkan Isti,ādah (ketika hendak membaca al-Quran) dan kata setengah daripada mereka wajib.<sup>500</sup>

Terdapat pelbagai lafaz *Isti,ādah* yang dibolehkan berdasarkan daripada kitab-kitab yang muktabar, seperti:

1. ﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾
2. ﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾
3. ﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ مِنْ عَذَابِهِ الْأَلِيمِ وَمِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ﴾

Namun Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl telah memilih lafaz *Isti,ādah*:


﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

Jumhur ulama dan ulama *qurrā*” mengatakan bahawa lafaz masyhur lagi terpilih iaitu lafaz yang terdapat dalam surah al-Naḥl sepertimana yang di baca oleh Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl.

<sup>500</sup> Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ,Alī bin Yūsuf al-Jazari, *Ṭayyibah al-Nashr Fī al-Qirā’āt al-,Ashr* (Damsyīq: Al-Maktabah Ibn al-Jazari, 2012), 11.


### 3.5.2 Basmalah

Sebelum memulakan membaca ayat al-Quran Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl juga membaca *Basmalah* sama ada pertengahan surah atau pada awal surah kecuali di awal surah al-Tawbah. Lafaznya sepertimana yang telah maklum:



Al-Fātihah 1: 1

Lafaz ini terdapat dalam al-Quran surah al-Naml. Firman Allah (S.W.T):



Al-Naml 27: 30

Ulama bersepakat mengatakan membaca *basmalah* di awal surah hukumnya sunat sangat dituntut kecuali di awal surah al-Tawbah. Seperti kata Imam Shāṭibī:

« وَمَهْمَا تَصِلُهَا أَوْ بَدَأْتَ بَرَاءَةً لِنُزْلِهَا بِالسَّيْفِ لَسْتُ مُبَشِّرًا »

Terjemahan: Dan jika kamu menyambung atau memulakan dengan (Barā'ah) maka jangan kamu mendatangkan *basmalah* kerana turunnya ia dengan pedang.<sup>501</sup>

Membaca di pertengahan surah pula adalah harus mengikut pendapat yang masyhur di kalangan *qurrā'*. Inilah yang dinyatakan oleh kebanyakan ulama seperti Imam Shāṭibī dan Imam al-Jazarī. Seperti kata Imam Shāṭibī:

« وَلَا بُدَّ مِنْهَا فِي ابْتِدَائِكَ سُورَةٍ سِوَاهَا فِي الْأَجْزَاءِ خَيْرٌ مِنْ تَلَا »

<sup>501</sup> Imam al-Qāsim bin Fīrruh bin Khalaf bin Aḥmad bin Muḥammad al-Shāṭibī al-Raʿayniyy, *Matn al-Shāṭibiyyah al-Musammā Hīrz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī*, (al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah Dār al-Hudā, 2010), 9

Terjemahan: Dan semestinya mendatangkan *basmalah* di permulaan surah melainkan dia (awal surah al-Tawbah) dan di pertengahannya adalah pilihan bagi orang yang membaca.<sup>502</sup>

Imam al-Jazari berkata:

« .....  
سَوَى بَرَاءَةٍ فَلَا وَلَوْ وُصِلَ  
وَفِي ابْتِدَاءِ السُّورَةِ كُلِّ بِسْمَلًا  
وَوَسْطَ خَيْرٍ وَفِيهَا يَحْتَمِلُ ».

Terjemahan: Dan pada permulaan surah, semua (imam-imam *Qurra'*) membaca basmalah kecuali (awal) surah al-Tawbah maka tidak dibaca walaupun ia diwasalkan (dengan surah sebelumnya). Dan di pertengahannya pilihan (baca atau tidak) kerana *ihtimāl* padanya.<sup>503</sup>

Terdapat tiga metode yang diharuskan untuk menyambung bacaan antara akhir surah al-Anfāl dengan awal surah al-Tawbah, iaitu:

1. Waqaf pada akhir surah al-Anfāl kemudian membaca awal surah al-Tawbah.

﴿ وَالَّذِينَ آمَنُوا مِنْ بَعْدِ وَهَابِ جُرُؤٍ وَجَاهِدُوا مَعَكُمْ فَأُولَٰئِكَ مِنْكُمْ وَأُولَٰئِكَ الْأَرْحَامُ بَعْضُهُمْ  
أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٧٥﴾ بَرَاءَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى الَّذِينَ  
عَاهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾ ﴾

2. *Saktah* pada akhir surah al-Anfāl kemudian membaca awal surah al-Tawbah

﴿ وَالَّذِينَ آمَنُوا مِنْ بَعْدِ وَهَابِ جُرُؤٍ وَجَاهِدُوا مَعَكُمْ فَأُولَٰئِكَ مِنْكُمْ وَأُولَٰئِكَ الْأَرْحَامُ بَعْضُهُمْ  
أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٧٥﴾ بَرَاءَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى الَّذِينَ  
عَاهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾ ﴾

<sup>502</sup> Ibid

<sup>503</sup> Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ,Alī bin Yūsuf al-Jazari, *Ṭayyibah al-Nahyr Fī al-Qirā'āt al-Asyr*, 11.

3. *Waṣal* akhir surah al-Anfāl dengan awal surah al-Tawbah

﴿وَالَّذِينَ آمَنُوا مِنْ بَعْدِ وَهَابِجُوا وَجَاهِدُوا مَعَكُمْ فَأُولَٰئِكَ مِنْكُمْ وَأُولَٰئِكَ الْأَرْحَامُ بَعْضُهُمْ  
أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ بَرَاءَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ  
مِنَ الْمُشْرِكِينَ﴾

Dalam bacaan 30 juzuk Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, jelas terbukti bahawa beliau tidak membaca *basmalah* pada awal surah al-Tawbah dan membaca *basmalah* pada pertengahan surah al-Tawbah ketika memulakan bacaannya. Dalam masalah menayambung bacaan akhir surah al-Anfāl dengan awal surah al-Tawbah, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl telah mengambil metode ketiga iaitu dengan mewaṣal/kan pada akhir surah al-Anfāl dengan awal surah al-Tawbah.

### 3.5.3 Makhraj Dan Sifat Huruf

Dalam aspek *makhraj* dan sifat huruf, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl melafazkan huruf-huruf al-Quran dengan fasih dan sempurna mengikut kehendak teori-teori ilmu tajwid. Beliau amat mengambil berat dalam masalah ini. Bertepatan dengan kata Imam al-Jazari:

|                                            |                                     |
|--------------------------------------------|-------------------------------------|
| فِيمَا عَلَى قَارِئِهِ أَنْ يَعْلَمَهُ     | « وَبَعْدُ إِنَّ هَذِهِ مُقَدِّمَةٌ |
| قَبْلَ الشُّرُوعِ أَوَّلًا أَنْ يَعْلَمُوا | إِذْ وَاجِبٌ عَلَيْهِمْ مُحْتَمٌ    |
| لِيَلْفِظُوا بِأَفْصَحِ اللَّغَاتِ ».      | مَخَارِجِ الْحُرُوفِ وَالصِّفَاتِ   |

Terjemahan: Dan selepas itu, inilah matan syair yang perlu bagi qari al-Quran mengetahuinya kerana ia merupakan kewajipan yang dituntut sebelum membaca al-Quran perkara yang paling utama

perlu mengetahui makhraj huruf dan sifat supaya dapat melafaznya dengan fasih *luhgah* (bahasa).<sup>504</sup>

Makhraj huruf terbahagi kepada 2 iaitu makhraj am dan makhraj khas. Para ulama khilaf mengenai bilangan jumlah makhraj am dan khas bagi huruf-huruf *hijā'iyah*. Pendapat yang paling masyhur ialah terdapat 5 makhraj am iaitu *al-jawf*, *al-halq*, *al-lisān*, *al-shafatān* dan *al-khaisyūm*. Begitu juga bilangan makhraj khas ialah 17 makhraj. Ini merupakan pendapat Imam al-Jazari. Beliau berkata, makhraj khas, iaitu:

|                                                  |                                             |
|--------------------------------------------------|---------------------------------------------|
| عَلَى الَّذِي يَخْتَارُهُ مَنْ اخْتَبَرَ         | «مَخَارِجُ الْحُرُوفِ سَبْعَةٌ عَشْرٌ       |
| حُرُوفٌ مَدٌّ لِلْهَوَاءِ تَنْتَهِي              | فَأَلِفُ الْجَوْفِ وَأُخْتَاهَا وَهِيَ      |
| ثُمَّ لَوْسَطُهُ فَعَيْنٌ حَاءٌ                  | ثُمَّ لَأَقْصَى الْحَلْقِ هَمْزٌ هَاءٌ      |
| أَقْصَى اللِّسَانِ فَوْقَ ثُمَّ الْكَافُ         | أَدْنَاهُ عَيْنٌ خَاؤُهَا وَالْقَافُ        |
| وَالضَّادُ مِنْ حَافَتِهِ إِذْ وَلِيَا           | أَسْفَلُ وَالْوَسْطُ فَجِيمُ الشَّيْنِ يَا  |
| وَاللَّامُ أَدْنَاهَا لِمَنْتَهَاهَا             | الْأَضْرَاسَ مِنْ أَيْسَرِ أَوْ يَمْنَاهَا  |
| وَالرَّاءُ يُدَانِيهِ لِظَهْرِ أَذْخُلُوا        | وَالثَّوْنُ مِنْ طَرَفِهِ تَحْتَ اجْعَلُوا  |
| عُلْيَا الثَّنَايَا وَالصَّفِيرُ مُسْتَكِرٌ      | وَالطَّاءُ وَالذَّالُّ وَتَا مِنْهُ وَمِنْ  |
| وَالطَّاءُ وَالذَّالُّ وَتَا لِلْعُلْيَا         | مِنْهُ وَمِنْ فَوْقِ الثَّنَايَا السُّفْلَى |
| فَالْقَا مَعَ اطْرَافِ الثَّنَايَا الْمُشْرِفَةِ | مِنْ طَرَفَيْهِمَا وَمِنْ بَطْنِ الشَّقَةِ  |
| وَعُنَّةٌ مَخْرَجُهَا الْخَيْشُومُ».             | لِلشَّقَتَيْنِ الْوَاوُ بَاءٌ مِيمٌ         |

Terjemahan: Makhraj bagi huruf-huruf (*hijaiyyah*) ada tujuh belas mengikut pilihan selepas dikaji. Maka *alif makhraj* di (bahagian) rongga dan dua saudaranya iaitu huruf *mad* yang berakhir pada udara mulut. Kemudian pangkal halkum (*makhraj*) *hamzah* dan *hā'*. Kemudian ditengahnya makhraj *ayn* dan *hā'* adapun

<sup>504</sup> Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ,Alī bin Yūsuf, *al-Manzūmah al-Muqaddimah Fīmā Yajib ,Alā Qārī' al-Qur'ān ,An Ya,lahamah* (al-Mamlakah al-,Arabiyyah al-Su,udiyyah: Dār al-Nūr, (2006), 1.

penghujungnya (*makhraj*) *Ghayn* dan *khā*". Dan *qāf* (*makhrajnya*) dipangkal lidah sebelah atas, kemudian *kāf* (*makhrajnya* di bawah sedikit (daripada *makhraj qāf*). Dan ditengah (*makhraj*) *jīm*, *syīn* dan *yā*". Dan *ḍād* (*makhrajnya*) dari tepi lidah apabila membetuli gigi geraham (sebelah atas) kiri atau kanan. Dan *lām* (*makhrajnya*) di tepi hujung lidah. Dan *nūn* (*makhrajnya*) dari hujung lidah bawah *makhraj lām*. Dan (*makhraj rā*" hampir dengan *nūn* di belakang lidah. Dan *tā*"; *dāl* serta *ṭā*" (*makhrajnya*) dari hujung lidah bersama gusi gigi hadapan sebelah atas. Dan dan huruf *ṣafīr* (*zay*, *sīn*, dan *ṣād*) *makhrajnya* dihujung lidah bersama hujung gigi hadapan sebelah bawah. Dan *zā*", *zal*, serta *thā*" *makhrajnya* dari hujung dua gigi hadapan bersama hujung lidah. Dan diperut bibir serta hujung gigi hadapan atas (*makhraj*) *fā*", bagi dua bibir (*makhraj*) *waw*, *bā*" dan *mīm*. Dan *ghunnah* itu *makhrajnya* adalah batang hidung.<sup>505</sup>

Dalam masalah sifat huruf pula, Imam al-Jazarī berkata:

|                                              |                                            |
|----------------------------------------------|--------------------------------------------|
| مُنْفَتِحٌ مُصَمَّتٌ وَالضَّادُّ قُلٌّ       | «صِفَاتُهَا جَهْرٌ وَرِخْوٌ مُسْتَفِيلٌ    |
| شَدِيدٌهَا لَفْظٌ (أَجْدُ قَطٍ بَكْتٌ)       | مَهْمُوسٌهَا (فَحْتُهُ شَخْصٌ سَكْتٌ)      |
| وَسَبْعٌ غُلُوٌّ خُصَّ ضَعْفٌ قَطْ حَصَرٌ    | وَبَيْنَ رِخْوٍ وَالشَّدِيدِ (لِنْ عُمَرِ) |
| وَقَرٌّ مِنْ لُبِّ الْخُرُوفِ الْمَذَلَّةِ   | وَصَادٌ ضَادٌ طَاءٌ طَاءٌ مُطَبَّقَةٌ      |
| قَلْقَلَةٌ قُطْبٌ جَدٌّ وَاللَّيْنُ          | صَفِيرٌهَا صَادٌ وَزَائِي سَيْنٌ           |
| قَبْلَهُمَا وَالْإِنْجِرَافُ صُحْحَا         | وَأَوْ وَيَاءٌ سَكْنَا وَانْفَتَحَا        |
| وَلِلتَّفَشِّي السَّيْنِ ضَادًا اسْتِطْلَ «. | فِي اللَّامِ وَالرَّاءِ وَتَكَرَّرِ جُعْلٌ |

<sup>505</sup> Ibid, 1 dan 2.

Terjemahan: Sifat-sifatnya iaitu *jahr*, *rakhāwah*, *istifāl*, *infītāh*, dan *iṣmāt*, katakankannya olehmu lawannya iaitu hams yang terhimpun huruf-hurufnya (أَجْذَوْطَلَّتْ) syiddah lafaz (فِي حُصِّ سَلَّتْ) dan sifat antara *rakhāwah* dengan *syiddah* (لِي غُشَّ) dan tujuh huruf *isti*, *lā* pada ungkapan (حُصِّ ضَغُطُّ). Dan *ṣād*, *dād*, *ṭā* "zā" adalah huruf *iṭbāq*. Dan ungkapan (وَسَّيْجُ) adalah huruf *idhlāq*. *Ṣafīr* hurufnya *ṣād*, *zay* dan *sīn*. *Qalqalah* hurufnya pada ungkapan (قُطْبُ جَدُّ). Dan *līn* hurufnya *waw* dan *yā* "sukūn" serta berbaris *fathah* sebelum kedua-duanya. Dan *inḥirāf* disahkan pada *lām* dan *rā*". Dan bagi *tafashhī* hurufnya *shīn* adapun *dād* hurufnya *istiṭālah*.<sup>506</sup>

Berdasarkan Imam al-Jazari, jelas menunjukkan pada bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam melafazkan huruf-huruf al-Quran mengikut kehendak teori-teori tersebut. Walaupun begitu, dalam perkara ini, terdapat 2 perkara yang menarik perhatian penulis, iaitu:

#### 1. Huruf *isti* 'lā' (حُصِّ ضَغُطُّ قِظْ)

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl melafazkan huruf-huruf *isti*, *lā* itu dengan tidak memuncungkan bibirnya, tetapi hanya membuka sahaja mulutnya. Pada hakikatnya itulah sebutan yang tepat kerana untuk menebalkan huruf adalah yang memainkan peranannya iaitu lidah dan bukannya bibir mulut.

#### 2. *Qalqalah* (قُطْبُ جَدُّ)

Ulama tajwid khilaf mengenai cara melafazkan bunyi *qalqalah* beberapa pendapat, iaitu:

<sup>506</sup> Ibid, 2 dan 3.

1. Pendapat pertama: *Qalqalah* dilafazkan hampir baris *fathah* secara mutlak samada huruf sebelumnya berbaris *fathah*, *kasrah* atau *dammah*.
2. Pendapat kedua: *Qalqalah* dilafazkan hampir kepada baris *fathah* pada huruf *ṭā* (ط) dan *qāf* (ق), kemudian hampir baris *kasrah* pada *bā* (ب). *Jīm* (ج) dan *dāl* (د).
3. Pendapat ketiga: *Qalqalah* dilafazkan mengikut baris huruf sebelumnya samada *fathah*, *kasrah* atau *dammah*.
4. Pendapat keempat: *Qalqalah* dilafazkan mengikut baris huruf selepasnya samada *fathah*, *kasrah* atau *dammah*.

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl melafazkan bunyi *qalqalah* ialah mengikut pendapat pertama iaitu hampir baris *fathah* secara mutlak. Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi dalam bacaan beliau pada video-video dan youtube khususnya.

### 3.5.4 Hukum-Hukum Tajwid

Dari aspek hukum-hukum tajwid, tidak dinafikan lagi bacaan beliau telah mengikuti piawaian yang telah digariskan oleh ulama tajwid yang disebut juga sebagai *ḥusn al-adā*. Namun pun begitu, penulis hanya menonjolkan metode-metode hukum tajwid yang menjadi amalan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl tetapi ia berbeza dengan amalan ulama zaman sekarang ini khususnya di Malaysia. Isu ini perlu diperjelaskan, iaitu:

#### 1. Hukum *Iqlāb* Dan *Ikhfā' Shafawī*

Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl membaca kedua-dua hukum ini dengan *itbāq* (merapatkan) kedua-dua bibir tanpa ada ruang di antara dua bibir. Namun ini berbeza dengan amalan ulama *muta'akhirin* iaitu merenggangkan atau meringankan kedua bibir semasa dengung.

*Iqlāb* dari segi bahasa ialah menukarkan. Pada istilah pula ialah apabila *nūn sākinah* bertemu dengan *bā* maka ditukar menjadi *mīm* dibaca dengan dengung. Seperti kata Imam al-Jazari:

« وَالْقَلْبُ عِنْدَ الْبَا بِعُنَّةٍ ».

Terjemahan: Dan *iqlāb* (tukar *nūn sākinah* atau *tanwīn* kepada *mīm*) apabila bertemu *bā* serta *ghunnah*.<sup>507</sup>

Imam al-Shāṭibī pula berkata:

« وَقَلْبُهُمَا مِيمًا لَدَى الْبَا ».

Terjemahan: Dan *iqlāb* (tukar) keduanya (*nūn sākinah* atau *tanwīn*) kepada *mīm* di sisi *bā*.<sup>508</sup>

*Ikhfā* "Shafawī" pula dari segi bahasa bermaksud menyembunyikan di bibir mulut. Pada istilah pula apabila *mīm sākinah* bertemu dengan huruf *bā* maka ia dibaca dengan dengung secara jelas iaitu *ikhfā*. Dinamakan *Shafawī* kerana huruf *mīm* dan *bā* adalah dari *makhraj al-Shafatayn*.

Imam al-Jazari menyebut dalam kitabnya al-Nasyr, katanya: "Tiada perbezaan menyebut *ikhfā*" pada (أَنْ بُرِكَ) dan (يَعْنَصِمُ بِاللَّهِ) iaitu *ikhfā* berserta dengung".<sup>509</sup>

Maksudnya hukum bacaan *iqlāb* adalah sama seperti bacaan *ikhfā* "Shafawī".

Walaupun begitu, terdapat kronologi tentang isu ini. Menurut Imam al-Jazari, *iqlāb* ialah *nūn* atau *tanwīn* berjumpa dengan *bā* ditukar menjadi *mīm* pada lafaz

<sup>507</sup> Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ,Alī bin Yūsuf, *al-Manzūmah al-Muqaddimah Fīmā Yajib ,Alā Qārī* "al-Qur'ān ,An Ya,lahmah, 7.

<sup>508</sup> Imam al-Qāsim bin Fīrruh bin Khalaf bin Aḥmad bin Muḥammad al-Shāṭibī al-Ra,ayniyy, *Matn al-Shāṭibiyyah al-Musammā Hīrz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī*, 24.

<sup>509</sup> Shaykh Muḥammad Makki Nāṣir al-Juraysī, *Nihāyah al-Qawl al-Mufīd Fī ,Ilm al-Tajwīd* , 192 dan 193.

sepenuhnya tanpa *idghām* seperti contoh (مِنْ بَعْدِ), (أَنْتَهُمْ) dengan menyatakan

dengung maka terjadilah *ikhfā'* *mīm* yang ditukar daripada *bā'* maka tidak ada beza

di antara lafaz (أَنْ بُوْرِكُ) dengan lafaz (يَعْنَصِمُ بِاللَّهِ).<sup>510</sup> Menurut Muḥammad „Alī al-

Dabbā,, pula bahawa *ikhfā'* pada *iqḷāb* adalah ijmak ulama.<sup>511</sup>

Menurut al-Qastalanī pula *iqḷāb* adalah penukaran *nūn sākinah* atau *tanwīn* kepada *mīm* pada lafaz, inilah yang diijmak oleh *qurrā'*, maka ia tidak boleh dibaca dengan *ikhfā'*, *ḡhār* dan *idghām*, maka bacaannya dengan *itbāq* dua bibir.<sup>512</sup>

Menurut al-Shaykh Muḥammad Makkī Naṣr al-Juraysī, beliau menjelaskan bahawa sebutan *iqḷāb* adalah *itbāq* (merapatkan) kedua-dua bibir tetapi larangan menutup kemas dua bibir ditakuti berlebihan dengung pada *khaisyūm*.<sup>513</sup>

Menurut Shaykh Ḥamd Allāh Ḥāfiẓ al-Ṣaḥfī, beliau menyatakan bahawa orang yang pertama mengatakan *iqḷāb* dibaca dengan terbuka kedua bibir mulut ialah al-Allāmah Shaykh „Amīr „Uthmān al-Sharqāwī yang telah mempengaruhi *qurrā'* di Mesir ketika itu setelah memegang jawatan Shaykh al-Maqārī Mesir. Beliau telah mengarahkan semua *qurrā'* di radio atau tv mengubah bacaan *iqḷāb* kepada membuka dua bibir. Sehingga ada di kalangan *qurrā'* membuat rakaman kali kedua. Sebelum itu, semua *qurrā'* mesir bersepakat bahawa *iqḷāb* dibaca dengan *itbāq* dua

<sup>510</sup> Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin „Alī bin Yūsuf, *Taqrīb al-Nahyr fī al-Qirā'āt al-Ashr* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-„Lmiyyah, 2002), 26. Lihat juga Ustaz Mohd Rahim Jusoh, *Tajwid al-Huruf Dan Mengenal Waqaf* (Batu Caves: Pustaka Khadim al-Mushaf, 2012), 176.

<sup>511</sup> Shaykh Muḥammad „Alī al-Dabbā,, *al-Minḥah Dhī al-Jalāl Fī Sharḥ Tuḥfah al-Aṭfāl* (Kaherah: t.t), 58-59. Lihat juga Ustaz Mohd Rahim Jusoh, *Tajwid al-Huruf Dan Mengenal Waqaf*, 176.

<sup>512</sup> *Ibid*

<sup>513</sup> Shaykh Muḥammad Makkī Naṣir al-Juraysī, *Nihāyah al-Qawl al-Mufīd Fī „Ilm al-Tajwīd*, 193.

bibir. Pernah diceritakan oleh Shaykh Ṣalāh al-Dīn Kabbārah, dengan katanya: “Aku membaca *qirā’āt sab’ah* dengan al-,Allāmah Shaykh ,Āmīr ,Uthmān al-Sharqāwī dengan *itbāq* dua bibir pada bacaan *iqḷāb* dan *ikhfā’ shafawī*, setelah beberapa tahun kemudian aku ke Kaherah untuk bertalaqqi dengan beliau *qirā’āt* tiga (kitab Durrah al-Muḍiyyah Imam al-Jazarī), beliau menyuruh aku membuka dua bibir pada *iqḷāb* dan *ikhfā’ shafawī*. Kemudian diceritakan bahawa al-,Allāmah Shaykh ,Āmīr ,Uthmān al-Sharqāwī menarik balik pandangan beliau sebelum meninggal dunia dan disaksikan oleh muridnya sendiri iaitu Shaykh Muḥammad Amīn Ṭanṭāwī dan Shaykh ,Abd al-Fattāh Madkur.<sup>514</sup>

Kesimpulannya, lebih murni memilih jalan tengah iaitu membaca dengan *itbāq* tetapi tutup secara ringan seperti pendapat al-Shaykh Muḥammad Makkī Naṣr al-Juraysī. Perbezaan yang timbul adalah perkara yang kecil sahaja samada bibir terbuka atau tidak. Namun, para ulama sepakat di atas tiga perkara iaitu *dengung mīm* di sisi *ba*”, ditukar *nūn* kepada *mīm* dan sebutannya adalah *itbāq*.

## 2. *Mad Munfaṣil*

Dalam rakaman tarannum *mujawwad* dan tarannum *murattal* 30 juzuk, Shaykh Muṣṭafā Ismā’īl telah mengamalkan dalam bacaannya hukum tajwid *mad munfaṣil* dengan kadar panjangnya 2 harakat. Ini terdapat perbezaan yang ketara pada bacaan masyarakat Malaysia khususnya yang telah mengamalkan *mad munfaṣil* dibaca dengan kadar 4 atau 5 harakat. Apabila diteliti pada rakaman-rakaman tersebut, beliau telah membaca dengan *Riwayat Ḥafs Qirā’āt ,Āsim Ṭariq Imam al-Jazarī*.

<sup>514</sup> Ustaz Mohd Rahim Jusoh, *Tajwid al-Huruf Dan Mengenal Waqaf*, 181.

*Ṭarīq Imam al-Jazarī mad munfaṣil* boleh dibaca dengan kadar 2, 3, 4 dan 5 harakat. Manakala *ṭarīq Imam al-Shāṭibī* adalah dengan kadar 4 atau 5 harakat sahaja.

Dua tariq ini yang begitu masyhur dalam pembacaan al-Quran. *Ṭarīq al-Shāṭibī* merupakan *Ṭarīq „Āmmah*, yang menjadi pilihan utama para pembaca seluruh dunia terutama sekali di negara-negara Asia Tenggara. Manakala *Ṭarīq Imam al-Jazarī* yang tertinggi peringkatnya, sukar dan terlalu banyak teori-teori serta prektikal yang perlu dikuasai. Di Malaysia boleh dikatakan hampir keseluruhannya mengamalkan bacaan al-Quran dengan *Ṭarīq Imam al-Shāṭibī*.

### **Maksud *Ṭarīq***

*Ṭarīq* ialah setiap bacaan yang disandarkan kepada seseorang yang mana beliau mempelajarinya dari *rawi* seseorang. Dalam erti kata lain *ṭarīq* ialah murid-murid yang mengambil bacaan daripada periwayat *qirā'āt*. Seperti contoh, periwayat yang masyhur bagi Imam „Āṣim ialah Imam Ḥafṣ dan Imam Shu„bah. Maka Imam „Āṣim dipanggil sebagai *qirā'āt „Āṣim*, Imam Ḥafṣ dan Imam Shu„bah dipanggil sebagai riwayat, kemudiannya anak murid kepada kedua-duanya (periwayat) atau sampai ke bawah dipanggil sebagai *ṭarīq*.

### **Imam al-Shāṭibī (538-590 H)**

Beliau ialah al-Qāsim bin Firruh bin Khalaf bin Aḥmad bin Muḥammad al-Shāṭibī al-Ru„aynī al-Ḍarīr. Dilahirkan pada tahun 538 hijrah di kampungnya Shāṭibiyyah di Andalus yang dikenali dengan Sepanyol. Beliau merupakan seorang Imam yang terkemuka dalam meriwayatkan *Qirā'āt Sab„ah* melalui kitabnya yang terkenal *Ḥirz al-Amānī Wa Wajh al-Tahānī* atau lebih dikenali dengan matan *al-Shāṭibiyyah*. Kitab ini dikarang dalam bentuk syair dengan jumlah 1173 rangkap. *Ṭarīq al-Shāṭibiyyah* ini sangat masyhur menjadi pegangan umat Islam di seluruh dunia umumnya dan di

Malaysia khususnya. Imam al-Shāṭibī telah meninggal dunia pada hari ahad 28 Jamadil Akhir tahun 590 hijrah selepas solat asar. Jenazah beliau dikebumikan pada hari Isnin di pusara al-Qāḍī al-Faḍil „Abd Raḥīm Baysanī di Kaherah Mesir.<sup>515</sup>

### **Imam al-Jazarī (751-833 H)**

Nama beliau ialah Muḥammad bin Muḥammad bin „Alī bin Yūsuf al-„Umarī al-Dimasyqī. Dilahirkan pada malam sabtu 25 Ramadan tahun 751 hijrah di Dimashq (Syiria). Beliau adalah imam yang terkemuka dalam meriwayatkan *qirā'āt* sepuluh melalui kitabnya yang masyhur *al-Nashr fī al-Qirā'āt al-„Ashr* dan *Tayyibah al-Nashr fī al-Qirā'āt al-„Ashr. Ṭarīq* al-Jazarī juga merupakan *ṭarīq* yang sangat masyhur seluruh dunia akan tetapi di Malaysia tidak tersebar begitu meluas. Imam al-Jazarī meninggal dunia pada hari Jumaat tahun 833 hijrah di bandar Syiraz pada usia 82 tahun.<sup>516</sup>

### **Perbandingan *Ṭarīq al-Shāṭibiyyah* Dan *Ṭarīq al-Jāzārīyyāh***

*Ṭarīq al-Shāṭibiyyah* dan *Ṭarīq al-Jāzārīyyāh* (*Ṭarīq al-Ṭayyibah*) mempunyai beberapa perkara berkaitan dengan perbezaan dan persamaan hukum yang perlu dijaga dan diberi perhatian ketika mengamalkan bacaan melalui dua *ṭarīq* tersebut dalam riwayat Ḥafṣ „An „Āṣim. Di sini, penulis akan senaraikan perkara-perkara tersebut bermula melalui *Ṭarīq al-Shāṭibiyyah* dan disusuli dengan *Ṭarīq al-Jāzārīyyāh*.<sup>517</sup>

---

<sup>515</sup> Shihāb al-Dīn bin Aḥmad bin Muḥammad al-Qaṣṭalānī, *al-Faṭḥ al-Mawāhibī Fī Tarjamah al-Imām al-Shāṭibī* (Amman: Dār al-Faṭḥ, 2000), 34.

<sup>516</sup> *Ibid*

<sup>517</sup> Kedua-dua *ṭarīq* ini adalah berdasarkan kitab *Ḥirz al-Amānī Wa Wajh al-Tahānī, al-Nashr fī al-Qirā'āt al-„Ashr* dan kitab *Tasīr „Ilm al-Tajwīd* karangan Aḥmad bin Aḥmad Muḥammad al-Ṭawīl. Lihat Aḥmad bin Aḥmad Muḥammad al-Ṭawīl, *Taysīr „ilm al-Tajwīd*, cet. 1, (Riyād: Dār al-Kunūz, 2009), 185-202.

Jadual 8: Perbandingan *Ṭarīq al-Shāṭibiyyah* Dan *Ṭarīq al-Jāzārīyyah*

| <i>Ṭarīq al-Shāṭibiyyah</i> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|-----------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| NO.                         | Perkara                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | Keterangan                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 1.                          | <i>Al-Takbīr</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | Tiada <i>takbīr</i> di antara dua surah bermula akhir surah al-Ḍuḥā sehingga akhir surah al-Nās. <i>Takbīr</i> bermaksud ucapan (لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ) atau sekurang-kurangnya (اللَّهُ أَكْبَرُ) atau (لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ) ketika khatam al-Quran. |
| 2.                          | <i>Mad Munfaṣil</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Kadar <i>mad</i> 4 ( <i>al-Tawassuṭ</i> ) atau 5 ( <i>Fuwiq al-Tawassuṭ</i> ) harakat. Akan tetapi 4 harakat lebih diutamakan.                                                                                                                                                                      |
| 3.                          | <i>Mad Muttaṣil</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Kadar <i>mad</i> 4 ( <i>al-Tawassuṭ</i> ) atau 5 ( <i>Fuwiq al-Tawassuṭ</i> ) harakat samada wasal atau waqaf dan harus dibaca dengan 6 harakat ketika waqaf.                                                                                                                                       |
| 4.                          | <i>Nūn Sākinah</i> dan <i>tanwīn</i> bertemu dengan (ن) dan (ي)                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | Membaca dengan <i>idghām</i> tanpa <i>ghunnah</i>                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 5.                          | <p><i>Saktah</i> pada 4 tempat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pada ayat (عَوَجًا ۖ قِيَمًا) surah al-Kahf ayat 1.</li> <li>2. Pada ayat (مِنْ مَّرْقَدِنَا هَذَا) surah Yāsīn ayat 52.</li> <li>3. Pada ayat (وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ) surah al-Qiyāmah ayat 27.</li> <li>4. Pada ayat (كَلَّا بَلْ) surah al-Maʿaffīfīn ayat 14.</li> </ol> | Wajib <i>saktah</i> pada keempat-empat ayat tersebut. Ia hanya berlaku ketika wasal. Harus waqaf pada surah al-Kahf dan Yāsīn dan dimulakan selepasnya. Namun pada surah al-Qiyāmah dan al-Maʿaffīfīn tidak harus waqaf kecuali dalam keadaan <i>iḍṭirārī</i> sahaja.                               |
| 6.                          | Kalimah (يَسْ) pada surah Yāsīn ayat 1 dan (نَ) pada surah al-Qalam ayat 1.                                                                                                                                                                                                                                                                                     | Wajib membacanya dengan <i>izhār nūn</i> ketika <i>waṣal</i> bacaan                                                                                                                                                                                                                                 |
| 7.                          | Pada kalimah (وَيَبْصُطُ) dalam surah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | Membaca dengan <i>sīn</i> sahaja                                                                                                                                                                                                                                                                    |

|     |                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                             |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     | al-Baqarah ayat 245 dan pada kalimah (بَصَّطَةً) dalam surah al-A,ṣṣaf ayat 69.                                                    |                                                                                                                                                                                             |
| 8.  | Pada kalimah (بُصْطِرٍ) dalam surah al-Ghāsyiyah ayat 22                                                                           | Membaca dengan huruf <i>ṣād</i> sahaja.                                                                                                                                                     |
| 9.  | Pada kalimah (يَلْهَثُ ذَٰلِكَ) di dalam surah al-A,ṣṣaf ayat 176.                                                                 | Wajib dibaca dengan <i>idgham</i> huruf <i>thā</i> ke dalam huruf <i>dhāl</i>                                                                                                               |
| 10. | Pada kalimah (أَرْكَبَ مَعَنَا) dalam surah hūd ayat 42.                                                                           | Wajib dibaca dengan <i>idghām</i> huruf <i>bā</i> ke dalam huruf <i>mīm</i> .                                                                                                               |
| 11. | Pada kalimah (كَهَيَّعَصَ) permulaan surah Maryam dan permulaan surah al-Shūrā (عَسَقَ).                                           | Huruf „ <i>ʿayn</i> (ع) pada kalimah berikut harus dibaca dengan kadar 4 dan 6 harakat. Akan tetapi 6 harakat lebih diutamakan.                                                             |
| 12. | Pada kalimah (بَجْرَدْنَهَا) dalam surah Hūd ayat 41.                                                                              | Dibaca dengan <i>imālah kubrā</i> pada huruf <i>rā</i>                                                                                                                                      |
| 13. | Pada kalimah (ءَأْجَعِي) dalam surah Fuṣṣilat ayat 44.                                                                             | Dibaca dengan <i>tashīl</i> antara <i>hamzah</i> dan <i>alīf</i> .                                                                                                                          |
| 14. | Kalimah (ضَعْفًا), (ضَعْفٍ) dalam surah al-Rūm ayat 54.                                                                            | Harus membaca dengan 2 wajah iaitu:<br>1. Huruf <i>Ḍād</i> berbaris <i>fathah</i><br>2. Huruf <i>Ḍād</i> berbaris <i>ḍammah</i><br>Bacaan baris <i>fathah</i> hendaklah didahulukan.        |
| 15. | Pada kalimah (الْمُصْطَرُونِ) dalam surah al-al-Ṭūr ayat 37.                                                                       | Harus dibaca dengan dua wajah, iaitu<br>1. Baca dengan <i>ṣād</i><br>2. Baca dengan <i>sīn</i><br>Akan tetapi baca dengan <i>ṣād</i> lebih masyhur.                                         |
| 16. | Pada kalimah (لَا تَأْمَنَّا) dalam surah Yūsuf ayat 11.                                                                           | Membaca dengan 2 wajah, iaitu:<br>1. <i>Isymām</i><br>2. <i>Rawm (Ikhtilas)</i><br>Bacaan <i>Rawm</i> didahulukan.                                                                          |
| 17. | Pada kalimah (ءَالْذِّكْرَيْنِ) terdapat 2 tempat di dalam surah al-An,ām ayat 143 dan 144.<br>Pada kalimah (ءَاكُنْ) terdapat dua | Membaca dengan 2 wajah, iaitu:<br>1. <i>Ibdāl</i> kepada <i>alīf</i> bersama dengan <i>ishbā</i> ., iaitu 6 harakat.<br>2. Baca dengan <i>tashīl</i> antara <i>hamzah</i> dan <i>alīf</i> . |

|     |                                                                                                                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     | <p>tempat di dalam surah Yūnus ayat 51 dan 91.</p> <p>Pada kalimah (عَالَمٌ) terdapat dalam surah Yūnus ayat 59 dan surah al-Naml ayat 59.</p> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| 18. | <p>Pada kalimah (مَالِيَةً هَلَكٌ) dalam surah al-Hāqqah ayat 28-29</p>                                                                        | <p>Membaca dengan 2 wajah, apabila berlaku <i>waṣal</i>, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengidghāamkan <i>hā'' sukūn</i> ke dalam <i>hā''</i> yang berbaris maka menjadi satu <i>hā''</i> yang <i>bertyādhid</i>.</li> <li>2. Membaca dengan dengan <i>izhār</i> berserta dengan <i>saktah</i>.</li> </ol> <p>Wajah kedua didahulukan.</p> |
| 19. | <p>Pada kalimah (نَخْلُكُمْ) dalam surah al-Mursalāt pada ayat 20.</p>                                                                         | <p>Dibaca secara <i>idghām kāmīl</i> yang mana huruf <i>qāf</i> hilang dan dibaca dengan <i>kāf</i>.</p>                                                                                                                                                                                                                                                         |
| 20. | <p>Pada kalimah (فَرَقِ) dalam surah al-Shu,arā'' ayat 63.</p>                                                                                 | <p>Harus membaca dengan 2 wajah, iaitu</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Tafkhīm</i> (tebal <i>rā''</i>)</li> <li>2. <i>Tarqīq</i> (nipis) <i>rā''</i></li> </ol> <p>Bacaan <i>tarqīq</i> lebih didahulukan.</p>                                                                                                                                  |
| 21. | <p>Pada kalimah (عَاتِنَ) dalam surah al-Naml ayat 36.</p>                                                                                     | <p>Harus dua wajah ketika waqaf, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Ithbāt yā''</i></li> <li>2. <i>Ḥadhfyā''</i></li> </ol> <p>Wajah <i>ithbāt yā''</i> adalah hendak didahulukan. Manakala bacaan <i>waṣal</i> hendaklah <i>ithbāt yā''</i></p>                                                                                            |
| 22. | <p>Pada kalimah (الْأَنفِ) dalam surah al-Hujurāt ayat 11.</p>                                                                                 | <p>Terdapat 2 wajah jika <i>ibtidā''</i> dengannya, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memulakan bacaan dengan <i>Hamzah waṣal</i> baris <i>fathah</i> (الْأَنفِ)</li> <li>2. Memulakan bacaan dengan <i>lām</i> baris <i>kasrah</i> (لَاَنفِ)</li> </ol> <p>Tidak dibaca <i>hamzah waṣal</i> selepas <i>lām</i>.</p>                          |
| 23. | <p>Pada Kalimah (سَلَسِلًا) dalam surah al-Insān.</p>                                                                                          | <p>Ketika waqaf harus 2 wajah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Ḥadhfy alīf</i> (buang <i>alif</i>) dan <i>waqaf</i> pada <i>lām</i>.</li> <li>2. <i>Ithbāt alīf</i> (tidak membuang <i>alif</i>) ketika <i>waqaf</i>.</li> </ol>                                                                                                                |

|     |                                                                     |                                                                                                                                                               |
|-----|---------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 24. | Pada Kalimah (قَوَائِرٍ) yang pertama dalam surah al-Insān ayat 15. | Terdapat 2 wajah:<br>1. <i>Ḥadhf alif</i> (buang <i>alif</i> ) ketika <i>wasal</i><br>2. <i>Ithbāt alif</i> (tidak membuang <i>alif</i> ) ketika <i>waqaf</i> |
| 25. | Pada Kalimah (قَوَائِرٍ) yang kedua dalam surah al-Insān ayat 16.   | <i>Ḥadhf alif</i> ketika <i>wasal</i> dan ketika <i>waqaf</i>                                                                                                 |

| Ṭarīq al-Jāzārīyyāh |                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|---------------------|-----------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| NO.                 | Perkara                                                         | Keterangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| 1.                  | <i>Al-Takbīr</i>                                                | Membaca takbir dan harus meninggalkannya. Terdapat khilaf di kalangan ulama pada membaca dan tempat <i>takbīr</i> , iaitu:<br>1. Pendapat pertama: Meninggalkan <i>takbīr</i><br>2. Pendapat kedua: Membaca <i>takbīr</i> bermula daripada awal surah al-Shrḥ hingga al-Nās.<br>3. Pendapat ketiga: Membaca <i>takbīr</i> daripada akhir surah al-Duḥā hingga akhir surah al-Nās.<br>4. Pendapat keempat: Membaca <i>takbīr</i> di awal surah al-Fātiḥah hingga akhir al-Quran kecuali surah al-Tawbah. |
| 2.                  | <i>Mad Munfaṣil</i>                                             | Kadar 2 ( <i>Qasr</i> ), 3 ( <i>Fuwiq al-Qasr</i> ), 4 ( <i>al-Tawassut</i> ) atau 5 ( <i>Fuwiq al-Tawassut</i> ) harakat.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| 3.                  | <i>Mad Muttasil</i>                                             | Kadar 4 ( <i>al-Tawassut</i> ) atau 5 ( <i>Fuwiq al-Tawassut</i> ) harakat dan boleh dibaca dengan 6 ( <i>isybā,,</i> )harakat ketika <i>waqaf</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| 4.                  | <i>Nūn Sākinah</i> dan <i>tanwīn</i> bertemu dengan (ن) dan (ي) | Membaca <i>idghām</i> tanpa <i>ghunnah</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |

|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                                  |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5.  | <p><i>Saktah</i> pada 4 tempat berikut:</p> <p>5. Pada ayat (عَوَجًا ۝١ قِيمًا) surah al-Kahf ayat 1.</p> <p>6. Pada ayat (مِّن مَّرْقَدِنَا هَذَا) surah Yāsīn ayat 52.</p> <p>7. Pada ayat (وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ) surah al-Qiyāmah ayat 27.</p> <p>8. Pada ayat (كَلَّا بَلْ) surah al-Maʿaffīn ayat 14.</p> | <p>Membaca dengan 2 wajah, iaitu;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Saktah</i></li> <li>2. Tidak <i>saktah</i></li> </ol>                                                         |
| 6.  | <p>Kalimah (يَسْ) pada surah Yāsīn ayat 1 dan (نَّ) pada surah al-Qalam ayat 1.</p>                                                                                                                                                                                                                          | <p>Membaca dengan 2 wajah ketika <i>waṣal</i>, iaitu;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Izhār</i>.</li> <li>2. <i>Idghām nūn</i> ke dalam <i>waw</i> berserta dengung.</li> </ol> |
| 7.  | <p>Pada kalimah (وَيَبْصُطْ) dalam surah al-Baqarah ayat 245 dan pada kalimah (بَصَّطَةً) dalam surah al-Aʿrāf ayat 69.</p>                                                                                                                                                                                  | <p>Membaca dengan huruf <i>ṣād</i> sahaja.</p>                                                                                                                                                   |
| 8.  | <p>Pada kalimah (بِمُصِطِرٍ) dalam surah al-Ghāsyiyah ayat 22.</p>                                                                                                                                                                                                                                           | <p>Membaca dengan <i>ṣād</i> sahaja.</p>                                                                                                                                                         |
| 9.  | <p>Pada kalimah (يَلْهَثْ ذَٰلِكَ) di dalam surah al-Aʿrāf ayat 176.</p>                                                                                                                                                                                                                                     | <p>Wajib membaca dengan kaedah <i>idgham</i> huruf <i>ha</i> kepada huruf <i>dhal</i>.</p>                                                                                                       |
| 10. | <p>Pada kalimah (أَرْكَبْ مَعَنَا) dalam surah hūd ayat 42.</p>                                                                                                                                                                                                                                              | <p>Wajib <i>idgham</i> huruf <i>bā</i> kepada huruf <i>mīm</i>.</p>                                                                                                                              |
| 11. | <p>Pada kalimah (كَهَيْعَصَ) permulaan surah Maryam dan permulaan surah al-Shūrā (عَسَّ).</p>                                                                                                                                                                                                                | <p>Huruf „<i>ʿayn</i> (ع) pada kalimah berikut dibaca dengan kadar 4 harakat sahaja.</p>                                                                                                         |
| 12. | <p>Pada kalimah (مَجْرَدَهَا) dalam surah Hūd ayat 41.</p>                                                                                                                                                                                                                                                   | <p>Dibaca dengan <i>imālah</i> pada huruf <i>rā</i>”</p>                                                                                                                                         |
| 13. | <p>Pada kalimah (ءَأَعْجَمِي) dalam surah Fuṣṣilat ayat 44.</p>                                                                                                                                                                                                                                              | <p>Dibaca dengan <i>tashīl</i> antara <i>hamzah</i> dan <i>alīf</i>.</p>                                                                                                                         |

|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 14. | Kalimah (ضَعْفًا) , (ضَعْفٍ) dalam surah al-Rūm ayat 54.                                                                                                                                                                                                                                   | Membaca huruf <i>ḍhad</i> dengan satu wajah sahaja iaitu baris <i>fathah</i> .                                                                                                                                                                                                                                 |
| 15. | Pada kalimah (الْمُصْطَرُونَ) dalam surah al-al-Ṭūr ayat 37.                                                                                                                                                                                                                               | Membaca dengan satu wajah sahaja iaitu huruf <i>ṣad</i> dibaca dengan huruf <i>sīn</i> .                                                                                                                                                                                                                       |
| 16. | Pada kalimah (لَا تَأْمَنَّا) dalam surah Yūsuf ayat 11.                                                                                                                                                                                                                                   | Membaca dengan satu wajah sahaja iaitu <i>ishmām</i> .                                                                                                                                                                                                                                                         |
| 17. | <p>Pada kalimah (ءَالَذَّكَرَيْنِ) terdapat 2 tempat di dalam surah al-An,ām ayat 143 dan 144.</p> <p>Pada kalimah (ءَالَكُنْ) terdapat dua tempat di dalam surah Yūnus ayat 51 dan 91.</p> <p>Pada kalimah (ءَالَلَّهِ) terdapat dalam surah Yūnus ayat 59 dan surah al-Naml ayat 59.</p> | Membaca dengan <i>ibdāl</i> hamzah <i>waṣal</i> kepada huruf <i>alīf</i> berserta <i>ishbā</i> .,                                                                                                                                                                                                              |
| 18. | Pada kalimah (مَالِيَةً هَلَكَ) dalam surah al-Hāqqah ayat 28-29.                                                                                                                                                                                                                          | <p>Membaca dengan 2 wajah, apabila berlaku wasal, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengidghamkan <i>hā</i>''sukun ke dalam <i>hā</i>''yang berbaris maka menjadi satu <i>ḥā</i>' yang bertasydīd.</li> <li>2. Membaca dengan dengan <i>izhār</i> berserta dengan <i>saktah</i>.</li> </ol> |
| 19. | Pada kalimah (تَخْلُقُكُمْ) dalam surah al-Mursalāt pada ayat 20.                                                                                                                                                                                                                          | Dibaca secara <i>idghām kāmīl</i> yang mana huruf <i>qāf</i> hilang dan dibaca dengan <i>kāf</i> .                                                                                                                                                                                                             |
| 20. | Pada kalimah (فِرْقٍ) dalam surah al-Shu,arā'' ayat 63.                                                                                                                                                                                                                                    | Dibaca dengan satu wajah sahaja iaitu dengan <i>tafkhīm rā</i> ''.                                                                                                                                                                                                                                             |
| 21. | Pada kalimah (ءَاتَيْنَا) dalam surah al-Naml ayat 36.                                                                                                                                                                                                                                     | Ketika waqaf membaca dengan <i>hadhf</i> huruf <i>yā</i> ''tanpa <i>ithbāt</i> .                                                                                                                                                                                                                               |
| 22. | Pada kalimah (الْأَسْمِ) dalam surah al-Hujurāt ayat 11.                                                                                                                                                                                                                                   | <p>Terdapat 2 wajah jika ibtida'' dengannya, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memulakan bacaan dengan Hamzah wasal baris fathah (أَلَسْمِ)</li> <li>2. Memulakan bacaan dengan lam baris kasrah (لَسْمِ)</li> </ol>                                                                        |

|     |                                                                      |                                                                                                                                                                   |
|-----|----------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |                                                                      | Tidak dibaca hamzah wasal selepas lam.                                                                                                                            |
| 23. | Pada Kalimah (سَلَسِلًا) dalam surah al-Insān.                       | Membaca dengan satu wajah sahaja ketika waqaf iaitu <i>hadhf</i> huruf <i>alīf</i> tanpa <i>ithbāt</i> .                                                          |
| 24. | Pada Kalimah (قَوَائِرًا) yang pertama dalam surah al-Insān ayat 15. | Terdapat 2 wajah:<br>1. <i>Hadhf alīf</i> (buang <i>alīf</i> ) ketika <i>waṣal</i> .<br>2. <i>Ithbāt alīf</i> (tidak membuang <i>alīf</i> ) ketika <i>waqaf</i> . |
| 25. | Pada Kalimah (قَوَائِرًا) yang kedua dalam surah al-Insān ayat 16.   | <i>Hadhf alīf</i> ketika <i>waṣal</i> dan ketika <i>waqaf</i>                                                                                                     |

Kesimpulannya, berdasarkan kedua-dua *ṭarīq* tersebut, jelas terbukti bahawa terdapat perbezaan dan persamaan. Terdapat 12 perkara yang berbeza dan 13 perkara yang mempunyai persamaan.

Oleh yang demikian, dengan penjelasan kedua-dua *ṭarīq* tersebut, terbukti Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl telah mengamalkan *ṭarīq al-Jazarī* riwayat Ḥafṣ *qirāʾāt* „Āsim dalam bacaannya kerana terdapat beberapa perkara yang berbeza di sisi *ṭarīq* Imam al-Shāṭibī, yang ketaranya ialah pada bacaan *mad munfaṣil* 2 harakat.

### 3.5.5 *Waqaf Dan Ibtidāʾ*

*Waqaf* dan *Ibtidāʾ* merupakan satu gabungan tetapi daripada aspek yang berbeza. *Waqaf* (وَقْف) pada bahasa Imam al-Jazarī ialah menahan atau berhenti. Dari segi istilah pula bermaksud memutuskan suara pada sesuatu kalimah al-Quran dengan

tujuan mengambil nafas baru, kerana hendak memulakan semula bacaan.<sup>518</sup> Menurut al-Ashmūnī pula, dari segi istilah ialah memutuskan suara pada akhir kalimah.<sup>519</sup>

Dengan kata lain *Waqaf* ialah satu ilmu yang digunakan untuk memberhentikan bacaan al-Quran, manakala *ibtidā'* pula adalah satu ilmu yang digunakan untuk memulakan bacaan selepas *waqaf*.

*Waqaf* dan *Ibtidā'* adalah kaedah penting yang mesti diberikan penekanan oleh setiap pembaca al-Quran. Ia juga merupakan kayu pengukur kepada kesempurnaan suatu bacaan tersebut. Jika *waqaf* atau *ibtidā'* tempat yang salah, maka boleh menyebabkan kesilapan makna dan mencacatkan makna ayat al-Quran. Oleh yang demikian, pembaca al-Quran hendaklah *mewaqafkan* dan memberhentikan bacaan pada tempat yang sesuai.

Setengah ulama seperti Imam al-Jazārī mengatakan hukum mempelajari mengenai *waqaf* dan *ibtidā'* adalah wajib. Seperti kata beliau:

« وَبَعْدَ تَجْوِيدِكَ لِلْحُرُوفِ لَا بُدَّ مِنْ مَعْرِفَةِ الْوُقُوفِ  
وَالْإِبْتِدَاءِ ».


Terjemahan: Dan setelah kamu mentajwidkan setiap huruf maka tidak dapat tidak (wajib) mengetahui segala *waqaf* dan *ibtidā'*.<sup>520</sup>

<sup>518</sup> Ibn Jazārī, Shahab al-Dīn Abū Bakr bin Aḥmad bin Muḥammad bin Muḥammad Ibn al-Jazārī al-Dimasyqī, *Sharḥ Tayyibah al-Nashr fī al-Qirā'āt al-Ashr*, (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1418 H), 1: 240. Lihat juga Surur Shihabuddin An-Nadawi, *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafṣ ‘An ‘Asim Melalui Toriq Asy-Syatibiyyah*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd., 2014), 292.

<sup>519</sup> Al-Ashmūnī, Shaykh Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm, *Manār al-Hūda fī Bayān al-Waqf wa al-Ibtidā'*, 8. Lihat juga Dr ‘Abd al-Karīm Ibrāhīm ‘Awaḍ Ṣāliḥ, *al-Waqf wa al-Ibtidā' wa Silatuhumā fī al-Qur’ān al-Karīm*, cet. 3 (Kaherah: Dār al-Salām, 2010), 18.

<sup>520</sup> Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yūsuf, *al-Manzūmah al-Muqaddimah Fīmā Yajib ‘Alā Qārī’ al-Qur’ān ‘An Ya‘lamah*, 8.

Imam al-Jazari mengatakan wajib adalah berhujah berdasarkan dalil al-Quran ketika mana Sayyidina Ali (r.a) memberi maksud tentang *tartīl*, seperti firman Allah (S.W.T):



Al-Muzzammil 73: 4

Terjemahan: Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya dan bacalah al-Quran dengan *Tartīl*.

Maka Sayyidina ,Alī (r.a) menjawab:

« التَّيْلُ بِجَوِيدِ الْحُرُوفِ وَمَعْرِفَةِ الْوُقُوفِ ».

Terjemahan: *Tartīl* iaitu mentajwidkan huruf dan mengetahui segala jenis *waqaf*.<sup>521</sup>

### Pembahagian *Waqaf*

Pembahagian *waqaf* yang masyhur sepertimana di sebut oleh Shaykh Ibrāhīm al-Samannūdī:

« الْوُقُوفُ عَنْ كَيْفِيَّةٍ لَفْظِيَّةٍ      وَعَنْ تَعَلُّقٍ فَمَعْنَوِيَّةٍ  
فَهُوَ اضْطِرَارِيٌّ أَوْ اخْتِيَارِيٌّ      أَوْ انْتِظَارِيٌّ أَوْ اخْتِيَارِيٌّ ».

Terjemahan: *Waqaf* itu diambil kira dari segi penjagaan hubungan lafaz dan makna, maka *waqaf* adakalanya *iqtirārī*, *ikhtibārī*, *intizārī* dan *ikhtiyārī*.<sup>522</sup>

<sup>521</sup> Shihāb al-Dīn Abī Bakr bin Aḥmad bin Muḥammad Ibn al-Jazari, *Sharḥ Tayyibah al-Nashr fī al-Qirā'āt al-Ashr*, 34.

<sup>522</sup> Shaykh Ibrāhīm ,Alī bin ,Alī bin Muḥammad bin Syahāthah al-Samannūdī, *Jāmi, al-Khayrāt fī Tajwīd wa Taḥrīr Awjuh al-Qirā'āt*, 195.

Pertama: *Idtirārī* ialah *waqaf* terpaksa yang dilakukan oleh pembaca al-Quran dengan sebab darurat seperti kehabisan nafas, bersin dan lain-lain.<sup>523</sup>

Kedua: *Ikhtibārī* iaitu *waqaf* pemberitahuan yang dilakukan oleh pembaca al-Quran bertujuan untuk proses pengajaran dan pembelajaran.<sup>524</sup>

Ketiga: *Intizārī* iaitu *waqaf* tunggu atau tangguh yang dilakukan oleh pembaca al-Quran kerana membaca wajah-wajah *qirā'āt*.<sup>525</sup>

Keempat: *Ikhtiyārī* iaitu *waqaf* pilihan yang sesuai mengikut makna ayat.<sup>526</sup> Ia mempunyai 4 jenis yang masyhur, seperti kata Imam al-Jazarī, iaitu:

|                                             |                                                  |
|---------------------------------------------|--------------------------------------------------|
| تَعْلَقُ أَوْ كَانَ مَعْنَى فَأَبْتَدَى     | « وَهِيَ لِمَا تَمَّ فَإِنْ لَمْ يُوجَدْ         |
| إِلَّا رُؤُسَ الْآيِ جَوَّزَ فَالْحَسَنُ    | فَالْتَأَمَّ فَالْكَافِي وَ لَفْظًا فَاَمْنَعُنْ |
| الْوَقْفُ مُضْطَرًّا وَيُبْدَأُ قَبْلَهُ .» | وَعَيْرُ مَا تَمَّ فَيُخَّ وَلَهُ                |

Terjemahan: Iaitu sekiranya tidak berkait *waqaf* pada makna dan *i,,rab* maka ia adalah *Tām*. Adapun *waqaf kāfī* ialah terdapat berkait makna dan *Waqaf Hasan* harus pada *ra''s al-Āyah* selain daripada *waqaf* tersebut. *Waqaf qabih* dibolehkan *waqaf* ketika terpaksa dan *ibtidā''* sebelumnya.<sup>527</sup>

<sup>523</sup> Shaykh al-Maqārī'' al-Miṣriyyah Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *Aḥkām Qirā''ah al-Qura''ān al-Karīm*, 251.

<sup>524</sup> *Ibid*.

<sup>525</sup> *Ibid*, 252.

<sup>526</sup> *Ibid*, 253.

<sup>527</sup> Shaykh Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ,Alī bin Yūsuf al-Jazarī, *al-Manzūmah al-Muqaddimah Fīmā Yajib ,Alā Qārī''al-Qur''ān ,An Ya,lamah*, 8.

Pertama: *Waqaf Tām* iaitu waqaf pada ayat atau kalimah yang sempurna lafaz dan maknanya dan tidak ada hubungan dengan kalimah selepasnya dari segi lafaz atau makna.<sup>528</sup>

Kedua: *Waqaf Kāfī* iaitu waqaf pada ayat atau kalimah yang sempurna lafaz tetapi maknanya ada kaitan dengan ayat selepasnya.<sup>529</sup>

Ketiga: *Waqaf Hasan* ialah waqaf pada ayat atau kalimah yang masih ada kaitan dengan ayat selepasnya samada dari segi lafaz dan makna.<sup>530</sup>

Keempat: *Waqaf Qabīḥ* iaitu waqaf pada ayat atau kalimah yang tergantung lafaz dan maknanya.<sup>531</sup>

### Pembahagian *Ibtidā'*

Menurut Imam al-Jazari mengatakan bahawa *ibtidā'* mempunyai 3 bahagian, seperti katanya:

« وَالْأَبْتِدَاءُ وَهِيَ تُقْسَمُ إِدْنُ ثَلَاثَةً تَامٌ وَكَافٍ وَحَسَنٌ ».

Terjemahan: Dan *Ibtidā'* dan ia juga dibahagikan kepada 3 iaitu *tām*, *kāf* dan *ḥasan*.<sup>532</sup>

Pertama: *Ibtidā' Tām* iaitu memulakan bacaan pada kalimah yang tidak mempunyai kaitan ayat sebelumnya samada dari segi lafaz ataupun makna.<sup>533</sup>

<sup>528</sup> Shaykh Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin „Alī bin Yūsuf al-Jazari, *al-Tamhīd Fī ʿIlm al-Tajwīd*, 186.

<sup>529</sup> *Ibid*, 183.

<sup>530</sup> *Ibid*, 179.

<sup>531</sup> *Ibid*, 187.

<sup>532</sup> Shaykh Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin „Alī bin Yūsuf al-Jazari, *al-Manzūmah al-Muqaddimah Fīmā Yajib ʿAlā Qārīʾ al-Qurʾān An Yaʿlamah*, 8.

<sup>533</sup> Shaykh al-Maqārī al-Miṣriyyah Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, *Aḥkām Qirāʾah al-Quraʾān al-Karīm*, 356.

Kedua: *Ibtidā'' Kāf* iaitu memulakan bacaan pada kalimah yang mempunyai kaitan makna dengan ayat sebelumnya.<sup>534</sup>

Ketiga: *Ibtidā'' Ḥasan* iaitu memulakan bacaan pada kalimah yang mempunyai kaitan dengan ayat sebelum samada lafaz dan makna.<sup>535</sup>

Setengah ulama menyatakan terdapat juga *ibtidā'' qabīḥ* iaitu memulakan bacaan pada kalimah yang boleh merosakkan dan mengelirukan makna.<sup>536</sup>

Berdasarkan pemerhatian penulis, berkenaan *waqaf* dan *ibtidā''* ini, bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl menepati dengan metode yang telah digariskan para ulama. Menurut Shaykh Maḥmūd „Abd al-Wahāb Tantawī, bahawa Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl merupakan orang yang arif dalam mengaplikasikan *waqaf* dan *ibtidā''* dalam bacaannya.<sup>537</sup>

Jika diteliti terdapat juga *waqaf* pada bacaan beliau yang dianggap salah atau keliru oleh orang yang tidak mempunyai ilmu, akan tetapi dari sudut ilmu adalah diharuskan seperti contoh beliau membaca surah al-Fātiḥah sampai kepada ayat kelima kemudian beliau *waqaf* pada kalimah ( نَعْبُدُ ). Kalau lihat dari segi zahir, tidak sepatutnya *waqaf* pada kalimah tersebut. Sebenarnya *waqaf* pada kalimah tersebut adalah diharuskan. Hal ini telah dinyatakan oleh Shaykh al-Ashmūnī dalam kitabnya *Manār al-Hūda fī Bayān al-Waqf Wa al-Ibtidā''* bahawa tempat-tempat *waqaf* dalam

---

<sup>534</sup> *Ibid*, 257

<sup>535</sup> *Ibid*, 259

<sup>536</sup> *Ibid*, 259

<sup>537</sup> Wan Hilmi bin Wan Abdullah, “Pengaruh Tarannum Qari-Qari Mesir Terhadap Qari-Qari Malaysia”, 205.

surah al-Fātiḥah terdapat 23 tempat waqaf yang dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu:<sup>538</sup>

**Pertama:** *Waqaf Tām* terdapat 4 tempat, iaitu:

1. ﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾
2. ﴿مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ﴾
3. ﴿إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ﴾
4. ﴿صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ﴾

*Waqaf* pada 4 tempat tersebut adalah sempurna pada makna dan lafaznya. Kemudian elok *ibtidā*'' dengan kalimah atau ayat selepasnya.

**Kedua:** *Waqaf Jā''iz* terdapat 6 tempat, iaitu:

1. ﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ﴾
2. ﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ﴾
3. ﴿الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾
4. ﴿إِيَّاكَ نَعْبُدُ﴾
5. ﴿أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ﴾
6. ﴿صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ﴾

*Waqaf* pada 6 tempat tersebut adalah diharuskan akan tetapi tidak elok *ibtidā*'' dengan kalimah atau ayat selepasnya kerana terdapat kaitan dari segi lafaznya. Pada ayat yang 2, 3 dan 6 adalah harus *ibtidā*'' dengan kalimah atau ayat selepasnya kerana *waqaf* pada *ra''s al-āyah*. Ada pun *waqaf* pada (صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ) dan harus juga *ibtidā*'' dengan kalimah atau ayat selepasnya.

<sup>538</sup> Shaykh Aḥmad bin Muḥammad bin „Abd al-Karīm al-Ashmūnī, *Manār al-Hūdā fī Bayān al-Waqf Wa al-Ibtidā*'' cet. 2, (Kaherah: Muṣṭafā al-Halabī, 1973), 27 dan 28

**Ketiga:** *Waqaf Qabiḥ* terdapat 13 tempat, iaitu:

1. ﴿الْحَمْدُ﴾
2. ﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ﴾
3. ﴿مَلِكِ﴾
4. ﴿مَلِكِ يَوْمِ﴾
5. ﴿إِيَّاكَ﴾
6. ﴿إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ﴾
7. ﴿أَهْدِنَا﴾
8. ﴿أَهْدِنَا الصِّرَاطَ﴾
9. ﴿صِرَاطَ﴾
10. ﴿صِرَاطَ الَّذِينَ﴾
11. ﴿صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ﴾
12. ﴿صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ﴾
13. ﴿صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ﴾

*Waqaf* pada 13 tempat tersebut adalah *qabiḥ* yang menyebabkan rosak makna dan *qabiḥ* juga *ibtidā* "dengan kalimah atau ayat selepasnya.

Di sini penulis dapat simpulkan bahawa pada bacaan-bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, terdapat beberapa metode *waqaf* dan *ibtidā* "yang digunakan oleh beliau, iaitu:

1. Beliau tidak menggunakan *waqaf idtirarī* dan *qabiḥ* dalam bacaannya dan tidak pula menggunakan *ibtidā* "yang *qabiḥ*.

2. Beliau telah menggunakan *waqaf intizārī* untuk bacaan yang terdapat khilaf *Qirā'āt*.
3. Beliau banyak menggunakan *waqaf ikhtiyārī* dan *ibtidā'* yang *jā'iz*.

### 3.6 METODE *QIRĀ'ĀT* DALAM TARANNUM

Tarannum dan *qirā'āt* merupakan perkara sinonim yang tidak dapat dipisahkan dalam bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl. Inilah yang menyebabkan bacaan beliau terserlah dan dikagumi oleh pendengar di seluruh dunia. Malah beliau seorang yang hebat dan sangat mahir kesemua *qirā'āt* yang *mutawatirah*. SeHINGGAKAN dalam satu persembahan bacaan, beliau menggunakan pelbagai jenis *qirā'āt*.

#### Definisi *Qirā'āt*

Dari segi bahasa:

Perkataan *qirā'āt* (قراءات) merupakan jamak bagi perkataan *qirā'ah* (قراءة) dan masdarnya daripada perkataan *qara'a* (قرأ).<sup>539</sup>

Dari segi Istilah:

Imam al-Jazārī mengatakan *qirā'āt* ialah suatu ilmu tatacara mempraktikkan kalimah-kalimah al-Quran dan perbezaannya di sandarkan kepada pembawa-pembawanya (imam atau qari yang meriwayatkan).<sup>540</sup>

Dr. Muhammad Sālim Muḥaysin pula menyatakan bahawa *qirā'āt* ialah setiap khilaf yang dinisbahkan kepada imam sepuluh yang disepakati oleh dua perawi masing-masing.<sup>541</sup>

<sup>539</sup> Majma', al-Lughah al-'Arabiyyah (1985), *al-Mi'jam al-Wasīṭ*, cet. 2, (Kaherah: Matabi', Al-Ofsot, t.t), 2.

<sup>540</sup> Shaykh Muḥammad bin Muḥammad al-Jazārī, *al-Minjīd al-Muqri'īn Wa Mursyīd al-Ṭālibīn* (Bayrūt Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1980), 3.

### ***Qirā'āt Mutawātirah***

*Qirā'āt Mutawātirah* adalah *qirā'āt* yang menepati tiga syarat utama dan ia juga dikenali sebagai *qirā'āt ṣaḥīḥah*, iaitu:

1. Sanad bersambung sampai kepada Rasulullah (s.a.w)
2. Menepati *Rasm Uthmānī*
3. Menepati kaedah bahasa arab.

*Qirā'āt Mutawātirah* yang menepati syarat-syarat tersebut, iaitu:

**Pertama:** *Qirā'āt Sab,ah*: Ialah bacaan-bacaan tujuh yang disandarkan kepada Imam al-Qurrā". Bacaan-bacaan ini telah dihimpunkan oleh Imam al-Shāṭibiy dalam bentuk syair yang disebut *Matn al-Shāṭibiyyah* lebih dikenali juga dengan kitabnya yang bernama *Ḥirz al-Amānī wa Wajhu al-Tahānī fī al-Qirā'āt al-Sab,*

Nama imam-imam dan perawin-perawinya:<sup>542</sup>

1. Nāfi" al-Madanī: Nāfi" bin „Abd al-Raḥmān bin Abī Nu,aym (70-169H)

Perawinya:

- a) Qālūn: „Isā bin Mīnā bin Wardān bin Isā „Abd al-Ṣamad (170-250 H)
  - b) Warsh: „Uthmān bin Sa,īd bin „Abd Allāh bin „Amru b. Sulaymān b. Ibrāhīm (110-197 H)
2. Imam Ibn Kathīr al-Makkī: „Abd Allāh bin „Abd Allāh bin Zādān bin Qayrūz bin Hurmuz (45-120H)

---

<sup>541</sup> Shaykh Dr. Muḥammad Sālim Muḥaysin, *al-Hādī Sharḥ Tayyibah al-Nashr Fī al-Qirā'āt al-,Ashr wa al-Kashf*, An „Ilal al-Qirā'āt wa Tawjihahā, cet. 1, (t.p: Dār al-Jīl, 1997), 13.

<sup>542</sup> Shaykh „Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī, *Tārikh al-Qurrā" al-,Assyarah wa Ruwātuhum wa Tawātir Qirā'ātuhum wa Manhaj Kull Fī al-Qirā'āh* (cet. 1, Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 1998), 9-39.

Perawinya:

- a) Al-Bazzī al-Makkī: Aḥmad b. Muḥammad b. „Abd Allāh b. Qāsim b. Nāfi“ b. Abi Bazzah (170-250 H)
- b) Qunbul: Muḥammad bin „Abd al-Raḥmān bin Khālīd bin Muḥammad bin Sa,īd al-Makhzūmī al-Makkī (165-291 H)

3. Imam Abū „Amr bin al-„Alā“ al-Baṣrī: Zayyān bin al-„Alā“ bin „Ammār bin al-al“Uryān bin „Abd Allāh bin Ḥusīn ( 68-154 H)

Perawinya:

- a) Imam Ḥafṣ al-Dūrī: Ḥafṣ bin „Umar bin „Abd „Azīz bin Ṣuhbān bin „Adī bin Ṣuhbān al-Dūrī al-Azdī al-Baghdādī (150-246 H)
- b) Imam al-Sūsī: Ṣāliḥ bin Ziyād bin „Abd Allāh bin Ismā,il bin Ibrāhīm bin al-al-Jārūd (170-261 H).

4. Imam „Abd Allāh bin „Āmir al-Shāmī: „Abd Allāh bin „Āmir bin Yazīd bin Tamīm bin Rubay,ah bin „Āmir al-Yaḥṣabī (8-118 H)

Perawinya:

- a) Imam Hishām: Hishām bin „Ammār bin Naṣīr bin Maysarah al-Silmi al-Dimasyqī (152-245 H)
- b) Imam Ibn Dhakwān: „Abd Allāh bin Aḥmad bin Bashār (Bashīr) ibn Dhakwān bin „Amrū (173-242 H)

5. Imam „Āṣim bin al-Najūd al-Kūfī: Abu Bakr „Āṣim bin al-Najūd bin „Abd Allāh (Abu al-Najud) bin Bahdalah al-Asadī al-Kūfī (M 127 H).

Perawinya:

- a) Shuḥbah: Abū Bakr Shuḥbah bin Ḥaḍḍ al-Ayyāsh bin Sālim al-Ḥannāṭ al-Nahshalī al-Kūfī (95-193 H)
- b) Ḥafṣ bin Sulaymān: Ḥafṣ bin Sulaymān al-Mughīrah bin Abū Dāwūd al-Asadī al-Kūfī (90-180 H)

6. Imam Hamzah al-Kūfī: Hamzah bin Ḥabīb bin Ḥamrah bin Ismā'īl al-Kūfī al-Taymī (80-156 H)

Perawinya:

- a) Khalaf: Khalaf bin Hishām bin Ṭhalab bin Khalaf al-Asadī al-Baghdādī al-Bazzār (150-229 H)
- b) Khallād: Khallād bin Khalīd al-Shaybānī (119-130 H)

7. Imam al-Kisā'ī al-Kūfī: Ḥalī bin Ḥamzah bin Ḥabīb al-Allāh bin Ḥamhān bin Fayrūz (119-189 H)

Perawinya:

- a) Abū al-Ḥārith: al-Layth bin Khālīd al-Marūzī al-Baghdādī (M 240 H)
- b) Ḥafṣ al-Dūrī: Ḥafṣ bin Ḥamhān bin Ḥabīb al-Allāh bin Ḥamhān bin Ḥamhān al-Dūrī al-Azdī al-Baghdādī (150-246 H)

**Kedua:** *Qirā'āt Ḥamrah Sughrā*: Ia merupakan gabungan daripada *Qirā'āt Sab'ah* dan tiga lagi *qirā'āt* yang diriwayatkan oleh Imam Ibn al-Jazarī dalam kitabnya *Tahbīr al-Taysīr*. Kemudian beliau menyusun semula kitab ini dalam bait-bait syair yang dinamakan matan *al-Durrah al-Muḍīyyah fī al-qirā'āt al-Thalāth al-Mutammimah al-Ḥamrah*.

Imam-imam dan perawi-perawi *qirā'āt* tersebut ialah:<sup>543</sup>

1. Imam Abū Jaʿfar al-Madani: Yazid bin al-Qaḥḥā, al-Makhzūmī al-Madani (M 130 H)

Perawinya:

- a) Ibn Wardān: Isa bin Wardān al-Madani (M 160 H)
- b) Ibn Jammāz: Sulaymān bin Muslim bin Jammāz al-Zuhri al-Madani (M 170H)

2. Imam Yaḥyā al-Ḥaḍrami: Yaḥyā bin Ishāq bin Zayd bin ʿAbd Allāh bin Abī Ishāq al-Ḥaḍrami al-Basri (117-205 H)

Perawinya:

- a) Ruways: Muhammad bin al-Mutawakkil al-Luʿluʿi al-Basri (M 238H)
- b) Rawḥ: Rawḥ bin ʿAbd al-Muʿmin al-Hadhli al-Basri al-Nahwi (M 123H).

3. Imam Khalaf bin Hisyām bin Thālab bin Khalaf al-Asadi al-Baghdadi al-Bazzār (150-229 H)

Perawinya:

- a) Ishāq al-Warrāq: Ishāq bin Ibrāhīm bin ʿUthmān bin ʿAbd Allāh al-Marūzi al-Baghdadi (199-292 H)
- b) Idrīs al-Haddād: Idrīs bin ʿAbd al-Karīm al-Haddād al-Baghdadi (189-292H)

---

<sup>543</sup> *Ibid*

**Ketiga:** *Qirā'āt „Āyarah Kubrā*

*Qirā'āt* ini telah diriwayatkan oleh Imam Ibn al-Jazārī di dalam kitabnya *al-Nasyr fī Qirā'atal-„Āyr*. Kemudian ia disusun semula dalam bentuk bayt-bayt syair oleh Imam Ibn al-Jazārī dalam kitabnya yang bernama *Tayyibah al-Nasyr fī al-Qirā'āt al-„Āyr*. *Qirā'āt* ini adalah sama seperti *Qirā'āt „Āyarah Sughra*, dari segi Imam-imam dan perawi-perawinya cuma berbeza dari sudut *Turuq* sanadnya sahaja.

Pada pemerhatian penulis berdasarkan bacaan-bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, terdapat *Qirā'āt* yang menjadi kegemaran beliau selain daripada *Qirā'āt „Āṣim* Riwayat Ḥafṣ iaitu *Qirā'āt Nāfi'* Riwayat Warsy dan *Qirā'āt Hamzah* riwayat Khalaf dan Khallād. Hal ini disokong oleh pakar al-Quran di Malaysia iaitu Tan Sri Sheikh Ismail yang menyatakan bahawa itulah qirā'āt bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl yang paling digemarinya dengan berpandukan kepada bacaan-bacaan beliau.<sup>544</sup>

Di antara contoh bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl menggunakan ketiga-tiga jenis *Qirā'āt* dalam satu bacaan beliau iaitu dalam surah al-Najm ayat 31-63, seperti berikut.<sup>545</sup>

Ayat 31-32 beliau telah membaca dengan *Qirā'āt „Āṣim* riwayat Ḥafṣ. Pembuktian dapat dirujuk kepada manhaj *Qirā'āt „Āṣim* riwayat Ḥafṣ.

---

<sup>544</sup> Temubual dan talaqqi penulis bersama Tan Sri Sheikh Ismail (Imam Besar Masjid Negara dan salah seorang hakim dalam majlis tilawah peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa Malaysia) di bilik mesyuarat Masjid Negara Kuala Lumpur, pada 12 hingga 23 Mac 2018.

<sup>545</sup> Sila rujuk Wael Salim, Laman sosial youtube, dicapai pada 17 jul 2017, <https://www.youtube.com/watch?v=Hi4k0BgIPdk>

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾

﴿وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ لِيَجْزِيَ الَّذِينَ أَسْتَوُوا بِمَا عَمِلُوا وَيَجْزِيَ الَّذِينَ الَّذِينَ أَحْسَنُوا بِالْحُسْنَى ۖ﴾ (٣١) الَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَجْنَةُ فِي بُطُونِ أُمَهَاتِكُمْ فَلَا تُزَكُّوا أَنْفُسَكُمْ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَى ۖ﴾ (٣٢)

*Mad Muttaṣil* dengan 5 harakat dan *mad Munfasil* 2 harakat beliau telah membaca iaitu pada kalimah ( أَسْتَوُوا ), ( كَبِيرَ ) dan ( تُزَكُّوا ). Qirā'at ,Āṣim riwayat Ḥafṣ tidak ada *taqlil*, *imālah*, atau *saktah* pada ayat tersebut.

Kemudian Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl *takrir* ayat iaitu mengulang kembali bacaannya pada ayat yang ayat 31- 51 dengan bacaan Qirā'at Hamzah riwayat Khalaf

﴿وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ لِيَجْزِيَ الَّذِينَ أَسْتَوُوا بِمَا عَمِلُوا وَيَجْزِيَ الَّذِينَ الَّذِينَ أَحْسَنُوا بِالْحُسْنَى ۖ﴾ (٣١) الَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَجْنَةُ فِي بُطُونِ أُمَهَاتِكُمْ فَلَا تُزَكُّوا أَنْفُسَكُمْ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَى ۖ﴾ (٣٢) أَفَرَأَيْتَ الَّذِي تَوَلَّى ۖ وَاعْطَى قَلِيلًا وَأَكْدَى ۖ﴾ (٣٣) أَعِنْدَهُ عِلْمُ الْغَيْبِ فَهُوَ يَرَى ۖ﴾ (٣٤) أَمْ لَمْ يُبْنَأْ بِمَا فِي صُحُفِ مُوسَى ۖ﴾ (٣٥) وَإِبْرَاهِيمَ الَّذِي وَفَّى ۖ﴾ (٣٦) أَلَا نَزَرُ وَازَرَهُ ۖ وَزَرَ أُخْرَى ۖ﴾ (٣٧) وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَانِ إِلَّا مَا سَعَى ۖ﴾ (٣٨) وَأَنَّ سَعْيَهُ سَوْفَ يُرَى ۖ﴾ (٣٩) ثُمَّ يُجْزَاهُ الْجَزَاءَ الْأَوْفَى ۖ﴾ (٤٠) وَأَنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ الْمُنْتَهَى ۖ﴾ (٤١) وَأَنَّهُ هُوَ أَضْحَكَ وَأَبْكَى ۖ﴾ (٤٢) وَأَنَّهُ هُوَ أَمَاتَ وَأَحْيَا ۖ﴾ (٤٣) وَأَنَّهُ خَلَقَ الزَّوْجَيْنِ الذَّكَرَ وَالْأُنثَى ۖ﴾ (٤٤) مِن نُّطْفَةٍ إِذَا تُمْنَى ۖ﴾ (٤٥) وَأَنَّ عَلَيْهِ النَّشَأَ الْأُخْرَى ۖ﴾ (٤٦) وَأَنَّهُ هُوَ رَبُّ الشَّعْرَى ۖ﴾ (٤٧) وَأَنَّهُ هُوَ أَغْنَىٰ وَأَقْنَى ۖ﴾ (٤٨) وَأَنَّهُ هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْأَعْلَى ۖ﴾ (٤٩) وَأَنَّهُ أَهْلَكَ عَادًا الْأُولَى ۖ﴾ (٥٠) وَتَمُودًا فَمَا أَتَى ۖ﴾ (٥١)

Merujuk kepada manhaj Qirā'āt Hamzah, beliau telah membaca dalam ayat tersebut dengan saktah pada *alif lam ta''rif* (ال) yang selepasnya terdapat *hamzah qata*,, *mad muttasil* dan *mad munfa'il* dibaca dengan 6 harakat pada kalimah-kalimah berikut:

Jadual 9: Contoh Bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl pada manhaj Qirā'āt Hamzah Riwayat Khalaf

|                       |                         |                  |                       |                      |
|-----------------------|-------------------------|------------------|-----------------------|----------------------|
| الْأَرْضِ             | أَسْتَوْ                | الْإِثْمِ        | يَكُرُّ إِذَا         | إِذَا أَنْشَأَ كُرُّ |
| وَإِذَا أَنْتُمْ      | تَزَكُّوْا أَنْفُسَكُمْ | لِلْإِنْسَانِ    | الْجَزَاءِ الْأَوْفَى | تُطْفَعُ إِذَا       |
| النَّشْأَةُ الْآخَرَى | وَأَنْتُمْ أَهْلَكَ     | عَادًا الْأُولَى |                       |                      |

Membaca dengan *imālah* pada kalimah yang ada *zawāt al-yā''* dan sebelumnya huruf *alif saghīrah* dihujung kalimah samada ketika waṣal atau waqaf iaitu pada kalimah-kalimah berikut:

|              |             |            |            |           |
|--------------|-------------|------------|------------|-----------|
| بِالْحُسْنَى | أَتَقَى     | تَوَلَّى   | وَأَعْطَى  | وَأَكْدَى |
| يَرَى        | مُوسَى      | وَفَى      | أُخْرَى    | سَعَى     |
| يُرَى        | يُجْرَنُهُ  | الْأَوْفَى | الْمُنَهَى | وَأَبْكَى |
| وَأَحْيَا    | وَالْأُنثَى | تُمْنَى    | الْأُخْرَى | أَغْنَى   |
| وَأَقْنَى    | الشَّعْرَى  | الْأُولَى  | أَبْقَى    |           |

Kemudian, ayat seterusnya 52-62 beliau membaca dengan Qirā'āt Nāfi'' Riwayat Warsh.

﴿وَقَوْمٌ نُّوجٍ مِّن قَبْلِ إِيَّاهُمْ كَانُوا هُمْ أَظْلَمَ وَأَطْعَى ۝٥٢ وَالْمُؤَنَّفَكَ أَهْوَى ۝٥٣ فَفَسَّهَا مَا غَشَى ۝٥٤ فَإِنِّي إِلَهِ رَبِّكَ نَتَمَارَى ۝٥٥ هَذَا نَذِيرٌ مِنَ الْأُولَى ۝٥٦ أَزِفَتِ الْأَزِيفَةُ ۝٥٧﴾

لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ كَاشِفَةٌ ﴿٥٨﴾ أَفَإِنَّ هَذَا الْحَدِيثَ تَعْجَبُونَ ﴿٥٩﴾ وَتَضْحَكُونَ وَلَا تَبْكُونَ ﴿٦٠﴾  
وَأَنْتُمْ سَمِيدُونَ ﴿٦١﴾ فَاسْجُدُوا لِلَّهِ وَاعْبُدُوا ﴿٦٢﴾

Jadual 10: Contoh Bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl pada manhaj Qirāʿāt Nāfiʿ<sup>2</sup>  
Riwayat Warsh.

Beliau membaca dengan *taqlīl* pada kalimah-kalimah berikut:

|             |         |             |       |            |           |
|-------------|---------|-------------|-------|------------|-----------|
| وَأَطْعَنِي | أَهْوَى | فَغَشَّاهَا | عَشَى | نَتَمَارَى | الْأُولَى |
|-------------|---------|-------------|-------|------------|-----------|

Beliau membaca dengan *ṣilah mīm jam*,, apabila bertemu dengan *hamzah qata*,, dan membaca dengan *tafkīm lām* apabila bersama huruf *isti*,,*ḥ*”, iaitu pada kalimah:

هُمْ أَظْلَمَ

Beliau meng*ibdāl*kan *hamzah* dan *mad badal* membaca dengan 6 harakat, iaitu pada kalimah:

|                   |          |           |             |
|-------------------|----------|-----------|-------------|
| وَالْمُؤْنِفَكَةَ | ءِالَاءَ | الْأُولَى | الْأَرْفَةَ |
|-------------------|----------|-----------|-------------|

### 3.7 KESIMPULAN


Jika ditinjau dari aspek metodologi bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, ia mempunyai empat kriteria utama iaitu *Marātib al-tilāwah* iaitu bacaan dengan *tartīl*, bertadabbur, bacaan yang ber*lahjah* „*Arabiyyah*” dan mempunyai *Uslūb al-Qirāʿah* yang berbeza dengan qari-qari yang lain.

Kemudian, dari sudut metode bacaan beliau pula boleh disimpulkan kepada Empat perkara yang utama iaitu teknik penggunaan tarannum, suara dalam tarannum, tajwid dalam tarannum dan *qirāʿāt* dalam tarannum.


Melalui metode-metode tersebut, ini menunjukkan bahawa Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl seorang qari yang mempunyai keilmuan yang hebat dalam bidang al-Quran dan mempunyai metode-metode yang unggul.

Oleh yang demikian, secara tidak langsung penulis telah mendapat salah satu hasil daripada kajian ini iaitu dapat mewujudkan satu metode baru iaitu “*Metode Muṣṭafā Ismāʿīl*” dalam pengajian ilmu tarannum berdasarkan kepada metode-metode bacaan beliau. Moga ia amat bermanfaat untuk panduan kepada umat Islam seluruhnya lebih-lebih lagi ia amat bermanfaat kepada qari-qariah yang saban tahun menyertai Tilawah al-Quran.

Rajah 4: Kriteria Bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl



Rajah 5: Metode-Metode Bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl



**BAB: 4**  
**PENGARUH BACAAN TARANNUM AL-QURAN**  
**SHAYKH MUṢṬAFĀ ISMĀʿĪL**  
**DI MALAYSIA**

**4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini merupakan kemuncak kepada kajian yang membincangkan mengenai pengaruh bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl di Malaysia. Kajian ini melihat pengaruh beliau dalam dua aspek utama iaitu pengaruh terhadap karya-karya dan pengaruh terhadap qari dan qariah.

Dalam bidang penulisan, penulis mengkaji tentang pengaruh yang terdapat dalam karya-karya yang tersebar luas di Malaysia. Begitu juga dengan artikel-artikel yang ada hubungkait dengan diri beliau sama ada berkenaan dengan biodata atau dari sudut metode bacaannya. Penelitian ini dilakukan dengan mendatangkan bukti-bukti pengaruh yang ada dalam penulisan tersebut dan mengupas secara terperinci dengan mengikut adaptasi dalam penulisan.

Begitu juga untuk melihat pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl terhadap qari dan qariah. Penulis telah memfokuskan dua sudut iaitu temu bual bersama qari dan qariah serterusnya menganalisis bacaan-bacaan di kalangan qari dan qariah yang terpilih di Malaysia seramai 14 orang yang terdiri daripada sembilan orang qari dan lima orang qariah. Berdasarkan kepada dua sudut tersebut, maka sekaligus dapat melihat sejauh mana pengaruh bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl terhadap qari dan qariah tersebut. Pemilihan qari dan qariah seramai 14 orang ini adalah memadai dengan angka yang telah ditetapkan dalam kajian kualitatif.

Justeru, kajian tertumpu terhadap perkara-perkara tersebut, secara tidak langsung dapat membuktikan ketokohan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam bidang tarannum al-Quran dan menunjukkan bahawa beliau memang seorang qari yang berpengaruh besar di Malaysia.

#### **4.2 PENGARUH SHAYKH MUṢṬAFĀ ISMĀʿĪL DALAM BIDANG PENULISAN**

Ketokohan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam tarannum al-Quran telah memberi pengaruh dan kesannya yang tersendiri kepada penulisan dalam ilmu al-Quran. Pengaruh beliau dalam penulisan sebenarnya diperakui bahawa jarang didokumentasikan oleh penulis-penulis. Walaupun begitu, dalam hal ini terdapat juga segelintir daripada mereka yang menerapkan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam penulisan. Bahkan menjadikan metode-metode bacaan beliau sebagai rujukan utama dari sudut pengajaran dan pengajian kepada semua lapisan masyarakat terutama di kalangan guru tarannum dan qari dan qariah yang menyertai tilawah al-Quran saban tahun. Harus diingat bahawa Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl memberi sumbangan yang amat besar dan bermakna kepada penulisan ilmu tarannum al-Quran. Hal ini jelas dapat dilihat kecenderungan beberapa orang penulis dalam bidang tarannum yang merujuk dan berpaksikan kepada Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan bacaannya. Penulis akan menumpukan perbincangan khusus pengaruh beliau dalam bidang penulisan yang merangkumi dua bentuk penulisan, iaitu:

#### 4.2.1 Pengaruh Kepada Karya-Karya

Pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl boleh dilihat dengan jelas melalui beberapa buah karya yang tersebar luas di Malaysia. Karya-karya yang akan ditonjolkan ini adalah di antara karya-karya yang telah pun disenaraikan dalam bab pendahuluan di bawah tajuk ulasan kajian lepas. Penulis telah meneliti dalam penulisan karya-karya tersebut dan penulis *menaqalkan* ke dalam disertasi ini sebagai bukti. Penulis telah mengenal pasti bahawa pengarang-pengarang karya terdiri daripada dua kelompok iaitu pengarang dalam negara dan luar negara.

Karya-karya daripada pengarang dalam negara Malaysia, seperti berikut:

##### 1. Buku *Qawāʿid al-Tarannum*<sup>546</sup>

*Buku Qawāʿid al-Tarannum* yang bermaksud “Kaedah-Kaedah Tarannum atau Cara-Cara Berlagu” adalah hasil karya Datuk Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail yang telah selesai dikarang pada pagi Jumaat 22 Ogos 1997 bersamaan 19 Rabiʿul Akhir 1418H di Rawḍah al-Tilāwah Jalan Meranti 17000 Pasir Mas, Kelantan Darul Naim.<sup>547</sup> Karya ini ditulis dalam bahasa jawi yang mempunyai 177 halaman. Merujuk kepada penulisan karya ini, perbincangannya adalah berkisar kepada empat kurikulum utama. Kurikulum pertama membincangkan tentang *Taḥsīn al-Ṣawt* yang merangkumi peranan suara, *tabaqāt* suara, sifat suara, *burdah* dan lain-lain. Perbincangan perkara tersebut adalah bermula daripada halaman 48 hingga 69. Kemudian perbincangan kurikulum kedua pula iaitu mengenai Ilmu Tajwid yang secara umumnya membincangkan mengenai *makhraj* dan *sifat huruf*, *istiʿādah* dan

---

<sup>546</sup> Datuk Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawāʿid al-Tarannum*

<sup>547</sup> *Ibid*, 176 dan 177.

*basmallah*, hukum-hukum tajwid, perkara yang khusus dalam bacaan riwayat *Hafṣ* „*An* „*Āṣim* serta *waqaf* dan *ibtidā*” bermula pada halaman 61 hingga 111. Seterusnya, kurikulum ketiga iaitu tentang tarannum yang membincang secara panjang lebar dan agak detil seperti perbincangan sejarah tarannum, hukumnya, tarannum yang masyhur di Malaysia dan sebagainya. Perbincangan sub topik tersebut bermula pada halaman 112 hingga kepada halaman 152. Kemudian kurikulum yang keempat iaitu tentang *tartīl* yang merangkumi perbincangan secara umumnya ialah tentang *faṣāḥah*. Perkara tersebut dibincang pada halaman 154 hingga 169. Di akhiri karya ini dengan sumber rujukan, doa dan pengawasan hak cipta pada halaman 172 hingga 177.

Jika diteliti kandungan karya ini secara mendalam, amat jelas penulisan karya ini terpengaruh dengan beberapa metode bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl. Hal ini terbukti lagi apabila Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail sendiri yang mengatakan bahawa kebanyakan metode yang ditulis dalam karya tersebut adalah dihasilkan berdasarkan *uslūb* atau teknik suara yang digunakan oleh Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl berbanding dengan shaykh-shaykh yang lain. Begitu juga dengan metode-metode penting dalam tarannum seperti fungsi *ṭabaqāt* suara, bunga-bunga suara dalam bacaan dan *ikhtilāl al-laḥn*. Beliau menyatakan bahawa rujukan metode-metode tersebut adalah hasil daripada pengajian beliau dengan gurunya iaitu Hj. Ahmad Mat Som Pergau dan juga berdasarkan kepada inisiatif beliau sendiri yang banyak merujuk kepada bacaan-bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl.<sup>548</sup>

Sepertimana yang terdapat dalam karya beliau pada halaman 148 dan 149, beliau membincangkan sub topik yang kecil tentang bagaimana anda menilai tentang persembahan *tarannum bi al-Qur’ān*? Beliau mengutarakan mengenai memahami

---

<sup>548</sup> Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail dalam temubual dengan penulis 7 Ogos 2016.

fungsi *tarannum bi al-Qur'ān*. Menurut beliau, setiap tarannum mempunyai fungsi yang tersendiri, ianya terbahagi kepada dua ketogori. Pertama: Tarannum-tarannum yang mampu berfungsi dengan bersendirian tanpa bergantung kepada tarannum yang lain seperti tarannum *bayyātī*, *ḥusaynī*, *kurdī*, *ṣabā*, *ḥijāz*, *nahāwand*, *rast*, *sīkāh* dan *jihārkāh*. Kedua: Tarannum-tarannum yang kurang berfungsi dengan bersendirian tetapi lebih sesuai menampung tarannum lain seperti tarannum „*iāqī*“, „*ajamī*“, *nawā asar* atau „*uṣyāq*“ dan *shūrī*. Beliau mengatakan bahawa tarannum-tarannum yang kedua tersebut kurang popular hanya dapat diminati dan dihayati oleh qari-qari yang mempunyai kepakaran sahaja seperti Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Shaykh Muḥammad Rifaʿat, Shaykh Ṭahā al-Fasyānī dan lain-lain. Kerana ianya lebih berfungsi sebagai tarannum selingan atau sebagai *wuṣlah* kepada mana-mana persembahan bacaan untuk menambah kecanggihan bacaan tersebut.<sup>549</sup>

Selain itu, pembuktian juga mengenai pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam karya Datuk Nik Jaafar ialah pada sumber-sumber rujukan atau bibliografi penulisan karya tersebut. Pada halaman 172 hingga 175, beliau telah menyenaraikan sebanyak 26 buah kitab yang menjadi sumber rujukan beliau. Kemudian rujukan beliau juga pada nota guru tarannum. Pertama: Tuan Hj. Muhammad Yusuf Kedondong (bekas qari Diraja Kelantan Darul Naim, popular awal tahun 1920-an hingga akhir 1970-an). Diambil daripada qari Hj. Nik Wan Ahmad (Tok Kerasak), Hj. Awang Shaykh Musa (Apa-Apa), dan Shaykh „Abd al-Syatār (Miṣrī). Kedua: Tuan Hj. Encik Musa Mahmud (Limal) (bekas qari istana Kelantan Darul Naim yang popular akhir 1930-an hingga akhir 1970-an. Diambil dari qari Encik Muhammad Daud (Tok Uban), Hj. Muhammad Yusuf (Kedondong) dan Hj. Mahyuddin (Perak). Ketiga: Tuan Hj.

---

<sup>549</sup> *Ibid.*, 188 dan 149.

Ahmad bin Maksom Pergau (bekas qari antarabangsa tahun 1961 yang popular awal 1950-an hingga akhir 1980-an. Diambil daripada qari Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl (Miṣrī), Shaykh Ṭahā al-Fashanī (Miṣrī), Shaykh Riḍā Qārī (Miṣrī), Shaykh „Abd al-Ṣamad Fidā (Su,ūdī), Shaykh „Abd al-Ṣamad Jambi (Su,ūdī) dan Hj. Muhammad Yusuf (Kedondong).<sup>550</sup>

Seterusnya beliau menyatakan bahawa hasil karya tersebut dirujuk juga kepada bacaan dari qari-qari yang muktabar, iaitu Faḍīlah al-Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Faḍīlah al-Shaykh Ṭahā al-Fashanī, Faḍīlah al-Shaykh al-Doktor Aḥmad Nu,ayna,,, Faḍīlah al-Shaykh „Abd al-Bāsiṭ al-Ṣamad, Faḍīlah al-Shaykh Muḥammad Ṣidiq al-Minsyāwī, Faḍīlah al-Shaykh Kāmil Yūsuf al-Bahtimī, Faḍīlah al-Shaykh Abū al-„Aynayn Sha,īsha,, Faḍīlah al-Shaykh „Abd al-Fattāḥ Sya,,sya,, dan Faḍīlah al-Shaykh Muḥammad Rifa,,at. Kemudian beliau menegaskan bahawa sesuatu bacaan tanpa menerima daripada mana-mana guru yang muktabar tanpa model dan tanpa tempat rujukan yang khusus, maka bacaannya tidak menentu dan menyebabkan kehilangan punca.<sup>551</sup>

*Buku Qawāʿid al-Tarannum* ini begitu popular di Malaysia dan telah menjadi rujukan dan pengaruh pula kepada penulisan yang lain sebagai silibus pengajaran dan pembelajaran dalam bidang tarannum, seperti:

- a) “*Buku Panduan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ)*”, oleh Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia. Buku ini telah menjadi silibus kepada para pelajar sekolah Menengah Agama di seluruh Malaysia daripada

---

<sup>550</sup> *Ibid.*, 173 dan 174.

<sup>551</sup> *Ibid.*, 174 dan 175.

tingkatan satu hingga tingkatan lima.<sup>552</sup> Buku ini amat banyak menukilkan daripada *Buku Qawā'id al-Tarannum* dalam anggaran 95 peratus dan secara tidak langsungnya menjadi rujukan utama dalam membicarakan ilmu tarannum al-Quran. Buku atau silibus ini mengandungi 5 bidang iaitu Tajwid, Hafazan, Ulum al-Quran, Qirā'āt al-Sab', dan tarannum.<sup>553</sup> Dalam bidang Tarannum, Kurikulum Kelas Khas Kemahiran al-Quran untuk Tingkatan 1 membincangkan tentang *Tahsīn al-Ṣawt* yang terdiri daripada pengenalan suara, sifat suara, *tabaqāt* suara dan peranan suara. Kemudian tentang ilmu tarannum yang membahas berkaitan dengan pengenalan tarannum, sejarahnya, sifat bacaan Rasulullah (s.a.w), dalil-dalil, kelebihan tarannum, peranan tarannum, bahagian tarannum, susunan tarannum, istilah-istilah dalam ilmu tarannum, tarannum *bayyātī* dan akhir sekali praktikal dengan menerapkan tarannum *Bayyātī* dan tarannum *ḥusaynī* dalam suruh al-Sajadah dan al-Insan.<sup>554</sup> Silibus untuk tingkatan 2 pula mempelajari tarannum *nahāwand* dan *rast* dengan menerapkan tentang sejarah, mengenal sifat-sifatnya dan memahami peranan tarannum tersebut. Kemudian praktikal bacaan surah al-Waqi'ah ayat 1 hingga 34 dan surah Nūḥ ayat 1 hingga 13 dengan menggunakan gabungan 3 jenis tarannum iaitu *Bayyātī*, *Ḥusaynī* dan *Nahāwand*.<sup>555</sup> Tingkatan 3 pula, membincangkan tentang tarannum *Hijāz* dan *Ṣabā* dengan menerapkan tentang sejarah, mengenal sifat-sifatnya, bentuk harakat dan memahami peranan tarannum tersebut. Kemudiannya praktikal pada surah al-Jumu'ah ayat 1 hingga 7 dan surah al-Ṣaf ayat 1 hingga 7

---

<sup>552</sup> Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral, *Buku Panduan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) Edisi Semakan* (cet. 1, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

<sup>553</sup> *Ibid.*, i-ix.

<sup>554</sup> *Ibid.*, 107-127.

<sup>555</sup> *Ibid.*, 204-209.

dengan menerapkan 4 jenis tarannum iaitu *Bayyātī*, *Husayni*, *Ṣabā*, dan *Hijāz*.<sup>556</sup> Seterusnya untuk silibus tingkatan 4 pula, mempelajari tentang tarannum *Sikāh* dan *Jihārkah* dengan mengutarakan sejarahnya, sifat-sifatnya, peranannya, gaya harakat-harakat tarannum tersebut dan istilah-istilah dalam ilmu tarannum. Kemudian praktikal bacaan pada surah al-Munāfiqūn ayat 1 hingga 7 dan Yāsīn ayat 1 hingga 15 dengan menerapkan kepada para pelajar 4 jenis tarannum iaitu *Bayyātī*, *Husayni*, *Sikāh* dan *Jihārkah*.<sup>557</sup> Silibus untuk tingkatan 5 pula, membincangkan tentang *salālim al-nuzūl*, *salālim al-ṣu,ūd*, *jawāb* dan *jawāb al-Jawāb* serta prektikal bacaan pada surah al-Mulk ayat 1 hingga 16 dengan menggunakan kesemua jenis tarannum yang *uṣūl* itu. Dilakukan dengan 2 bentuk persembahan bacaan. Persembahan bacaan pertama dengan menerapkan tarannum *Bayyātī*, *Husayni*, *Hijāz*, *Sikāh* dan *Jihārkah*. Persembahan bacaan kedua dengan menggunakan tarannum *Bayyātī*, *Husayni*, *Nahāwand*, *Rast* dan *Jihārkah*.<sup>558</sup>

b) “*Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*”, oleh Hj. Norakhyairee Mohd Raus dan Dr. Adnan Mohamed Yusoff merupakan hak cipta Open University Malaysia. Karya ini telah menjadi silibus kepada pelajar-pelajar di Open University Malaysia. Jika dilihat secara mendalam, karya ini boleh dikatakan dalam 90 peratus menukilkkan daripada *Buku Qawā, id al-Tarannum*. Merujuk kepada isi kandungan buku ini, ia membincangkan perkara yang sama seperti isi *Buku Qawā, id al-Tarannum*. Cuma dipersembahkan dalam bentuk topik sahaja. Ia mempunyai 10 topik perbincangan. Topik 1 membincangkan berkenaan bacaan al-Quran Dan Tarannum iaitu terdiri daripada kurikulum bacaan al-Quran, Penghantar tarannum, dan hukum tarannum.

---

<sup>556</sup> *Ibid.*, 267-274.

<sup>557</sup> *Ibid.*, 67-76.

<sup>558</sup> *Ibid.*, 147-171.

Topik 2 pula membincangkan tentang *taḥsīn ṣawt* iaitu seni suara, kelunakan suara dan latihan suara. Topik 3 membincangkan berkaitan dengan perkembangan seni tarannum al-Quran bermula pada zaman Rasulullah s.a.w hinggalah sekarang ini. turut dibincangkan juga dalam topik ini dengan falsafah tarannum peranannya dan pembahagian seni tarannum. Seterusnya topik 4 hingga topik 10 membincangkan mengenai 7 jenis tarannum *uṣūl* iaitu *Bayyātī, Nahāwand, Rast, Ṣabā, Ḥijāz, Sīkāh* dan *Jihārkāh*.<sup>559</sup> Kesemua topik tersebut adalah sama isinya dengan *Buku Qawā, id al-Tarannum*. Lebih jelas lagi apabila sumber rujukan utama karya ini tercatat pada bibliografi adalah daripada *Buku Qawā, id al-Tarannum* oleh Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail.<sup>560</sup>

c) “*Tarannum al-Quran*”, disediakan oleh Ustaz Amirahman Abas. Ia merupakan Modul Lima Sijil Pengajian al-Quran, Kursus Pengajian al-Quran & al-Sunnah (SPAQ) dan sekarang ini dikenali sebagai (KPAQ) Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM). Modul ini ditulis dengan bahasa jawi dan telah menjadi silibus kepada pengajian awam yang belajar di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) pada hari Sabtu. Modul ini juga merupakan modul yang terakhir dalam kursus Pengajian al-Quran & al-Sunnah (KPAQ) setelah melalui empat modul sebelumnya iaitu modul satu dan dua mempelajari tentang Hukum-Hukum Tajwid, Modul ke Tiga Resm al-Quran dan Modul ke Empat mempelajari mengenai *Tartīl* al-Quran. Jika diamati Modul tersebut, isi kandungannya menyamai sepenuhnya dengan *Buku Qawā, id al-Tarannum* cuma memuatkan tajuk-tajuk tertentu sahaja. Modul ini mempunyai 15 halaman sahaja yang merangkumi tajuk yang kecil seperti pengenalan

<sup>559</sup> Hj. Norakyairee Mohd Raus, Dr. Adnan Mohamed Yusoff, *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*, i-vii.

<sup>560</sup> *Ibid.*, 135.

tarannum, definisinya, ciri-ciri tarannum al-Quran, sejarahnya, qari dan qariah yang terkenal di Malaysia, tujuan mempelajarinya, dalil-dalilnya, hukum-hukumnya, peranannya, asas tarannum susunan tarannum yang popular, mengenal sifat-sifat tarannum *Bayyātī* dan *Husaynī*, pengenalan suara, tujuan menggunakan suara, mengenal sifat suara, mengenal *ṭabaqāt* suara, peranan suara, kaedah penjagaan suara, dan petua penjagaan suara yang baik.<sup>561</sup>

## 2. Seni Lagu al-Quran Di Malaysia<sup>562</sup>

Karya “*Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*” adalah hasil tulisan Mohd. Ali b. Abu Bakar yang telah selesai disusun pada 23 Mei 1991 di Maktab Perguruan Islam Bangi, Selangor. Karya ini mempunyai 192 halaman dan mengandungi lapan bab utama iaitu bab 1: Mengenai Seni Lagu al-Quran bermula halaman 1-17. Bab 2: Seni Suara Lagu al-Quran pada halaman 18-32. Bab 3: Syarat-Syarat Seni Lagu al-Quran pada halaman 33-38. Bab 4: Pembahagian Seni lagu al-Quran halaman 39-75. Bab 5: Perkembangan Seni Lagu al-Quran halaman 76-90. Bab 6: Tokoh-Tokoh Lagu al-Quran Mengikut Negeri Di Malaysia pada halaman 91-119. Bab 7: Peranan Lagu Terhadap Pembacaan al-Quran pada halaman 120-132. Bab 8: Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Di Malaysia pada halaman 133-149 dan lampiran 1, 2 dan 3 pada halaman 151-190 dan akhir sekali rujukan penulisan karya ini pada halaman 191-192.

Meneliti kandungan karya ini secara mendalam, pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl boleh dibuktikan pada halaman 118 dalam bab Tokoh-Tokoh Lagu al-Quran

---

<sup>561</sup> Ustaz Amirahman bin Abas, *Modul 5 Tarannum al-Quran*, Sijil Pengajian Kursus Pengajian al-Quran & al-Sunnah (SPAQ 5003) Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur.

<sup>562</sup> Mohd. Ali bin Abu Bakar, *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*.

di bawah topik Tokoh-Tokoh Lagu Di Mesir. Penulis telah menyatakan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl merupakan salah seorang tokoh qari yang termasyhur di dunia. Kemudian beliau mendedahkan 8 orang qari yang termasyhur di seluruh dunia dan mereka merupakan pakar dalam bidang ini. Mereka ialah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Shaykh „Abd al-Fattāḥ al-Sha„sha„j, Shaykh Muḥammad Rifa„at, Shaykh Muḥammad Siddīq al-Minshāwī, Shaykh Ṭahā al-Fashanī, al-Shaykh „Abd al-Bāsiṭ al-Ṣamad, Shaykh Maḥmūd al-Bannā dan Shaykh Abū al-„Aynayn al-Sha„sha„.

### 3. Fannu Tilāwah al-Qurʿān<sup>563</sup>

*Fannu Tilāwah al-Qurʿān* bermaksud “Seni Bacaan al-Quran” merupakan karya Wan Hilimi Wan Abdullah<sup>564</sup> yang diterbitkan oleh Jabatan Pengajian al-Quran Dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Selangor. Karya ini mempunyai 123 halaman dan mengandungi tiga bab utama. Bab pertama perbincangan mengenai Penghantar Dan Pengenalan Ilmu Tarannum yang meliputi perbincangannya tentang definisi ilmu tarannum dan ilmu *ṣawt*, dalil, hukum, konsep

<sup>563</sup> Wan Hilmi Wan Abdullah, *Fannu Tilawah al-Quran*

<sup>564</sup> Nama penuh beliau ialah Wan Hilmi bin wan Abdullah. Dilahirkan pada 15 Julai tahun 1981 di kampung Pantai Pulau Kundurm daerah Badang Kota Bharu Kelantan. Beliau adalah anak yang ke-7 daripada 10 orang adik beradik. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Che Deris pada tahun 1987-1993. Kemudian menyambung pengajian peringkat menengah di Sekolah Menengah Ugama Arab Badang pada tahun 1994-1999. Kemudian menyambung pengajian beliau ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti al-Azhar Kaherah Mesir dalam bidang Usuluddin pengkhususan Tafsir wa „Ulūm al-Qurʿān pada tahun 2000-2006. Kemudian beliau menyambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana di Jabatan Pengajian al-Quran Dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi Selangor dan mendapat Ijazah sarjana pada tahun 2014. Beliau mula berkhidmat sebagai guru di Sekolah Menengah Bunut Sarang Burung pada tahun 2007, kemudian di Maahad Tahfiz Sains Tampat pada tahun 2007-2009 dan awal tahun 2009 sehingga sekarang sebagai guru bahasa di Jabatan Pengajian al-Quran Dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Islam (UKM) Bangi, Selangor. Beliau pernah berguru dengan beberapa *qurrā* yang muktabar di Mesir dalam bidang tarannum dan tahsin al-Quran seperti Shaykh Faṭḥī Hasan al-Malījī, Shaykh Dr. Aḥmad Nu„ayna„, Shaykh „Isā Mi„sarawī, Shaykh Darwisy, Shaykh Sayyid Ibrāhīm dan lain-lain. Manakala di Malaysia beliau anak murid kepada Us Hj. Hasan Musa, Us. Hj. Rahim Ahmad dan Us. Yahaya Daud (mereka semua adalah mantan johan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Malaysia dan merupakan pakar dalam bidang tarannum). Lihat Wan Hilimi Wan Abdullah, *Fannu Tilāwah al-Qurʿān*, 122.

al-Quran, faedah dan kesan ilmu tarannum.<sup>565</sup> Bab kedua pula mengenai kaedah-kaedah lagu al-Quran yang terdiri daripada jenis-jenis tarannum, pembahagian, istilah-istilah, metode-metodenya, gaya tarannum dan ciri-ciri *lahjah „arabiyyah*.<sup>566</sup> Kemudian bab ketiga membahas mengenai kaedah-kaedah suara dalam bacaan yang membincangkan ketogori suara, kumpulan suara, *ṭabaqāt* suara, jenis-jenis suara, bagaimana bentuk bacaan yang lembut, tips-tips memanjangkan nafas, contoh-contoh latihan dan akhir sekali rujukan karya ini.<sup>567</sup>

Pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang terdapat dalam karya ini boleh dilihat pada halaman 68 hingga 79, penulis telah memaparkan biodata ringkas Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang terdiri daripada nama dan kelahirannya, kematiannya, zaman kanak-kanak, zaman pengajian, dan peringkat marhalah bacaan beliau.

Kemudian pada halaman 80 hingga 82 bahawa beliau telah menyenaraikan sebahagian *uṣlūb-uṣlūb* bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang dinukilkan daripada kitab-kitab arab yang tidak disebut rujukan kitab dan beliau menulis dalam bahasa arab tanpa terjemahan, iaitu:

١. كان يبدأ القراءة بصوت منخفض ويستمر كذلك يجرب صوته ويعلو به درجة واحدة ثم درجتين ثم ثلاث درجات على السلم الموسيقي لينزل مرة أخرى إلى درجة القرار ، ثم يرتفع ثانية من درجة إلى درجتين ثم إلى ثلاث درجات ومنها إلى الدرجة الرابعة وينزل مرة أخرى بصوته إلى درجة القرار.
٢. وكان ينتقل بين المقامات الأصلية والفرعية ببراعة فائقة مع الالتزام بأصول علم القراءات ومعاني الآيات الكريمة.
٣. استطاع أن يمزج بين الأحكام والتفسير وعلم القراءات والموسيقى الصوتية والحنجرية مزيجاً ارتجالياً.
٤. إن الشيخ مصطفى إسماعيل يفاجئنا دائماً بمسارات موسيقية وقفلات غير متوقعة.

<sup>565</sup> *Ibid*, 1-36

<sup>566</sup> *Ibid*, 37- 94

<sup>567</sup> *Ibid*, 95- 121.

٥. لقوله تعالى: "فدعا ربه أني مغلوب فانتصر ففتحن أبواب السماء بماء منهمر" ففي إحدى التسجيلات قرأ مصطفى إسماعيل هاتين الآيتين خمس مرات دون أن تتشابه إحداها مع الأخرى في الطريقة.

٦. كان قادرا أيضا على التنقل بين المقامات الموسيقية المختلفة أثناء التلاوة.

٧. والتمكن من تمثيل الآيات بصوته الطيع والتعبير عن المعاني بأداء خارق دون أن تشعر أنه يتكلف ذلك أو يجهد نفسه.

٨. إن الشيخ مصطفى إسماعيل لا يقرأ الآيات فحسب بل يفسر بصوته المعاني والألفاظ ويتدبر دلالاتها الأيمانية.

٩. قال تعالى: "قالت يا أيها الملأ إني ألقي إلى كتاب كريم" قرأها مصورا حالة التريث والتفكير التي كانت تعيشها ملكة بلقيس عندما وصلها الخطاب من عند نبي الله سليمان عليه السلام.

١٠. يقرأ الشيخ مصطفى إسماعيل قوله تعالى: "فدعا ربه أني مغلوب فانتصر ففتحن أبواب السماء بماء منهمر وفجرنا الأرض فالتقى الماء على أمر قد قدر" فجاءته صوته مجلجلا مدويا كارعدا وكأنك تسمع صوت المطر والبرق والرعد.

١١. إن الصوت المقرئ الشيخ مصطفى إسماعيل قادر بطبقاته المتعددة على عكس الحالة التي يريد القراء أن يوصلها إلى قراءته أو مستمعية.

١٢. كان يبدأ بترتيب النغامات وينتقل من نغمة إلى أخرى أو من مقام إلى أخرى في سهولة ويسر مع الأداء.

١٣. وقوى العرب وفيه مضبوضة وقدرة فائقة على التنقل بين المقامات المختلفة بيسر وسهولة وقفلاته لا يستطيع أن يضاهيه فيها أحد ويمتلك على تنعيم الكلمات الصعبة دون الإخلال بالنطق الصحيح بالإضافة الروحانية والاحساس.

Apabila diselidiki, Penulis mendapati bahawa *uslūb-uslūb* bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang beliau nukilkan itu adalah dirujuk kepada kitab Kamāl al-Najmī, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl Ḥayātuh Fī Zill al-Qurʿān dan Kitab Maḥmūd al-Saʿdānī, al-Ḥān al-Samāʿ.

Selain itu, penulis karya ini telah menyenaraikan qari tarannum yang masyhur mengikut gaya *Miṣrī āntārānyā* Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Shaykh Aḥmad Nadā, Shaykh ʿAlī Maḥmūd, Shaykh Muḥammad Rifaʿat, Shaykh Ṭahā al-Fashanī, Shaykh

Maḥmūd Khalil al-Ḥuṣari, Shaykh Muḥammad Siddīq al-Minsyāwī, Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayna,, dan lain-lain. Kemudian tiga orang qari yang mempunyai gaya *Ḥijāzī* yang dipelopori oleh qari-qari dari Nusantara yang belajar di Mekah dan Madinah iaitu ustaz Hj. Ahmad Mat Som Pergau (Malaysia), Ustaz Hj. Yusof Kedondong (Malaysia) dan Ustaz Ahmad Syahid (Indonesia).

Kemudian akhir sekali dalam karya ini boleh dilihat kepada sumber rujukannya. Penulis karya ini telah merujuk 30 buah kitab termasuk kitab karangan Kamāl al-Najmī yang bertajuk Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl Ḥayātuh Fī Zill al-Qurʿān yang tercatat pada halaman 121.

#### **4. Tarannum Seindah Bicara Ilahi<sup>568</sup>**

Karya ini telah dihasilkan oleh Dr. Muhammad Lukman Ibrahim<sup>569</sup> dan Muhammad Amiri Hj. Ab Ghani.<sup>570</sup> Karya ini mempunyai 144 halaman bercetak dan mempunyai 11 tajuk. Pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl yang terdapat dalam karya ini ialah dalam topik Tokoh-Tokoh Tarannum. Penulis karya ini telah menceritakan biodata ringkas 4 orang tokoh tarannum yang begitu sinonim dan menjadi ikutan dan panduan dalam ilmu tarannum iaitu 2 orang tokoh tarannum *mujawwad* Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl dan Shaykh Muḥammad Rifā,at. Kemudian 2 orang tokoh tarannum *murattal* iaitu Shaykh Sa,,ad Sa,,īd al-Ghamidī dan Shaykh Misyarī Rasyīd al-,Affāsī.

---

<sup>568</sup> Dr. Muhammad Lukman Ibrahim Dan Muhammad Amiri bin Hj Ab. Ghani, *Tarannum Seindah Bicara Ilahi*

<sup>569</sup> Beliau dilahirkan di Pasir Mas Kelantan pada 10 Sisember 1973. Beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya (UM) dalam bidang Usuluddin (Tafsir) dan Ph.D (tarannum). Merupakan pemegang Ph.D tarannum pertama di Malaysia (2010). Kini beliau merupakan pensyarah Universiti sains Islam Malaysia (USIM). Sering bersiaran di pelbagai program dakwah TV 1, TV 3, TV 9, TV alHijrah dan Astro.

<sup>570</sup> Beliau dilahirkan di Machang Kelantan. Berkelulusan Sarjana Muda Usuluddin Universiti al-Azhar Kaherah Mesir. Kini bertugas sebagai pensyarah di Jabatan al-Quran dan Hadis merangkap Bahagian Koprat Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Nilam Puri Kelantan.

Perbincangan biodata Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl adalah merangkumi kelahirannya, Pengajiannya, perjalanan dalam dunia tilawah, ziarahnya dan meninggal dunia.

Berdasarkan kepada penelitian Penulis, didapati karya ini adalah sedutan atau suntingan daripada tesis Ph.D Dr. Muhammad Lukman Ibrahim yang berjaya dicapai pada tahun 2010 yang bertajuk “Tarannum al-Quran Melalui Ṭarīq al-Syāṭibī: Kajian Terhadap Pengamalan Dalam Kalangan Qari-Qari Kelantan Ke Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Malaysia Antara Tahun 1990-2005”.

Karya-karya daripada Luar negara, iaitu:

### 1. Ilmu Nagham al-Quran<sup>571</sup>

*Ilmu Nagham al-Quran* ialah “Ilmu Tarannum atau Lagu al-Quran” adalah hasil tulisan KH. Muhsin Salim SQ<sup>572</sup> yang telah selesai dikarang pada 2 Julai tahun 2000 di Jakarta Indonesia. Karya ini mengandungi 117 halaman. Merujuk kepada isi kandungannya, penulis mempersembahkan tajuk dan tidak mempunyai bab atau fasal. Perbincangannya boleh diklasifikasikan kepada dua aspek iaitu teori dan praktikel tarannum al-Quran. Dari segi teori perbincangan mengenai pengertian ilmu *nagham* dan al-Quran, seni bacaan, sejarah ringkas tarannum, variasi lagu-lagu al-Quran di Mesir dan Indonesia. Kemudian dari segi praktikel pula membincangkan tentang prektikal maqam lagu lagu *usul* iaitu *bayyātī*, *ṣabā*, *nahāwand*, *ḥijāz*, *rast*, *sīkāh* dan *jihārkāh*.

Pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang terdapat dalam karya ini adalah dapat dibuktikan pada halaman 21 hingga 25 di bawah tajuk “sekilas tentang keemasan

---

<sup>571</sup> KH. Muhsin Salim, SQ, *Ilmu Nagham al-Quran*.

<sup>572</sup> Beliau dilahirkan pada 21 April 1950 di serengat Praya Lombok tengah Jakarta Indonesia.

dunia Tilawah di Mesir”. Penulis karya ini menyatakan bahawa Mesir merupakan negara yang banyak melahirkan tokoh-tokoh qari yang berwibawa dan berpotensi tinggi dalam dunia tilawah al-Quran. Ramai di kalangan mereka yang membaca al-Quran dengan lagu-lagu langit (*al-Ḥusn al-Samā’*). Lagu-lagu inilah yang menjadi ikutan kepada generasi-generasi sekarang ini mahu pun di Mesir atau seluruh dunia. Dalam hal ini, Di Mesir Qari yang paling menonjol adalah Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayna,, yang meniru 90 peratus gaya lagu Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl. Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayna,, merupakan salah seorang anak murid beliau yang masyhur di seluruh dunia dan telah dinobatkan sebagai qari negara (*al-Qārī al-Rasm li al-Dawlah*).

Kemudian penulis karya ini juga menukilkan kata-kata daripada al-Sa,,dānī iaitu “setiap qari Mesir memiliki warna dan rasa suara yang indah tidak ubah seperti pohon-pohon yang tumbuh subur dan berbuah di kebun yang cukup indah dan terus dikenang sepanjang masa serta menjadi sejarah”, di antara mereka ialah Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl diibaratkan sebagai buah anggur, Shaykh Muḥammad Rifa,,at seperti buah epal, Shaykh „Abd al-Fattāḥ al-Sha,,sha,ī seperti delima, Shaykh „Abd al-Bāsiṭ „Abd al-Ṣamad seperti buah persik, Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī seperti buah jambu, Shaykh al-Musyāwī seperti buah kurma, Shaykh „Abd „Aẓīm Zāhir seperti buah pir, Shaykh Maḥmūd „Alī al-Bannā seperti buah tembikai, Shaykh Muḥammad Siddīq al-Minsyāwī seperti buah tin dan Shaykh Maḥmūd „Abd al-Ḥakam seperti buah pisang.

Selain itu, penulis karya ini juga telah menyatakan ramai qari Mesir yang membaca al-Quran dengan lagu-lagu langit (*al-Ḥān al-Samā’*) yang telah memukau pendengarnya seolah-olah membawa menuju ke langit di antara mereka ialah Shaykh

Muṣṭafā Ismāʿīl. Shaykh Muhammad Mutawallī al-Shaʿrāwī seorang ulama besar mengungkapkan bahawa lagu-lagu indah yang diperdengarkan bukan lagu-lagu muzik bahkan lagu-lagu langit yang sesuai dengan kehendak al-Quran. Beliau menyatakan lagi bahawa setiap qari menonjol dalam bidang yang tertentu ini merupakan anugerah Allah (S.W.T) kepada mereka. Seperti Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl keunggulan dalam bidang keindahan seni tarannum yang tinggi (*Qimmah Fan al-Rāfiʿ*), Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣārī menonjol dalam bidang tajwid (*Qimmah al-Aḥkām*), Shaykh ʿAbd al-Bāsiṭ ʿAbd al-Ṣamad pula menonjol dalam bidang kekuatan dan keindahan suara (*Qimmah al-Ṣawt al-Jamīl*) dan Shaykh Muḥammad Rifāʿat merupakan qari senior menonjol dalam kesemua bidang (*Jāmiʿ, Kul Dhālik*) dan dianugerahkan suara langit (*Hibbah al-Ṣamāʿ*).

## 2. Pedoman Lagu-Lagu Tilawatil Qurʿan Dilengkapi Dengan Tajwid & Qasidah<sup>573</sup>

Karya ini disusun oleh M. Misbachul Munir yang telah selesai dikarang pada 1 Januari 1997 M bersamaan 21 Syaʿban 1417 H. Karya ini mempunyai 415 halaman yang mempunyai 62 tajuk-tajuk kecil mengikut isi kandungannya. Walaupun begitu, ia boleh dibahagikan kepada 4 kelompok tajuk utama iaitu mengenai pengenalan ilmu tarannum dan tawsyih dari halaman 11 hingga 65, praktikal tarannum halaman 67 hingga 148, Ilmu Tajwid dari halaman 151 hingga 204 dan contoh-contoh syair qasidah dari halaman 205 hingga 406.

Merujuk kepada pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang terdapat dalam karya ini adalah dapat dilihat pada halaman 11 dan 12 di bawah tajuk “Mengenal Qari-Qari

<sup>573</sup> M. Misbachul Munir, *Pedoman Lagu-Lagu Tilawah Al-Quran Dilengkapi Dengan Ilmu Tajwid Dan Qasidah*

Timur Tengah Dan Pengaruhnya Di Indonesia”. Penulis telah menyatakan bahawa sejak tahun 60-an sehingga sekarang (1997), qari-qari Indonesia masih menjadikan qari-qari timur tengah khususnya Mesir sebagai sumber rujukan utama dan amat terpengaruh gaya variasi lagu dalam pembacaan tilawah al-Quran. Ini kerana qari-qari mesir tidak dinafikan bahawa bacaan mereka sangat sempurna, banyak kelebihan dan daya tarikan yang kuat seperti nafas, suaranya, kefasihannya (*lisān al-„Arabiyy*) yang tidak dimiliki oleh orang „ajam. Oleh sebab itulah ramai qari senior Indonesia yang berkiblat kepada gaya tarannum mereka. Di antara nama-nama qari mesir yang menjadi pengaruh kepada qari-qari Indonesia adalah Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl, Shaykh Muḥammad Siddīq al-Minsyāwī, Shaykh Rāghib Muṣṭafā Ghalwaysh, Shaykh „Abd al-Bāsiṭ „Abd al-Ṣamad, Shaykh al-Sayyid Mutawallī, Shaykh Ḥasan Antar, Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, Shaykh Sha,,bān al-Ṣayyad, Shaykh Abū al-„Anayn al-Sha,,isha,, Shaykh Kāmil Yūsuf, Shaykh Ṭablāwī, Shaykh Muḥammad Rifā,,at, Shaykh „Abd al-Hayy Zahrānī, Shaykh „Abd al-Fattāḥ al-Sha,,sha,,ī, Syaykh Ṭahā al-Fashanī, Shaykh Maḥmūd „ala al-Binā” dan lain-lain.

Selain itu, pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl yang terdapat dalam karya ini ialah penulis telah memaparkan 4 gambar qari yang paling masyhur dan tercatat namanya di bawah gambar masing-masing iaitu pertama sekali gambar Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl, kemudian Shaykh Muḥammad Siddīq al-Minshāwī, seterusnya Shaykh Rāghib Muṣṭafā Ghalwaysh yang merupakan murid beliau, dan akhir sekali gambar Shaykh Abū al-„Anayn al-Sha,,isha,,.

### 3. Ilmu & Seni Qira'at Qur'an<sup>574</sup>

Karya ini juga disusun oleh M. Misbachul Munir yang telah selesai dikarang pada 10 Februari 2005 M bersamaan 1 Muharram 1426 H. Karya ini mempunyai 493 halaman dan mempunyai 42 tajuk-tajuk kecil. Namun, ia boleh dibahagikan kepada iaitu bahagian pertama mengenai lagu dan suara pada halaman 9 hingga 140, bahagian tajwid halaman 141 hingga 225, Musabaqah tilawah al-Quran dan Penghakiman pada halaman 246 hingga 376 dan ilmu Qirā'āt dan penghakiman pada halaman 377 hingga 509.

Pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl dalam karya ini pada halaman 60 dan 61 di bawah tajuk “Menenal Qari-Qari Timur Tengah Dan Pengaruhnya Di Indonesia” seperti yang terdapat dalam karya penulis yang bertajuk “Pedoman Lagu-Lagu Tilawatil Qur'an Dilengkapi Dengan Tajwid & Qasidah”, cuma penulis memaparkan gambar qari Mesir yang masyhur seramai 6 orang qari yang lain kecuali Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl dan Shaykh Abū al-ʿAnayn al-Shaʿīshā, yang kekal. Mereka ialah pertama sekali gambar Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, kedua Shaykh ʿAbd al-Bāsiṭ ʿAbd al-Ṣamad, ketiga Shaykh Muḥammad Ṣiddīq al-Minshāwī, keempat Shaykh al-Doktor Aḥmad Nuʿaynā, kelima Shaykh al-Sayyid Mutawallī dan keenam Shaykh Abū al-ʿAnayn al-Shaʿīshā.

Pada penelitian Penulis, isi dalam karya ini tentang pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl adalah sama dengan karya “Pedoman Lagu-Lagu Tilawatil Qur'an Dilengkapi Dengan Tajwid & Qasidah”. Penulis kedua-dua karya tersebut adalah orang yang sama.

---

<sup>574</sup> M. Misbachul Munir, *Ilmu Dan Seni Qiro'atil Quran*

#### 4. Ilmu Tajwid Dan Seni Baca Al-Qur'an<sup>575</sup>

Karya ini adalah hasil daripada dua orang penulis iaitu Drs. Ahmad Munir dan Drs. Sudarsono, S.H yang tercatat tarikh penulisannya di dalam kata pengantar pada Septembar 1994 di Jakarta Indonesia. Karya ini mempunyai 173 halaman. Merujuk kepada daftar isi atau isi kandungannya, ia mempunyai 5 bab utama. Bab 1: Pendahuluan. Bab 2: Aspek-Aspek Pokok Ilmu Tajwid yang membincangkan tentang ilmu tajwid, ilmu naghah, beberapa bidang ilmu tajwid, hukum melagukan al-Quran serta keutamaannya. Bab 3: Beberapa Aspek Pokok Seni Baca al-Quran. membincangkan 2 bahagian iaitu bahagian pertama fasahah dan bahagian kedua suara dan lagu. Bab 4: Pengaruh Ilmu Tajwid Terhadap Seni Baca al-Quran dan bab 5: Musabaqah Tilawah al-Quran Dan Beberapa Pertandingan yang lain, kemudian akhir sekali rujukan kitab.

Jika diselidiki, penulis karya ini juga telah menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, dengan ini secara tidak langsungnya menunjukkan penulisannya terpengaruh dengan beliau. kenyataan ini boleh dilihat pada bab 1 tentang pendahuluan pada halaman 5 dan dalam bab 3 di bawah tajuk kecil yang membincangkan tentang jenis-jenis lagu dalam seni baca al-Quran pada halaman 92 . Penulis telah menyatakan bahawa di dalam seni bacaan al-Quran yang terkenal dengan beberapa jenis lagu iaitu *ḥusaynī*, *rakbī*, *dukkah*, *mayah*, *banjakah*, *kurḍī*, *sīkāh* dan lain-lain yang berkembang di negara-negara Islam. Begitu juga yang berlaku di Indonesia yang tersebar luas seni bacaan al-Quran adalah disebabkan ramai dikalangan qari Mesir yang telah datang ke Indonesia dan bacaan mereka telah

---

<sup>575</sup> Drs. Amad Mudir dan Drs. Sudarsono, *Ilmu Tajwid Dan Seni Baca al-Quran*

dipengaruhi. Mereka ialah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Shaykh „Abd al-Bāsiṭ „Abd al-Samad dan Shaykh Ḥayyī Aḥmad Zahrān dan lain-lain.

## **5. Belajar Membaca al-Quran Dengan Lagu<sup>576</sup>**

Karya ini telah disusun oleh Lembaga Bahasa Dan Ilmu al-Quran (LBIQ) DKI Jakarta yang terdiri daripada tiga orang iaitu Drs. Chatibul Umam, H. Muammar Za dan H. Maria Ulfah, MA yang tercatat tarikh penulisan karya ini dalam bab pendahuluan kumpulan penyusun pada 10 November 1987 di Jakarta, Indonesia. Karya ini mempunyai 173 halaman dan mempunyai 6 bab utama. Bab 1: Pendahuluan. Bab 2: Al-Quran Dan Ilmu-Ilmunya. Pada bab ini penyusun telah membincangkan tajuk-tajuk kecil seperti pengertian al-Quran dan sejarahnya, Kedudukan al-Quran sebagai sumber ajaran Islam, Keistimewaan al-Quran, Pengertian Ummul al-Quran dan sejarah pertubuhannya dan ilmu-ilmu al-Quran dan kegunaannya. Bab 3: Seni Bacaan al-Quran. tajuk kecilnya ialah membincangkan berkenaan dengan pengertian seni bacaan al-Quran, sejarahnya, perkembangannya seni baca al-Quran di Indonesia, Pendapat para ulama tentang seni bacaan al-Quran, jenis suara dan nada dalam membaca al-Quran, teknik latihan dan pemeliharaan suara dan teknik pernafasan. Bab 4: Lagu-Lagu al-Quran. bab ini membincangkan tentang teori berserta dengan praktikal lagu seperti *bayyātī*, *ḥijāz*, *ṣabā*, *rast*, *jihārkāh*, *sīkāh* dan *nahāwand*. Bab 5: Contoh-Contoh Komposisi Lagu Dalam Maqra“. bab 6: Penutup dan rujukan kitab.

Mengenai pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam karya ini dapat dibuktikan pada halaman 78 di bawah tajuk kecil, perkembangan seni bacaan al-Quran di

---

<sup>576</sup> Lembaga Bahasa Dan Ilmu Al-Quran (LBIQ) Jakarta Indonesia, *Belajar Membaca Al-Quran Dengan Lagu*

Indonesia. Penulis telah menyatakan bahawa qari-qari mesir membaca al-quran dengan lagu ala-ala Mesir yang sangat merdu dan menarik hati sehingga terpengaruh kepada para qari Indonesia. Mereka ialah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Shaykh „Abd al-Bāsiṭ „Abd al-Ṣamad, Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī, Shaykh Ḥayyi Aḥmad Zahrān, Shaykh Ṭanṭāwī dan Shaykh „Abd al-Qādir „Abd al-„Aẓīm. Mereka telah datang ke Indonesia memperdengarkan bacaan di atas permintaan kerajaan, maka dengan sebab itulah berkembanglah lagu ala-ala Mesir ini begitu pesat di Indonesia. Kemudian lagu mesir itu dikembangkan oleh para qari masyhur Indonesia seperti K.H Bashori Alwi (Surabaya), K.H Mukhtar Luthfi (Jakarta), K.H A. Aziz Muslim (Tegal), K.H Tb. Mansur Mamun (Serang), K.H Muhammad Assiry (Jakarta) dan K.H Ahmad Syahid (Bandung).

#### **4.2.2 Pengaruh Kepada Artikel-Artikel**

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, penulis dapati jarang artikel-artikel yang membincangkan tentang Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, boleh dikatakan amat sedikit. Pada pandangan penulis, ini kemungkinan ketiadaan maklumat dan kekurangan pengetahuan dalam bidang ini. Namun pun begitu, terdapat beberapa artikel yang penulis temui yang mana isi kandungannya menyentuh berkenaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan secara tidak langsungnya boleh dikatakan sebagai pengaruh beliau terhadap penulisan artikel. Artikel-artikel tersebut ialah:

## 1. Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl: Pengaruhnya Terhadap Sistem Pengajian Dan Pengamalan Tarannum Di Malaysia<sup>577</sup>

Artikel ini adalah hasil tulisan Dr. Anuar b. Hasin yang hanya mempunyai 10 halaman. Perbincangannya yang merangkumi abstrak, pendahuluan, latar belakang Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, sifat suara dan bacaan beliau, pengaruh beliau terhadap sistem pengajian dan sistem pengamalan di Malaysia, penutup dan rujukan kitab.

Pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl jelas dapat dilihat dalam artikel ini yang mana penulis telah membincangkan secara ringkas latar belakang beliau yang merangkumi namanya, kelahirannya, perjalanan dalam dunia tilawah dan kematiannya. Kemudian penulis menyatakan tentang sifat suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang tercantik dan terbaik di antara semua qari bahkan lebih cantik lagi daripada penyanyi. Suara beliau tidak ada masalah di peringkat yang tinggi dan memiliki gaya tersendiri dalam bacaan. Seterusnya penulis telah menukikan 6 *uslub* bacaan beliau daripada karya Wan Hilmi Wan Abdullah yang berjudul “Fannu Tilawah al-Quran”. *Uslub* tersebut, penulis telah pun senaraikan sebelum ini. Selain itu, penulis tersebut juga membincangkan mengenai pengaruh beliau terhadap sistem pengajian dan sistem pengamalan di Malaysia secara ringkas, yang mengatakan bahawa Hj. Ahmad Mat Som Pergau mempelajari *uslūb* bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan menguasainya maka beliau telah menyebarkan ilmu tersebut kepada anak-anak muridnya namun secara tidak langsungnya *uslūb* Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl tersebar dalam sistem pengajian dan pengamalan di Malaysia.

Selain daripada pembuktian pengaruh dalam artikel ini, penulis juga telah menemu bual penulis artikel itu sendiri. Penulis telah mengemukakan soalan kepada

---

<sup>577</sup> Anuar b. Hasin, “*Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl: Pengaruhnya Terhadap Sistem Pengajian Dan Pengamalan Tarannum Di Malaysia*”, 151- 160.

beliau berkenaan dengan apakah faktor utama penulisan artikel tersebut?. Namun beliau telah memberi jawapan kepada persoalan itu seperti berikut:<sup>578</sup>

1. Kerana minat yang mendalam terhadap bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan merupakan ikutan utama dalam bacaan beliau.
2. Penulisan artikel tersebut sejajar dengan pengetahuan beliau sedikit sebanyak tentang kaedah bacaannya.
3. Ingin menonjolkan secara umum bahawa pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl kepada masyarakat di Malaysia melalui dua faktor iaitu melalui sistem pengajian dan pengamalan tarannum.
4. Penulisan artikel berkenaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl jarang sekali dihasilkan oleh penulis-penulis, maka beliau mengambil inisiatif untuk menulis tajuk artikel tersebut.
5. Dengan penulisan artikel tersebut dapat menyempurnakan salah satu syarat penyerahan tesis Ph.D beliau.

## **2. Ketokohan Dan Sumbangan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl Dalam dunia Tilawah al-Quran Dan Kaedah *uslūb al-Qirāʾah* Beliau<sup>579</sup>**

Artikel ini ditulis oleh Wan Hilmi Wan Abdullah, Dr. Sabri Mohamad dan Ahmad Shafiq Mat Razali yang mempunyai 9 halaman. Penulisan ini menyentuh secara ringkas tentang latar belakang Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl bermula daripada nama, kelahiran dan kematian, pendidikan, pengiktirafan peringkat antarabangsa dan

---

<sup>578</sup> Dr. Anuar Hasin (Qari Kelantan, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), temu bual dengan penulis dalam bilik beliau di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan pada 1 November 2017.

<sup>579</sup> Wan Hilmi Abdullah, Dr Sabri Mohammad dan Ahmad Shafiq Mat Razali, “Ketokohan Dan Sumbangan Syeikh Mustafa Isma’il Dalam Dunia Tilawah al-Quran Dan Kaedah Uslub al-Qira’ah Beliau”, 406-416.

sumbangan dalam penyebaran al-Quran. Kemudian mengemukakan kaedah *uslūb al-qirā'ah* beliau secara ringkas yang dinukilkan daripada kitab-kitab arab. Seterusnya penulis mendatangkan analisis bacaan beliau yang menerangkan tentang *uslūb al-qirā'ah* beliau. Analisis tersebut terhadap potongan bacaan beliau dalam surah al-Naml ayat 9, surah al-Ra'd ayat 15 dan al-Qamar ayat 10-11 dan akhir sekali kesimpulan. Dalam artikel ini jelas menunjukkan bahawa pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl kerana perbincangannya tentang berkaitan dengan diri beliau dan *uslūb al-qirā'ah* Namun, tidak dinafikan perbincangan artikel ini agak ringkas.

### 3. Pengenalan Ilmu Tarannum al-Quran<sup>580</sup>

Artikel ini merupakan hasil penulisan Wan Hilmi Wan Abdullah Jabatan Pengajian al-Quran Dan al-sunnah Fakulti Pengajian Islam UKM. Ia mempunyai 5 halaman sahaja. Penulis telah memulakan perbincangan dengan definisi ilmu tarannum, dalil, sejarahnya, kemudian metode dan *uslub* bacaan bertarannum, nama-nama lagu dan contoh bacaan berlagu.

Pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl dalam artikel ini dapat dibuktikan pada halaman empat yang membincangkan metode dan *uslūb* bacaan bertarannum secara ringkas. Penulis telah menyebut, oleh kerana tidak diketahui bagaimana cara dan kaedah berlagu yang dimasyhurkan, maka dilihat dari pelbagai metode bacaan. Namun, metode yang menjadi pilihan ialah yang menepati dengan kaedah hukum tajwid, sebutan huruf, unsur-unsur lagu yang dianggap sesuai dengan maksud ayat dan suara pula yang mempunyai nilai seni yang tinggi dan kualiti. Di antara metode shaykh-shaykh yang masyhur ialah:

---

<sup>580</sup> Ustaz Wan Hilmi wan Abdullah, "*Pengenalan Ilmu Tarannum al-Quran*", (*Bengkel al-Quran di Pusat Islam Universiti Putra Malaysia (UPM)*, 30 Jun 2010), 1-5.

1. Metode bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl
2. Metode bacaan Shaykh „Ali al-Banna
3. Metode bacaan Shaykh Shiḥat Anwar
4. Metode bacaan Shaykh „Abd al-Bāsiṭ „Abd al-Ṣamad
5. Metode bacaan Shaykh Mutawallī

Oleh yang demikian, penulis artikel ini telah menyarankan supaya mengambil Metode bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Ini kerana *uslūb* beliau mudah difahami dan ianya telah dipraktikkan 90 peratus oleh qari-qari di seluruh dunia termasuk di Malaysia.

#### **4. Ketokohan Haji „Abdul Rahim Ahmad Dalam Bidang Tarannum Dan Kaedah Tilawahnya<sup>581</sup>**

Artikel ini telah dihasilkan oleh Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Hilmi Wan Abdullah, Wan Nasyrudin Wan Abdullah dan Shahidan Ahmad daripada Jabatan Pendidikan Islam, Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Artikel ini mengandungi 6 halaman sahaja. Penulis telah menerapkan dalam artikel ini berkenaan dengan biodata ringkas Haji „Abdul Rahim Ahmad yang meliputi nama dan kelahiran, kerjaya, pendidikan, penglibatan dalam dunia tilawah al-Quran, sumbangannya dan pengiktirafan kepadanya. Kemudian penulis membincangkan juga secara ringkas berkaitan kaedah bacaan tarannum beliau, kesimpulan artikel dan akhir sekali rujukan artikel.

---

<sup>581</sup> Wan Hilmi Wan Abdullah, Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Nasyrudin wan Abdullah, Shaidan Ahmad, “Ketokohan Haji Abdul Rahim Ahmad Dalam Bidang Tarannum Dan Kaedah Tilawahnya”, 31-39.

Merujuk kepada pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam artikel ini ialah penulis telah menyatakan kaedah dan teknik tarannum yang dimiliki oleh Hj. Abdul Rahim Ahmad berunsurkan bacaan kearaban dari segi susunan „*urab* (bunga-bunga) lagu. Teknik bacaannya juga memberi penekanan kepada penyesuaian lagu dengan maksud ayat di samping memelihara kepentingan bacaan *berlahjah* „*arabiyyah* seperti menjaga hukum tajwid, sifat huruf dan sebagainya. Kaedah atau teknik bacaan beliau ini adalah disebabkan faktor beliau mengambil panduan bacaan-bacaan dan terpengaruh dengan dengan qari-qari Mesir seperti Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Shaykh fathī al-Malījī dan Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayna,. Kemudian beliau mempraktikkan dalam bacaan beliau sendiri. Hal ini dapat dilihat dalam halaman 38 dan 39.

Kesimpulan, jika dilihat pada ketiga-ketiga karya tersebut salah seorang penulisnya adalah orang yang sama iaitu Wan Hilmi Wan Abdullah. Namun, Penulis telah menemubual beliau dan beliau sendiri telah memperakui bahawa penulisan jurnal tersebut adalah disebabkan perkara-perkara berikut:

1. Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl merupakan idola dan ikutan dalam bacaan beliau.
2. Beliau merupakan anak murid kepada Shaykh Fathī al-Malījī dan Shaykh Dr Aḥmad Nu,ayna,, yang mereka adalah anak murid kepada Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Namu, ilmu yang ada untuk berkongsi dengan masyarakat umum.
3. Untuk mendedahkan kepada para qari dan qariah di Malaysia bahawa Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl adalah bacaan yang terhebat setakat ini.

## 5. Faktor-Faktor Kejayaan Qari Negeri Terengganu Dalam Kesenian Lagu al-Quran<sup>582</sup>

Artikel ini adalah hasil kajian Najmiah bt. Omar, Fatimah bt. Ismail, Tasnim bt. Abdul Rahman dan Nik Nor Azeah bt. Nik Azman daripada Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia. Artikel ini mempunyai 7 halaman sahaja. Penulis artikel ini telah menampilkan biodata ringkas 7 orang qari terengganu yang berjaya mendapat johan peringkat negeri terengganu, kebangsaan dan antarabangsa. Kemudian telah menganalisis faktor-faktor kejayaan para qari tersebut.

Pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl yang penulis selidiki dalam artikel ini ialah penulis artikel ini telah mengemukakan salah satu faktor kejayaan para qari ialah mempelajari rentak qari Mesir. Penulis juga menyatakan para qari Terengganu menjadikan qari-qari Mesir sebagai guru, idola dan tempat rujuk mereka. Kemudian penulis telah menyenaraikan tiga orang qari Terengganu dan guru-guru mereka iaitu:

1. Mazlan Ibrahim – beliau mempengaruhi bacaan Hj. Ahmad Matsom Pergau yang mana gurunya mereka ialah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan Ṭahā al-Fashanī. Suara Hj. Ahmad Mat Som pergau adalah mirip suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl.
2. Yusop Embong – beliau berguru dengan Hj. Ahmad Mat Som dan mempunyai ikutan bacaan dan idola ialah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Ṭahā al-Fashanī, Dr Aḥmad Nuʾayna, Shaykh Maḥmūd Khalīl al-Ḥuṣarī dan Shaykh ʿAbd al-Basīṭ.

---

<sup>582</sup> Najmiah binti Omar, Fatimah binti Ismail, Tasnim binti Abdul Rahman dan Nik Nor Azeah binti Nik Azman, “*Faktor-Faktor Kejayaan Qari Negeri Terengganu Dalam Kesenian Lagu al-Quran*”, 35-41.

3. Tarmizi Abdul Rahman – Idola dan gaya ikutan dalam bacaan mempengaruhi gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Shaykh Dr Aḥmad Nuʿayna, Shaykh Muṣṭafā Ghalwaysh, anak murid kepada Dr Aḥmad Nuʿayna, qari Bangladesh bernama Shaykh Yūsuf dan Shaykh Masyārī pada bacaan *murattal*.

#### 4.2.3 Kesimpulan

Melalui karya-karya dan artikel-artikel tersebut, dapat dilihat dengan jelas bukti bahawa pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam penulisan di Malaysia. Ia dapat disimpulkan seperti berikut:

##### **Pertama:**

Terdapat sembilan buah karya yang menyentuh tajuk-tajuk atau isi kandungan berkaitan dengan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Karya-karya tersebut dihasilkan di kalangan penulisnya adalah ahli tarannum. Apabila disebut ahli tarannum, maka sinonimnya mereka dengan nama qari yang masyhur seperti Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Inilah yang menjadi faktor utama penerapan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dalam penulisan mereka.

##### **Kedua:**

Terdapa lima buah artikel, sebuah artikel ditulis oleh Dr. Anuar bin Hasin dan tiga hasil tulisan daripada Wan Hilmi Wan Abdullah, bahawa mereka memperakui dan mengagumi serta peminat kepada bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan mereka berdua merupakan qari yang mengikut gaya bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Sebuah artikel pula adalah hasil Najmiah bt. Omar yang juga merupakan ahli tarannum dan telah menyiapkan tesis kedoktorannya pada tahun 2017 dalam bidang tarannum.

#### **4.3 PENGARUH SHAYKH MUṢṬAFĀ ISMĀʿĪL TERHADAP QARI DAN QARIAH DI MALAYSIA**

Kajian dalam sub topik ini berkenaan dengan pengaruh bacaan tarannum Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl di kalangan qari dan qariah di Malaysia. Tumpuan kajian dilihat kepada dua aspek utama iaitu dari sudut pengajian atau pengamalan mereka dan berdasarkan kepada bacaan-bacaan mereka. Penulis akan menganalisis data-data dan maklumat yang diperolehi melalui temu bual bersama qari dan qariah. Kemudian penulis menganalisis pula bacaan di kalangan qari dan qariah tersebut melalui rakaman-rakaman video yang boleh dirujuk oleh semua lapisan masyarakat iaitu dalam internet (Youtube). Berkenaan rakaman-rakaman tersebut, penulis hanya memilih video bacaan yang berautoriti seperti rakaman video bacaan dalam majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Kemudian berkenaan dengan qari dan qariah yang pengkaji pilih sepertimana yang dimaklumi sebelum ini, mereka adalah seramai 14 orang iaitu 9 orang qari dan 5 orang qariah. Penulis telah memilih mereka adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

1. Bacaan mereka mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl
2. Metode bacaan mereka meyakini dengan metode Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl
3. Qari yang menjadi idola kepada mereka ialah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl
4. Mereka pernah menjadi johan Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
5. Mereka banyak memberi sumbangan kepada masyarakat
6. Bacaan mereka yang mempunyai rakaman video di media massa.
7. Qari dan qariah yang masih hidup.

#### **4.3.1 Qari Dan Qariah Yang Terpilih**

Penulis akan menonjolkan qari dan qariah ini bertujuan untuk mengenali diri mereka yang sebenar dan yang paling penting mereka juga di antara sempal kepada kajian ini. Penulis akan tampilkan dengan mengasingkan antara qari dan qariah mengikut senioriti kejayaan mereka dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Walaubagaimana pun, qari dan qariah yang pengkaji pilih ini terdapat seorang qari yang yang mendapat naib johan peringkat kebangsaan akan tetapi merangkul johan pada peringkat antarabangsa iaitu Ustaz Hj. Hassan Hj. Che" Musa. Kemudian terdapat juga seorang qari yang meraih Johan peringkat kebangsaan dan mendapat tempat ketiga peringkat antarabangsa iaitu Ustaz Dr. Anuar Hasin. Manakala Qari dan qariah yang lain semuanya merangkul johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pemilihan di kalangan qari dan qariah yang johan ini adalah semata-mata untuk membuktikan bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl amat kuat pengaruhnya di Malaysia sehinggakan mereka dinobatkan menjadi johan dengan mengikut gaya alunan atau metode tarannum Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl. Secara tidak langsungnya jelas terbukti di kalangan para hakim Tilawah al-Quran, mereka sendiri terpengaruh dengan gaya tarannum beliau. Berikut adalah senarai lengkap 9 orang qari dan 5 orang qariah tersebut:

#### **QARI-QARI:**

1. Ustaz Hj. Hassan Hj. Che" Musa
2. Ustaz Hj. Abdul Rahim Hj. Ahmad
3. Ustaz Hj. Md Hussin Mohd Yunus
4. Ustaz Hj. Che" Yahaya Daud
5. Dato" Hj. Ahmad Faizul Ghazali

6. Ustaz Hj. Amirahman Hj. Abbas
7. Ustaz Hj. Muhammad Anuar Ghazali
8. Dr. Anuar Hasin
9. Ustaz Wan Ainudin Hilmi Abdullah

#### **Rujuk Lampiran 5: Biodata Qari-Qari Yang Dikaji**

##### **QARIAH-QARIAH:**

1. Datuk Hj. Faridah Hj. Mat Saman
2. Hj. Rahmas Abdullah
3. Hj. Syarifah Khasif Fadzilah Syed Mohammad Badiuzzaman
4. Hj. Nor Azrah Ayub
5. Hj. Normalina Hj. Alias

#### **Rujuk Lampiran 6: Biodata Qariah-Qariah Yang Dikaji**

##### **4.3.2 Pengaruh Kepada Pengajian Dan Pengamalan Qari dan Qariah**

Penulis akan menganalisa tentang pengaruh di kalangan qari dan qariah dengan menggunakan kaedah temu bual bersama mereka. Ini bertujuan untuk melihat sejauh mana pengakuan mereka sendiri dalam hal ini. Penulis akan menampilkan setiap orang qari dan qariah berserta dengan bukti-bukti bahawa mereka terpengaruh dengan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl.

## **1. Ustaz Hj. Hassan Hj. Che<sup>583</sup> Musa**

### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Menurut beliau, Sejak kecil lagi beliau diajar al-Quran oleh ayahnya Hj. Che<sup>583</sup> Musa bin Mahmod yang merupakan seorang guru al-Quran yang dikenali ramai terutama masyarakat di kampungnya. Selain daripada ayahnya, Selain itu, beliau berguru juga dengan Hj. Abdul Rahman Hj. Ngah dan Hj. Abdul Rahman Hj. Che<sup>583</sup> Wan. Kemudian beliau juga berguru mendalami dan memantap bacaan al-Quran secara bertarannum dengan Hj. Ahmad bin Mat Som Pergau selama 6 tahun dari tahun 1958 hingga 1964.

Beliau telah menyatakan bahawa, semuanya guru-guru yang beliau pelajari khususnya tarannum, mereka semua mengajar dengan mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, lebih-lebih lagi guru beliau Hj. Ahmad bin Mat Som Pergau.

### **Idola Dan Ikutan Bacaan**

Menurut beliau, Shaykh yang paling diminati ialah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan Shaykh Dr. Aḥmad Nuʿayna,.

Dalam bacaan al-Quran, beliau hanya mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Ini kerana bagi beliau bacaan shaykh-shaykh yang lain tidak menyentuh jiwa beliau. Bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl merupakan bacaan yang unggul penuh dengan seni-seni dan terserlah al-Quran itu sebagai mukjizat yang Maha Agung.

Menurut beliau, Pada tahun 1964, beliau terpilih mewakili negara dapat Menyertai Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa sedangkan waktu itu beliau mendapat tempat kedua peringkat kebangsaan. Namun, beliau telah dipilih oleh para

---

<sup>583</sup> Ustaz Hj. Hasan Che<sup>583</sup> Musa, (Qariah Kelantan, Johan Peringkat Antarabangsa), dalam temu bual penulis semasa Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Kelantan di Balai Islam Lundang Kota Bharu Kelantan, 9 Jun 2009.

hakim disebabkan bacaan beliau yang menarik yang mengikut gaya tarannum yang masyhur iaitu Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Kemudian dalam Majlis Tilawah Peringkat Antarabangsa Malaysia tersebut beliau terus dinobatkan sebagai johan qari. Beliau sendiri yang mengakui bahawa ini adalah disebabkan bacaan beliau mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl sehinggakan para hakim amat terpuakau dengan gaya bacaan tersebut. Kejayaan tersebut, adalah kejayaan yang tidak pernah terbayang dalam hidup beliau.

Menurut beliau juga, terdapat perkara-perkara yang beliau terpengaruh dengan bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, antaranya:

#### 1. Pemilihan ayat.

Jika beliau dijemput untuk memperdengarkan ayat suci al-Quran, maka beliau akan memilih ayat-ayat yang selalu dibaca oleh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl seperti surah al-Tawbah, surah al-Ḥajj dan lain-lain..

#### 2. Susunan Tarannum

Beliau membaca dengan mengikut susunan tarannum yang sinonim dengan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, seperti:

*Bayyātī – Ḥusaynī – Iraqi-Ḥijāz – Rast – Bayyātī*

*Bayyātī – Ḥusaynī - Ṣābā – Nahāwand - Rast dan Bayyyātī dan lain-lain.*

#### 3. Susunan Ḥarakat

Dalam persembahan bacaan al-Quran, beliau lebih gemar membaca dengan gaya bebas dan tidak ikut kaedah yang ditetapkan dalam Majlis Tilawah al-Quran iaitu satu jenis tarannum dengan hanya terikat dengan 4-6 harakat sahaja. Akan tetapi beliau membaca dengan banyak harakat dalam satu jenis tarannum yang mana

bergantung kepada kesesuaian ayat. Beliau menegaskan inilah cara gaya bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl.

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Dengan kejayaan yang diraih sebagai johan qari antarabangsa, maka beliau mula mendapat perhatian masyarakat. Ramai yang datang berguru dengan beliau termasuk qari dan qariah yang masyhur seperti Hj. Nordin Idris, Hj. Muhammad Hj. Yusof, Datuk Hj. Faridah Mat Saman, Hj. Rahmas Abdullah dan Hj. Sapinah Mamat.

Berdasarkan kepada temu bual penulis dengan Ustaz Hj. Hassan, beliau dengan tegas mengatakan bahawa beliau hanya mengajar kepada anak-anak murid beliau dengan satu *ṭarīq*<sup>584</sup> sahaja iaitu mengikut *ṭarīq* Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Ternyata boleh dikatakan semua anak-anak murid beliau berjaya mendapat johan peringkat antarabangsa.

### **Hakim Majlis Tilawah al-Quran**

Ustaz Hj. Hassan telah menjadi hakim dalam Majlis Tilawah al-Quran samada peringkat daerah, negeri dan beberapa tahun peringkat kebangsaan sudah hampir 60 tahun. Beliau diberi mandat kebiasaannya menghakimi pada bahagian tarannum. menurut beliau, jika peserta tilawah itu mengalunkan mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, maka peserta itu diberi kelebihan iaitu markah yang tinggi berbanding dengan peserta-peserta lain. Apa yang penting beliau mengatakan, para qari atau qariah mesti mengikut undang-undang yang telah ditetapkan dalam majlis Tilawah al-Quran.

---

<sup>584</sup> Cara, jalan atau gaya bukannya bermaksud *ṭarīq* periwayat *qirāʾāt*.

## **2. Ustaz Hj. Abdul Rahim Hj. Ahmad<sup>585</sup>**

### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Beliau mula belajar al-Quran seawal usia 7 tahun lagi dengan ayahnya sendiri sehingga khatam al-Quran. Ayah beliau merupakan guru al-Quran dikampungnya. Kemudian beliau meneruskan pengajian dan mendalami dalam bidang tarannum al-Quran pula dengan Hj. Syukri Soleh merupakan salah seorang qari Thailand. Kemudian beliau berguru pula dengan Hj. Ahmad Mat Som Pergau. Selepas kematian guru beliau itu, kemudian beliau meneruskan pengajian tarannum al-Quran dengan Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail sehinggalah beliau menjadi johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam bidang tarannum, beliau banyak menimba ilmu melalui gurunya Datuk Hj. Nik Jaafar berbanding guru-guru yang lain. Beliau banyak memberi penekanan kepada teknik-teknik penggunaan suara, teknik susunan tarannum, susunan harakat dalam tilawah al-Quran dan lain-lain.

Beliau muncul johan di peringkat antarabangsa dua kali berturut-turut pada 1994 dan 1995. Melalui pengakuan beliau, hasil kejayaan ini adalah berpunca daripada rezeki Allah (SWT) kurniakan dengan usaha yang gigih dan keberkatan mempelajari ilmu tarannum al-Quran dengan guru-guru.

Dalam kejayaan Majlis tilawah al-Quran tersebut, beliau menyatakan bahawa kaedah dan teknik yang digunakan ialah berdasarkan keilmuan yang telah dipelajari melalui guru-gurunya.

---

<sup>585</sup> Ustaz Hj. Abd Rahim Ahmad (Qariah Kelantan, Johan Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2017.

### **Idola Dan Ikutan Beliau**

Menurut Ustaz Hj. Abdul Rahim, Shaykh-Shaykh tarannum yang menjadi idola ialah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Shaykh Dr. Aḥmad Nuʿayna, Shaykh Muṣṭafā Ghulways, Shaykh Ṭahā al-Fashanī dan Shaykh Anwar Shīḥat. Dalam bacaan tarannum beliau hanya membaca dengan gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Ini kerana kehebatan beliau yang tidak dapat ditanding oleh qari-qari yang lain seluruh dunia sampai bila-bila. Di antara kehebatan beliau seperti metode-metode bacaan yang penuh dengan *fann*, teknik menggunakan suara, *burdah- burdah* yang menarik, penekanan suara, mempelbagaikan jenis-jenis suara dan kekemasan dalam bacaan. Suara Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl cukup sifatnya daripada *qarar*, *qaral li al-Qarar*, *jawab*, *jawab li al-jawāb* dan suara paling tinggi sekali ialah *sulayfiyyah*.

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Dalam proses pengajaran ilmu tarannum, sama ada dalam kelas halaqah, kursus tahsin atau menjadi pembimbing kepada qari dan qariah ke peringkat antarabangsa, beliau mengakui bahawa diajar kepada anak-anak muridnya hanya dengan gaya atau *ṭariq* Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl sahaja. Beliau meyakini para hakim tilawah akan kagum dengan *ṭariq* yang diajarnya. Ini terbukti lagi apabila ramai di kalangan anak-anak murid beliau yang telah berjaya dalam Majlis tilawah al-Quran di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa seperti Ustaz Hj. Muhammad Anuar Ghazali, Ustaz Hj. Amirahman Abbas, Hj. Normalina Alias dan lain-lain.

### **Hakim Majlis Tilawah al-Quran**

Beliau telah berpengalaman berkhidmat sebagai hakim dalam majlis tilawah melebihi 20 tahun. Peringkat daerah dan negeri seperti Kelantan, Perak, Sabah, Kuala Lumpur dan lain-lain semenjak tahun 1997 hingga kini dan peringkat

kebangsaan Malaysia pula bermula pada tahun 2007 sehingga kini. Selain itu beliau juga turut menjadi hakim jemputan dari negara Thailand.

Dalam Majlis Tilawah al-Quran, beliau diberi mandat untuk menghakimi bidang tarannum pada peringkat daerah dan negeri. Peringkat kebangsaan diamanahkan menghakimi dalam bidang suara. Beliau menegaskan, tarannum dan suara adalah 2 elemen yang berkait rapat di antara satu sama lain yang tidak boleh dipisahkan.

Mengikut pengakuan beliau, sepanjang beliau menghakimi Dalam Majlis Tilawah al-Quran, peserta yang menjadi kebanggaan dan mendapat markah yang tinggi dalam bidang tarannum ialah bagi qari atau qariah yang mengikut *ṭarīq* Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl berbanding *ṭarīq-ṭarīq* yang lain.

### **3. Ustaz Hj. Md Hussin Mohd Yunus<sup>586</sup>**

#### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Beliau telah diasuh dan dilatih bertarannum oleh ayahnya sendiri seawal usia empat tahun lagi. Bermula disitulah bakat beliau terserlah dengan bacaan suara yang baik. Ketika usia sepuluh tahun, beliau telah menyertai pertandingan tilawah al-Quran dengan mewakili sekolah dan berjaya mendapat johan tiga tahun berturut-turut selepas itu. Ketika di sekolah menengah, beliau mewakili sekolah, kemudian ke peringkat negeri dan kebangsaan dalam Majlis Tilawah al-Quran, beliau sering mendapat johan dan naib johan. Begitu juga ketika beliau berada di Maktab Perguruan, beliau telah mengharumkan nama Maktab Perguruan Tengku Ampuan

---

<sup>586</sup> Hj. Md Hussin Mohd Yunus (Qariah Kelantan, Johan Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa), dalam temubual dengan penulis di Putrajaya pada 23 Mac 2016.

Afzan Kuantan, Pahang dengan berjaya menjadi johan Majlis Tilawah al-Quran dalam kalangan maktab-maktab perguruan di Malaysia.

Dengan kejayaan tersebut, beliau bertambah semangat untuk belajar dan menambah ilmu lagi dalam bidang tarannum. Antara guru yang beliau pernah menuntut ilmu selain daripada ayahnya iaitu Hj. Mohamad Zain bin Mohammad, Hj. Ahmad bin Mat Som Pergau, Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail dan Hj. Mohamad bin Hj. Yusof. Beliau telah lama berguru adalah dengan Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail sehingga mendapat johan antarabangsa.

### **Idola Dan Ikutan Beliau**

Idola beliau ialah qari-qari dari Mesir seperti Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Shaykh Dr. Ahmad Nuʿayna, dan lain-lain.

Dalam bacaan pula beliau hanya mengikut gaya, alunan dan persembahan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. pada pandangan beliau, Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl adalah seorang qari yang mempunyai seni halus dan *berlahjah „arab* yang tulen dan mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menyesuaikan tarannum yang dibawa dalam bacaannya. Ia juga seorang qari yang kaya dengan pelbagai teknik dan kaedah pembacaan al-Quran yang unik dan menarik.

Beliau menyatakan juga, kejayaan beliau dalam Majlis Tilawah al-Quran adalah hasil daripada beliau membaca dengan gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Beliau berjaya mendapat johan qari peringkat kebangsaan dan pada tahun 1996 dan 1997 dan pada tahun yang sama beliau meraih johan peringkat antarabangsa.

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Dalam pengajaran ilmu tarannum, beliau mengajar mengikut kecenderungan gaya bacaan murid-murid tersebut. Cuma dimurnikan bacaan mereka supaya lebih menarik lagi dalam persembahan.

Walaubagaimana pun, beliau amat gemar jika qari atau qariah itu mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Shaykh Dr. Aḥmad Nuʿayna,. Tidak menjadi satu kesalahan jika qari atau qariah itu membawa gaya yang lain asalkan ia lagu arab.

### **Hakim Majlis Tilawah al-Quran**

Lebih 20 tahun berkecimpung dalam bidang penghakiman Tilawah al-Quran. Beliau telah diberi kepercayaan menghakimi dalam bidang tarannum di peringkat, sekolah, Maktab dalam bidang suara Tilawah al-Quran daerah dan negeri terutama di negeri Kelantan.

Menurut beliau, kecenderungan beliau kepada peserta qari dan qariah yang mengalunkan gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl walaupun tidak sepenuhnya. Apa yang penting di kalangan peserta itu menjaga hak-hak tilawah seperti tajwid dan *faṣāḥah* dengan baik.

#### **4. Ustaz Hj. Che“Yahaya Daud<sup>587</sup>**

### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Semenjak usia enam tahun lagi beliau mendapat didikan awal daripada bapanya. Bapa beliau banyak memberikan galakan agar beliau menjadi seorang qari yang

---

<sup>587</sup> Ustaz Hj. Che“Yahaya Daud, (Qariah Kelantan, Johan Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa), dalam temubual dengan penulis di Kampung Wakaf Zain, Bachok Kelantan 30 September 2008.

terkenal suatu hari nanti. Berkat kesungguhan dan dorongan yang diberikan oleh bapanya, kebolehan beliau terserlah apabila terpilih mewakili sekolah sejak darjah 3 sekolah rendah lagi. Dengan kebolehan dan bakat beliau semakin menonjol, maka bapa beliau menghantar berguru dengan salah seorang guru al-Quran yang terkenal di era 60 dan 70-an pada masa itu iaitu Hj. Ahmad Mat Som Pergau selama dua tahun. Dari situ bakat beliau diasah menjadi meningkat dari semasa ke semasa. Seterusnya beliau mewakili negeri pada tahun 1970, 1971 dan 1972 dalam Majlis Tilawah al-Quran antara sekolah-sekolah peringkat kebangsaan. Ketika berusia 14 tahun, beliau sudah terpilih mengikuti kelas khas tarannum al-Quran di bawah kelolaan Kerajaan negeri Kelantan selama tiga tahun beliaulah murid termuda ketika itu. Antara guru yang terlibat mengajar ketika itu ialah Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail, Hj. Hassan Che" Musa, Hjh. Faridah Mat Saman.

Setelah tamat kelas khas tersebut, beliau telah melanjutkan pengajian al-Quran di kelas tarannum umum yang diadakan secara terbuka kepada orang ramai yang diwujudkan di setiap daerah negeri Kelantan. Beliau sering pergi belajar Masjid Telipot Kota Bharu dan beliau juga belajar dengan Hj. Abdullah Hijazi di Kampung Sireh, Kota Bharu. Selain itu beliau juga berguru dengan mengikuti kelas persendirian dengan bekas johan Peringkat antarabangsa iaitu Hj. Hassan Che" Musa di Masjid Pangkal Chepa Kota Bharu selama 11 tahun bermula pada tahun 1984 hingga 1995. Dalam masa yang sama beliau mengikuti kursus atau kelas bergerak dibalai Islam Lundang Kota Bharu selama 14 tahun bermula pada tahun 1985 hingga 1999. Antara guru yang mengajar beliau ialah Dato" Hj. Nik Ja"afar bin Nik Ismail (bidang tarannum), Hj. Ismail bin Yusuf (bidang tajwid), Ustaz Nusa bin Awang (bidang tajwid) dan lain-lain lagi.

## **Idola Dan Ikutan Beliau**

Menurut Ustaz Hj. Che“ Yahaya, terdapat Shaykh-Shaykh tarannum yang beliau minati ialah qari-qari di Mesir seperti Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl dan Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayna,,.

Ikutan Shaykh dalam bacaan, beliau hanya mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl. Ini kerana Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl qari yang unik dan mempunyai seni-seni yang menarik. Ia mempunyai kelebihan daripada semua qari yang lain dari segi suara dan tarannum serta fasih. Begitu juga dari segi hukum tajwid yang mantap.

Menurut anak murid beliau Dr. Anuar Hasin, beliau digelar dan diktiraf sebagai “Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl Malaysia” kerana bacaan beliau menyamai dengan gaya Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl seratus peratus.<sup>588</sup>

## **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Beliau mempunyai ramai anak murid, boleh dikatakan di seluruh negeri di Malaysia malah diluar negara seperti Brunei, Singapura dan lain-lain. Di antara anak-anak murid beliau yang telah berjaya mendapat johan dalam Majlis tilawah al-Quran di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa seperti Ustaz Wan Ainudin Hilmi (Kelantan), Dr. Anuar Hasin (Perak), Hj. Nor Azrah Ayub (Johor) dan lain-lain.

Ustaz Hj. Che“ Yahaya menegaskan bahawa pengajaran kepada murid-murid beliau hanya dengan mengikut *uslūb* Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl sahaja. Beliau banyak memberi penekanan kepada perkara-perkara seperti berikut:

1. Cara mengolah lagu

---

<sup>588</sup> Dr. Anuar Hasin (Qari Perak, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), temu bual dengan penulis dalam bilik beliau di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan pada 1 November 2017.

2. Teknik penggunaan suara
3. Cara penyusunan *ḥarakat*
4. Burdah-burdah
5. Penyesuaian tarannum dengan ayat

### **Hakim Majlis Tilawah al-Quran**

Selepas beliau merangkul kejuaraan peringkat antarabangsa pada tahun 1999, maka bermulalah masa untuk memberi khidmat menjadi hakim tilawah al-Quran. Beliau telah diamanahkan menghakimi dalam bidang tarannum dan adakalanya bidang suara. akan tetapi yang paling banyak ialah bidang tarannum.

Beliau sendiri mengakui bahawa jika beliau yang menghakimi dalam majlis tilawah al-Quran maka qari atau qariah yang mendapat markah lebih ialah mereka yang mengalunkan gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Namun tidak boleh dikatakan juga qari itu akan mendapat johan kerana banyak lagi bahagian lain yang dihakimi seperti suara, tajwid dan *faṣāḥah*.

### **5. Dato<sup>589</sup> Hj. Ahmad Faizul Ghazali**

#### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Beliau mula belajar membaca al-Quran secara bertarannum sejak dibangku sekolah lagi. Guru yang pertama ialah bapa beliau sendiri iaitu Ghazali Abdul Rani. Sejak usia 12 tahun, beliau telah berpisah dengan keluarga kerana menuntut ilmu al-Quran

---

<sup>589</sup> Dato<sup>589</sup> Hj. Ahmad Faizul Ghazali , (Qariah Pahang, Johan Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa), dalam temubual dengan penulis di Masjid Al-Hidayah, Kelana Jaya Selangor pada 3 November 2017.

sehingga berjaya khatam 30 juzuk al-Quran dan mendapat syahadah diploma tahfiz di Ma'had Tahfiz al-Quran Kubang Bujuk, Kuala Terengganu.

Selain kebolehan beliau dalam bidang hafazan, beliau menyingkatkan keilmuan dalam bidang tarannum. Beliau telah mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu tarannum al-Quran dengan beberapa orang guru antaranya Datuk Hj. Nik Ja'afar Nik Ismail, Dato' Hj. Muhammad bin Hasri, Tan Sri Hj. Hassan Azhari, Dato' Salahuddin bin Omar dan Tan Sri Syekh Ismail bin Muhammad.

### **Idola Dan Ikutan Beliau**

Di antara qari-qari di Mesir diminati beliau ialah seperti Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl, Shaykh Dr. Aḥmad Nu'ayna, dan Shaykh Mutawallī.

Melalui pengakuan beliau, bahawa beliau banyak mengikuti pembacaan al-Quran mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl dan campur sedikit dengan gaya Shaykh Mutawallī.

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Ramai di kalangan para qari dan qariah yang menyertai tilawah al-Quran yang berguru dengan beliau. Antara anak murid beliau yang megukir nama dipersada dunia iaitu Dr. Anuar Hasin dan Hanimzah Hj. Jalaluddin merupakan johan Majlis Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa Malaysia.

Menurut beliau, dalam pengajaran tarannum lebih menjurus kepada gaya ikutan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl dan ada juga campur gaya qari-qari yang lain. Apa yang lebih penting adalah mengikut gaya pembawakan qari atau qariah masing-masing.

### **Hakim Majlis Tilawah al-Quran**

Beliau telah dilantik menjadi hakim Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Pahang dan peringkat kebangsaan bermula pada tahun 2008 sehingga kini. Peringkat negeri beliau diberi tanggungjawab menghakimi dalam bidang tarannum dan peringkat kebangsaan pula dalam bidang suara.

Beliau menyatakan bahawa sepanjang beberapa tahun menghakimi Majlis Tilawah al-Quran, suatu kebanggaan kepadanya jika sekiranya dapat mengaplikasikan gaya Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl terutama dari segi suara. Jika qari atau qariah itu dapat sampai kepada empat *ṭabaqah* suara iaitu *qarār*, *nawā*, *jawāb*, *jawāb al-Jawāb* maka peserta tersebut mendapat keistimewaan. Oleh kerana kayu pengukurnya adalah bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl yang mana suaranya mencapai kesemua *ṭabaqah* pada setiap lagu yang dibawa satu persembahannya. Oleh sebab itulah bacaannya lebih menyerlah dan terpukau.

### **6. Ustaz Hj. Amirahman Hj. Abbas<sup>590</sup>**

#### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Mendapat didikan al-Quran bermula dari peringkat asas sehinggalah digelar qari tersohor negara. Ustaz Hj. Amirahman Abas Memulakan pengajian al-Quran asas dengan Hj. Hassan bin Mat dan mempelajari pula dalam bidang tarannum al-Quran dengan Hjh Hakinah @ Rokiah bt. Derahman merupakan johan qariah Wilayah Persekutuan. Kemudian beliau memperelajari dan mendalami lagi dengan guru-guru yang lain seperti Hj. Hasim bin Harun, Hj. Mohammad bin Hj. Yusoff dan Hj. Abdul

---

<sup>590</sup> Ustaz Hj. Amirahman Abas (Qariah Negeri Sembilan, Johan Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa), temu bual dengan penulis di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Wilayah persekutuan Kuala Lumpur yang diadakan di Surau Mahmoodiah Presint 18 Putrajaya, Kuala Lumpur pada 12-14 Februari 2018.

Rahim bin Ahmad. Beliau juga pernah mengikuti kursus taranum bersama Qari Mesir al-Marhum Shaykh Fathī Ḥasan al-Malījī. Selain itu juga beliau berguru juga dengan Tan Sri Dato“ Hj. Hassan bin Hj. Azhari, yang mana telah mengajar teknik sebutan huruf yang *lahjah* „*arabiyyah*“ dan kaedah kaedah berrzanji dan Qasidah.

### **Idola Dan Ikutan Beliau**

Menurut beliau, kebanyakannya shaykh yang diminati adalah qari dari Mesir di antaranya ialah Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl, Shaykh Dr. Aḥmad Nu‘ayna,, Shaykh Yāsir Sharqāwī dan Shaykh Maḥmūd Shihāt Anwar.

Beliau mengakui bahawa bacaan beliau banyak mengikuti gaya Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl berbanding qari-qari lain.

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Selepas mendapat Johan Qari Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa Malaysia pada tahun 2011, beliau sering dijemput untuk memberi sumbangan dengan menjadi tenaga pengajar dalam kursus-kursus tahsin atau *ḥalaqah-ḥalaqah* tarannum.

Beliau menyatakan dalam pengajaran ilmu tarannum ini metode utama yang perlu diikuti ialah metode Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl atau Shaykh Dr. Aḥmad Nu‘ayna,, kerana metode mereka yang begitu unggul di dunia. Walaupun begitu, metode-metode qari yang lain juga hebat dan tidak menjadi kesalahan bagi mereka yang menikutinya. Ada juga qari di Malaysia yang mengikut gaya qari yang lain berjaya dalam Majlis Tilawah al-Quran seperti Us. Hj. Tarmizi Ali, Dato“ Ismail Hashim dan lain-lain.

Menurut beliau, jika dalam pengajaran tarannum sudah semestinya akan diterapkan kepada peserta qari dan qariah gaya alunan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan ada juga gaya qari-qari yang lain.

### **Hakim Majlis Tilawah al-Quran**

Beliau berkecimpung dalam bidang penghakiman Tilawah al-Quran agak baru. Beliau pernah menjadi hakim peringkat daerah dan negeri seperti Kuala Lumpur, Selangor, Perak dan lain-lain. Beliau diberi tanggungjawab dengan menghakimi bahagian tarannum atau suara. Bermula pada tahun 2015 hingga sekarang, beliau telah dilantik menjadi hakim Majlis Menghafaz al-Quran peringkat kebangsaan dan diberi mandat menghakimi bidang tarannum.

Berdasarkan temu bual penulis dengan beliau, secara umumnya beliau menyatakan, peserta qari atau qariah yang berjaya itu adalah mereka melakukan persembahan ada sedikit sebanyak mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl.

## **7. Ustaz Hj. Muhammad Anuar Ghazali<sup>591</sup>**

### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Menurut beliau, guru yang pertama yang mengajar beliau asas tarannum ialah Ustaz Rosali merupakan salah seorang bilal di Masjid Ibrahim di Pasir Puteh, Kelantan. Bermula dari situlah beliau bersungguh-sungguh menekuni dan mempelajari bidang tarannum. Di antara guru-guru yang pernah beliau pelajari dalam bidang tajwid ialah Hj. Nordin bin Idris merupakan Johan Qari peringkat antarabangsa, Ustaz Abdul Bari merupakan Imam masjid Sultan Ismail Petra dan hakim Majlis tilawah peringkat

---

<sup>591</sup> Ustaz Hj. Muhammad Anuar Ghazali (Qari Kelantan, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis, 4 November 2017.

negeri Kelantan dan lain-lain. Dalam bidang tarannum pula pernah menimba ilmu dalam kursus tahsin seperti Ustaz Hj. Yahaya bin Hj. Daud, Datuk Hj. Nik Jaafar bin Hj. Nik Ismail dan lain-lain lagi. Guru yang paling banyak mengajar dan mencurahkan ilmu tarannum kepada beliau ialah Ustaz Hj. Abdul Rahim bin Ahmad daripada beliau kecil sehinggalah menjadi johan kebangsaan dan antarabangsa.

### **Idola Dan Ikutan Beliau**

Menurut beliau, qari yang menjadi idola ialah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, Shaykh Dr. Aḥmad Nuʿayna, Shaykh Yāsir Sharqāwī dan Shaykh Shihat Anwar.

Mengikut pengakuan bahawa beliau membaca mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl sahaja.

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Beliau mempunyai murid yang ramai di pelbagai negeri yang datang menuntut ilmu dengan beliau. Di antara murid beliau yang telah berjaya menyandang johan peringkat antabangsa ialah Hjh. Normalina bt. Alias.

Menurut Ustaz Hj. Muhammad Anuar, bahawa beliau akan mengajar tarannum kepada anak-anak muridnya hanya mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Boleh dikatakan kesemua diaplikasikan bentuk atau gaya beliau.

### **Hakim Majlis Tilawah al-Quran**

Beliau telah memperakui, apabila beliau menjadi hakim dalam Majlis Tilawah al-Quran sudah pasti qari atau qariah yang mempunyai kelebihan ialah mengalunkan mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl berbanding dengan ikutan gaya qari-qari yang lain.

## **8. Dr. Anuar Hasin<sup>592</sup>**

### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Beliau mulai belajar al-Quran ketika berumur 7 tahun, manakala tarannum bermula ketika berumur 11 tahun. Di antara Guru-guru Tarannum ialah:

1. Ustaz Said bin Husnik (Sekolah Rendah)
2. Ustazah Arbaayah bin Mohd Dani (SMKA Slim River)
3. Ustaz Osman bin Ahmad
4. Ustaz Shamsul Arifin bin Saba @ Supian
5. Ustaz Hj. Che Yahaya bin Daud
6. Datuk Nik Jaafar bin Nik Ismail (talaqqi dan pernah berkursus dengannya)
7. Ustaz Hj. Rahim bin Ahmad
8. Dato<sup>o</sup> Hj. Faizul bin Ghazali (pernah talaqqi dan berkursus dengannya)
9. Dato<sup>o</sup> Hj. Muhammad bin Hasri (pernah berkursus dengannya)

### **Idola Dan Ikutan Beliau**

Menurut Dr. Anuar, dalam pembacaan al-Quran bertarannum terdapat beberapa orang Shaykh yang beliau minati, mereka ialah:

1. Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl
2. Shaykh Kāmil Yūsuf al-Bahtimī
3. Shaykh Muṣṭafā Ghalwaysh
4. Shaykh Syiḥḥāt Muḥammad Anwār
5. Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayina,,

---

<sup>592</sup> Dr. Anuar Hasin (Qari Perak, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), temu bual dengan penulis dalam bilik beliau di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan pada 1 November 2017.

6. Shaykh Muḥammad Imrān
7. Shaykh Hamdī al-Zamīl

Akan tetapi, di antara mereka yang paling beliau kagumi dalam bacaan al-Quran ialah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Pada pandangan beliau, ini kerana dari segi gaya atau metode bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl berbeza dengan qari-qari yang lain. Pembacaannya mempunyai unsur keseniaan yang halus, Bacaan mengikut makna ayat, Bacaan yang mempunyai marhalah lagu, suara yang teratur dan sistematik.

Menurut beliau juga, dari sudut ikutan shaykh dalam bacaannya ialah terdiri daripada berapa orang shaykh, iaitu:

1. Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl
2. Shaykh Kāmil Yūsuf al-Bahtimī
3. Shaykh Dr. Aḥmad Nuʿayna
4. Shaykh Shihḥat Anwār

Dari aspek tarannum pula, semua tarannum usul beliau dapat menguasainya, namun terdapat tarannum yang paling diminati ialah *bayyātī*, *nahāwand*, *ḥijāz* dan *jihārkāh*.

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Dalam pengajaran tarannum samada di Universiti atau di halaqah-halaqah, Dr. Anuar banyak mengaplikasikan pengajarannya mengikut gaya Shaykh Mustafa Ismaʿil dan Shaykh Dr. Ahmad Nuʿayna.

## **9. Ustaz Wan Ainudin Hilmi Abdullah<sup>593</sup>**

### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Dari aspek pembelajaran al-Quran, Ustaz Wan Ainudin peringkat permulaan belajar dengan bapanya sendiri. Kemudian belajar dengan guru-guru al-Quran semasa di sekolah rendah dan menengah. Beliau juga pernah menimba ilmu al-Quran khususnya tarannum di Mesir. Pada tahun 2009 beliau ke Mesir bersama isteri adalah semata-mata untuk mempelajari al-Quran. di antara shaykh yang sempat beliau talaqqi ialah Shaykh Nabil Ḥanafī, Ustaz Muṣṭafā Kāmil dan lain-lain. Selain itu beliau juga berguru secara talaqqi mushafahah dengan Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail, Ustaz Hj. Yahaya Daud dan Ustaz Hj. Abdul Rahim Ahmad.

### **Idola Dan Ikutan Beliau**

Terdapat beberapa orang Shaykh yang beliau minati, antaranya ialah:

1. Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl
2. Shaykh Muṣṭafā Ghalwaysh
3. Shaykh Shiḥḥāt Muḥammad Anwār
4. Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayina,,
5. Shaykh Maḥmūd Shaḥāt

Namun Shaykh yang menjadi ikutan beliau ialah Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl dan Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayina,,.

---

<sup>593</sup> Ustaz Hj. Wan Ainudin Hilmi Abdullah (Qari Kelantan, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis dalam kelas pengajian tarannum di Masjid Tun Abdul Aziz Seksyen 14 Petaling Jaya, Selangor pada 1 April 2017.

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Dalam pengajaran tarannum, beliau telah banyak menerapkan kepada anak-anak muridnya mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl, Shaykh Dr. Aḥmad Nuṣayyina, dan Shaykh Shihhāt Muḥammad Anwār.

### **10. Datuk Hjh. Faridah Hj. Mat Saman<sup>594</sup>**

#### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Hjh. Faridah mendapat peringkat awal pembelajaran al-Quran melalui ibu bapanya sendiri. Beliau berjaya khatam al-Quran ketika berusia lima tahun. Dengan bimbingan daripada ibu bapanya yang sangat prihatin terhadap perkara agama dan menjadikan sebagai amalan dalam kehidupan ahli keluarga. Selain itu, beliau juga belajar dari datuknya yang terakhir, Abdul Rahman bt. Che Man dan neneknya Zainab bt Osman.

Minat yang mendalam terhadap bidang seni al-Quran mendorong beliau untuk belajar dan mendalami tarannum al-Quran sewaktu berumur 13 tahun lagi. Guru yang terawal mengasah bakat beliau ialah ibunya sendiri yang pernah menjadi wakil negeri Kelantan dalam majlis tilawah al-Quran pada tahun 1960. Antara guru yang banyak mencurahkan ilmu dan mendidik beliau bidang tarannum iaitu Hj. Ahmad Mat Som Pergau, Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail dan Hj. Hassan Musa.

#### **Idola Dan Ikutan Beliau**

Di antara Shaykh-Shaykh yang beliau minati ialah:

---

<sup>594</sup> Datuk Hjh. Faridah Mat Saman (Qariah Kelantan, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), dalam temubual dengan penulis di Hotel Dorsett Putrajaya, Kuala Lumpur semasa Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan pada 30 Mac hingga 7 April 2018.

1. Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl
2. Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayina,,
3. Shaykh Yāsir Sharqāwī
4. Shaykh Maḥmūd Shaḥat

Ikutan dalam bacaan beliau ialah mengikut *uslūb* Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl disebabkan berguru dengan anak murid beliau di Malaysia iaitu Hj. Ahmad Mat Som Pergau dan Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail.

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Hjh. Faridah mempunyai murid yang ramai di seluruh plosok tanah air terutama anak muridnya di kalangan wanita. Di antara murid beliau yang telah berjaya menyandang johan peringkat antabangsa ialah Hjh. Sapinah Mamat (Kelantan), Hjh. Rahmah Abdul Rahman (Johor), Hjh. Amnah Hj. Ayup (Sarawak), Munirah Kasim (Kelantan) dan lain-lain.

Dalam pengajaran tarannum, beliau mengajar anak-anak murid beliau seperti kaedah yang diajarkan oleh guru-guru beliau sebelum ini iaitu melalui talaqqi mushafahah.

### **11. Hjh. Rahmas Abdullah<sup>595</sup>**

#### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Ketika berumur sembilan tahun, Hjh. Rahmas selalu mendengar kemerduan dan kelunakan suara qariah negara, Hjh. Faridah Mat saman ketika membaca al-Quran

---

<sup>595</sup> Hjh. Rahmas Abdullah (Qariah Johor, Johan peringkat kebangsaan dan antarabangsa), temu bual dengan penulis di Hotel Dorsett Putrajaya, Kuala Lumpur pada 30 Mac 2018 semasa Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan berlangsung bermula 30 Mac hingga 7 April 2018 pada 13 Ogos 2018

melalui corong radio. Dari situ beliau beliau mula meminati belajar al-Quran secara berlagu, selain daripada galakan daripada ibubapanya.

Peringkat awalnya, bakat tarannum Hjh. Rahmas dicungkil oleh seorang guru al-Quran yang ternama dikenali dengan Tok Ayah Awang dan isterinya Sawiah. Bermula daripada situ, beliau mula belajar al-Quran tidak pernah jemu.

Guru-guru al-Quran Hjh. Rahmas kebanyakannya dari negeri Kelantan. Beliau pernah berguru dengan bekas qariah Siti Noor bt. Ismail, Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail dan Ustaz Hj. Hasan Musa. Selain itu, beliau berguru dengan bekas qariah Johor Allahyarhamah Rahmah Abdul Rahman, Ahmad Shahrudin, Mohd. Zin Abdul dan Sarbini Maring bagi mendalami bacaan tajwid dan tarannum al-Quran.

### **Idola Dan Ikutan Beliau**

Shaykh-Shaykh yang beliau minati ialah:

1. Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl
2. Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayina,,

Dalam bacaan beliau lebih cenderung mengikut *uslūb* Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl disebabkan kesan daripada berguru dengan salah seorangnya Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail.

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Hjh. Rahmas sangat aktif mengajar al-Quran, maka tentulah mempunyai anak murid yang ramai. Di antara anak murid beliau yang telah berjaya yang mengharumkan negeri Johor dan Malaysia dipersada antarabangsa iaitu Hjh. Suraya dan Hjh. Nor Azrah Ayub.

Dalam pengajaran ilmu tarannum, beliau memperakui bahawa beliau banyak terpengaruh mengajar mengikut kaedah Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail yang mudah difahami dan diikuti.

## **12. Hjh. Syarifah Khasif Fadzilah Syed Mohammad Badiuzzaman<sup>596</sup>**

Seawal usia empat tahun lagi Hjh. Syarifah Khasif mempelajari al-Quran menerusi bimbingan kedua ibubapanya. Menurut beliau, bapanya menyuruh mengaji hampir tujuh kali sehari dan solat fardu sudah menjadi kewajipan lima kali sehari. Bapanya begitu tegas dalam soal agama dan al-Quran bukan setakat mengaji, tetapi diwajibkan mahir dalam bidang tajwid, fasahah dan tarannum.

Pada usia lapan tahun Hjh. Syarifah Khasif mula menceburui secara khusus dalam bidang tarannum al-Quran. bapanya telah menghantar belajar tarannum dengan Ustaz Hj. Osman merupakan salah seorang imam di Masjid Ipoh, Perak pada ketika itu. Apabila beliau mencapai usia dewasa, dengan galakan daripada bapa dan ibunya, beliau pergi berguru dengan beberapa orang tokoh tarannum di Malaysia seperti Ustaz Hj. Abdul Rahim Ahmad, Ustaz Hj. Yahya Daud dan lain-lain.

### **Idola Dan Ikutan Beliau**

Terdapat beberapa orang Shaykh yang beliau minati, antaranya ialah:

1. Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl
2. Shaykh Muṣṭafā Ghalwaysih
3. Shaykh Syiḥḥāt Muḥammad Anwār
4. Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayina,,

---

<sup>596</sup> Hjh. Syarifah Khasif Fadzilah Syed Mohammad Badiuzzaman (Qariah Perak, Johan Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa), Temu bual dengan penulis melalui telefon pada 7 september 2017.

Shaykh yang menjadi ikutan beliau pula ialah Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl dan Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayina,,. Ini kerana kesan terpengaruh dengan dengan guru-guru yang membawa gaya atau *uslūb* Shaykh Muṣṭafā Ismā‘īl.

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Dalam kaedah pengajaran tarannum, beliau mengikut cara yang diamalkan oleh guru-guru beliau sebelum ini iaitu talaqqi musyafahah. Di antara guru-guru beliau yang banyak memberi kesan cara kaedah pengajaran ini seperti Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail, Ustaz Yahaya Daud, Ustaz Hj, Abdul Rahim Ahmad dan lain-lain.

### **13. Hjh. Nor Azrah Ayub<sup>597</sup>**

#### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Hjh. Nor Azrah mula belajar al-Quran dan tarannum sejak umur sembilan tahun. Ketika sekolah rendah beliau telah berguru dengan Hj. Tarbani bin Sulaiman. Semasa peringkat menengah, beliau berguru dengan Hjh. Ummi Kalthum merupakan Qariah antarabangsa. Hjh. Nor Azrah juga pernah menyertai Kursus Sijil Tinggi Tarannum al-Quran pada tahun 2011 anjuran JAKIM. Di sana beliau berguru dengan Hjh. Fasihah, Hj. Yahaya Daud, Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail. Selain itu beliau mendalami dalam bidang tarannum al-Quran juga dengan beberapa orang guru yang terkemuka di Malaysia seperti Tan Sri Sheikh Ismail, Tan Sri Hassan Azhari, Dato“ Salahuddin, Dato“ Mohd Hasri, Dato“ Hj. Faizul, Hjh. Rahmas Abdullah, dan ramai lagi.

#### **Idola Dan Ikutan Beliau**

---

<sup>597</sup> Hjh. Nor Azrah Ayub (Qariah Johor, Johan Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa), temu bual dengan penulis di Akademi Ar-Rayan, Bangi Selangor pada 13 Ogos 2016.

Terdapat beberapa orang Shaykh yang beliau minati, antaranya ialah:

1. Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl
2. Shaykh Muṣṭafā Ghalwaysh
3. Shaykh Syiḥḥāt Muḥammad Anwār
4. Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayina,,

Shaykh yang menjadi pengaruh dalam bacaan beliau pula ialah mengikut gaya Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl dan Shaykh Dr. Ahmad Nu,ayina,,

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Menurut beliau, Dalam pengajaran ilmu tarannum al-Quran beliau banyak menerapkan cara atau gaya Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl terutama dari sudut susunan tarannum dan *ṭabaqah* suara.

### **14. Hjh. Normalina Hj. Alias<sup>598</sup>**

#### **Pembelajaran Tarannum al-Quran**

Hjh. Normalina mendapat didikan awal dalam pengajian al-Quran talaqi dan musyafahah melalui datuknya seawal 3 tahun lagi dan dapat khatam keseluruhan al-Quran seawal usia enam tahun.

Dalam bidang tarannum, Hjh. Normalina tidaklah belajar secara formal. Peringkat awal mempelajari dengan datuknya. Datuknya mengajar hanya dengan tarannum asas sahaja seperti *bayyātī*, *nahāwand* dan *rast*.

---

<sup>598</sup> Hjh. Normalina Alias (Qariah Negeri Sembilan, Johan Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa), temu bual dengan penulis di Bukit Mahkota pada 15 september 2017.

Jiwa yang kental dan minat yang mendalam dalam bidang tarannum, beliau terus belajar dengan guru sehinggalah dapat menguasai ilmu tarannum sepenuhnya. Demi ilmu tarannum al-Quran, beliau sanggup berkorban mengambil cuti sementara sebagai pensyarah sejak ogos 2016 sehingga sekarang demi membuat persiapan dan latihan untuk majlis tilawah al-Quran. Beliau telah memperuntukan masa selama 6 jam sehari untuk berlatih membaca dan menghafaz al-Quran termasuk 4 jam sesi bersama guru pembimbing. Antara guru tarannum yang pernah beliau pelajari seperti Datuk Nik Jaafar Nik Ismail, Ustaz Hj. Abdul Rahim Ahmad, Ustaz Hj. Muhammad Anuar Ghazali dan lain-lain.

### **Idola Dan Ikutan Beliau**

Shaykh yang beliau minati, antaranya ialah:

1. Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl
2. Shaykh Muṣṭafā Ghalwaysh
3. Shaykh Syiḥḥāt Muḥammad Anwār
4. Shaykh Dr. Aḥmad Nu,ayina,,

Ikutan Shaykh dalam dalam bacaan beliau pula ialah Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl sahaja.

### **Pengajaran Tarannum al-Quran**

Mengikut pengakuan beliau, dalam pengajaran tarannum al-Quran, beliau akan mengaplikasikan mengikut *uslūb* bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl. Ini disebabkan terkesan dengan pengajaran guru-guru beliau seperti Ustaz Hj. Muhammad Anuar Ghazali, Ustaz Hj, Abdul Rahim Ahmad dan lain-lain.

#### 4.3.2.1 Kesimpulan

Hasil daripada penelitian mengenai temu bual para qari dan qariah tersebut, maka dapat dilihat dengan jelas bahawa pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl amat kuat di kalangan qari dan qariah. Dengan ini penulis dapat menyimpulkan dua perkara utama, iaitu:


##### **Pertama:**

Dilihat kepada susur galur guru-guru yang mereka pelajari dalam pengajian tarannum al-Quran. Dari sudut keilmuan, pada hakikatnya secara tidak langsung mereka telah berguru dengan seorang guru iaitu Hj. Ahmad Mat Som Pergau yang merupakan satu-satunya anak murid kepada Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl di Malaysia.

##### **Kedua:**

Berdasarkan kepada pengakuan mereka sendiri bahawa qari yang mereka minati adalah Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan mengakui juga bahawa mereka mengamalkan dengan menerapkan sama ada dalam bacaan dan pengajaran adalah mengikut *uslūb* bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Kemudian begitu juga dalam bentuk penghakiman tilawah al-Quran, mereka lebih cenderung dengan gaya beliau.

Rajah 6: Salasilah Guru Di Kalangan Qari Dan Qariah



### 4.3.3 Pengaruh Kepada Bacaan Qari Dan Qariah

Subtopik ini, membincangkan mengenai analisis bacaan di kalangan qari dan qariah. Penulis telah memilih satu persembahan bacaan setiap orang qari dan qariah sebagai bukti bahawa bacaan mereka terpengaruh dengan bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Untuk mengenalpasti pengaruh bacaan tersebut, maka penulis menganalisa metode-metode bacaan mereka. Penulis menganalisa adalah berdasarkan kepada ilmu-ilmu yang ada pada penulis, melalui temu bual qari dan qariah itu sendiri dan seterusnya berdasarkan temu bual dua orang pakar tarannum di Malaysia iaitu Ta Sri Dato“ Hj. Hassan Azhari dan Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail. Metode-metode bacaan tersebut, Penulis tampilkan dalam bentuk jadual supaya mudah untuk melihat atau mengukur dimanakah pengaruh pada bacaan qari dan qariah dengan bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Penulis menganalisa dalam bacaan mereka dengan mengemukakan 2 bidang daripada 4 bidang utama iaitu bidang tarannum dan suara. Penulis tidak menganalisa dalam bidang tajwid kerana semua qari dan qariah yang terpilih ini mereka merupakan johan antarabangsa dan kebangsaan, maka sudah tentulah bacaan mereka yang berlahjah „arabiyyah dan menepati hukum-hukum tajwid. Begitu juga dalam bidang *qirāʾāt*, para qari dan qariah kesemuanya membaca dengan *Qirāʾāt ʿĀsim Riwayat Ḥafṣ* mengikut *Ṭarīq al-Shāṭibī*. Analisis bacaan ini adalah mengikut manhaj ilmu tarannum di Malaysia.

#### 4.3.3.1 Analisis Bacaan Qari-Qari

##### 1. Bacaan Ustaz Hj. Hasan Musa

Rakaman bacaan beliau ini merupakan bacaan persembahan di Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan sempena bulan Solat pada tahun 1433 H/ 2012 M bersama dengan hakim dan bekas johan qari-qari Kelantan peringkat antarabangsa iaitu Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail, Ustaz Hj. Md Hussin Mohd Yunus, Ustaz Hj. Che Yahaya Daud dan Ustaz Hj. Abdul Rahim Hj. Ahmad. Beliau telah membaca surah al-Anbiyā' bermula ayat 101-109.<sup>599</sup>

##### Metode-Metode Bacaan

Metode-metode bacaan beliau adalah seperti berikut:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ سَبَقَتْ لَهُمْ مِنَّا الْحُسْنَىٰ أُولَٰئِكَ عَنْهَا مُبْعَدُونَ ﴿١٠١﴾ لَا يَسْمَعُونَ حَسِيسَهَا وَهُمْ فِي مَا اشْتَهَتْ  
أَنفُسُهُمْ خَالِدُونَ ﴿١٠٢﴾ لَا يَحْزَنُهُمُ الْفَزَعُ الْأَكْبَرُ وَتَتَلَقَّيْنَهُمُ الْمَلَائِكَةُ هَذَا يَوْمُكُمْ الَّذِي كُنْتُمْ  
تُوعَدُونَ ﴿١٠٣﴾ يَوْمَ نَطْوِي السَّمَاءَ كَطَيِّ السِّجِلِّ لِلْكُتُبِ كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ نُعِيدُهُ وَعَدًا عَلَيْنَا إِنَّا  
كُنَّا فَاعِلِينَ ﴿١٠٤﴾ وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي الزَّبُورِ مِن بَعْدِ الذِّكْرِ أَنَّ الْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ الصَّالِحُونَ ﴿١٠٥﴾  
إِنَّ فِي هَذَا لَبَلَاغًا لِّقَوْمٍ عَاكِدِينَ ﴿١٠٦﴾ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾ قُلْ إِنَّمَا يُوحِي إِلَيَّ الْمَلَكُ أَنَّ  
إِلَهُكُمْ إِلَهُ وَحْدٌ فَهَلْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٨﴾ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ ءَاذَنْتُكُمْ عَلَىٰ سَوَاءٍ وَإِنِ أَدْرَىٰ أَقْرَبُ  
أَمْ يَبْعِدُ مَا تُوعَدُونَ ﴿١٠٩﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

Al-Anbiyā' 21: 101-109

<sup>599</sup> Rakaman bacaan video ini boleh dirujuk Qari Hasan ash-Shukry, Persembahan bacaan qari johan antarabangsa 1964 dalam haflah Qurra veteran Kelantan 2012, dicapai 11 feb 2017, laman sosial <https://www.youtube.com/watch?v=CC3mOYQoc-E>

Jadual 11: Analisis Metode Bacaan Qari Ustaz Hj. Hasan Musa

| NO. | BIDANG TARANNUM                                                                                                                                                                                                                                       |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | <i>Bayyātī – ḥusaynī – ḥijāz – rast</i> dan <i>bayyātī</i> .                                                                                                                                                                                          |
| 2.  | <i>Bayyātī</i> permulaan dan penutup.                                                                                                                                                                                                                 |
| 3.  | <i>Bayyātī</i> dan <i>ḥusaynī</i> harakat mempunyai bilangan <i>ḥarakāt</i> yang paling banyak.                                                                                                                                                       |
| 4.  | <i>Takrīr</i> (pengulangan) dalam tarannum <i>bayyātī</i> , <i>ḥusaynī</i> , <i>ḥijāz</i> dan <i>rast</i> bermula ayat 104-107.                                                                                                                       |
| 5.  | <i>Ikhtilāl lahn</i> dalam <i>ḥarakāt</i> 5 tarannum <i>ḥijāz</i> pada kalimah “ <i>Yūḥā</i> ” <span>يُوحَىٰ إِلَىٰ</span> ayat 108.                                                                                                                  |
| 6.  | <i>Wuṣlah</i> tarannum <i>furū</i> ., iaitu „ <i>rāqī</i> ” ke dalam tarannum <i>ḥijāz</i> pada <i>ḥarakāt</i> 1 dan 2.                                                                                                                               |
| 7.  | <i>Qit,,ah</i> pada <i>ḥarakāt</i> 8 <i>jawāb</i> dalam tarannum <i>bayyātī</i> dan <i>qit,,ah</i> pada <i>ṭabaqāh</i> suara <i>qarār</i> pada <i>ḥarakāt</i> 4 dan 5 tarannum <i>ḥijāz</i> .                                                         |
| 8.  | <i>Intiqāl maqām</i> lagu ke <i>maqām</i> lagu yang lain dengan sempurna.                                                                                                                                                                             |
| NO. | BIDANG SUARA                                                                                                                                                                                                                                          |
| 1.  | Empat <i>ṭabaqāt</i> suara iaitu <i>qarār</i> , <i>nawā</i> , <i>jawāb</i> dan <i>jawāb al-jawāb</i> dalam setiap tarannum                                                                                                                            |
| 2.  | <i>Salālim nuzūl</i> berlaku pada setiap <i>ṭabaqāt</i> suara <i>qarār</i> iaitu pada <i>ḥarakāt</i> 15 dan 18 tarannum <i>bayyātī</i> , pada <i>ḥarakāt</i> 6, 7 dan 8 tarannum <i>ḥijāz</i> , dan tarannum <i>rast</i> pada <i>ḥarakāt</i> 3 dan 6. |
| 3.  | <i>Salālim su’ūd</i> setiap tarannum pada <i>ḥarakāt jawāb</i>                                                                                                                                                                                        |
| 4.  | <i>Takrīr ṭabaqāt</i> suara dalam setiap tarannum.                                                                                                                                                                                                    |
| 5.  | Suara yang mempunyai getaran <i>burdah</i> yang menarik dan mempunyai <i>lahjah</i> arab.                                                                                                                                                             |

## 2. Bacaan Ustaz Hj. Abdul Rahim Ahmad

Bacaan beliau semasa menjadi peserta dan mendapat johan Tilawah Peringkat Kebangsaan pada tahun 1994. Beliau telah membaca surah Ibrāhīm bermula ayat 28 hingga 37.<sup>600</sup>

### Metode-Metode Bacaan

Metode-metode bacaan beliau adalah seperti berikut:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

❖ أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ بَدَلُوا نِعْمَتَ اللَّهِ كُفْرًا وَأَحَلُّوا قَوْمَهُمْ دَارَ الْبَوَارِ ۖ جَهَنَّمَ يَصْلَوْنَهَا وَيَنسَوْنَ الْفَرَارَ ﴿٢٨﴾  
﴿٢٩﴾ وَجَعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا لِيُضِلُّوا عَنْ سَبِيلِهِ ۚ قُلْ تَمَتَّعُوا فَإِنَّ مَصِيرَكُمْ إِلَى النَّارِ ﴿٣٠﴾ قُلْ لِعِبَادِيَ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا بَيْعَ فِيهِ وَلَا خِلَالٍ ﴿٣١﴾ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَّكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلَّكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ ۖ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَنْهَارَ ﴿٣٢﴾ وَسَخَّرَ لَكُمُ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَائِبَيْنِ وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ ﴿٣٣﴾ وَءَاتَاكُمْ مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِن تَعُدُّوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا ۚ إِنَّ الْإِنسَانَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾ وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ ءَامِنًا وَاجْنُبْنِي وَبَنِيَّ أَن نَّعْبُدَ الْأَصْنَامَ ﴿٣٥﴾ رَبِّ إِنَّهُمْ أَضَلَلَنِي كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ ۖ فَمَنْ تَبِعَنِي فَإِنَّهُ مِنِّي ۖ وَمَنْ عَصَانِي فَإِنَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٦﴾ رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِن ذُرِّيَّتِي بُوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِندَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ فَاجْعَلْ أَفْعَدَةً مِّنَ النَّاسِ تَهْوِي إِلَيْهِمْ وَارْزُقْهُمْ مِّنَ الثَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ ﴿٣٧﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

Ibrāhīm 14: 28 - 37

<sup>600</sup> Rakaman bacaan video ini boleh dirujuk di Tarannum Lover, dicapai pada 3 Oktober 2011, laman sosial <https://www.youtube.com/watch?v=3VP2h7wcZYI>

Jadual 12: Analisis Metode Bacaan Qari Ustaz Hj. Abdul Rahim Ahmad

| NO. | BIDANG TARANNUM                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | <i>Bayyātī – ṣabā – nahāwand – rast – jihārkāh</i> dan <i>bayyātī</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 2.  | <i>Bayyātī</i> permulaan dan penutup.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| 3.  | <p>Dua tempat <i>wuṣlah</i>:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pada <i>ḥarakāt</i> 5 tarannum <i>rast</i> ke dalam <i>ḥarakāt</i> 1 tarannum <i>jihārkāh</i> bermula pada kalimah “<i>Fainnahu</i>” فَإِنَّهُ مِنِّي ayat 36.</li> <li>2. Pada <i>ḥarakāt</i> 2 tarannum <i>Jihārkāh</i> ke dalam <i>ḥarakāt</i> 1 tarannum <i>ṣabā</i> pada kalimah “<i>Dhurriyyatī</i>” ذُرِّيَّتِي ayat 37.</li> </ol> |
| 4.  | Tarannum <i>furū</i> ., <i>ḥusaynī</i> dan „ <i>ajam</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| 5.  | Gabungan tarannum <i>uṣūl</i> dengan <i>furu</i> ., <i>iaitu bayyātī</i> dengan <i>husaynī</i> pada <i>ḥarakāt</i> 6 dan 7.                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 6.  | <i>Wuṣlah furu</i> kepada „ <i>uṣūl</i> iaitu „ <i>Ajam</i> dengan <i>nahāwand ḥarakāt</i> 2 pada <i>ṭabaqāt</i> suara <i>jawāb</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| 7.  | <i>Qiṭ</i> ., <i>ah</i> pada <i>ḥarakāt</i> 4 <i>jawāb</i> dalam tarannum <i>bayyātī</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| 8.  | <i>Takrīr</i> tarannum <i>bayyātī</i> dan <i>ṣabā</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 9.  | Penutup ( <i>waqfah</i> ) setiap tarannum sebelum berpindah kepada tarannum-tarannum yang lain.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| NO. | BIDANG SUARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 1.  | <i>Ṭabaqāt</i> suara <i>qarār</i> , <i>nawā</i> dan <i>jawāb</i> dalam setiap tarannum. Dan menggunakan <i>ṭabaqah</i> suara <i>jawāb al-jawāb</i> dalam tarannum <i>nahāwand</i> pada <i>ḥarakāt</i> 3.                                                                                                                                                                                                              |
| 2.  | <i>Qarār</i> pada permulaan dan penutup.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| 3.  | <i>Salālim su</i> ., <i>ūd ṭabaqah</i> 7 <i>jawāb</i> dalam tarannum <i>bayyātī</i> dan <i>nahāwand</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| 4.  | <i>Salālim nuzūl</i> pada <i>ṭabaqah</i> suara <i>qarār</i> dalam tarannum <i>nahāwand</i> , <i>rast</i> dan <i>bayyātī</i> akhir.                                                                                                                                                                                                                                                                                    |

### 3. Bacaan Hj. Md Hussin Mohd Yunus

Bacaan beliau pada tahun 1996 dalam Majlis Tilawah Peringkat Kebangsaan dan telah dinobatkan johan qari. Beliau telah membaca surah al-Nisā' bermula ayat 58 hingga 66.<sup>601</sup>

#### Metode-Metode Bacaan

Metode-metode bacaan beliau adalah seperti berikut:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

❖ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾ أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا بِمَا نُزِّلَ إِلَيْكَ وَمَا أَنْزَلَ مِنْ قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَنْ يَتَحَاكَمُوا إِلَى الطَّاغُوتِ وَقَدْ أُمِرُوا أَنْ يَكْفُرُوا بِهِ وَيُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُضِلَّهُمْ ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿٦٠﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِلَى مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَإِلَى الرَّسُولِ رَأَيْتَ الْمُنَافِقِينَ يَصُدُّونَ عَنْكَ صُدُودًا ﴿٦١﴾ فَكَيْفَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ثُمَّ جَاءَهُمْ بِخَبَرٍ بِأَنَّهُمْ إِحْسَنُوا وَتَوَفَّقُوا أَلَّا يَكُونُوا فِي أَرْسَالِنَا إِلَّا نَحْنُ مُنْظِرُونَ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٦٢﴾ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنْفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيغًا ﴿٦٣﴾ وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ اللَّهِ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا ﴿٦٤﴾ فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي

<sup>601</sup> Rakaman bacaan video ini boleh dirujuk di Tarannum Lover, dicapai pada 3 Oktober 2011, laman sosial <https://www.youtube.com/watch?v=5KHJHebdUms>

أَنْفُسِهِمْ حَرْجًا مِّمَّا فَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا سَلِيمًا ﴿٦٥﴾ وَلَوْ أَنَّا كُنَبْنَا عَلَيْهِمْ أَنْ أَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ أَوْ أَخْرِجُوا مِنْ دِينِكُمْ مَا فَعَلُوهُ إِلَّا قَلِيلٌ مِّنْهُمْ وَلَوْ أَنَّهُمْ فَعَلُوا مَا يُوعْظُونَ بِهِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ وَأَشَدَّ تَثْبِيتًا ﴿٦٦﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

Al-Nisā' 4: 58 - 66

Jadual 13: Analisis Metode Bacaan Qari Ustaz Hj. Md Hussin Mohd Yunus

| NO. | BIDANG TARANNUM                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Lima jenis tarannum <i>uṣūl</i> mengikut tertib iaitu <i>bayyātī</i> – <i>ḥijāz</i> – <i>nahāwand</i> – <i>rast</i> – <i>sīkāh</i> dan <i>bayyātī</i> .                                                                                                                                                                                                   |
| 3.  | Permulaan dan penutup bacaan dengan suara <i>qarār</i> .                                                                                                                                                                                                                                      |
| 4.  | Bentuk suara <i>salālim su,ūd</i> pada semua tarannum pada <i>ṭabaqāt jawāb</i> dan <i>jawāb al-jawāb</i> .                                                                                                                                                                                   |
| 5.  | <i>Salālim nuzūl</i> pada <i>ṭabaqāt</i> suara <i>qarār</i> dalam tarannum <i>bayyātī</i> dan <i>sīkāh</i> .                                                                                                                                                                                  |

|    |                                                                                                      |
|----|------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6. | Suara yang mempunyai getaran <i>burdah</i> yang menarik, licin dan dan mempunyai <i>lahjah</i> arab. |
| 7. | Suara yang garau dan kasar.                                                                          |

## 2. Bacaan Hjh. Rahmas Abdullah

Bacaan beliau dalam Majlis Tilawah Peringkat Antarabangsaan (MTQ) sebagai qariah jemputan. Beliau telah membaca surah al-Nūr bermula ayat 1 hingga 11.<sup>609</sup>

### Metode-Metode Bacaan

Metode-metode bacaan beliau adalah seperti berikut:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سُورَةُ أَنْزَلْنَاهَا وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ يَبَيِّنُ لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١﴾ الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾ الزَّانِي لَا يَنْكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لَا يَنْكِحُهَا إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ وَحُرِّمَ ذَلِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا يَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةٌ أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤﴾ إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥﴾ وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنْفُسُهُمْ فَشَهَدَتْ أَحَدُهُمْ أَرْبَعُ شَهَدَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٦﴾ وَالْخَامِسَةَ أَنْ لَعْنَتُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٧﴾ وَيَذَرُوا عَنْهَا الْعَذَابَ أَنْ تَشْهَدَ أَرْبَعُ شَهَدَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٨﴾ وَالْخَامِسَةَ أَنْ غَضَبَ اللَّهُ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٩﴾ وَلَوْ لَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ وَأَنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾ إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنْكُمْ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَّكُمْ بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ لِكُلِّ امْرِئٍ مِّنْهُمْ مَا أَكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

Al-Nūr 24: 1 - 11

<sup>609</sup> Bacaan ini boleh dirujuk di Tarannum Lover, dicapai pada 11 Oktober 2011, laman sosial <https://www.youtube.com/watch?v=X8luXuN7eWA>

Jadual 21: Analisis Metode Bacaan Qariah Hjh. Rahmas Abdullah

| NO. | BIDANG TARANNUM                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Beliau telah mengalunkan 4 jenis tarannum <i>uṣūl</i> . Tertib tarannum iaitu <i>bayyātī – hijāz – nahāwand – rast</i> dan <i>bayyātī</i> .                                                                                                                                                                                              |
| 2.  | <i>Takrīr ḥarakāt</i> iaitu:<br>1. <i>Takrīr ḥarakāt</i> 1 dan 2 <i>ṭabaqah</i> suara <i>nawā</i> pada tarannum <i>hijāz</i> .<br>2. <i>Takrīr ḥarakāt</i> 3 dan <i>ṭabaqāt</i> suara <i>jawāb al-jawāb</i> tarannum <i>rast</i> .                                                                                                       |
| 3.  | 3 jenis tarannum <i>furū'</i> yang digabung dengan tarannum <i>uṣūl</i> .<br>1. <i>Husaynī</i> dalam tarannum <i>bayyātī</i> pada <i>ḥarakāt</i> 7 dan 8.<br>2. <i>„Irāqī</i> dalam tarannum <i>hijāz</i> pada <i>ḥarakāt</i> 2.<br>3. <i>„Ājam</i> dalam tarannum <i>nahāwand</i> pada <i>ḥarakāt</i> 2.                                |
| 4.  | <i>Qit,,ah</i> pada <i>ḥarakāt</i> 3 <i>ṭabaqah</i> suara <i>jawāb al-jawāb</i> tarannum <i>nahāwand</i> .                                                                                                                                                                                                                               |
| 5.  | Tarannum <i>bayyātī</i> adalah tarannum permulaan dan penutup dalam bacaan.                                                                                                                                                                                                                                                              |
| 6.  | Mempunyai <i>takrīr</i> tarannum <i>bayyātī</i> pembukaan dan penutupan bacaan.                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 7.  | Mempunyai penutup ( <i>waqfah</i> ) setiap tarannum sebelum berpindah kepada tarannum-tarannum yang lain mengikut iramanya.                                                                                                                                                                                                              |
| NO. | BIDANG SUARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| 1.  | Mengaplikasikan kesemua 4 tahap <i>ṭabaqāt</i> suara <i>qarār, nawā, jawāb</i> dan <i>jawāb al-jawāb</i> . <i>Ṭabaqah</i> suara <i>qarār</i> dalam tarannum <i>bayyātī</i> awal dan akhir. Kemudian <i>ṭabaqāt</i> suara <i>nawā, jawāb</i> dan <i>jawāb al-jawāb</i> digunakan dalam tarannum <i>hijāz – nahāwand</i> dan <i>rast</i> . |
| 2.  | Menggunakan <i>ṭabaqah</i> suara <i>nawā</i> sebelum berpindah kepada tarannum lain kecuali tarannum <i>bayyātī</i> .                                                                                                                                                                                                                    |
| 3.  | Permulaan dan penutup bacaan dengan <i>ṭabaqah</i> suara <i>qarār</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| 4.  | Bentuk suara <i>salālim ṣu,ūd</i> semua tarannum pada <i>ṭabaqah jawāb al-jawāb</i> .                                                                                                                                                                                                                                                    |
| 5.  | Suara yang bergerak dengan sesuai dan dapat menghidupkan rentak suara dan mempunyai <i>lahjah</i> arab.                                                                                                                                                                                                                                  |
| 6.  | Dapat mengawal sepenuhnya alunan suara dengan selesa semasa nyaring <i>jawāb al-jawāb</i> .                                                                                                                                                                                                                                              |

### 3. Bacaan Hjh. Syarifah Khasif Fadzilah Syed Mohammad Badiuzzaman

Bacaan beliau pada tahun 2009 dalam Majlis Tilawah Peringkat Antarabangsaan (MTQ) sebagai qariah jemputan. Beliau telah membaca surah Maryam bermula ayat 1 hingga 10 dan surah al-Humazah bermula ayat 1 hingga 9.<sup>610</sup>

#### Metode-Metode Bacaan

Metode-metode bacaan beliau adalah seperti berikut:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

كَهَيَّعَ ① ذَكَرَ رَحْمَتَ رَبِّكَ عَبْدُهُ، زَكَّرِيًّا ② إِذْ نَادَى رَبَّهُ، نِدَاءً خَفِيًّا ③ قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي وَاشْتَعَلَ الرَّأْسُ شَيْبًا وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيًّا ④ وَإِنِّي خِفْتُ الْمَوَالِيَ مِنْ وَرَائِي وَكَانَتِ امْرَأَتِي عَاقِرًا فَهَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا ⑤ يَرِنُّ وَيَرِثُ مِنْ آلِ يَعْقُوبَ ⑥ وَأَجْعَلْهُ رَبِّ رَضِيًّا ⑦ يَنْزَكَّرِيًّا إِنَّا نَنْشُرُكَ بِغُلَامٍ أَسْمُهُ يَحْيَى لَمْ نَجْعَلْ لَهُ مِنْ قَبْلُ سَمِيًّا ⑧ قَالَ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَكَانَتِ امْرَأَتِي عَاقِرًا وَقَدْ بَلَغْتُ مِنَ الْكِبَرِ عِتِيًّا ⑨ قَالَ كَذَلِكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَى هَيْنٍ وَقَدْ خَلَقْتَنِي مِنْ قَبْلُ وَلَمْ تَكُنْ شَيْئًا ⑩ قَالَ رَبِّ اجْعَلْ لِي آيَةً ⑪ قَالَ ءَايَتُكَ أَلَّا تُكَلِّمَ النَّاسَ ثَلَاثَ لَيَالٍ سَوِيًّا ⑫

Maryam 19: 1 – 10

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَبَلٍّ لِكُلِّ هُمْزٍ لُحْمَةٍ ① الَّذِي جَمَعَ مَالًا وَعَدَّدَهُ ② يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ ③ كَلَّا لَيُنْبَذَنَّ فِي الْحُطَمَةِ ④ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْحُطَمَةُ ⑤ نَارُ اللَّهِ الْمَوْقَدَةُ ⑥ الَّتِي تَطْلُعُ عَلَى الْأَفْنَدَةِ ⑦ إِنَّهَا عَلَيْهِمْ مُّوَصَّدَةٌ ⑧ فِي عَمَدٍ مُّمَدَّدَةٍ ⑨

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

Al-Humazah 104: 1 - 9

<sup>610</sup> Bacaan ini boleh dirujuk di Bukhari Hasbi, dicapai pada 11 Oktober 2010, laman sosial <https://www.youtube.com/watch?v=SHrBOJcuBOA>

Jadual 22: Analisis Metode Bacaan Qariah Hjh. Syarifah Khasif Fadzilah Syed  
Mohammad Badiuzzaman

| NO.                                                                                                                                                                                                                                                        | BIDANG TARANNUM                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.                                                                                                                                                                                                                                                         | 3 jenis tarannum <i>uṣūl</i> iaitu <i>bayyātī – nahāwand – rast</i> dan <i>bayyātī</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 2.                                                                                                                                                                                                                                                         | <i>Takrīr ḥarakāt</i> 3 dan 4 <i>ṭabaqāt</i> suara <i>jawāb al-jawāb</i> pada tarannum <i>rast</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| 3.                                                                                                                                                                                                                                                         | Mempunyai <i>takrīr</i> tarannum <i>bayyātī</i> pembukaan dan penutupan bacaan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 4.                                                                                                                                                                                                                                                         | Tarannum <i>furu,, ḥusaynī</i> dalam tarannum <i>bayyātī</i> pada <i>ḥarakāt</i> 7, 8 dan 9.                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| 5.                                                                                                                                                                                                                                                         | <i>Bayyātī</i> adalah tarannum permulaan dan penutup dalam bacaan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| 6.                                                                                                                                                                                                                                                         | Mempunyai penutup ( <i>waqfah</i> ) setiap tarannum sebelum berpindah kepada tarannum-tarannum yang lain mengikut iramanya.                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| NO.                                                                                                                                                                                                                                                        | BIDANG SUARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| 1.                                                                                                                                                                                                                                                         | Mengaplikasikan kesemua 4 tahap <i>ṭabaqāt</i> suara iaitu <i>qarār, nawā, jawāb</i> dan <i>Jawāb al-Jawāb</i> . <i>Ṭabaqāt</i> suara <i>qarār</i> dalam tarannum <i>bayyātī</i> awal dan akhir serta <i>ḥarakāt</i> 4 tarannum <i>nahāwand</i> . Kemudian <i>ṭabaqāt</i> suara <i>nawā, jawāb</i> dan <i>jawāb al-jawāb</i> digunakan dalam tarannum <i>bayyātī – nahāwand</i> dan <i>rast</i> . |
| 2.                                                                                                                                                                                                                                                         | Menggunakan <i>ṭabaqāt</i> suara berbeza-beza sebelum berpindah kepada tarannum lain.                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| 3.                                                                                                                                                                                                                                                         | Permulaan dan penutup bacaan dengan <i>ṭabaqah</i> suara <i>qarār</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 4.                                                                                                                                                                                                                                                         | Bentuk suara <i>salālim ṣu,,ūd</i> pada semua tarannum pada <i>ṭabaqah jawāb al-jawāb</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| 5.                                                                                                                                                                                                                                                         | Dapat mengawal sepenuhnya alunan suara dengan selesa semasa nyaring <i>ṭabaqah jawāb al-jawāb</i> .                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 6.                                                                                                                                                                                                                                                         | Suara yang bergerak dengan sesuai dan dapat menghidupkan rentak suara dan suara yang mempunyai <i>berlahjah</i> arab.                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| Bidang <i>Qirā'āt</i>                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| Beliau telah membaca dengan <i>Qirā'āt</i> „Āṣim Riwayat Ḥafṣ mengikut Ṭarīq al-Shāṭibiy pada surah Maryam ayat 1-10 dan <i>Qirā'āt</i> Kisā'ī pada surah al-Humazah. Pembuktiannya apabila bacaan beliau dilihat pada manhaj-manhaj bacaan <i>Qirā'āt</i> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |

Kisā'ī adalah seperti berikut:

1. Pada kalimah “*Lumazah*” dalam ayat pertama, kalimah “*Al-Ḥuṭamah*” dalam ayat 4 dan 5, kalimah “*al-Mūqadah*” dalam ayat 6, kalimah “*al-Af'idah*” dalam ayat 7, kalimah “*Mu'ṣadah*” dalam ayat 8 dan kalimah “*Mumaddadah*” dalam ayat 9, Qirā'āt Kisā'ī membaca dengan *Ilamāh Hā* “*Ta'nīth*”.
2. Mentasydidkan huruf mim pada kalimah “*Jama,*” iaitu “*Jamma,a*”.
3. Mengkasraahkan huruf “*sin*” pada kalimah “*Yaḥsabu*” maka dibaca dengan “*Yaḥsibu*”.
4. Pada hukum *mad jā'iz* pada kalimah (وہا أساك) dalam ayat 5 dan *mad ṣilah ṭawīlah* pada kalimah (هال اخلذ) dibaca dengan 4 *harakāt*.
5. *Imālah* huruf “*Rā*” pada kalimah (أساك).
6. *Ibdāl* huruf hamzah pada kalimah (موصنج).
7. Menḍammahkan huruf “*ʿAyn*” dan “*Mīm*” pada kalimah (عوذ)

#### 4. Bacaan Hjh. Nor Azrah Ayub

Bacaan beliau pada tahun 2016 dalam Majlis Tilawah Peringkat Antarabangsaan (MTQ) kali Ke-58. Beliau telah dinobatkan pada tahun tersebut sebagai johan qariah antarabangsa pada tahun tersebut. Beliau telah membaca surah Yūnus bermula ayat 17 hingga 22.<sup>611</sup>

#### Metode-Metode Bacaan

Metode-metode bacaan beliau adalah seperti berikut:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

<sup>611</sup> Bacaan ini boleh dirujuk di Ar-RahmanTV, dicapai 6 Mei 2016, laman sosial <https://www.youtube.com/watch?v=PSgKqQLOpAQ>

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِآيَاتِهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الْمُجْرِمُونَ ﴿١٧﴾ وَيَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هَؤُلَاءِ شُفَعَاؤُنَا عِنْدَ اللَّهِ قُلْ أَنْتَهُنَّ أَتُنَبِّئُونَ اللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ سُبْحَنَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٨﴾ وَمَا كَانَ لِلنَّاسِ إِلَّا أُمَّةٌ وَاحِدَةٌ فَاخْتَلَفُوا وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِنْ رَبِّكَ لَفُضِيَ بَيْنَهُمْ فِيمَا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١٩﴾ وَيَقُولُونَ لَوْلَا أَنْزَلَ عَلَيْهِ آيَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَقُلْ إِنَّمَا الْغَيْبُ لِلَّهِ فَانْتَظِرُوا إِنِّي مَعَكُمْ مِنَ الْمُنْتَظِرِينَ ﴿٢٠﴾ وَإِذَا أَذَقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً مِنْ بَعْدِ ضَرَاءٍ مَسْتَهْمٍ إِذَا لَهُمْ مَكْرٌ فِي آيَاتِنَا قُلِ اللَّهُ أَسْرَعُ مَكْرًا إِنَّ رُسُلَنَا يَكْتُبُونَ مَا تَمْكُرُونَ ﴿٢١﴾ هُوَ الَّذِي يُسِرُّكُمْ فِي الْأَنْبَاءِ وَالْبَحْرِ حَتَّى إِذَا كُنْتُمْ فِي الْفُلِكِ وَجَرِينَ بَيْنَ يَدَيْهِ طَافَ بِهِمْ وَمَوْجُهَاً جَاءَتْهَا رِيحٌ عَاصِفٌ وَجَاءَهُمُ الْمَوْجُ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ وَظَنُّوا أَنَّهُمْ أُحِيطَ بِهِمْ دَعَوُا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ لَئِنْ أَجَبْنَاهُ مِنْ هَذِهِ لَنَكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ ﴿٢٢﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

Yūnus 10: 17 - 22

Jadual 23: Analisis Metode Bacaan Qariah Hj. Nor Azrah Ayub

| NO. | BIDANG TARANNUM                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Beliau telah mengalunkan 4 jenis tarannum <i>uṣūl</i> . Tertib tarannum iaitu <i>bayyātī – hijāz – nahāwand – rast</i> dan <i>bayyātī</i> .                                                                                                                                                  |
| 2.  | Mempunyai <i>takrīr</i> tarannum <i>bayyātī</i> pembukaan dan penutupan bacaan.                                                                                                                                                                                                              |
| 3.  | Tarannum <i>furū</i> yang digabung dengan tarannum <i>uṣūl</i> tarannum <i>furū</i> , <i>ḥusaynī</i> dalam tarannum <i>bayyātī</i> pada <i>ḥarakāt</i> 6 dan 7 ayat 18. Tarannum <i>furū</i> , <i>gam</i> dalam tarannum <i>nahāwand</i> pada <i>ḥarakāt</i> 2 <i>ṭabaqah jawāb</i> ayat 20. |
| 4.  | Tarannum <i>bayyātī</i> adalah tarannum permulaan dan penutup dalam bacaan.                                                                                                                                                                                                                  |
| 5.  | <i>Ikhtilāl al-Laḥn</i> tarannum <i>hijāz</i> pada <i>ḥarakāt</i> 3 <i>ṭabaqāt jawāb al-jawāb</i> pada kalimah ( <i>laquḍiya</i> ) ayat 19.                                                                                                                                                  |
| 6.  | Mempunyai penutup ( <i>waqfah</i> ) setiap tarannum sebelum berpindah kepada tarannum-tarannum yang lain mengikut iramanya.                                                                                                                                                                  |
| NO. | BIDANG SUARA                                                                                                                                                                                                                                                                                 |

|    |                                                                                                                                                                   |
|----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Beliau telah mengaplikasikan kesemua 4 tahap <i>ṭabaqāt</i> suara iaitu <i>qarār</i> , <i>nawā</i> , <i>jawāb</i> dan <i>jawāb al-jawāb</i> pada setiap tarannum. |
| 2. | Menggunakan <i>ṭabaqāt</i> suara <i>nawā</i> sebelum berpindah kepada tarannum lain.                                                                              |
| 3. | Permulaan dan penutup bacaan dengan <i>ṭabaqāt</i> suara <i>qarār</i> .                                                                                           |
| 4. | Bentuk suara <i>salālim ṣu,ūd</i> pada semua tarannum pada <i>ṭabaqah jawāb al-jawāb</i> .                                                                        |
| 5. | Suara yang bergerak dengan sesuai dan dapat menghidupkan rentak suara dan Suara yang mempunyai <i>berlahjah</i> arab..                                            |
| 6. | Suara yang garau dan kasar.                                                                                                                                       |
| 7. | Dapat mengawal sepenuhnya alunan suara dengan selesa semasa nyaring <i>jawāb al-jawāb</i> .                                                                       |

## 5. Bacaan Hjh. Normalina Alias

Bacaan beliau pada tahun 2017 dalam Majlis Tilawah Peringkat Antarabangsa Kali Ke-59 di PWTC Kuala Lumpur. Beliau telah dinobatkan pada tahun tersebut sebagai johan qariah antarabangsa. Beliau telah membaca surah al-Tawbah bermula ayat 17 hingga 23.<sup>612</sup>

### Metode-Metode Bacaan

Metode-metode bacaan beliau adalah seperti berikut:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ بِالْكَفْرِ أُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ ﴿١٧﴾ إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى

<sup>612</sup> Bacaan ini boleh dirujuk Qari Hasan Ashukry, dicapai pada 20 Mei 2017, laman sosial <https://www.youtube.com/watch?v=1hYhInOCyOk>

الرَّكُوعَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾ أَجَعَلْتُم سَفَايَةَ الْحَاجِّ  
وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنَ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوِينَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي  
الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٩﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْثَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ  
الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾ يُبَشِّرُهُمْ رَبُّهُمْ بِرَحْمَةٍ مِّنْهُ وَرِضْوَانٍ وَجَنَّتٍ لَهُمْ فِيهَا نَعِيمٌ مُّقِيمٌ ﴿٢١﴾ خَلِيدِينَ فِيهَا  
أَبَدًا إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٢٢﴾ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا ءَابَاءَكُمْ وَإِخْوَانَكُمْ أَوْلِيَاءَ إِن  
اسْتَحَبُّوا الْكُفْرَ عَلَى الْإِيمَانِ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَاُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٣﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

Al-Tawbah 9: 17 - 23

Jadual 24: Analisis Metode Bacaan Qariah Hjh. Normalina Alias

| NO. | BIDANG TARANNUM                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Beliau telah mempersembahkan bacaan dengan 4 jenis tarannum <i>uṣūl</i> . Tertib tarannum <i>uṣūl</i> iaitu <i>bayyātī – hijāz – sīkāh – rast</i> dan <i>bayyātī</i> .                                                                                                                                            |
| 2.  | 2 jenis tarannum <i>furū</i> yang digabung dengan tarannum <i>uṣūl</i> .<br>1. Tarannum <i>furu,, ḥusaynī</i> dalam tarannum <i>bayyātī</i> pada <i>ḥarakāt</i> 7, 8 dan 9 pada ayat 18.<br>2. Tarannum <i>furu,, ḥirāqī</i> dalam tarannum <i>hijāz</i> pada <i>ḥarakāt</i> 1 pada ayat 19.                      |
| 3.  | <i>Wuṣlah</i> <i>harakat furu,, ḥirāqī</i> dalam tarannum <i>uṣūl hijāz</i> pada <i>ḥarakāt</i> 1. Bermula dengan “ <i>Aja,,l</i> ” أَجَعَلْتُمْ hingga “ <i>Wa,,imārah</i> ” وَعِمَارَةَ kemudian <i>wuṣlah hijāz</i> pada <i>ḥarakāt</i> pertama bermula kalimah “ <i>al-Masjid</i> ” الْمَسْجِدِ pada ayat 19. |
| 4.  | <i>Ikhtilāl al-laḥn</i> pada <i>ḥarakāt</i> 3 <i>ṭabaqah nawā</i> tarannum <i>bayyati awal</i> kalimah “ <i>A,,māluhum</i> ” أَعْمَلُهُمْ pada ayat 17.                                                                                                                                                           |
| 5.  | Tarannum <i>bayyātī</i> adalah tarannum permulaan dan penutup dalam bacaan.                                                                                                                                                                                                                                       |

|            |                                                                                                                                                                                                                                                               |
|------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6.         | <i>Qit</i> .,ahpada <i>ḥarakāt</i> 3 <i>ṭabaqah jawāb al-jawāb</i> tarannum <i>rast</i> pada ayat 22.                                                                                                                                                         |
| 7.         | Mempunyai <i>takrīr</i> (pengulangan) tarannum <i>bayyātī</i> pembukaan dan penutupan bacaan.                                                                                                                                                                 |
| 8.         | Mempunyai penutup ( <i>waqfah</i> ) setiap tarannum sebelum berpindah kepada tarannum-tarannum yang lain.                                                                                                                                                     |
| 9.         | Suara yang bergerak dengan sesuai dan dapat menghidupkan rentak suara dan Suara yang mempunyai <i>berlahjah</i> arab..                                                                                                                                        |
| 10         | Suara yang garau dan kasar.                                                                                                                                                                                                                                   |
| 11         | Dapat mengawal sepenuhnya alunan suara dengan selesa semasa nyaring <i>jawāb al-jawāb</i> .                                                                                                                                                                   |
| <b>NO.</b> | <b>BIDANG SUARA</b>                                                                                                                                                                                                                                           |
| 1.         | Beliau telah mengaplikasikan kesemua 4 tahap <i>ṭabaqāt</i> suara yang selesa iaitu <i>qarār</i> , <i>nawā</i> , <i>jawāb</i> dan <i>jawāb al-jawāb</i> dalam setiap tarannum kecuali pada tarannum <i>rast</i> tidak ada <i>ṭabaqah</i> suara <i>qarār</i> . |
| 2.         | <i>Intiqāl al-maqām</i> menggunakan <i>ṭabaqāt</i> suara <i>jawāb al-jawāb</i> tarannum <i>bayyātī</i> dan <i>rast</i> kemudian menggunakan <i>ṭabaqāt</i> suara <i>qarār</i> tarannum <i>ḥijāz</i> dan <i>sīkāh</i> .                                        |
| 3.         | Permulaan dan penutup bacaan dengan suara <i>qarār</i> .                                                                                                                                                                                                      |
| 4.         | Bentuk suara <i>salālim ṣu,ūd</i> pada semua tarannum pada <i>ṭabaqāt jawāb al-jawāb</i> .                                                                                                                                                                    |
| 5.         | <i>Salālim nuzūl</i> pada <i>ṭabaqāt</i> suara <i>qarār</i> dalam semua tarannum kecuali <i>jīḥārkāḥ</i>                                                                                                                                                      |
| 6.         | Suara yang bergerak dengan sesuai dan dapat menghidupkan rentak suaradan mempunyai <i>lahjah</i> arab.                                                                                                                                                        |
| 7.         | Dapat mengawal sepenuhnya alunan suara dengan selesa semasa nyaring <i>jawāb al-jawāb</i> dan semasa perlahan <i>qarār</i> .                                                                                                                                  |

#### 4.3.3.3 Perakuan Pakar Di Malaysia Terhadap Bacaan Qari-Qariah

Penulis telah memilih dua orang pakar tarannum yang masyhur di Malaysia dan mereka merupakan di kalangan jemaah hakim Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa, iaitu:

1. Tan Sri Dato<sup>™</sup> Hj. Hassan Azhari
2. Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail

Mereka telah memperakui bahawa 9 orang qari dan 5 orang qariah tersebut bahawa bacaan-bacaan mereka telah terpengaruh dengan bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl. Perakuan pakar boleh dirujuk:

#### Rujuk Lampiran 4 : Perakuan Pakar Tarannum Malaysia

#### 4.3.3.4 Kesimpulan

Setelah penulis meneliti dan menganalisa bacaan-bacaan qari dan qariah, maka Penulis dapat membuat kesimpulan bahawa terdapat dua bukti bahawa bacaan mereka terpengaruh dengan bacaan tarannum Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, iaitu:

##### Pertama:

Hal ini dapat dilihat dalam bacaan mereka terdapat persamaan dengan metode-metode bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl, iaitu:

1. Mereka membaca dengan *marātib qirā'ah tarīl*.
2. Dalam satu persembahan bacaan, mereka membawa sekurang-kurangnya 3 tarannum *uṣūl* dan menerapkan tarannum *furū*..
3. Penyusunan tarannum *uṣūl* mengikut tertib (*tartīb al-maqāmāt*).
4. Bacaan yang berlahjah ,arabiyah yang merangkumi penggunaan suara, *makhraj* dan *sifat huruf* serta *waqaf* dan *ibtidā'* yang betul dan tepat.

5. *Uslūb qirā'ah* (gaya bacaan) Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl seperti teknik *tabaqāt* suara, *ḥarakāt*, penyusunan tarannum, *burdah*, *ikhtilāl al-laḥn*, *wuṣlah*, *wuṣlah al-mumāthalah* dan bacaan yang berunsurkan tadabbur dengan memahami makna ayat.
6. Kepelbagaian suara dalam bacaan.
7. Kepelbagaian tarannum yang dibawa dalam persembahan.
8. Terdapat alunan irama yang berbentuk *quflah* (penutup) setiap tarannum yang dibawa sebelum berpindan kepada tarannun yang lain.
9. Permulaan dan penutup bacaan dengan *tabaqāt* suara *qarār* menggunakan tarannum *bayyātī*.
10. Bacaan yang menepati dengan hukum-hukum tajwid

Namun tidak dinafikan terdapat juga perbezaan dalam bacaan mereka dari sudut *Ṭarīq*. Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl membaca dengan *Qirā'āt Ḍā'im Riwayat Ḥafṣ* mengikut *Ṭarīq al-Jazarī*. Di Malaysia pengamalannya adalah membaca dengan *Ṭarīq al-Shātibī*. Hal ini tidak menjadi masalah perbezaan tersebut kerana ikutan para qari dan qariah adalah kepada *uslūb qirā'ah* tarannumnya.

#### **Kedua:**

Berdasarkan kepada pengakuan oleh dua orang pakar tarannum di Malaysia iaitu Tan Sri Dato<sup>™</sup> Hj. Hassan Azhari dan Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail bahawa 9 orang qari dan 5 qariah ini bacaan mereka adalah mengikut *uslūb* Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl.

#### **Ketiga:**

Sepanjang pemerhatian penulis, para hakim dalam Majlis Tilawah al-Quran telah membuat keputusan memilih qari dan qariah tersebut sebagai johan. Dengan ini

secara tidak langsungnya menunjukkan bahawa di kalangan para hakim itu sendiri juga terpengaruh dengan gaya bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl.

#### 4.4 KESIMPULAN

Pengaruh bacaan tarannum al-Quran Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl di Malaysia dapat dilihat dari 2 sudut iaitu dari aspek penulisan dan bacaan di kalangan qari dan qariah itu sendiri. Hal ini dapat dibuktikan dengan penulisan karya-karya dan artikel-artikel. Pada penelitian penulis, terdapat sembilan buah karya dan lima buah artikel tersebar luas di Malaysia yang mana di dalamnya telah mengemukakan sub topik perbincangannya tentang metode-metode bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl dan menceritakan tentang diri beliau. Penulis-penulis tersebut merupakan ahli tarannum dalam masa yang sama pengkagum atau peminat kepada bacaan Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl.

Selain itu, pengaruh Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl amat jelas terhadap bacaan di kalangan qari dan qariah. Berdasarkan kepada analisis samada daripada pengakuan atau bacaan mereka, maka jelas terbukti bahawa mereka meniru atau membawa *uslūb qirā'ah* Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl.

Oleh yang demikian, dengan pengaruh yang kuat Shaykh Muṣṭafā Ismāʿīl melalui bacaan-bacaannya di Malaysia malah di dunia, maka dengan ini beliau selayaknya diiktiraf sebagai “*Madrasah Muṣṭafā Ismāʿīl*”.

## **BAB: 5**

### **PENUTUP**

#### **5.1 PENGENALAN**

Bab ini adalah bab yang terakhir yang mana penulis membuat satu rumusan yang merangkumi semua daripada hasil dapatan kajian yang telah dilakukan dan penulis mengutarakan beberapa cadangan kepada pihak-pihak tertentu seterusnya kepada para pengkaji akan datang yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Untuk memenuhi perkara tersebut, penulis membahagikan bab ini kepada 2 bahagian utama iaitu rumusan kajian dan cadangan.

#### **5.2 RUMUSAN KAJIAN**

Kajian ini dirumus seperti berikut:

1. Ilmu tarannum didefinisikan dari sudut bahasa ialah lagu atau memperindahkan suara. Dari segi istilah pula ialah suatu ilmu yang membincangkan kaedah-kaedah menggunakan suara yang pelbagai irama lagu seperti *bayyātī*, *nahāwand*, *hijāz*, *sīkāh*, *ṣabā*, *rast*, *Jihārkāh* dan lain-lain yang digunakan dalam tilawah al-Quran al-Karim bukannya digunakan dalam nyanyian, syair, nasyid, qasidah dan sebagainya.
2. Penggunaan istilah "*Tarannum al-Quran*" adalah disandarkan kepada hadis Nabi (s.a.w) yang sahih sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Imām al-Bayhaqī, „Abd al-Razzāq dan Ibn Ḥajar al-„Asqalānī dan sekaligus mengukuhkan lagi bahawa tarannum merupakan sunnah Rasulullah (s.a.w).
3. Tarannum al-Quran bermula sejak zaman Rasulullah (s.a.w) dimana Rasulullah (s.a.w) sendiri bertarannum dengan membaca ayat-ayat suci al-Quran

sebagaimana yang digambarkan oleh para sahabat seperti al-Barrā" bin „Āzib (r.a) dan „Abd Allāh bin Mughaffal (r.a).

4. Khilaf di kalangan para ulama tentang hukum bertarannum ketika membaca al-Quran ialah haram atau harus. Para ulama yang bersepakat mengatakan haram membaca al-Quran secara bertarannum kerana bacaan tersebut hanya mementingkan kepada tarannum semata-mata tanpa menjaga ilmu tajwid. Tetapi, jika membaca al-Quran secara bertarannum itu bertujuan untuk mengelakkan suara dan menjaga hukum-hukum tajwid maka diharuskan bahkan menjadi sunnah. Hujah yang paling kuat ialah membaca al-Quran secara bertarannum itu disuruh oleh Nabi (s.a.w). Persoalan tentang hukum tarannum sama ada harus atau haram adalah bergantung kepada pembacaan seseorang itu sendiri.
5. Ilmu Tarannum al-Quran di Malaysia mempunyai manhaj-manhajnya yang tersendiri. Ia terbahagi kepada dua bahagian besar iaitu Tarannum Arab *Hijāzī* dan Tarannum Arab *Miṣrī*. Tarannum yang menjadi masyhur di Malaysia, iaitu *Bayyātī*, *Husaynī*, *Ṣabā*, *Hijāz*, *Nahāwand*, *Rast*, *Sīkāh* dan *Jihārkāh*.
6. Terdapat ramai tokoh-tokoh tarannum yang masyhur dan yang paling berpengaruh di Malaysia ialah Hj. Ahmad Mat Som Pergau, Tan Sri Dato" Hj. Hassan Hj. Azhari dan Datuk Hj. Nik Jaafar Nik Ismail. Dalam masa yang sama mereka juga merupakan pengkagum dan pengikut *ṭarīq* Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl.
7. Shaykh Muṣṭafā Ismā,īl merupakan seorang tokoh yang telah banyak menabur bakti dan memberi sumbangan besar dalam dunia tilawah al-Quran. Sumbangan beliau bukan sahaja di tanah airnya Mesir, malah di seluruh pelosok dunia. Ketokohan beliau dalam bidang tarannum al-Quran telah menjadi *role model* terhadap umat Islam dunia. Beliau ialah Muṣṭafā Muḥammad al-Mursī Ibrāhim

Ismā'īl. Dilahirkan pada 17 Jun 1905 Masihi bersamaan 4 Rabi,ul Akhir 1323 Hijrah di sebuah perkampungan pertanian yang bernama “Mīt Ghazāl” Markaz al-Sanṭah di Wilayah Barat, Ṭanṭā, Mesir dan meninggal dunia pada 23 Disember 1978 Masihi dan telah dikebumikan di kampungnya Mit Ghazāl iaitu di halaman rumah beliau sendiri berhampiran masjid yang dibinanya.

8. Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl mempunyai latar belakang yang berketurunan alim ulama. Beliau dilahirkan dalam sebuah keluarga yang sederhana tetapi sangat dihormati yang dikenali sebagai keluarga “Abū Ismā,īl”. Beliau merupakan anak sulung daripada 8 adik beradik.
9. Beliau telah berkahwin dengan isterinya Faṭimah sewaktu beliau berumur 23 tahun. Hasil pekongsian hidup mereka telah dikurniakan 6 orang cahaya mata, tiga lelaki dan 3 perempuan.
10. Shaykh Muṣṭafā Ismā'īl berguru dengan ramai guru-guru yang berkaliber, berwibawa dan *mutqin* sehingga beliau digelar qari yang hebat. Guru-guru beliau ialah ayah beliau sendiri Shaykh Muḥammad al-Mursī Ibrāhim Ismā'īl, datuk beliau Shaykh al-Mursī Ibrāhim Ismā'īl, Shaykh „Abd al-Rahman Abū al-„Aynayn, Shaykh „Abdullāh Shaḥātah, Shaykh Muḥammad Abū Hasyīsh, Shaykh Idrīs Fākhir, Shaykh Muṣṭafā Murawwaj dan lain-lain.
